BENDERA-BENDERA AL-SUNNAH YANG BERKIBARAN DALAM MENERANGKAN AQIDAH AHLI AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH GOLONGAN TAULADAN
(200 SOAL JAWAB BERKENAAN AQIDAH ISLAM)

OLEH AL-SHAIKH HAFIZ BIN AHMAD AL-HAKAMI

1- Apakah perkara pertama yang wajib dilakukan oleh seseorang hamba?
Pertama sekali, seseorang hamba itu wajib mengetahui tujuan Allah mencipta makhlukNya, mengambil pengakuan mereka, menghantar para rasulNya dan menurunkan kitab-kitabNya kepada mereka. Perkara ini juga merupakan tujuan diciptanya dunia dan akhirat, syurga dan neraka, datangnya hari akhirat, diletakkan alat penghitung amalan dan berterbangannya lembaran-lembaran amalan. Perkara ini juga merupakan sebab kecelakaan atau kesejahteraan dan berdasarkan perkara inilah cahaya Allah diagihkan, sebagaimana firman Allah Ta‘ala (al-Nur 24:40):

﴿ وَمَن لَّمْ يَجْعَلِ ٱللَّهُ لَهُۥ نُورًا فَمَا لَهُۥ مِن نُّورٍ ﴾

Maksudnya: ***Dan barangsiapa yang tiada diberi cahaya (petunjuk) oleh Allah tiadalah dia mempunyai cahaya sedikitpun.***

2- Apakah sebenarnya tujuan Allah mencipta makhlukNya?
Firman Allah Ta‘ala (al-Dukhan 44:38-39):

﴿ وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَٰعِبِينَ ﴿٣٨﴾ مَا خَلَقْنَٰهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya dengan bermain-main. Kami tidak menciptakan keduanya melainkan dengan haq, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.***

Firman Allah Ta‘ala (Sad 38:27):

﴿ وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَٰطِلًا ۚ ذَٰلِكَ ظَنُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya tanpa hikmah. Yang demikian itu adalah anggapan orang-orang kafir.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Jathiah 45:22):

﴿ وَخَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ وَلِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan Allah menciptakan langit dan bumi dengan tujuan yang benar dan agar dibalasi tiap-tiap diri terhadap apa yang dikerjakannya dan mereka tidak akan dirugikan.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Zariyat 51:56):

﴿ وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴾

Maksudnya: ***Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.***

3- Apakah erti ‘abd (hamba)?

a. Perkataan ‘abd (hamba) boleh diertikan sebagai sesuatu yang ditundukkan. Dengan erti ini, perkataan ini merangkumi semua makhluk dari alam atas dan bawah, yang berakal dan tidak, yang basah dan kering, yang bergerak dan tetap, yang jelas dan tersembunyi, yang beriman dan kafir, yang baik dan jahat dan seterusnya. Kesemuanya adalah makhluk ciptaan Allah, dibawah asuhanNya, ditundukkan kepada arahanNya dan ditadbir dengan pentadbiranNya. Setiap satunya mempunyai jalannya yang tersendiri dan juga penghujung. Semuanya bergerak berlandaskan di dalam waktu yang terhad. firman Allah Ta‘ala (Yasin 36:38):

﴿ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴾

Maksudnya: ***Demikianlah ketetapan Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.***

b. Perkataan ‘abd juga boleh diertikan sebagai hamba yang mencintai dan merendah diri. Dengan erti ini, perkataan ini merangkumi orang yang beriman sahaja. Mereka adalah hamba yang dimuliakan, merekalah wali-wali Allah yang bertaqwa. Mereka tidak akan berasa takut mahupun bersedih di kemudian hari.

4- Apakah erti ibadah?

Ibadah ialah satu perkataan yang merangkumi semua yang Allah suka dan redha samada percakapan atau perbuatan yang zahir mahupun batin. Di samping suci daripada perkara yang bercanggahan dan berlawanan dengannya.

5- Bilakah perbuatan itu dikira ibadah?

Sekiranya terdapat di dalamnya dua perkara iaitu cinta dan rendah diri yang sempurna. Firman Allah Ta‘ala (al-Baqarah 2:165):

﴿ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Adapun orang-orang yang beriman, mereka sangat cinta kepada Allah.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Mukminun 23:57):

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ هُم مِّنْ خَشْيَةِ رَبِّهِم مُّشْفِقُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang yang berhati-hati kerana takut akan (azab) Tuhan mereka.***

Allah Ta‘ala telah menyatakan kedua-dua sifat ini dalam firmanNya (al-Anbiya’ 21:90):

﴿ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا خَٰشِعِينَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera dalam (mengerjakan) perbuatan-perbuatan yang baik dan mereka berdoa kepada Kami dengan harap dan cemas (takut). Dan mereka adalah orang-orang yang khusyu' kepada Kami.***

6- Apakah tanda cinta hamba kepada tuhannya?
Tandanya ialah: dia cinta apa yang Allah cinta dan benci apa yang Allah benci lalu melaksanakan perintahNya, menjauhi laranganNya, membantu pembantuNya dan memusuhi musuhNya. Inilah yang dimaksudkan dengan ikatan iman yang terkuat ialah cinta kerana Allah dan benci kerana Allah seperti yang terdapat dalam hadith:
[أوثق عرى الإيمان الموالاة في الله، والمعاداة في الله، والحب في الله، والبغض في الله][1]
Maksudnya: ***"Sekuat-kuat ikatan iman ialah membantu kerana Allah, bermusuhan kerana Allah, cinta kerana Allah dan bernci kerana Allah."***

7- Bagaimanakah caranya hamba dapat mengetahui perkara yang dicintai dan diredhai oleh Allah?
Dia dapat mengetahuinya melalui pengutusan para rasul dan penurunan kitab di mana Allah memerintahkan perkara yang dicintai dan diredhai serta melarang perkara yang dibenci dan disanggah. Perkara ini menegakkan hujah Allah ke atas hambaNya dan menonjolkan hikmatNya yang sempurna. firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:165):

﴿ رُّسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِ ﴾

Maksudnya: ***(Mereka Kami utus) selaku rasul-rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar tidak ada alas an bagi manusia membantah Allah sesudah diutusnya rasul-rasul itu.***

Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:31):

﴿ قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Jika kamu (benar-benar) mancintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihimu dan mengampuni dosa-dosamu". Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang.***

8- Berapakah syarat ibadah?
Tiga iaitu:
1) Keazaman yang kuat. (Syarat wujud ibadah).
2) Niat yang ikhlas.
3) Bersesuaian dengan syariat yang Allah perintahkan supaya Dia disembah dengannya. (Syarat 2&3 adalah dua syarat penerimaan ibadah).

[1] أحمد في المسند (286/4). انظر السلسلة الصحيحة ج2 رقم 998.

9- Apakah erti keazaman yang kuat?
Menolak rasa malas dan tangguh di samping mengerahkan tenaga untuk menjadikan amalan menepati percakapan. Firman Allah Ta‘ala (al-Saf 61:2-3):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ٢ كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu perbuat? Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan.***

10- Apakah erti niat yang ikhlas?
Menjadikan Allah sebagai tujuan hamba dalam melakukan segala percakapan dan amalan yang zahir mahupun batin. Firman Allah Ta‘ala (al-Bayyinah 98:5):

﴿ وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ ﴾

Maksudnya: ***Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan keta’atan kepadaNya dalam menjalankan agama dengan lurus.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Lail 92;19):

﴿ وَمَا لِأَحَدٍ عِندَهُۥ مِن نِّعۡمَةٖ تُجۡزَىٰٓ ١٩ إِلَّا ٱبۡتِغَآءَ وَجۡهِ رَبِّهِ ٱلۡأَعۡلَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Padahal tidak ada seorangpun memberikan suatu ni’mat kepadanya yang harus dibalasnya, tetapi (dia memberikan itu semata-mata) kerana mencari keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Insan 76:9):

﴿ إِنَّمَا نُطۡعِمُكُمۡ لِوَجۡهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمۡ جَزَآءٗ وَلَا شُكُورًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya kami memberi makanan kepadamu hanyalah untuk mengharapkan keredhaan Allah, kami tidak menghendaki balasan dari kamu dan tidak pula ucapan terima kasih.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Syura 42:20):

﴿ مَن كَانَ يُرِيدُ حَرۡثَ ٱلۡأٓخِرَةِ نَزِدۡ لَهُۥ فِي حَرۡثِهِۦۖ وَمَن كَانَ يُرِيدُ حَرۡثَ ٱلدُّنۡيَا نُؤۡتِهِۦ مِنۡهَا وَمَا لَهُۥ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ مِن نَّصِيبٍ ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa yang menghendaki keuntungan di akhirat akan Kami tambah keuntungan itu baginya dan barangsiapa yang menghendaki keuntungan di dunia Kami berikan kepadanya sebahagian dari keuntungan dunia dan tidak ada baginya suatu bahagianpun di akhirat.***

11- Apakah syariat yang Allah perintahkan supaya Dia disembah dengannya?

Agama suci Nabi Ibrahim. Firman Allah Ta‘ala (Ali Imran 3:19):

﴿ إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya agama (yang diredahi) di sisi Allah hanyalah Islam.***

Firman Allah Ta‘ala (Ali Imran 3:83):

﴿ أَفَغَيۡرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبۡغُونَ وَلَهُۥٓ أَسۡلَمَ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعًا وَكَرۡهًا ﴾

Maksudnya: ***Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepadaNyalah berserah diri segala apa yang di langit dan di bumi baik dengan suka mahupun terpaksa.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Baqarah 2:130):

﴿ وَمَن يَرۡغَبُ عَن مِّلَّةِ إِبۡرَٰهِـۧمَ إِلَّا مَن سَفِهَ نَفۡسَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidak ada yang benci kepada agama Ibrahim, melainkan orang yang memperbodoh dirinya sendiri.***

Firman Allah Ta‘ala (Ali Imran 3:85):

﴿ وَمَن يَبۡتَغِ غَيۡرَ ٱلۡإِسۡلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقۡبَلَ مِنۡهُ وَهُوَ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ مِنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Syura 42:21):

﴿ أَمۡ لَهُمۡ شُرَكَٰٓؤُاْ شَرَعُواْ لَهُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا لَمۡ يَأۡذَنۢ بِهِ ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Apakah mereka mempunyai sembahan-sembahan selain Allah yang mensyariatkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan Allah?***

12- Berapakah peringkat agama Islam?
Tiga peringkat iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Setiap satu merangkumi yang lain sekiranya disebut berasingan.

13- Apakah erti Islam?
Islam ialah: menyerah diri kepada Allah dengan mentauhidkanNya, merendahkan diri kepadaNya dengan penuh taat dan menyucikan diri daripada mensyirikkanNya. Firman Allah Ta‘ala (al-Nisa’ 4:125):

﴿ وَمَنۡ أَحۡسَنُ دِينًا مِّمَّنۡ أَسۡلَمَ وَجۡهَهُۥ لِلَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Dan siapakah yang lebih baik agamanya daripada orang yang ikhlas menyerahkan dirinya kepada Allah.***

Firman Allah Ta‘ala (Luqman 31:22):

﴿ وَمَن يُسۡلِمۡ وَجۡهَهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ وَهُوَ مُحۡسِنٞ فَقَدِ ٱسۡتَمۡسَكَ بِٱلۡعُرۡوَةِ ٱلۡوُثۡقَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Dan barangsiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang dia orang yang berbuat kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang kukuh.***

Firman Allah Ta'ala (al-Haj 22:34):

﴿ فَإِلَـٰهُكُمْ إِلَـٰهٌ وَٰحِدٌ فَلَهُۥٓ أَسْلِمُواْ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُخْبِتِينَ ﴾

Maksudnya: ***Maka Tuhanmu ialah Tuhan Yang Maha Esa, kerana itu berserah dirilah kamu kepadaNya. Dan berilah kabar gembira kepada orang-orang yang tunduk patuh kepada Allah.***

14- Apakah dalil yang menunjukkan Islam merangkumi seluruh agama sekiranya disebut berasingan?
Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:19):

﴿ إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَـٰمُ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam.***

Sabda Rasulullah ρ :

[بدأ الإسلام غريبا وسيعود كما بدأ غريبا] [2]

Maksudnya: ***"Islam bermula ganjil dan Islam akan kembali ganjil sebagaimana ia bermula."***

Sabda Rasulullah ρ :

[أفضل الإسلام أيمان بالله] [3]

Maksudnya: ***"Sebaik-baik Islam ialah beriman dengan Allah."***

15- Apakah dalil yang menunjukkan Islam merujuk kepada rukun yang lima secara terperinci?
Sabda Rasulullah ρ dalam menjawab soalan Jibril υ:

[الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله صلى الله عليه وسلم وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البيت إن استطعت إليه سبيلا] [4]

Maksudnya: ***"Islam ialah kamu mengucap Aku naik saksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah, kamu mendirikan solat, membayar zakat, puasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji di Ka'bah sekiranya mampu."***

Sabda Rasulullah ρ :

[بني الإسلام على خمس شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة والحج وصوم رمضان] [5]

Maksudnya: ***"Islam dibina atas lima landasan mengucap Aku naik saksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah, kamu mendirikan solat, membayar zakat,***

---

[2] مسلم ك الإيمان ب بيان أن الإسلام بدأ غريبا وسيعود غريبا رقم 208.

[3] أحمد (4:114). السلسلة الصحيحة ج2 رقم551.

[4] مسلم ك الإيمان ب الإسلام والإيمان والإحسان رقم 9.

[5] البخاري ك الإيمان ب بني الإسلام على خمس رقم 7. مسلم ك الإيمان ب بيان أرمان الإسلام ودعائمه العظام رقم 21.

menunaikan haji di Ka'bah sekiranya mampu dan puasa di bulan Ramadhan."

16- Apakah kedudukan dua kalimah syahadah di dalam Islam?
Hamba tidak akan masuk agama Islam kecuali dengan dua kalimah ini. firman Allah Ta'ala (al-Nur 24:62):

﴿ إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya yang sebenar-benar orang mukmin ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya.***

Sabda Rasulullah ρ :
[أمرت أن أقاتل الناس حتى يشهدوا أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله ويقيموا الصلاة ويؤتوا الزكاة فإذا فعلوا ذلك عصموا مني دماءهم وأموالهم إلا بحق الإسلام وحسابهم على الله] [6]

Maksudnya: ***"Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehinggalah mereka naik saksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad adalah hamba dan pesuruh Allah."***

17- Apakah dalil syahadah (kesaksian) bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah?
Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:18):

﴿ شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْعِلْمِ قَآئِمًۢا بِٱلْقِسْطِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴾

Maksudnya: ***Allah menyatakan bahawasanya tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang menegakkan keadilan. Para malaikat dan orang-orang yang berilmu (juga menyatakan demikian itu). Tidak ada tuhan (yang berhak disembah) malainkan Dia, Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.***

Firman Allah Ta'ala (Muhammad 47:19):

﴿ فَٱعْلَمْ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan (Yang Hak) melainkan Allah.***

Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:62):

﴿ وَمَا مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّا ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidak ada tuhan (yang berhak disembah) selain Allah.***

Firman Allah Ta'ala (al-Mukminun 23:91):

﴿ مَا ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ مِن وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُۥ مِنْ إِلَٰهٍ ﴾

---

[6] البخاري ك الإيمان ب فإن تابوا وأقاموا الصلاة... رقم 24

Maksudnya: ***Allah sekali-kali tidak mempunyai anak, dan sekali-kali tidak ada tuhan (yang lain) besertaNya.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Isra’ 17:42):

﴿ قُل لَّوۡ كَانَ مَعَهُۥٓ ءَالِهَةٞ كَمَا يَقُولُونَ إِذٗا لَّٱبۡتَغَوۡاْ إِلَىٰ ذِي ٱلۡعَرۡشِ سَبِيلٗا ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Jikalau ada tuhan-tuhan di sampingNya, sebagaimana yang mereka katakana necaya tuhan-tuhan itu mencari jalan kepada Tuhan yang mempunyai ‘Arsy."***

18- Apakah erti syahadah (kesaksian) bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah?
Ertinya: menolak hak ibadah daripada yang selain Allah dan menetapkan hak itu untuk Allah sahja tanpa menyengutukanNya dalam ibadah sebagaimana tiada sekutu bagiNya dalam kerajaanNya. Firman Allah Ta‘ala (al-Haj 22:62):

﴿ ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦ هُوَ ٱلۡبَٰطِلُ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡكَبِيرُ ﴾

Maksudnya: ***(Kuasa Allah) yang demikian itu, adalah kerana sesungguhnya Allah, Dialah (Tuhan) Yang Haq dan sesungguhnya apa saja yang mereka seru selain Allah itulah yang batil, dan sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.***

19- Apakah syarat-syarat yang mesti dimiliki oleh hamba dalam syahadah (kesaksian) bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah?
Tujuh syarat:
1) Mempunyai ilmu tentang ertinya samada penetapan mahupun penolakan.
2) Hati yang yakin dengannya.
3) Patuh/taat kepadanya zahir dan batin.
4) Menerimanya dan tidak menolak tuntutan dan kemestiannya.
5) Niat yang ikhlas / suci.
6) Kejujuran / membenarkannya dengan hati dan bukannya dengan lidah sahaja.
7) Cinta kepadanya dan cinta kepada orang yang mendukungnya serta membantu dan memusuhi berdasarkan syahadah ini.

20- Apakah dalil syarat ILMU daripada al-Quran dan al-Sunnah?
Firman Allah Ta‘ala (al-Zukhruf 43:86):

﴿ إِلَّا مَن شَهِدَ بِٱلۡحَقِّ وَهُمۡ يَعۡلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Akan tetapi (orang yang dapat memberi syafa’at ialah) orang yang mengakui yang hak (tauhid) dalam keadaan mereka mengetahui.***

Sabda Rasulullah ρ :

[من مات وهو يعلم أنه لا إله إلا الله دخل الجنة] [7]

Maksudnya: ***"Siapa yang mati dalam keadaan dia mengetahui bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, dia akan masuk syurga."***

21- Apakah dalil syarat YAKIN daripada al-Quran dan al-Sunnah?
Firman Allah Ta'ala (al-Hujurat 49:15):

﴿ إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُواْ وَجَٰهَدُواْ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.***

Sabda Rasulullah ρ :

[أشهد أن لا إله إلا الله وأني رسول الله لا يلقى الله بهما عبد غير شاك فيهما إلا دخل الجنة] [8]

Maksudnya: ***"Aku naik saksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan aku adalah pesuruh Allah. Sesiapa yang menemui Allah dengan dua kesaksian ini tanpa sebarang keraguan, dia akan masuk syurga."***

Sabda Rasulullah ρ kepada Abu Hurairah:

[فمن لقيت من وراء هذا الحائط يشهد أن لا إله إلا الله مستيقنا بها قلبه فبشره بالجنة] [9]

Maksudnya: ***"Sesiapa yang kamu jumpa di belakang dinding ini, yang naik saksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dengan hati yang penuh yakin, berilah berita gembira bahawa dia akan masuk syurga."***

22- Apakah dalil syarat PATUH/TAAT daripada al-Quran dan al-Sunnah?
Firman Allah Ta'ala (Luqman 31:22):

﴿ وَمَن يُسْلِمْ وَجْهَهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Dan barangsiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang dia orang yang berbuat kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang kukuh.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa 4:65):

﴿ فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُواْ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ﴾

---

[7] مسلم ك الإيمان ب الدليل على من مات على التوحيد دخل الجنة رقم 37.
[8] مسلم ك الإيمان ب الدليل على من مات على التوحيد دخل الجنة رقم 39.
[9] مسلم ك الإيمان ب الدليل على من مات على التوحيد دخل الجنة رقم 46.

Maksudnya: ***Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Ahzab 33:36):

﴿ وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴾

Maksudnya: ***Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mu'min dan tidak (pula) bagi perempuan yang mu'min, apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barangsiapa menderhakai Allah dan RasulNya maka sungguhlah dia telah sesat, sesat yang nyata.***

23- Apakah dalil syarat PENERIMAAN daripada al-Quran dan al-Sunnah?
Firman Allah Ta'ala (al-Saffat 37:22-36):

﴿ ٱحْشُرُوا۟ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ وَأَزْوَٰجَهُمْ وَمَا كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ﴾ إلى قوله ﴿ إِنَّهُمْ كَانُوٓا۟ إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٣٥﴾ وَيَقُولُونَ أَئِنَّا لَتَارِكُوٓا۟ ءَالِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴾

Maksudnya: ***"Kumpulkan orang-orang yang zalim beserta teman sejawat mereka dan sembahan-sembahan yang selalu mereka sembah" … Sesungguhnya mereka dahulu apabila dikatakan kepada mereka "Laa ilaaha illallah" (Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah) mereka menyombongkan diri. Dan mereka berkata "Apakah sesungguhnya kami harus meninggalkan sembahan-sembahan kami kerana seorang penyair gila?"***

Sabda Rasulullah ρ :

[مثل ما بعثني الله به من الهدى والعلم كمثل الغيث الكثير أصاب أرضا فكان منها نقية قبلت الماء فأنبتت الكلأ والعشب الكثير وكانت منها أجادب أمسكت الماء فنفع الله بها الناس فشربوا وسقوا وزرعوا وأصابت منها طائفة أخرى إنما هي قيعان لا تمسك ماء ولا تنبت كلأ فذلك مثل من فقه في دين الله ونفعه ما بعثني الله به فعلم وعلم ومثل من لم يرفع بذلك رأسا ولم يقبل هدى الله الذي أرسلت به] [10]

Maksudnya: ***"Perumpamaan bagi hidayat dan ilmu yang Allah utuskanku dengannya ialah seperti hujan lebat yang turun di satu tanah, sebahagiannya subur, menerima air dan mengeluarkan hasil tanaman yang banyak. Sebahagiannya pula kalis air dan menampung air, lalu Allah memberi manfaat tanah ini kepada manusia di mana mereka dapat minum menyiram dan bercucuk tanam. Hujan itu turun juga di satu tanah yang tandus; tidak menampung air mahupun mengeluarkan tanaman. Itulah perumpamaan bagi mereka yang memahami agama Allah dan mendapat manfaat daripada apa yang aku bawa lalu dia mendapat ilmu dan menyamapaikan ilmu, dan perupamaan bagi mereka***

---

[10] البخاري ك العلم ب فضل من علم وعلم رقم 77.

yang tidak menghiraukannya langsung dan tidak pula menerima hidayat Allah yang diutuskan kepadaku."

24- Apakah dalil syarat IKHLAS daripada al-Quran dan al-Sunnah?
Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:3):

﴿ أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلْخَالِصُ ﴾

Maksudnya: ***Ingatlah, hanya kepunyaan Allah lah agama yang bersih (dari syirik).***

Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:2):

﴿ فَٱعْبُدِ ٱللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴾

Maksudnya: ***Maka sembahlah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya.***

Sabda Rasulullah ρ :
[أسعد الناس بشفاعتي يوم القيامة من قال لا إله إلا الله خالصا من قلبه أو نفسه] [11]
Maksudnya: ***"Orang yang paling beruntung dengan syafaatku ialah orang yang menyebut tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dengan penuh ikhlas dari hatinya."***

Sabda Rasulullah ρ :
[فإن الله قد حرم على النار من قال لا إله إلا الله يبتغي بذلك وجه الله] [12]
Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah Ta'ala mengharamkan neraka dari membakar orang yang menyebut tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, semata-mata kerana Allah."***

25- Apakah dalil syarat PEMBENARAN / KEJUJURAN daripada al-Quran dan al-Sunnah?
Firman Allah Ta'ala (al-Ankabut 29:1-3):

﴿ الٓمٓ ۝ أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتْرَكُوٓا۟ أَن يَقُولُوٓا۟ ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ۝ وَلَقَدْ فَتَنَّا ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَلَيَعْلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَلَيَعْلَمَنَّ ٱلْكَـٰذِبِينَ ﴾ إلى آخر الآيات.

Maksudnya: ***Alif laam miim. Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan apabila mereka mengatakan "Kami telah beriman" sedang mereka tidak diuji lagi? Sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta.***

Sabda Rasulullah ρ :
[ما من أحد يشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله صدقا من قلبه إلا حرمه الله على النار] [13]

---

[11] البخاري ك العلم ب الحرص على الحديث رقم 97.
[12] البخاري ك الصلاة ب المساجد في البيوت رقم 407.
[13] البخاري ك العلم ب من خص بالعلم قوما دون قوم كراهية أن لا يفهموا رقم 125.

Maksudnya: ***"Orang yang naik saksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah dengan membenarkan dari hatinya, Allah akan mengharamkan neraka dari membakarnya."***

Sabda Rasulullah ρ berkenaan lelaki badawi yang mengatakan dia tidak akan menambah atau mengurangi amalan syariat yang telah diajar oleh Rasulullah ρ :

[أفلح إن صدق] [14]

Maksudnya: ***"Dia berjaya sekiranya dia benar."***

26- Apakah dalil syarat CINTA daripada al-Quran dan al-Sunnah?
Firman Allah Ta'ala (al-Maidah 5:54):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَن يَرۡتَدَّ مِنكُمۡ عَن دِينِهِۦ فَسَوۡفَ يَأۡتِي ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ يُحِبُّهُمۡ وَيُحِبُّونَهُۥٓ ﴾

Maksudnya: ***Hai orang-orang yang beriman, barangsiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan merekapun mencintaiNya.***

Sabda Rasulullah ρ :
[ثلاث من كن فيه وجد بهن حلاوة الإيمان من كان الله ورسوله أحب إليه مما سواهما وأن يحب المرء لا يحبه إلا لله وأن يكره أن يعود في الكفر بعد أن أنقذه الله منه كما يكره أن يقذف في النار] [15]

Maksudnya: ***"Tiga perkara, sekiranya terdapat dalam jiwa seseorang, dia akan dapat merasai kemanisan iman iaitu; dia mencintai Allah dan RasulNya melebihi selain mereka berdua, dia mencintai orang lain semata-mata kerana Allah dan dia benci untuk kembali kepada kekufuran selepas dia diselamatkan Allah daripadanya sebgaimana dia benci untuk dilemparkan ke dalam api / nereka."***

27- Apakah dalil syarat MEMBANTU dan MEMUSUHI kerana Allah?
Firman Allah Ta'ala (al-Maidah 5:51-55):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلۡيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوۡلِيَآءَۘ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡ ﴾ إلى قوله ﴿ إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ﴾ إلى آخر الآيات.

Maksudnya: ***Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi pemimpin-pemimpinmu; sebahagian mereka adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain. Barangsiapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka . . . Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, RasulNya, dan orang-orang yang beriman yang mendirikan shalat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk (kepada Allah).***

---

[14] البخاري ك الإيمان ب الزكاة من الإسلام رقم 44.

[15] مسلم ك الإيمان ب بيان خصال من أنصف بهن وجد حلاوة الإيمان رقم 60.

Firman Allah Ta‘ala (al-Taubah 9:23-24):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُوٓاْ ءَابَآءَكُمۡ وَإِخۡوَٰنَكُمۡ أَوۡلِيَآءَ إِنِ ٱسۡتَحَبُّواْ ٱلۡكُفۡرَ عَلَى ٱلۡإِيمَٰنِۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾ قُلۡ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمۡ وَأَبۡنَآؤُكُمۡ وَإِخۡوَٰنُكُمۡ وَأَزۡوَٰجُكُمۡ وَعَشِيرَتُكُمۡ وَأَمۡوَٰلٌ ٱقۡتَرَفۡتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٞ تَخۡشَوۡنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرۡضَوۡنَهَآ أَحَبَّ إِلَيۡكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٖ فِي سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُواْ حَتَّىٰ يَأۡتِيَ ٱللَّهُ بِأَمۡرِهِۦۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ﴾

Maksudnya: ***Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu jadikan bap-bapa dan saudara-saudara kamu pemimpin-pemimpin kamu, jika mereka lebih mengutamakan kekafiran atas keimanan dan siapa di antara kamu yang menjadikan mereka pemimpin-pemimpin kamu, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.***
Katakanlah "Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai; adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan RasulNya dan (dari) berjihad di jalanNya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusanNya." Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang fasik.

Firman Allah Ta‘ala (al-Mujadilah 58:22):

﴿ لَّا تَجِدُ قَوۡمٗا يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ يُوَآدُّونَ مَنۡ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ ﴾ الآية.

Maksudnya: ***Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih saying dengan orang-orang yang menentang Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang itu bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara atau keluarga mereka.***

Firman Allah Ta‘ala (al-Mumtahanah 60:1):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمۡ أَوۡلِيَآءَ ﴾ إلى آخر السورة.

Maksudnya: ***Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuhmu menjadi teman-teman setia.***

28- Apakah dalil kesaksian bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah ρ?
Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:164):

﴿ لَقَدۡ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ إِذۡ بَعَثَ فِيهِمۡ رَسُولٗا مِّنۡ أَنفُسِهِمۡ يَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمۡ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَإِن كَانُواْ مِن قَبۡلُ لَفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾ ﴾

Maksudnya: ***Sungguh Allah telah memberi kurnia kepada orang-orang yang beriman ketika Allah mengutus di antara mereka seorang rasul dari golongan mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat***

Allah, membersihkan (jiwa) mereka, dan mengajarkan kepada mereka al-Kitab dan al-Hikmah. Dan sesungguhnya sebelum (kedatangan Nabi) itu, mereka adalah benar-benar dalam kesesatan yang nyata.

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:128):

﴿ لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamtan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin.***

Firman Allah Ta'ala (al-Munafiqun 63:1):

﴿ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُۥ ﴾

29- Apakah maksud kesaksian bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah ρ?
Kesaksian ini membawa erti pembenaran yang jitu dari dalam hati, yang selari dengan pertuturan lidah bahawa Muhammad adalah hamba dan pesuruh Allah yang dihantar kepada semua manusia dan jin. Firman Allah Ta'ala (al-Ahzab 33:45-46):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ شَٰهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى ٱللَّهِ بِإِذْنِهِۦ وَسِرَاجًا مُّنِيرًا ﴿٤٦﴾ ﴾

Maksudnya: ***Hai Nabi, sesungguhnya Kami mengutuskanmu untuk menjadi saksi, dan pembawa kabar gembira dan pemberi peringatan. Dan untuk menjadi penyeru kepada agama Allah dengan izinNya dan untuk menjadi cahaya yang menerangi.***

Ini bererti wajib membenarkan baginda dalam semua berita silam dan mendatang yang disampaikannya. Juga wajib membenarkannya dalam semua perkara yang dihukum halal atau haram olehnya, wajib mengikut perintahnya dan meninggalkan larangannya, wajib berpegang kepada sunnahnya secara sembunyi atau terang dengan penuh redha dan menyerah diri terhadap hukumnya. Ketaatan terhadapnya adalah ketaatan terhadap Allah dan mengingkarinya adalah mengingkari Allah kerana baginda adalah penyampai utusan Allah.

Allah telah menarik nyawanya selepas agama ini sempurna dan selesai disampaikan oleh baginda. Baginda meminggalkan umatnya di atas satu landasan yang terang benderang baik di waktu malam mahupun di waktu siang. Sesiapa yang meninggalkan landasan ini akan binasa.

30- Apakah syarat kesaksian bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah ρ , dan adakah kesaksian pertama diteriama tanpa kesaksian ini?

Kami telah pun menjelaskan bahawa seseorang hamba itu tidak dikira menganut agama Islam kecuali dengan menyebut dua kalimah syahadah (kesaksian) ini. Kedua-duanya adalah penting. Syarat kesaksian kedua ini adalah sama dengan syarat kesaksian yang pertama.

31- Apakah dalil bagi Solat dan Zakat?
Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:5):

﴿ فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّواْ سَبِيلَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴾

Maksudnya: ***Jika mereka bertaubat dan mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka untuk berjalan. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:11):

﴿ فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَإِخۡوَٰنُكُمۡ فِي ٱلدِّينِ ﴾

Maksudnya: ***Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka (mereka itu) adalah saudara-saudaramu seagama.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baiyinah 98:5):

﴿ وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُواْ ٱلزَّكَوٰةَۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلۡقَيِّمَةِ ﴾

Maksudnya: ***Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan keta'atan kepadaNya dalam (menjalankan) agama dengan lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat; dan yang demikian itulah agama yang lurus.***

32- Apakah dalil puasa?
Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:183):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُتِبَ عَلَيۡكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ﴾

Maksudnya: ***Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:185):

﴿ فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهۡرَ فَلۡيَصُمۡهُ ﴾

Maksudnya: ***Kerana itu, barangsiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka handaklah ia berpuasa pada bulan itu.***

Hadith berkenaan soalan seorang lelaki badawi tentang puasa yang Allah fardukan ke atasnya. Jawab baginda:

وَصِيَامُ رَمَضَانَ (قَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ قَالَ لَا) إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ [16]

Maksudnya: ***"Bulan Ramadan, kecualilah jika engkau ingin berpuasa sunat."***

33- Apakah dalil haji?
Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:196):

﴿ وَأَتِمُّواْ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.***

Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:97):

﴿ وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلاً ﴾

Maksudnya: ***Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu bagi orang yang mampu mengadakan perjalanan ke Baitullah.***

Sabda Rasulullah ρ :

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى كَتَبَ عَلَيْكُمْ الْحَجَّ. [17]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah Ta'ala mewajibkan haji ke atas kamu."***

Sabda Rasulullah ρ :

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ. [18]

Maksudnya: ***"Islam dibina di atas lima rukun…"***

34- Apakah hukumnya bagi orang yang mengingkari salah satu daripada empat rukun tadi, atau bagi orang yang menerimanya tetapi tidak melakukannya kerana takabbur?
Hukumannya ialah bunuh kerana dia telah jatuh kafir, kekufurannya sama seperti golongan yang mengingkari dan menolak kerana takabbur seperti Iblis dan Firaun.

35- Apakah hukumnya bagi orang yang menerimanya kemudian meninggalkannya kerana malas atau mempunyai tafsiran sendiri?
Berkenaan dengan solat, sesiapa yang melewatkannya dari waktunya (dengan sifat ini) dia diminta supaya bertaubat, sekiranya dia enggan, hukumannya ialah bunuh berdasarkan hudud. Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:5):

﴿ فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّواْ سَبِيلَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Jika mereka bertaubat dan mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka untuk berjalan. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.***

---

[16] البخاري ك الإيمان ب الزكاة من الإسلام رقم 44.
[17] النسائي ك مناسك الحج ب وجوب الحج رقم 2573.
[18] البخاري ك الإيمان ب بني الإسلام على خمس رقم 7.

Sabda Rasulullah ρ :

أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ.[19]

Maksudnya: ***"Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehinggalah mereka naik saksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat …"***

Berkenaan dengan zakat, sekiranya orang yang enggan membayarnya tidak mempunyai kekuatan, pemerintah hendaklah mengambil zakat darinya secara keras dan mendendanya dengan merampas sedikit hartanya. Sabda Rasulullah ρ :

وَمَنْ مَنَعَهَا فَإِنَّا آخِذُوهَا مِنْهُ وَشَطْرَ مَالِهِ [20]

Maksudnya: ***"Dan sesiapa yang enggan membayar zakat, kami akan mengambilnya bersama sebahagian hartanya sekali."***

Sekiranya mereka mempunyai kekuatan, pemerintah wajib memerangi mereka sehinggalah mereka membayarnya. Ini berdasarkan ayat-ayat dan hadith-hadith tadi di samping amalan Abu Bakar dan para sahabat τ .

Berkenaan dengan puasa, tiada dalil tentang hukuman orang yang meninggalkan. Akan tetapi pemerintah berhak menghukumnya supaya dia dan orang-orang sepertinya mengambil pengajaran.

Berkenaan haji, seluruh umur seseorang hamab adalah waktu untuk perlaksanaannya sehinggalah sampai ajalnya. Wajib baginya untuk melaksanakannya secepat mungkin. Ada ancaman di akhirat bagi orang yang mempermudahkannya, akan tetapi tiada hukuman khas di atas muka bumi ini.

36- Apakah yang dimaksudkan dengan Iman?

Iman ialah sebutan dan amalan;

a- Sebutan hati dan lidah,

b- Amalan hati, lidah dan anggota badan.

Iman bertambah dan dengan ketaatan dan berkurangan dengan maksiat. Peringkat orang-orang yang beriman berbeza-beza.

37- Apakah dalil bahawa Iman itu sebutan dan amalan?

Firman Allah Ta'ala (al-Hujurat 49:7):

﴿ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ ٱلْإِيمَٰنَ وَزَيَّنَهُۥ فِي قُلُوبِكُمْ ﴾

---

[19] البخاري ك الإيمان ب فإن تابوا وأقاموا الصلاة وآتوا الزكاة رقم 24.

[20] رواه أحمد ك أول مسند البصريين ب حديث معاوية بن حيدة عن النبي ρ رقم 19186، والنسائي ك الزكاة ب سقوط الزكاة عن الإبل إذا كان رسلا لأهلها رقم 2406.

Maksudnya: ***Tetapi Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hatimu.***
Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:158):

﴿ فَـَٔامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ﴾

Maksudnya: ***Maka berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya.***

Ayat ini membawa maksud dua kalimah syahadah yang mana seseorang hamba itu hanya dikira menganut agama Islam dengan menyebutnya. Kesaksian ini terdiri daripada amalan hati dengan mempercayai dan amalan lidah dengan menuturkannya. Kesaksian ini tidak berguna kecuali jika diiringi dengan kedua-dua perkara ini.

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:143):

﴿ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَـٰنَكُمْ ﴾

Maksudnya: ***dan Allah tidak akan mensia-siakan imanmu.***

Ayat ini menjelaskan bahawa iman yang dimaksudkan ialah solat kamu ke Baitul Maqdis sebelum pertukaran kiblat. Dalam ayat ini solat dinamakan iman, dan solat merangkumi amalan hati, lidah dan anggota badan.

Nabi ρ juga telah menerangkan bahawa jihad, bangun malam al-Qadr, puasa Ramadan dan bangun malam Ramadan, menunaikan solat lima waktu dan lain-lainnya sebagai Iman. Baginda ρ juga, apabila ditanya:

أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ قَالَ إِيمَانٌ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ... [21]

Maksudnya: ***Amalan apakah yang terbaik? Baginda menjawab "Beriman dengan Allah dan rasulNya."***

38- Apakah dalil bahawa Iman bertambah dan berkurangan?
Firman Allah Ta'ala (al-Fath 48:4):

﴿ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ فِى قُلُوبِ ٱلْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوٓاْ إِيمَـٰنًا مَّعَ إِيمَـٰنِهِمْ ۗ وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴾

Maksudnya: ***Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mu'min supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka (yang telah ada). Dan kepunyaan Allah-lah tentera langit dna bumi dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:13):

﴿ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُواْ بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَـٰهُمْ هُدًى ﴾

[21] البخاري ك الحج ب فضل الحج المبرور رقم 1422.

Maksudnya: ***Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk.***

Firman Allah Ta'ala (Maryam 19:76):

﴿ وَيَزِيدُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱهۡتَدَوۡاْ هُدًى ﴾

Maksudnya: ***Dan Allah akan menambah petunjuk kepada mereka yang telah mendapat petunjuk.***

Firman Allah Ta'ala (Muhammad 47:17):

﴿ وَٱلَّذِينَ ٱهۡتَدَوۡاْ زَادَهُمۡ هُدًى وَءَاتَىٰهُمۡ تَقۡوَىٰهُمۡ ﴾

Maksudnya: ***Dan orang-orang yang mendapat petunjuk Allah menambah petunjuk kepada mereka dan memberikan kepada mereka (balasan) ketakwaan mereka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Muddaththir 74:31):

﴿ وَيَزۡدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِيمَـٰنًا ﴾

Maksudnya: ***Dan supaya orang yang beriman bertambah imannya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:124):

﴿ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَزَادَتۡهُمۡ إِيمَـٰنًا وَهُمۡ يَسۡتَبۡشِرُونَ ﴾

Maksudnya: ***Adapun orang-orang yang beriman, maka surah ini menambah iman mereka sedang mereka merasa gembira.***

Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:173):

﴿ فَٱخۡشَوۡهُمۡ فَزَادَهُمۡ إِيمَـٰنًا وَقَالُواْ حَسۡبُنَا ٱللَّهُ وَنِعۡمَ ٱلۡوَكِيلُ ﴾

Maksudnya: ***"Kerana itu takutlah mereka" maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab "Cukuplah Allah menjadi Penolong***
Firman Allah Ta'ala (alAhzab 33:22):

﴿ وَمَا زَادَهُمۡ إِلَّآ إِيمَـٰنًا وَتَسۡلِيمًا ﴾

Maksudnya: ***Dan yang demikian itu tidaklah menambah kepada mereka kecuali iman dan ketundukan/penerimaan.***

Sabda Rasulullah ρ :
وَالَّذي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنْ لَوْ تَدُومُونَ عَلَى مَا تَكُونُونَ عِنْدي وَفِي الذِّكْرِ لَصَافَحَتْكُمْ الْمَلَائِكَةُ عَلَى فُرُشِكُمْ وَفِي طُرُقِكُمْ وَلَكِنْ يَا حَنْظَلَةُ سَاعَةً وَسَاعَةً ثَلَاثَ مَرَّاتٍ. [22]

[22] رواه مسلم ك التوبة ب فضل دوام الذكر والفكر في أمور الآخرة رقم 4937.

Maksudnya: ***"Sekiranya semua keadaan kamu sasma seperti keadaan kamu di sisiku pasti malaikat akan bersalaman dengan kamu, akan tetapi, wahai Hanzalah, dari semasa ke semasa (tiga kali)."***

39- Apakah dalil bahawa ahli Iman berbeza dalm keimanan mereka?

Firman Allah Ta'ala (al-Waqi'ah 56:10-27):

﴿ وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ ﴿١٠﴾ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴾ إلى قوله تعالى ﴿ وَأَصْحَٰبُ ٱلْيَمِينِ مَآ أَصْحَٰبُ ٱلْيَمِينِ ﴾

Maksudnya: ***Dan orang-orang yang paling dahulu beriman, merekalah yang paling dahulu (masuk syurga). Mereka itulah orang yang didekatkan (kepada Allah) …Dan golongan kanan, alangkah bahagianya golongan kanan itu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Waqi'ah 56:88-91):

﴿ فَأَمَّآ إِن كَانَ مِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿٨٨﴾ فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتُ نَعِيمٍ ﴿٨٩﴾ وَأَمَّآ إِن كَانَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلْيَمِينِ ﴿٩٠﴾ فَسَلَٰمٌ لَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلْيَمِينِ ﴾

Maksudnya: ***Adapun jika dia (orang yang mati) termasuk orang yang didekatkan (kepada Allah), maka dia memperoleh ketenteraman dan rezeki serta syurga kenikmatan. Dan adapun jika dia termasuk golongan kanan, maka keselamatan bagimu kerana kamu dari golongan kanan.***

Firman Allah Ta'ala (Fatir 35:32):

﴿ ثُمَّ أَوْرَثْنَا ٱلْكِتَٰبَ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا ۖ فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ وَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌۢ بِٱلْخَيْرَٰتِ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَضْلُ ٱلْكَبِيرُ ﴾

Maksudnya: ***Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang Kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan di antara mereka ada pula yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar.***

Sabda Rasulullah ρ dalam hadith syafaat:

[فيقول الله تعالى اذهبوا فمن وجدتم في قلبه مثقال دينار من إيمان فأخرجوه ... فيقول اذهبوا فمن وجدتم في قلبه مثقال نصف دينار فأخرجوه ... فيقول اذهبوا فمن وجدتم في قلبه مثقال ذرة من إيمان فأخرجوه فيخرجون من عرفوا][23]

Maksudnya: ***"Maka Allah berkata 'Pergilah dan keluarkanlah siapa yang terdapat di dalam hatinya seberat dinar keimanan' … Maka Allah berkata***

[23] البخاري ك التوحيد ب قول الله تعالى وجوه يومئذ ناضرة إلى ربها ناظرة رقم 6886.

'Pergilah dan keluarkanlah siapa yang terdapat di dalam hatinya seberat setengah dinar keimanan'…"

Dalam riwayat lain:

[يخرج من النار من قال لا إله إلا الله وفي قلبه وزن شعيرة من خير ويخرج من النار من قال لا إله إلا الله وفي قلبه وزن برة من خير ويخرج من النار من قال لا إله إلا الله وفي قلبه وزن ذرة من خير][24]

Maksudnya: ***"Akan keluar daripada neraka orang yang menyebut 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah' dan terdapat di dalam hatinya kebaikan seberat biji malt, seterusnya akan keluar daripada neraka orang yang menyebut 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah' dan terdapat di dalam hatinya kebaikan seberat biji gandum, seterusnya keluar daripada neraka orang yang menyebut 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah' dan terdapat di dalam hatinya kebaikan seberat biji jagung."***

40- Apakah dalil bahawa Iman merangkumi seluruh agama apabila dinyatakan bersendirian?

Sabda Rasulullah ρ dalam hadith rombongan Abdu Qais:

أمرهم بالإيمان بالله وحده قال [أتدرون ما الإيمان بالله وحده قالوا الله ورسوله أعلم قـــال شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة وصيام رمضـــان وأن تعطوا من المغنم الخمس][25]

Maksudnya: ***Baginda memerintahkan mereka semua supaya beriman dengan Allah yang Esa. Katanya "Tahukah kamu apa itu beriman dengan Allah yang Esa?" Jawab mereka 'Allah dan RasulNya lebih mengetahui.' Sabda Baginda "Kesaksian bahawa 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah', mendirikan solat, menunaikan zakat dan menunaikan seperlima harta rampasn perang."***

41- Apakah dalil bahawa Iman itu merujuk kepada rukun Iman yang enam secara khusus?

Sabda Rasulullah ρ semasa menjawab soalan Jibril:

قال فأخبرني عن الإيمان قال [أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر وتـــؤمن بالقدر خيره وشره][26]

Maksudnya: ***'Beritahu saya tentang Iman.' Sabda baginda "Bahawa kamu beriman dengan Allah, malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari akhirat dan beriman dengan ketentuan baik dan buruk."***

---

[24] رواه البخاري ك الإيمان ب زيادة الإيمان ونقصانه رقم 42

[25] البخاري ك الإيمان ب أداء الخمس من الإيمان رقم 51.

[26] البخاري ك الإيمان ب بيان الإسلام والإيمان والإحسان رقم 9.

42- Apakah dalilnya daripada al-Quran ?

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:177):

﴿ لَّيْسَ ٱلْبِرَّ أَن تُوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلْكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ ﴾

Maksudnya: ***Bukanlah menghadapkan wajahmu kea rah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab dan nabi-nabi.***

Firman Allah Ta'ala (al-Qamar 54:49):

﴿ إِنَّا كُلَّ شَىْءٍ خَلَقْنَٰهُ بِقَدَرٍ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran.***

43- Apakah maksud beriman dengan Allah ‘Azza wa Jalla?

Beriman dengan Allah ialah pembenaran yang jitu dari dalam hati tentang kewujudan zat Allah yang mana dia adalah al-Awwal (Yang Terdahulu) tiada sebelumNya sesuatu, al-Aakhir (Yang Terkemudian) tiada selepasNya sesuatu, al-Zaahir (Yang Jelas) tiada di atasNya sesuatu, al-Baatin (Yang Tersembunyi) tiada di bawahNya sesuatu, Maha Hidup, Maha Mengurus, Maha Unggul, Tempat penggantungan makhluk.

Firman Allah Ta'ala (al-Ikhlas 112:3-4):

﴿ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝٣ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴾

Maksudnya: ***Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan, dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.***

Di samping mengesakanNya dalam Uluhiyyah (penghambaan), Rububiyyah (penciptaan) dan Asma wa Sifat (nama-nama dan sifat-sifat).

44- Apakah Tauhid al-Uluhiyyah (pengesaan dalam penghambaan)?

Ianya ialah mengesakan Allah ‘Azza wa Jalla dengan segala jenis ibadah yang zahir mahupun batin melalui kata-kata dan amalan di samping tidak menghalakan ibadah kepada yang selain daripada Allah tanpa mengira siapa mereka.

Firman Allah Ta'ala (al-Isra 17:23):

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ﴾

Maksudnya: ***Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa’ 4:36):

﴿ وَٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ وَلَا تُشۡرِكُواْ بِهِۦ شَيۡـٔٗا ﴾

Maksudnya: ***Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatupun.***

Firman Allah Ta'ala (Taha 20:14):

﴿ إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدۡنِي وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكۡرِيٓ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tidak ada Tuhan yang hak selain Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah shalat untuk mengingat Aku.***

Tauhid ini terkandung dalam kesaksian bahawa ‘Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah.’

45- Apakah lawan bagi Tauhid al-Uluhiyyah?
Lawannya ialah syirik yang terbahagi dua; syirik besar yang menolah tauhid ini secara keseluruhannya dan syirik kecil yang menjadikannya tidak sempurna.

46- Apakah dia syirik besar?
Syirik besar ialah; seseorang hamba itu menyengutukan Allah dengan menyamakan sekutu itu dengan Tuhan sekelian alam. Dia cinta kepada sekutu itu seperti cinta kepada Allah, takut kepadanya seperti takut kepada Allah, merujuk, berdoa kepadanya, mengharapnya, bergantung dengannya, taat kepadanya dalam maksiat Allah, mengikutnya dalam Firman Allah Ta'ala (al-Nisa 4:48):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفۡتَرَىٰٓ إِثۡمًا عَظِيمًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendakiNya. Barangsiapa yang mempersekutukan Allah, maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa’ 4:116):

﴿ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ ضَلَّ ضَلَٰلَۢا بَعِيدًا ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa yang mempersekutukan (sesuatu) dengan Allah, maka sesungguhnya ia telah tersesat sejauh-jauhnya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Maidah 5:72):

﴿ إِنَّهُۥ مَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ ٱلۡجَنَّةَ وَمَأۡوَىٰهُ ٱلنَّارُ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang yang mempersekutukan (sesuatu dengan) Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga, dan tempatnya ialah neraka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Haj 22:31):

﴿ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَتَخۡطَفُهُ ٱلطَّيۡرُ أَوۡ تَهۡوِي بِهِ ٱلرِّيحُ فِي مَكَانٖ سَحِيقٖ ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa mempersekutukan sesuatu dengan Allah, maka adalah ia seolah-olah jatuh dari langit lalu disambar oleh burung atau diterbangkan angin ke tempat yang jauh.***

Sabda Rasulullah ρ :

فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَحَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ لَا يُعَذِّبَ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا [27]

Maksudnya: ***Hak Allah ke atas hamba ialah mereka mesti menyembahnya dan tidak menyengutukannya dengan sesuatupun. Hak hamba ke atas Allah ialah Allah tidak mengazab orang yang tidak menyengutukannya dengan sesuatu.***

Syirik di sini yang mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam merangkumi orang yang kufur secara terang seperti golongan kafir Quraish dan orang yang kufur secara sembunyi seperti golongan munafiqin yang menzahirkan Iman dan menyembunyikan kekufuran.

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:145-146):

﴿ إِنَّ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ فِي ٱلدَّرۡكِ ٱلۡأَسۡفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ وَلَن تَجِدَ لَهُمۡ نَصِيرًا ١٤٥ إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُواْ وَأَصۡلَحُواْ وَٱعۡتَصَمُواْ بِٱللَّهِ وَأَخۡلَصُواْ دِينَهُمۡ لِلَّهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatknan) pada tingkatan yang paling bawah dari neraka. Dan kamu sekali-kali tidak akan mendapat seorang penolongpun bagi mereka. Kecuali orang-orang yang taubat dan mengadakan perbaikan dan berpegang teguh pada (agama) Allah dan tulus ikhlas (mengerjakan) agama mereka kerana Allah. Maka mereka itu adalah bersama-sama orang yang beriman.***

47- Apakah itu syirik kecil?

Syirik kecil ialah riyak yang sedikit yang timbul dalam mempercantikkan amalan yang dilakukan kerana Allah. Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 110):

﴿ فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa mengharap perjumpaan dengan Tuhannya maka hendaklah ia mengerjakan amal yang salih dan janganlah ia mempersekutukan seorangpun dalam beribadat kepada Tuhannya.***

Sabda Rasulullah ρ :

إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكُ الْأَصْغَرُ قَالُوا وَمَا الشِّرْكُ الْأَصْغَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الرِّيَاءُ [28]

[27] مسلم ك الإيمان ب الدليل على من مات على التوحيد دخل الجنة رقم 44.

[28] أحمد ك باقي مسند الأنصار ب حديث محمود بن لبيد رضي الله عنه رقم 22523.

Maksudnya: ***"Perkara yang paling aku takuti terhadap kamu semua ialah syirik kecil." Apabila baginda ditanya tentangnya baginda menjawab "Riyak."***

Riyak telah ditafsirkan oleh Rasulullah dengan sabdanya:

الشِّرْكُ الْخَفِيُّ أَنْ يَقُومَ الرَّجُلُ يُصَلِّي فَيُزَيِّنُ صَلَاتَهُ لِمَا يَرَى مِنْ نَظَرِ رَجُلٍ [29]

Maksudnya: ***"Iaitu orang yang bangun bersolat dan dia mencantikkan solatnya kerana dia dapati ada orang yang melihatnya."***

Di antara amalan syirik kecil ialah bersumpah dengan yang selain dari Allah seperti bersumpah dengan bapa dan datuk, sekutu-sekutu, ka'bah, amanah dan lain-lain. Sabda Rasulullah ρ :

لَا تَحْلِفُوا بِآبَائِكُمْ وَلَا بِأُمَّهَاتِكُمْ وَلَا بِالْأَنْدَادِ [30]

Maksudnya: ***"Janganlah kamu bersumpah dengan bapa-bapa kamu, ibu-ibu kamu atau sekutu-sekutu."***

Terdapat riwayat daripada Qutailah r.a. :

عَنْ قُتَيْلَةَ امْرَأَةٍ مِنْ جُهَيْنَةَ أَنَّ يَهُودِيًّا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّكُمْ تُنَدِّدُونَ وَإِنَّكُمْ تُشْرِكُونَ تَقُولُونَ مَا شَاءَ اللَّهُ وَشِئْتَ وَتَقُولُونَ وَالْكَعْبَةِ فَأَمَرَهُمْ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادُوا أَنْ يَحْلِفُوا أَنْ يَقُولُوا وَرَبِّ الْكَعْبَةِ وَيَقُولُونَ مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ شِئْتَ [31]

Maksudnya: ***Bahawa seorang Yahudi telah datang kepada Nabi ρ lali berkata 'Sesungguhnya kamu semua menyengutukan Allah, kamu berkata 'Apa yang Allah inginkan dan apa yang kamu inginkan' dan 'Demi ka'bah' ' Lalu Rasulullah ρ memerintahkan mereka apabila ingin bersumpah agar berkata "Demi Tuhan ka'bah" dan berkata "Apa yang Allah ingin kemudian kamu apa yang kamu inginkan."***

Sabda Rasulullah ρ :

وَلَا تَحْلِفُوا إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَحْلِفُوا بِاللَّهِ إِلَّا وَأَنْتُمْ صَادِقُونَ [32]

Maksudnya: ***"Janganlah kamu bersumpah kecuali dengan Allah."***

Sabda Rasulullah ρ :

مَنْ حَلَفَ بِالْأَمَانَةِ فَلَيْسَ مِنَّا [33]

Maksudnya: ***"Sesiapa yang bersumpah dengan amanah, dia bukan dari golongan kami."***

Sabda Rasulullah ρ :

مَنْ حَلَفَ بِغَيْرِ اللَّهِ فَقَدْ كَفَرَ أَوْ أَشْرَكَ [34]

Maksudnya: ***"Sesiapa yang bersumpah dengan selain dari Allah sesungguhnya dia telah kafir atau syirik."***

---

[29] ابن ماجه ك الزهد ب الرياء والسمعة رقم 4194.

[30] أبو داود ك الأيمان والنذور ب في كراهية الحلف بالآباء رقم 2827. والنسائي ك الأيمان والنذور ب الحلف بالأمهات رقم 3709.

[31] النسائي ك الأيمان والنذور ب الحلف بالكعبة رقم 3713.

[32] أبو داود ك الأيمان والنذور ب في كراهية الحلف بالآباء رقم 2827. والنسائي ك الأيمان والنذور ب الحلف بالأمهات رقم 3709.

[33] أبو داود ك الأيمان والنذور ب كراهية الحلف بالأمانة رقم 2731.

[34] الترمذي ك الأيمان ب كراهية الحلف بغير الله رقم 1455. وأبو داود ك الأيمان والنذور ب كراهية الحلف بالآباء رقم 2829.

Di antara amalan syirik kecil ialah menyebut “Masya Allah wa syi’ta” apa yang Allah inginkan dan juga kamu.Sabda Rasulullah ρ :

أَجَعَلْتَنِي وَاللَّهَ عَدْلًا بَلْ مَا شَاءَ اللَّهُ وَحْدَهُ [35]

Maksudnya: ***“Adakah kamu menjadikan aku sekutu bagi Allah, sebutlah “Apa yang Allah inginkan sahaja”.”***

Di antara amalan syirik kecil ialah menyebut “Kalaulah tidak kerana Allah dan kamu,” dan “Aku tidak mempunyai apa-apa kecuali Allah dan kamu,” dan “Aku masuk menemui Allah dan kamu,” dan yang seumpama dengannya.

Sabda Rasulullah ρ :

لَا تَقُولُوا مَا شَاءَ اللَّهُ وَشَاءَ فُلَانٌ وَلَكِنْ قُولُوا مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ شَاءَ فُلَانٌ [36]

Maksudnya: ***“Janganlah kamu sebut “Apa yang Allah inginkan dan orang itu,” sebaliknya sebutlah “Apa yang Allah inginkan kemudian orang itu.”***

Para ulamak mengatakan bahawa dibenarkan menyebut “Apa yang Allah inginkan kemudian orang itu,” dan tidak dibenarkan menyebut “Apa yang Allah inginkan dan orang itu.”

48- Apakah beza antara ‘wau’/dan dengan ‘thumma’/kemudian dalam lafaz-lafaz ini?
Bezanya ialah ‘wau’ dan membawa maksud seiring dan serupa. Jadi orang yang mengatakan “Apa yang Allah inginkan dan orang itu,” dia telah menjadikan keinginan Allah dan keinginan orang itu serupa. Perkataan ‘thumma’ pula membawa maksud susulan. Jadi orang yang mengatakan “Apa yang Allah inginkan kemudian orang itu,” dia telah menetapkan bahawa keinginan hamba menyusuli keinginan Allah dan berada selepas keinginan Allah.
Firman Allah Ta'ala (al-Insan 76:30):

﴿ وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Dan kamu tidak mampu (menempuh jalan itu), kecuali bila dikehendaki Allah.***

49- Apakah Tauhid al-Rububiyah (pengesaan dalam penciptaan)?
Tauhid al-Rububiyah ialah kepercayaan yang jitu bahawa Allah Ta‘ala ialah Pengatur, Pemilik Penciptta dan Penyusun bagi segala sesuatu. Juga tiada sekutu baginya dalam kerajaanNya, tiada penolong baginya kerana kelemahanNya, tiada yang dapat menolak perintahNya, tiada yang dapat mengubah hukumNya, tiada lawan bagiNya, tiada yang menyerupaiNya, tiada yang berhak menggunakan namaNya, tiada yang dapat menandingiNya dengan memiliki salah satu daripada bentuk RububiyahNya dan nama-nama serta sifat-sifatNya.
Firman Allah Ta'ala (al-An’am 6:1):

---

[35] أحمد ك ومن مسند بني هاشم ب بداية مسند عبد الله بن عباس رقم 1742.
[36] أبو داود ك الأدب ب لا يقال خبثت نفسي رقم 4328

﴿ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٲتِ وَٱلۡأَرۡضَ وَجَعَلَ ٱلظُّلُمَـٰتِ وَٱلنُّورَ ﴾

Maksudnya: ***Segala puji bagi Allah yang telah menciptakan langit dan bumi, dan mengadakan gelap dan terang.***

Firman Allah Ta'ala (al-Fatihah 1:2):

﴿ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَـٰلَمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam.***

Firman Allah Ta'ala (al-Ra'd 13:16):

﴿ قُلۡ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَـٰوَٲتِ وَٱلۡأَرۡضِ قُلِ ٱللَّهُ‌ۚ قُلۡ أَفَٱتَّخَذۡتُم مِّن دُونِهِۦۤ أَوۡلِيَآءَ لَا يَمۡلِكُونَ لِأَنفُسِهِمۡ نَفۡعًا وَلَا ضَرًّا‌ۚ قُلۡ هَلۡ يَسۡتَوِى ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُ أَمۡ هَلۡ تَسۡتَوِى ٱلظُّلُمَـٰتُ وَٱلنُّورُ‌ۗ أَمۡ جَعَلُواْ لِلَّهِ شُرَكَآءَ خَلَقُواْ كَخَلۡقِهِۦ فَتَشَـٰبَهَ ٱلۡخَلۡقُ عَلَيۡہِمۡ‌ۚ قُلِ ٱللَّهُ خَـٰلِقُ كُلِّ شَىۡءٍ وَهُوَ ٱلۡوَٲحِدُ ٱلۡقَهَّـٰرُ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Siapakah Tuhan langit dan bumi?" Jawabnya "Allah." Katakanlah "Maka patutkah kamu mengambil pelindung-pelindungmu dari selain Allah, padahal mereka tidak menguasai kemanfaatan dan tidak pula kemudharatan bagi diri mereka sendiri?" Katakanlah "Adakah sama orang buta dan yang dapat melihat, atau samakah gelap gelita dan terang benderang; apakah mereka menjadikan beberapa sekutu bagi Allah yang dapat menciptakan seperti ciptaanNya sehingga kedua ciptaan itu serupa menurut pandangan mereka?" Katakanlah "Allah adalah Pencipta segala sesuatu dan Dialah Tuhan Yang Maha Esa lagi Maha Perkasa."***

Firman Allah Ta'ala (al-Rum 30:40):

﴿ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمۡ ثُمَّ رَزَقَكُمۡ ثُمَّ يُمِيتُكُمۡ ثُمَّ يُحۡيِيكُمۡ‌ۖ هَلۡ مِن شُرَكَآٮِٕكُم مَّن يَفۡعَلُ مِن ذَٲلِكُم مِّن شَىۡءٍ‌ۚ سُبۡحَـٰنَهُ ۥ وَتَعَـٰلَىٰ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ﴾

Maksudnya: ***Allah lah yang menciptakan kamu, kemudian memberimu rezeki, kemudian mematikanmu, kemudian menghidupkanmu kembali. Adakah di antara yang kamu sekutukan dengan Allah itu yang dapat berbuat sesuatu dari yang demikian itu? Maha sucilah Dia dan Maha tinggi dari apa yang mereka persekutukan.***

Firman Allah Ta'ala (Luqman 31:11):

﴿ هَـٰذَا خَلۡقُ ٱللَّهِ فَأَرُونِى مَاذَا خَلَقَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Inilah ciptaan Allah, maka perlihatkanlah olehmu kepadaku apa yang telah diciptakan oleh sembahan-semabahan kamu selain Allah.***

Firman Allah Ta'ala (al-Tur 52:35-36):

﴿ أَمْ خُلِقُوا۟ مِنْ غَيْرِ شَىْءٍ أَمْ هُمُ ٱلْخَـٰلِقُونَ ۝٣٥ أَمْ خَلَقُوا۟ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۚ بَل لَّا يُوقِنُونَ ﴾

Maksudnya: ***Apakah mereka diciptakan tanpa sesuatupun ataukah mereka yang menciptakan (diri mereka sendiri)? Ataukah mereka telah menciptakan langit dan bumi itu? Sebenarnya mereka tidak meyakini (apa yang mereka katakan).***

Firman Allah Ta'ala (Maryam 19:65):

﴿ رَّبُّ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَـٰدَتِهِۦ ۚ هَلْ تَعْلَمُ لَهُۥ سَمِيًّا ﴾

Maksudnya: ***Tuhan (yang menguasai) langit dan bumi dan apa-apa yang ada di antara keduanya, maka sembahlah Dia dan berteguh hatilah dalam beribadat kepadaNya. Apakah kamu mengetahui ada seorang yang sama dengan Dia (yang patut disembah)?***

Firman Allah Ta'ala (al-Syura 42:11):

﴿ لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴾

Maksudnya: ***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.***

Firman Allah Ta'ala (al-Isra' 17:111):

﴿ وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٌ فِى ٱلْمُلْكِ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ وَلِىٌّ مِّنَ ٱلذُّلِّ ۖ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًۢا ﴾

Maksudnya: ***Dan katakanlah "Segala puji bagi Allah Yang tidak mempunyai anak dan tidak mempunyai sekutu dalam kerajaanNya dan Dia bukan pula hina yang memerlukan penolong" dan agungkanlah Dia dengan pengagungan yang sebesar-besarnya.***

Firman Allah Ta'ala (Saba' 34:22-23):

﴿ قُلِ ٱدْعُوا۟ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۖ لَا يَمْلِكُونَ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا لَهُمْ فِيهِمَا مِن شِرْكٍ وَمَا لَهُۥ مِنْهُم مِّن ظَهِيرٍ ۝٢٢ وَلَا تَنفَعُ ٱلشَّفَـٰعَةُ عِندَهُۥٓ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُۥ ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمْ قَالُوا۟ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ ۖ قَالُوا۟ ٱلْحَقَّ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْكَبِيرُ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Serulah mereka yang kamu anggap (sebagai tuhan) selain Allah, mereka tidak memiliki (kekuasaan) sebera zarrahpun di langit dan di bumi, dan mereka tidak mempunyai suatu sahampun dalam (penciptaan) langit dan bumi dan sekali-kali tidak ada di antara mereka yang menjadi pembantu bagiNya." Dan tiadalah berguna syafaat di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkanNya memperoleh***

syafaat itu, sehingga apabila telah dihilangkan ketakutan dari hati mereka, mereka berkata "Apakah yang telah difirmankan oleh Tuhanmu?" mereka menjawab "(Perkataan) yang benar" dan Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar."

50- Apakah lawan bagi Tauhid al-Rububiyah?

Lawan bagi Tauhid al-Rububiyah ialah mempercayai bahawa di samping Allah, terdapat tuhan lain yang mengatur segelintir daro[ada pergerakan alam ini samada menjadikan, menghapuskan, menghidupkan, mematikan, memdatangkan kebaikan, menolak keburukan, atau apa sahaja bentuk-bentuk Rububiyah (penciptaan).

Lawan bagi Tauhid al-Rububiyah juga ialah mempercayai bahawa di samping Allah, ada yang dapat menandinginya dengan memiliki salah satu daripada bentuk-bentuk nama-nama dan sifat-sifatNya seperti ilmu ghaib, keagungan, takabbur dan lain-lain.

Firman Allah Ta'ala (Fatir 35:2-3):

﴿ مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا ۖ وَمَا يُمْسِكْ فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ۝ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ ۚ هَلْ مِنْ خَٰلِقٍ غَيْرُ ٱللَّهِ يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ ﴾

Maksudnya: ***Apa saja yang Allah anugerahkan kepada manusia berupa rahmat, maka tidak ada seorangpun yang dapat menahannya; dan apa saja yang ditahan oleh Allah maka tidak seorangpun yang sanggup untuk melepaskannya sesudah itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Hai manusia, ingatlah akan nikmat Allah kepadamu. Adakah pencipta selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi?***

Firman Allah Ta'ala (Yunus 10:107):

﴿ وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَآدَّ لِفَضْلِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Jika Allah menimpakan sesuatu kemudharatan kepadamu, maka tidak ada yang dapat menghilangkannya kecuali Dia. Dan jika Allah menghendaki kebaikan bagi kamu, maka tak ada yang dapat menolak kurniaNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:38):

﴿ قُلْ أَفَرَءَيْتُم مَّا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَنِىَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَٰشِفَٰتُ ضُرِّهِۦٓ أَوْ أَرَادَنِى بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَٰتُ رَحْمَتِهِۦ ۚ قُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ ۖ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Maka terangkanlah kepadaku tentang apa yang kamu seru selain Allah, jika Allah hendak mendatangkan kemudharatan kepadaku, apakah berhala-berhalamu itu dapat menghilangkan***

kemudharatan itu, atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, apakah mereka dapat menahan rahmatNya?" Katakanlah "Cukuplah Allah bagiku" kepadaNyalah bertawakkal orang-orang yang berserah diri.

Firman Allah Ta'ala (al-An'am 6:59):

﴿ وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلۡغَيۡبِ لَا يَعۡلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ﴾

Maksudnya: ***Dan pada sisi Allah lah kunci-kunci semua yang ghaib; tad ada yang mengetahuinya kecuali Dia.***

Firman Allah Ta'ala (al-Naml 27:65):

﴿ قُل لَّا يَعۡلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ ٱلۡغَيۡبَ إِلَّا ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Tidak ada seorangpun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib kecuali Allah."***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:255):

﴿ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ﴾

Maksudnya: ***Dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendakiNya.***

Sabda Rasulullah ρ :
قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ الْكِبْرِيَاءُ رِدَائِي وَالْعَظَمَةُ إِزَارِي فَمَنْ نَازَعَنِي وَاحِدًا مِنْهُمَا قَذَفْتُهُ فِي النَّارِ [37]

Maksudnya: ***"Kebesaran ialah kainKu, takabbur ialah selendangKu, sesiapa yang ingin menandingiKu dalam salah satu daripadanya, Aku akan masukkannya ke dalam nerakaKu."***

51- Apakah Tauhid al-Asma' wal-Sifat (pengesaan dalam nama-nama dan sifat-sifat)?
Tauhid al-Asma' wal-Sifat ialah beriman dengan apa yang Allah terangkan tentang diriNya sama ada di dalam al-Quran mahupun melalui keterangan RasulNya. Ini merangkumi nama-namaNya yang terbaik dan sifat-sifatNya yang tertinggi dengan menerimanya tanpa bertanya bagaimana bentuk dan keadaannya. Ini kerana Allah sering menetapkan nama-nama dan sifat-sifatNya di samping menolak sebarang bentuk dan keadaannya.
Firman Allah Ta'ala (Taha 20:110):

﴿ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِۦ عِلۡمٗا ﴾

Maksudnya: ***Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmuNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Syura 42:11):

---

[37] أبو داود ك اللباس ب ما جاء في الكبر رقم 3567 واللفظ له. ومسلم ك البر والصلة ب تحريم الكبر رقم 4752.

﴿ لَيۡسَ كَمِثۡلِهِۦ شَيۡءٞۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ﴾

Maksudnya: ***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.***

Firman Allah Ta'ala (al-An'am 103):

﴿ لَّا تُدۡرِكُهُ ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَهُوَ يُدۡرِكُ ٱلۡأَبۡصَٰرَۖ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلۡخَبِيرُ﴾

Maksudnya: ***Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala penglihatan itu dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui.***

Terdapat di dalam sebuah hadith melalui Ubai bin Ka'b katanya:
أَنَّ الْمُشْرِكِينَ قَالُوا لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْسُبْ لَنَا رَبَّكَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ اللَّهُ الصَّمَدُ وَالصَّمَدُ الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ لِأَنَّهُ لَيْسَ شَيْءٌ يُولَدُ إِلَّا سَيَمُوتُ وَلَا شَيْءٌ يَمُوتُ إِلَّا سَيُورَثُ وَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَمُوتُ وَلَا يُورَثُ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ قَالَ لَمْ يَكُنْ لَهُ شَبِيهٌ وَلَا عِدْلٌ وَلَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ [38]

Maksudnya: ***Bahawa golongan musyrikin telah berkata kepada Rasulullah "Nyatakan nasab tuhan kamu." Lalu Allah menurunkan surah al-ikhlas {Katakanlah: "Dialah Allah, Yang Maha Esa, Allah adalah Tuhan yang bergantung kepadaNya segala sesuatu, Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan}***
Ini kerana apa yang dilahirkan pasti akan mati dan apa yang mati pasti diwarisi. Sedangkan Allah tidak mati dan tidak diwarisi.
{dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia}Tiada yang menyerupaiNya, tiada yang menandingiNya dan tiada yang menyamaiNya.

52- Apakah dalil nama-nama yang terbaik daripada al-Quran dan al-Sunnah?
Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:180):

﴿ وَلِلَّهِ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰ فَٱدۡعُوهُ بِهَاۖ وَذَرُواْ ٱلَّذِينَ يُلۡحِدُونَ فِيٓ أَسۡمَٰٓئِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Hanya milik Allah nama-nama yang agung, maka bermohonlah kepadaNya dengan menyebut nama-nama yang agung itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-namaNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Isra' 17:110):

﴿ قُلِ ٱدۡعُواْ ٱللَّهَ أَوِ ٱدۡعُواْ ٱلرَّحۡمَٰنَۖ أَيّٗا مَّا تَدۡعُواْ فَلَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Serulah Allah atau serulah Al-Rahman. Dengan nama yang mana saja kamu seru, Dia mempunyai nama-nama yang terbaik.***

Firman Allah Ta'ala (Taha 20:8):

﴿ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ لَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰ ﴾

[38] الترمذي ك التفسير ب ومن سورة الإخلاص رقم 3387.

Maksudnya: ***Dialah Allah, tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, Dia mempunyai nama-nama yang terbaik.***

Sabda Rasulullah ρ :

إنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً إلَّا وَاحِدًا مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ [39]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah mempunyai 99 nama, sesiapa yang menepatinya akan masuk syurga."***

Sabda Rasulullah ρ :

أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي [40]

Maksudnya: ***"Aku memohon daripadaMu dengan semua nama-namaMu yang Engkau namakan diriMu atau Engkau turunkan dalam kitabMu atau Engkau ajarkan kepada salah satu daripada hamba-hambaMu atau Engkau simpan dalam ilmu ghaib di sisMu; agar Engkau menjadikan al-Quran penghibur hatiku."***

53- Apakah contoh nama-nama yang terbaik daripada al-Quran?
Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:34):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.***

Firman Allah Ta'ala (al-Ahzab 33:34):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah adalah Maha Lembut lagi Maha Mengetahui.***

Firman Allah Ta'ala (Fatir 35:44):

﴿ إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:58):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:56):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:23):

---

[39] البخاري ك التوحيد ب إن لله مائة اسم إلا واحدا رقم 6843. مسلم ك الذكر والدعاء ب في أسماء الله تعالى وفضل من أحصاها رقم

[40] أحمد ك مسند المكثرين من الصحابة ب مسند عبد الله بن مسعود رضي الله عنه رقم 3528.

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:117):

﴿ إِنَّهُۥ بِهِمۡ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada mereka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:263):

﴿ وَٱللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Allah Maha Kaya lagi Maha Penyantun.***

Firman Allah Ta'ala (Hud 11:73):

﴿ إِنَّهُۥ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah Maha Terpuji lagi Maha Pemurah.***

Firman Allah Ta'ala (Hud 11:57):

﴿ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٍ حَفِيظٌ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pemelihara segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (Hud 11:61):

﴿ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Tuhanku amat dekat (rahmatNya) lagi memperkenankan (doa hambaNya).***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa’ 4:1):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيۡكُمۡ رَقِيبًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa’ 4:81):

﴿ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلاً ﴾

Maksudnya: ***Cukuplah Allah menjadi Pelindung.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa’ 4:6):

﴿ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴾

Maksudnya: ***Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (atas persaksian itu).***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:85):

﴿ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ مُّقِيتٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (Fussilat 41:53):

﴿ أَوَلَمۡ يَكۡفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ شَهِيدٌ ﴾

Maksudnya: ***Dan apakah Tuhanmu tidak cukup (bagi kamu) bahawa sesungguhnya Dia menyaksikan segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (Fussilat 41:54):

﴿ أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَيۡءٖ مُّحِيطُۢ ﴾

Maksudnya: ***Ingatlah, bahawa sesungguhnya Dia Maha Meliputi segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:255):

﴿ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُ ﴾

Maksudnya: ***Allah, tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia Yang Hidup kekal lagi terus menerus mengurus (makhlukNya).***

Firman Allah Ta'ala (al-Hadid 57:3):

﴿ هُوَ ٱلۡأَوَّلُ وَٱلۡأٓخِرُ وَٱلظَّٰهِرُ وَٱلۡبَاطِنُۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Dialah Yang Awal dan Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin, dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Hasyr 59:22-24):

﴿ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِۖ هُوَ ٱلرَّحۡمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ٢٢ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡمَلِكُ ٱلۡقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلۡمُؤۡمِنُ ٱلۡمُهَيۡمِنُ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡجَبَّارُ ٱلۡمُتَكَبِّرُۚ سُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ٢٣ هُوَ ٱللَّهُ ٱلۡخَٰلِقُ ٱلۡبَارِئُ ٱلۡمُصَوِّرُۖ لَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Dialah Allah Yang tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, Yang Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Dialah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dialah Allah Yang tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, Raja, Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera, Yang mengurniakan keamanan, Yang Maha Memelihara, Yang Maha Perkasa, Yang Maha Kuasa, Yang Memiliki segala keagungan, Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan. Dialah Allah Yang Menciptakan, Yang Mengadakan, Yang Membentuk Rupa, Yang Mempunyai nama-nama yang paling baik.***

54- Apakah contoh nama-nama yang terbaik daripada al-Sunnah?

Sabda Rasulullah ρ :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ [41]

Maksudnya: ***"Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah Yang Maha Besar Yang Maha Penyantun, Tuhan bagi singgahsana yang besar. Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah Tuhan bagi langit-langit dan tuhan bagi bumi dan tuhan singgahsana yang mulia."***

Terdapat riwayat daripada Anas bin Malik katanya:

كُنْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَالِسًا فِي الْحَلْقَةِ وَرَجُلٌ قَائِمٌ يُصَلِّي فَلَمَّا رَكَعَ وَسَجَدَ فَتَشَهَّدَ ثُمَّ قَالَ فِي دُعَائِهِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنَّ لَكَ الْحَمْدَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الْمَنَّانُ يَا بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ إِنِّي أَسْأَلُكَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَدْرُونَ بِمَا دَعَا اللَّهَ قَالَ فَقَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ دَعَا اللَّهَ بِاسْمِهِ الْأَعْظَمِ الَّذِي إِذَا دُعِيَ بِهِ أَجَابَ وَإِذَا سُئِلَ بِهِ أَعْطَى [42]

Maksudnya: ***"Wahai Tuhan Yang Hidup, wahai Tuhan Yang Maha Mentadbir, wahai Tuhan Empunya kagungan dan Yang Pemurah, wahai Tuhan Yang Mencipta langit-langit dan bumi."***

Sabda Rasulullah ρ :

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ [43]

Maksudnya: ***"Aku berlindung dengan nama Allah yang mana dengannya tiada sesuatupun yang akan memudharatkan baik di bumi mahupun di langit, Dialah Yang Maha Mendengar lagi Mengetahui."***

Sabda Rasulullah ρ :

اللَّهُمَّ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ [44]

Maksudnya: ***"Ya Allah yang mengetahui perkara ghaib dan nyata, Yang mencipta langit-langit dan bumi, Tuhan dan pemilik bagi segala sesuatu."***

Sabda Rasulullah ρ :

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَاوَاتِ وَرَبَّ الْأَرْضِ وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ [45] فَالِقَ الْحَبِّ وَالنَّوَى وَمُنْزِلَ التَّوْرَاةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ شَيْءٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهِ اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الْآخِرُ فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ

Maksudnya: ***"Ya Allah Tuhan tujuh petala langit, Tuhan singgahsana yang besar, Ya Tuhan kami dan Tuhan segala sesuatu, Yang Mencambahkan biji dan butir, Yang Menurunkan Taurat , Injil dan al-Quran; aku berlindung dengan Engkau daripada segala empunya keburukan, Engkau yang berkuasa terhadapnya. Engkaulah Yang Terawal, tiada sesuatu sebelumMu. Engkaulah Yang Terakhir, tiada sesuatu selepasMu. Engkaulah Yang Nyata, tiada sesuatu di atasMu. Engkaulah Yang Tersembunyi, tiada sesuatu di bawahMu.***

[41] البخاري ك الدعوات ب الدعاء عند الكرب رقم 5870.

[42] أحمد ك باقي مسند المكثرين ب باقي المسند السابق رقم 13081.

[43] أبو داود ك الأدب ب ما يقول إذا أصبح رقم 4425.

[44] الترمذي ك الدعوات ب ما جاء في الدعاء إذا أصبح رقم 3314.

[45] مسلم ك الذكر والدعاء ب ما يقول عند النوم وأخذ المضجع رقم 4888.

Sabda Rasulullah ρ :

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ قَيَّامُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ [46]

Maksudnya: ***"Ya Allah bagiMu segala pujian, Engkau cahaya langit-langit, bumi dan segala yang berada dalamnya. Bagimu segala kepujian. Engkau Maha Mentadbir langit-langit, bumi dan segala yang berada dalamnya."***

Terdapat riwayat daripada Buraidah τ :

سَمِعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا يَدْعُو وَهُوَ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنِّي أَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الْأَحَدُ الصَّمَدُ الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ قَالَ فَقَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ سَأَلَ اللَّهَ بِاسْمِهِ الْأَعْظَمِ الَّذِي إِذَا دُعِيَ بِهِ أَجَابَ وَإِذَا سُئِلَ بِهِ أَعْطَى [47]

Maksudnya: ***"Ya Allah aku merayu kepadaMu bahawa sesungguhnya aku naik saksi bahawa Engkaulah Allah, tiada tuhan yang berhak disembah selainMu, Yang Tunggal, Tempat bergantung, Yang tidak melahirkan dan tidak pula dilahirkan, tiada sesuatupun yang menyerupaiNya."***

Sabda Rasulullah ρ :

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ [48]

Maksudnya: ***"Ya Tuhan yang membolak-balikkan hati-hati hambanya."***

55- Berapakah jenis pengertian nama-nama yang terbaik?
Ada tiga jenis pengertian nama-nama yang terbaik iaitu;
1- Pengertian nama-nama yang terbaik secara langsung, terhadap diriNya / zatNya.
2- Pengertian nama-nama yang terbaik secara kandungan, terhadap sifat-sifat yang terdapat di dalamnya.
3- Pengertian nama-nama yang terbaik secara kemestian, terhadap sifat-sifat yang tidak terdapat di dalamnya tetapi mesti wujud disampingnya.

56- Apakah contoh-contohnya?
Contohnya: nama al-Rahman al-Rahim yang:
1- Secara langsung membawa erti diri/zat yang dinamakan iaitu Allah;
2- Secara kandungan membawa erti sifat rahmat yang terdapat di dalamnya;
3- Secara kemestian membawa erti sifat-sifat lain yang mempunyai kaitan kuat dengannya seperti kehidupan dan kekuasaan.

Ini bertentangan dengan makhluk yang mungkin dinamakan Hakim (bijaksana) sedangkan dia jahil, Hakam (pengadil) sedangkan dia zalim, Aziz (hebat) sedangkan dia hina, Syarif (mulia) sedangkan dia hina, Salim (baik) sedangkan dia jahat, Sa'id (sejahtera) sedangkan dia celaka dan seterusnya.

---

[46] الترمذي ك الدعوات ب ما يقول إذا قام من الليل إلى الصلاة رقم 3340.
[47] الترمذي ك الدعوات ب جامع الدعوات عن النبي صلى الله عليه وسلم رقم 3397.
[48] الترمذي ك الدعوات رقم 3444.

Maha suci Allah dan segala puji bagiNya sebagaimana Dia sendiri menyifatkan diriNya jauh lebih mulia daripada apa yang disifatkan oleh hamba-hambaNya.

57- Berapakah bahagian pengertian secara kandungan bagi nama-nama yang terbaik?

Pengertian secara kandungan bagi nama-nama yang terbaik terbahagi kepada empat iaitu:

1- Nama induk khas yang merangkumi segala erti nama-nama yang terbaik iaitu lafaz 'Allah'. Disebabkan inilah nama-nama yang lain dijadikan sifat-sifat bagi nama Allah seperti di dalam firman Allah Ta'ala (al-Hasyr 59:24):

﴿ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْخَـٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ ﴾

Maksudnya: ***Dialah Allah Yang Mencipta, Yang Mengadakan, Yang Membentuk rupa.***

2- Nama yang mengandungi sifat bagi diri/zat Allah. Contohnya:

Nama al-Sami' (Yang Maha Mendengar) mengandungi sifat pendengaran yang meluas terhadap semua suara dan bunyi yang tersembunyi mahupun yang jelas.

Nama al-Basir (Yang Maha Melihat) mengandungi sifat penglihatan yang sampai kepada semua yang dapat dilihat samada yang halus mahupun yang besar.

Nama al-'Alim (Yang Maha Mengetahui) mengandungi sifat pengetahuan yang merangkumi segala sesuatu. Firman Allah Ta'ala (Saba' 34:3):

﴿ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ ﴾

Maksudnya: ***Tidak tersembunyi daripadaNya seberat zarrahpun yang ada di langit dan yang ada di bumi dan tidak ada (pula) yang lebih kecil dari itu dan yang lebih besar.***

Nama al-Qadir (Yang Maha berkuasa) mengandungi sifat kekuasaan terhadap segala sesuatu dengan mencipta, menghapuskan dan seterusnya.

3- Nama yang mengandungi sifat perbuatan Allah seperti al-Khaliq (Pencipta), al-Raziq (Pemberi rezeki), al-Bari (Yang Mewujudkan), al-Musawwir (Yang Membentuk) dan sebagainya.

4- Nama yang mengandungi keagungan Allah dan kesucianNya daripada semua bentuk kekurangan seperti al-Quddus (Yang Maha Suci) dan al-Salam (Yang Maha Sejahtera).

58- Berapakah bahagian nama-nama yang terbaik dari sudut penggunaannya sebagai nama-nama Allah?

1- Nama yang boleh disebut bersendirian atau bersama nama lain. Nama ini mengandungi sifat kesempurnaan dalan apa jua keadaan. Contohnya: al-Hayy (Yang Hidup), al-Qayyum (Yang Maha Mentadbir), al-Ahad (Yang Tunggal), al-Samad (Tempat bergantung).

2- Nama yang mesti disebut beriringan dengan lawannya sahaja atau beriringan dengan perkara yang berkaitan dengannya. Nama ini, jika disebut bersendirian, dikhuatiri akan membawa maksud kekurangan. Contoh bagi yang mesti disebut beriringan dengan lawannya ialah:
al-Nafi' (Pemberi manfaat) al-Dor (Pemberi mudharat), al-Khafid (Yang Merendahkan) al-Rafi' (Yang Mengangkat), al-Mu'ti (Yang Memberi) al-Mani' (Yang Menegah), al-Mu'iz (Yang Memuliakan) al-Muzil (Yang Menghinakan) dan sebagainya. Nama-nama ini tidak boleh dinyatakan bersendirian seperti al-Dor (Pemberi mudharat), al-Khafid (Yang Merendahkan), al-Mani' (Yang Menegah), al-Muzil (Yang Menghinakan). Nama-nama ini juga tidak pernah dinyatakan dalam wahyu samada al-Quran mahupun al-Sunnah secara bersendirian.
Contoh bagi yang mesti disebut beriringan dengan perkara yang berkaitan dengannya ialah:
Al-Muntaqim (Yang Membalas dendam) yang tidak disebut kecuali;
 a- beriringan dengan para penjenayah seperti firman Allah Ta'ala (al-Sajdah 32:22):

﴿ إِنَّا مِنَ ٱلْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Kami akan memberi pembalasan kepada orang-orang yang berdosa.***
 b- dengan disandarkan perkataan 'zu' (enpunya) kepada sifat nama ini iaitu 'intiqam' (balas dengam) seperti firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3: 4):

﴿ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴾

Maksudnya: ***Dan Allah Maha Perkasa lagi mempunyai balasan (seksa).***

59- Apakah contoh bagi sifat diri/zat daripada al-Quran?
Firman Allah Ta'ala (al-Maidah 5:64):

﴿ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ ﴾

Maksudnya: ***(Tidak demikian), tetapi kedua-dua tangan Allah terbuka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Qasas 20:88):

﴿ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Tiap-tiap sesuatu pasti binasa, kecuali wajahNya (Allah).***

Firman Allah Ta'ala (al-Rahman 55:27):

﴿ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو ٱلْجَلَٰلِ وَٱلْإِكْرَامِ ﴾

Maksudnya: ***Dan tetap kekal Wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaan dan kemuliaan.***

Firman Allah Ta'ala (Taha 20:39):

﴿ وَلِتُصۡنَعَ عَلَىٰ عَيۡنِيٓ ﴾

Maksudnya: ***Dan supaya kamu diasuh di bawah pengawasanKu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:26):

﴿ أَبۡصِرۡ بِهِۦ وَأَسۡمِعۡ ﴾

Maksudnya: ***Alangkah terang penglihatanNya dan alangkah tajam penglihatanNya.***

Firman Allah Ta'ala (Taha 20:46):

﴿ إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسۡمَعُ وَأَرَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Aku beserta kamu berdua, Aku mendengar dan melihat.***

Firman Allah Ta'ala (Taha 20:110):

﴿ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِۦ عِلۡمٗا ﴾

Maksudnya: ***Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmuNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:164):

﴿ وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكۡلِيمٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan Allah telah berbicara kepada Musa dengan langsung.***

Firman Allah Ta'ala (al-Syu'ara' 26:10):

﴿ وَإِذۡ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱئۡتِ ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu menyeru Musa (dengan firmanNya) "Datangilah kaum yang zalim itu."***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:22):

﴿ وَنَادَىٰهُمَا رَبُّهُمَآ أَلَمۡ أَنۡهَكُمَا عَن تِلۡكُمَا ٱلشَّجَرَةِ ﴾

Maksudnya: ***Kemudian Tuhan mereka menyeru mereka "Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pohon kayu itu?"***

Firman Allah Ta'ala (al-Qasas 28:65):

﴿ وَيَوۡمَ يُنَادِيهِمۡ فَيَقُولُ مَاذَآ أَجَبۡتُمُ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan (ingatlah) hari di waktu Allah menyeru mereka, seraya berkata "Apakah, jawapanmu kepada para rasul?"***

60- Apakah contoh bagi sifat diri/zat daripada al-Sunnah?
Sabda Rasulullah s.a.w. :

حِجَابُهُ النُّورُ لَوْ كَشَفَهَا لَأَحْرَقَتْ سُبُحَاتُ وَجْهِهِ كُلَّ شَيْءٍ أَدْرَكَهُ بَصَرُهُ.[49]

Maksudnya: ***"PenghadangNya ialah cahaya, sekiranya Dia menyelaknya pasti kesucian wajahNya akan membakar makhluk yang dapat dilihat oleh penglihatanNya."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّ يَمِينَ اللَّهِ مَلْأَى لَا يَغِيضُهَا نَفَقَةٌ سَحَّاءُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْفَقَ مُنْذُ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فَإِنَّهُ لَمْ يَنْقُصْ مَا فِي يَمِينِهِ وَعَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ وَبِيَدِهِ الْأُخْرَى الْفَيْضُ أَوْ الْقَبْضُ يَرْفَعُ وَيَخْفِضُ [50]

Maksudnya: ***"Tangan kanan Allah penuh, pemberian/infaq tidak mengurangkannya, budiman di waktu malam mahupun siang. Fikirkanlah tentang apa yang telah diberikan oleh Allah sejak penciptaan langit-langit dan bumi, ianya tidak mengurangkan apa yang berada di dalam tangan kananNya. senggahsanaNya berada di atas air. Pada tanganNya yang satu lagi kemurahan atau genggaman dengannya Dia mengangkat dan merendahkan."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَى عَلَيْكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِأَعْوَرَ وَأَشَارَ بِيَدِهِ إِلَى عَيْنِهِ وَإِنَّ الْمَسِيحَ الدَّجَّالَ أَعْوَرُ الْعَيْنِ الْيُمْنَى كَأَنَّ عَيْنَهُ عِنَبَةٌ طَافِيَةٌ [51]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah tidak akan susah dikenali oleh kamu kerana Allah tidak juling/cacat matanya" lalu baginda menunjukkan tangannya ke arah matanya "Dan sesungguhnya al-Masih al-Dajjal juling/cacat mata kanannya seperti sebiji anggur yang rosak."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ [52]

Maksudnya: ***"Ya Allah, sesungguhnya aku meminta kebaikan dengan ilmuMu, dan meminta kuasa dengan kuasaMu, dan aku meminta daripada kelebihanMu yang agung, Engkaulah yang berkuasa sedangkan aku tidak berkuasa, Engkaulah yang mengetahui sedangkan aku tidak mengetahui dan Engkaulah yang mengetahui segala perkara ghaib."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

فَإِنَّكُمْ لَا تَدْعُونَ أَصَمَّ وَلَا غَائِبًا تَدْعُونَ سَمِيعًا بَصِيرًا قَرِيبًا [53]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya kamu semua tidak meminta daripada tuhan yang pekak atau jauh. Sebenarnya kamu meminta daripada tuhan yang mendengar, melihat dan dekat."***

---

[49] مسلم ك الإيمان ب في قوله صلى الله عليه وسلم إن الله لا ينام وفي قوله حجابه النور رقم 192

[50] البخاري ك التوحيد ب وكان عرشه على الماء رقم 6869.

[51] البخاري ك التوحيد ب قول الله ولتصنع على عيني رقم 6858.

[52] البخاري ك الدعوات ب الدعاء عند الاستخارة رقم 5903.

[53] البخاري ك التوحيد ب قول الله تعالى وكان الله سميعا بصيرا رقم 6838.

Sabda Rasulullah s..w. :

يَقُولُ اللَّهُ يَا آدَمُ فَيَقُولُ لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ فِي يَدَيْكَ [54]

Maksudnya: ***"Allah berkata {Wahai Adam.} Adam menjawab 'Aku menyahutMu, dan segala kebaikan berada di dalam dua tanganMu.' "***

Di samping itu, terdapat banyak hadith yang mengandungi percakapan Allah dengan hamba-hambaNya di padang mahsyar dan juga percakapan Nya dengan panghuni syurga dan lain-lain

61- Apakah contoh bagi sifat perbuatan daripada al-Quran?
Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:29):

﴿ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ ﴾

Maksudnya: ***Kemudian Dia berkehendak menuju langit.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:210):

﴿ هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن يَأْتِيَهُمُ ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Tiada yang mereka nanti-nantikan melainkan datangnya Allah.***

Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 23:67):

﴿ وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦ وَٱلْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ وَٱلسَّمَـٰوَٰتُ مَطْوِيَّـٰتٌۢ بِيَمِينِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Dan mereka tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang semestinya padahal bumi seluruhnya dalam gengamanNya pada hari kiamat dan langit digulung dengan tangan kananNya.***

Firman Allah Ta'ala (Sad 38:75):

﴿ مَا مَنَعَكَ أَن تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِيَدَىَّ ﴾

Maksudnya: ***Apakah yang menghalangi kamu sujud kepada yang telah Ku ciptakan dengan kedua tanganKu?***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:145):

﴿ وَكَتَبْنَا لَهُۥ فِى ٱلْأَلْوَاحِ مِن كُلِّ شَىْءٍ ﴾

Maksudnya: ***Dan telah Kami tuliskan untuk Musa pada kepingan-kepingan Taurat segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:143):

﴿ فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُۥ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُۥ دَكًّا ﴾

---

[54] البخاري ك الرقاق ب قوله عز وجل إن زلزلة الساعة شيء عظيم رقم 6049.

Maksudnya: ***Tatkala Tuhannya menampakkan diri kepada gunung itu, dijadikannya gunung itu hancur luluh.***

Firman Allah Ta'ala (al-Haj 22:18):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَفۡعَلُ مَا يَشَآءُ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah berbuat apa yang Dia kehendaki.***

62- Apakah contoh sifat perbuatan daripada al-Sunnah?
Sifat 'datang' yang terdapat dalam sabda Rasulullah s.a.w. :
يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرُ يَقُولُ مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ مَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ [55]
Maksudnya: ***"Tuhan kita yang Maha Suci dan Maha Agung turun setiap malam apabila tinggal satu pertiga malam lalu berkata {Siapa menyeruKu pasti akan Ku sahut, siapa meminta dariKu pasti akan Ku perkenankan, siapa meminta keampunan dariKu pasti akan Ku ampunkannya.}"***

Sabda Rasulullah s.aw. :
فَيَأْتِيهِمْ اللَّهُ فِي الصُّورَةِ الَّتِي يَعْرِفُونَ فَيَقُولُ أَنَا رَبُّكُمْ فَيَقُولُونَ أَنْتَ رَبُّنَا فَيَتْبَعُونَهُ [56]
Maksudnya: ***"Maka Allah akan mendatangi mereka dalam bentuk yang mereka kenali lalu berkata {Aku adalah tuhanmu} dan mereka menjawab 'Engkau adalah tuhan kami' dan mereka mengikutNya."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :
إِنَّ اللَّهَ يَقْبِضُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْأَرْضَ وَتَكُونُ السَّمَوَاتُ بِيَمِينِهِ ثُمَّ يَقُولُ أَنَا الْمَلِكُ [57]
Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah akan menggenggam bumi pada hari kiamat dan langit-langit akan berada di dalam tangan kananNya seraya berkata {Aku adalah Raja}."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :
لَمَّا خَلَقَ اللَّهُ الْخَلْقَ كَتَبَ فِي كِتَابِهِ وَهُوَ يَكْتُبُ عَلَى نَفْسِهِ وَهُوَ وَضْعٌ عِنْدَهُ عَلَى الْعَرْشِ إِنَّ رَحْمَتِي تَغْلِبُ غَضَبِي [58]
Maksudnya: ***"Apabila Allah mencipta makhluk, Dia telah menulis di dalam kitabNya satu janji ke atasNya dan diletakkan di sisiNya di atas 'Arasyh bahawa "Sesungguhnya rahmatKu mengalahkan kemarahanKu."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :
قَالَ لَهُ آدَمُ يَا مُوسَى اصْطَفَاكَ اللَّهُ بِكَلَامِهِ وَخَطَّ لَكَ بِيَدِهِ [59]
Maksudnya: ***"Adam berkata, 'Wahai Musa, Allah telah memilihmu dengan kata-kataNya dan telah menulis untuk kamu al-Taurat dengan tanganNya …' ."***

---

[55] البخاري ك الجمعة ب الدعاء في الصلاة من آخر الليل رقم 1077.
[56] البخاري ك الرقاق ب الصراط حسر جهنم رقم 6088.
[57] البحاري ك التوحيد ب قول الله تعالى بما خلقت بيدي رقم 6863.
[58] البخاري ك التوحيد ب قول الله ويحذركم الله نفسه رقم 7855.
[59] البخاري ك القدر بتحاج آدم وموسى عند الله رقم 6124.

Kalam (kata-kata) Allah dan tanganNya adalah sifat zat/diri. PertuturanNya dengan kalam adalah sifat zat/diri dan sifat perbuatan. Penulisan taurat adalah sifat perbuatan.

Sabda Rasulullah ρ :
إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَبْسُطُ يَدَهُ بِاللَّيْلِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ النَّهَارِ وَيَبْسُطُ يَدَهُ بِالنَّهَارِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ اللَّيْلِ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا [60]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah Yang Maha Agung membuka tanganNya pada waktu malam agar pembuat dosa pada siang hari akan bertaubat. Dia juga membuka tanganNya pada waktu siang agar pembuat dosa pada malam hari akan bertaubat, sehinggalah matahari terbit dari arah barat."***

63- Adakah sifat-sifat perbuatan boleh diolah menjadi nama-nama Allah ataupun nama-nama Allah adalah satu ketetapan?

Nama-nama Allah adalah satu ketetapan, Dia tidak boleh dinamakan kecuali dengan apa yang Dia sendiri menamakan diriNya di dalam kitabNya atau dengan apa yang RasulNya menamakan diriNya di dalam sunnahnya.

Setiap perbuatan yang Allah sandarkan kepada diriNya adalah merupakan kepujian dan kesempurnaan dalam konteksnya. Akan tetapi hendaklah diketahui bahawa bukan semuanya disandarkan kepada diriNya secara mutlak (tanpa dikait dengan apa-apa) dan bukan semuanya boleh diolah menjadi nama-nama Allah.

Perbuatan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

1- Perbuatan yang Allah sandarkan kepada diriNya secara mutlak (tanpa dikaitkan dengan apa-apa) seperti firman Allah Ta'ala (al-Rum 30:40):

﴿ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ ثُمَّ رَزَقَكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ﴾

Maksudnya: ***Allah lah yang menciptakan kamu, kemudian memberimu rezeki, kemudian mematikanmu, kemudian menghidupkanmu (kembali).***

Di samping itu, Allah telah menamakan diriNya sebagai al-Khaliq, al-Raziq, al-Muhyi, al-Mumit dan alMudabbir.

2- Perbuatan yang Allah sandarkan kepada diriNya dalam konteks pembalasan dan pertentangan. Perbuatan ini adalah merupakan kepujian dan kesempurnaan dalam konteksnya seperti firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:142):

﴿ يُخَـٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَهُوَ خَـٰدِعُهُمْ ﴾

Maksudnya: ***Orang-orang munafik itu menipu Allah, dan Allah akan membalas tipuan mereka.***

Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:54):

---

[60] مسلم ك التوبة ب قبول التوبة من الذنوب وإن تكررت رقم 4954.

﴿ وَمَكَرُواْ وَمَكَرَ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***Orang-orang kafir itu membuat tipu daya, dan Allah membalas tipu daya mereka itu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:67):

﴿ نَسُواْ ٱللَّهَ فَنَسِيَهُمْ ﴾

Maksudnya: ***Mereka telah lupa Allah maka Allah melupakan mereka.***

Bahagian ini tidak boleh disandarkan kepada Allah kecuali dalam konteksnya yang tersendiri. Tidak boleh dikatakan bahawa Allah membuat tipu daya (yamkur), membuat tipu helah (yukhadi'), memperolok-olok dan sebagainya. Tidak boleh juga dikatakan bahawa Allah pembuat tipu daya (makir) atau pembuat tipu helah (mukhadi') atau tukang memperolok-olok (mustahzi'). Perkara ini sudah tentu tidak akan diperkatakan oleh seorang muslim mahupn seorang yang berakal kerana Allah tidak mensifatkan diriNya dengan al-makr dan al-kaid dan al-khida' kecuali dalam konteks pembalasan bagi mereka yang melakukannya tanpa hak. Pembalasan sebegini rupa adalah satu sifat baik dari makhluk, apatah lagi sekiranya dari Tuhan Maha Pencipta yang Maha Mengetahui, Maha Adil dan Maha Bijaksana.

64- Apakah yang terkandung dalam nama Allah al-'Ali al-A'la dan yang seumpamanya seperti al-Zahir, al-Qahir dan al-Muta'ali?
Nama al-'Ali al-A'la mengandungi sifat yang terdapat di dalamnya iaitu penetapan semua aspek sifat tinggi bagi Allah iaitu:
1- Ketinggian Allah berada di atas 'arsyNya, tinggi di atas segala makhlukNya, terasing dari mereka, memerhati mereka, mengetahui apa yang mereka lakukan, ilmuNya merangkumi segala sesuatu, tiada sesuatupun yang tersembunyi daripadaNya.
2- Ketinggian kuasaNya, tiada suatupun dapat mengalahkanNya, menentangNya, melawanNya atau menegahNya. Semua perkara tunduk kepada kebesaranNya, hina kepada keagunganNya, tenduk kepada kemegahanNya, berada di bawah pengurusanNya dan kuasaNya, tidak dapat keluar daripada genggamanNya.
3- Ketinggian keadaanNya, semua sifat kesempurnaan adalah hakNya dan semua sifat kekurangan adalah jauh dariNya.

Semua aspek ketinggian ini tidak boleh diasingkan dari satu sama lain.

65- Apakah dalil ketinggian Allah berada di atas 'arasyNya daripada al-Quran?
Dalil-dalil yang jelas berkenaan perkara ini amat banyak dan tidak terbilang. Di antaranya ialah nama-namaNya yang menunjukkan sifat ini seperti al-'Ali, al-A'la dan sebagainya.
Begitu juga dengan ayat-ayat berikut; firman Allah Ta'ala (Taha 20:5):

﴿ ٱلرَّحْمَٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Tuhan Yang Maha Pemurah, Yang berada tinggi di atas singgahsana.***

Firman Allah Ta'ala (al-Mulk 67:16):

﴿ ءَأَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يَخۡسِفَ بِكُمُ ٱلۡأَرۡضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ ﴿١٦﴾ أَمۡ أَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ حَاصِبٗاۖ فَسَتَعۡلَمُونَ كَيۡفَ نَذِيرِ ﴾

Maksudnya: ***Apakah kamu merasa aman terhadap Allah yang di langit bahawa Dia menjungkir balikkan bumi bersama kamu, sehingga dengan tiba-iba bumi itu bergoncang? Atau apakah kamu merasa aman terhadap Allah yang di langit bahawa Dia akan mengirimkan badai yang berbatu. Maka kelak kamu akan mengetahui bagaimana (akibat mendustakan) peringatan Ku?***

Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:50):

﴿ يَخَافُونَ رَبَّهُم مِّن فَوۡقِهِمۡ ﴾

Maksudnya: ***Mereka takut kepada Tuhan mereka yang di atas mereka.***

Firman Allah Ta'ala (Fatir 35:10):

﴿ إِلَيۡهِ يَصۡعَدُ ٱلۡكَلِمُ ٱلطَّيِّبُ وَٱلۡعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرۡفَعُهُۥ ﴾

Maksudnya: ***KepadaNyalah naik perkataan-perkataan yang baik dna amal yang salih dinaikkanNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Ma'arij 29:4):

﴿ تَعۡرُجُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيۡهِ ﴾

Maksudnya: ***Malaikat-malaikat dan Jibril naik kepada Tuhan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Sajdah 32:5):

﴿ يُدَبِّرُ ٱلۡأَمۡرَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ إِلَى ٱلۡأَرۡضِ ﴾

Maksudnya: ***Dia mengatur urusan dari langit ke bumi.***

Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:55):

﴿ يَٰعِيسَىٰٓ إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ ﴾

Maksudnya: ***Hai Isa, sesungguhnya Aku akan menyampaikan kamu kepada akhir ajalmu dan mengangkat kamu kepadaKu.***

66- Apakah dalil ketinggian Allah berada di atas arasyNya daripada al-Sunnah?
Terdapat banyak dalil daripada al-Sunnah berkenaan perkara ini seperti; Sabda Rasulullah s.a.w. :

فَقَالَ لَهَا أَيْنَ اللَّهُ قَالَتْ فِي السَّمَاءِ قَالَ مَنْ أَنَا قَالَتْ أَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ قَالَ أَعْتِقْهَا فَإِنَّهَا مُؤْمِنَةٌ [61]

Maksudnya: ***"Maka baginda bertanya kepadanya 'Di manakah Allah?' Jawabnya 'Di langit.' Baginda bertanya 'Siapakah aku?' Jawabnya***

[61] مسلم ك المساجد ب تحريم الكلام في الصلاة ونسخ ما كان من إباحته رقم 836.

‘Engkau adalah pesuruh Allah.’ Baginda berkata ‘Bebaskanlah dia kerana dia beriman.’ ”

Zainab r.a. berkata:

زَوَّجَكُنَّ أَهَالِيكُنَّ وَزَوَّجَنِي اللَّهُ تَعَالَى مِنْ فَوْقِ سَبْعِ سَمَوَاتٍ [62]

Maksudnya: ***‘Keluarga kamu semua mengahwinkan kamu dengan baginda, tetapi Allah telah mengahwinkanku dengan baginda dari atas tujuh petala langit.’***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

يَتَعَاقَبُونَ فِيكُمْ مَلَائِكَةٌ بِاللَّيْلِ وَمَلَائِكَةٌ بِالنَّهَارِ وَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ وَصَلَاةِ الْفَجْرِ ثُمَّ يَعْرُجُ الَّذِينَ بَاتُوا فِيكُمْ فَيَسْأَلُهُمْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ فَيَقُولُ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ تَرَكْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ وَأَتَيْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ [63]

Maksudnya: ***“Para malaikat bergilir-gilir dalam memantau kamu pada waktu malam dan waktu siang. Mereka akan berkumpul pada waktu solat Asar dan solat Fajar. Malaikat yang bermalam bersama kamu akan naik lalu Allah bertanya –walaupun Dia lebih mengetahui tentang kamu- {Bagaimanakah kamu meninggalkan hamba-hambaKu?} Mereka menjawab ‘Kami meninggalkan mereka dalam keadaan mereka bersembahyang dan kami mendatangi mereka dalam keadaan mereka bersembahyang.’***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

مَنْ تَصَدَّقَ بِعَدْلِ تَمْرَةٍ مِنْ كَسْبٍ طَيِّبٍ وَلَا يَصْعَدُ إِلَى اللَّهِ إِلَّا الطَّيِّبُ [64]

Maksudnya: ***“Sesiapa yang bersedekah seperti sebiji kurma hasil dari usaha yang baik, kerana tidak naik kepada Allah kecuali yang baik sahaja.”***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِذَا قَضَى اللَّهُ الْأَمْرَ فِي السَّمَاءِ ضَرَبَتْ الْمَلَائِكَةُ بِأَجْنِحَتِهَا خُضْعَانًا لِقَوْلِهِ كَأَنَّهُ سِلْسِلَةٌ عَلَى صَفْوَانٍ [65]

Maksudnya: ***“Sekiranya Allah memutuskan urusanNya di langit, para malaikat meletakkan sayap-sayap mereka tanda tunduk kepada kata-kataNya seolah-olah sayap-sayap itu rantai besi yang di letak di atas batu.”***

Sifat ini telah diterima oleh semua makhluk kecuali golongan al-Jahmiyah.[66]

67- Apakah yang dikatakan oleh para cendekiawan agama ini dalam permasalahan al-istiwa' / ketinggian?

---

[62] البخاري ك التوحيد ب وكان عرشه على الماء وهو رب العرش العظيم رقم 6870.

[63] البخاري ك التوحيد ب قول الله تعالى تعرج الملائكة والروح إليه رقم 6878.

[64] البخاري ك التوحيد ب قول الله تعالى تعرج الملائكة والروح إليه رقم 6878.

[65] البخاري ك التفسير ب حبى إذا فزع عن قلوبهم قالوا ماذا قال ربكم رقم 4426.

[66] Al-Jahmiyah ialah pengikut al-Jahm bin Safwan yang menafikan dan menolak sifat-sifat Allah. Ajaran ini diambilnya daripada al-Ja'd bin Dirham yang telah disembelih sebgai korban oleh Khalid al-Qasri pada hari raya al-Adha. Di antara pemikiran yang dipelopori oleh Jahm ialah: syurga dan neraka akan binasa, iman ialah pengetahuan/ma'irifah, manusia sebenarnya terpaksa dan amalannya disandarkan kepadanya dari sudut majaz. Jahm telah dibunuh oleh Salim bin Ahwaz di Marw di akhir pemerintahan Bani Umaiyah.

Kesemua mereka mengatakan bahawa, "al-Istiwa' dapat diketahui maknanya, tidak dapat diketahui keadaannya, wajib beriman terhadapnya, dan bertanya tentangnya adalah bid'ah. Perutusan ini datang dari Allah, rasulullah s.a.w. berkewajipan menyampaikannya dan kita berkewajipan membenarkan dan menerimanya.
Begitulah kata-kata mereka dalam semua ayat dan hadith nama-nama dan sifat-sifat Allah sebagaimana firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:7):

﴿ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنۡ عِندِ رَبِّنَا ﴾

Maksudnya: ***Kami beriman kepada ayat-ayat yang mutasyabihat, semuanya dari sisi Tuhan kami.***

Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:52):

﴿ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَٱشۡهَدۡ بِأَنَّا مُسۡلِمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Kami beriman kepada Allah; dan saksikanlah bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang yang berserah diri.***

68- Apakah dalil ketinggian kuasa Allah daripada al-Quran?
Dalilnya banyak seperti firman Allah Ta'ala (al-An’am 6:18):

﴿ وَهُوَ ٱلۡقَاهِرُ فَوۡقَ عِبَادِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Dan Dialah yang berkuasa atas sekelian hamba-hambaNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:4):

﴿ سُبۡحَٰنَهُۥۖ هُوَ ٱللَّهُ ٱلۡوَٰحِدُ ٱلۡقَهَّارُ ﴾

Maksudnya: ***Maha Suci Allah, Dialah Allah Yang Maha Esa lagi Maha Mengalahkan.***

Firman Allah Ta'ala (Ghafir @ al-Mukmin 40:16):

﴿ لِّمَنِ ٱلۡمُلۡكُ ٱلۡيَوۡمَۖ لِلَّهِ ٱلۡوَٰحِدِ ٱلۡقَهَّارِ ﴾

Maksudnya: ***“Kepunyaan siapakah kerajaan pada hari ini?” Kepunyaan Allah yang Maha Esa lagi Maha Mengalahkan.***

69- Apakah dalil ketinggian kuasa Allah daripada al-Sunnah?
Dalilny banyak seperti sabda Rasulullah s.a.w. :

أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا [67]

Maksudnya: ***“Aku berlindung dengan Engkau dari keburukan segala binatang yang Engkau pegang dahi-dahinya/menguasainya.”***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَابْنُ أَمَتِكَ نَاصِيَتِي بِيَدِكَ مَاضٍ فِيَّ حُكْمُكَ عَدْلٌ فِيَّ قَضَاؤُكَ [68]

---

[67] مسلم ك الذكر باب ما يقول عند النوم وأخذ المضجع رقم 4888.

[68] أحمد ك مسند المكثرين من الصحابة ب مسند عبد الله بن مسعود رضي الله عنه رقم 3528.

Maksudnya: ***"Ya Allah, sesungguhnya aku adalah hambaMu, anak hamba lelakiMu, anak hamba wanitaMu, dahiku berada di dalam tanganMu, hukumMu berjalan dalam diriku, penentuanMu adil bagiku…"***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ [69]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Engkau memutuskan dan tidak diputuskan terhadap Engkau. Sesungguhnya tidak akan hina orang yang Engkau bantu dan tidak akan mulia orang yang Engkau musuhi."***

70- Apakah dalil ketinggian keadaan Allah dan apakah yang wajib ditolak daripada Allah 'Azza wa Jalla?

Ketahuilah bahawa ketinggian keadaan Allah ialah apa yang terkandung dalam namaNya al-Quddus (Maha Suci) al-Salam (Maha Sejahtera) al-Kabir (Maha Besar) al-Muta'ali (Maha Tinggi) dan yang seerti dengannya di samping erti-erti kesempurnaan dan keagungan yang yang terkandung dalam semua sifat-sifatNya.

Ketinggian keadaan Allah merangkumi asperk-aspek berikut;

- Dalam keesaan, tidak memerlukan pembantu atau penolong dalam kerajaanNya tanpa izinNya dan tidak pula berkongsi dengan sesiapa.
- Dalam keagungan, kemegahan dan kebesaran, tidak mempunyai lawan yang standing atau yang dapat mengalahkanNya atau pembantu disebabkan kelemahanNya.
- Dalam pergantungan, tidak memerlukan kepada isteri, anak, bapa sekutu dan kawan.
- Dalam kesempurnaan kehidupan dan kuasaNya, tidak mati, letih, tidur dan penat.
- Dalam kesempurnaan ilmu, tidak lupa dan lalai terhadap apa sahaja yang terdapat di langit danbumi walaupun sebesar zarah.
- Dalam kesempurnaan hikmat dan kepujiaan, tidak mencipta sesuatu tanpa sebab dan tidak pula meninggalkan ciptaanNya tanpa perintah, larangan, pembangkitan dan pengiraan.
- Dalam kesempurnaan keadilan, tidak menzalimi sesiapapun walaupun sebesar zarah atau menafikan kebaikannya walaupun sedikit.
- Dalam kesempurnaan kekayaan, tidak perlu diberi makan, minum atau apa sahaja bentuk rezeki.
- Dalam semua sifat yang telah Dia jelaskan tentang diriNya dan juga RasulNya telah jelaskan tentang diriNya.

Maha suci Allah dari segala kekurangan yang menyalahi ketuhananNya dari sudut uluhiyah, rububiyah dan nama-nama dan sifat-sifatNya. Firman Allah Ta'ala (al-Rum 30:27):

﴿ وَلَهُ ٱلْمَثَلُ ٱلْأَعْلَىٰ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴾

Maksudnya: ***Dan bagiNya sifat yang Maha Tinggi di langit dan di bumi; dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.***

[69] أبو داود ك الصلاة ب القنوت في الوتر رقم 1214.

Nas-nas al-Quran dan al-Sunnah amat banyak membicarakan perihal ketinggian ini.

71- Apakah maksud sabda Rasulullah s.a.w. berkenaan nama-nama Allah yang mulia [Siapa yang menghitungnya akan masuk syurga]?

Hadith ini telah dihuraikan dengan beberapa huraian seperti berikut:

1- Menghafalnya dan berdoa menggunakannya serta memuji Allah dengannya.

2- a. Mengikuti apa yang boleh diikuti seperti al-Rahim dan al-Karim. Hamba hendaklah melatih dirinya supaya mempunyai sifat itu mengikut kemampuannya.

b. Menetapkan apa yang khas untuk Allah seperti al-Jabbar (Maha Perkasa), al-Azim (Maha Agung) dan al-Mutakabbir (Maha Megah). Hamba hendaklah menetapkannya serta merendahkan diri terhadapnya dan tidak meniru sifat tersebut.

c. Mengharapkan apa yang menunjukkan pengharapan seperti al-Ghafur (Maha Pengampun), al-Syakur (Maha Mensyukuri), al-Afu (Maha Pemaaf), al-Rauf (Maha Pengasih), al-Halim (Maha Penyantun), al-Jawwad (Maha Pemurah) dan al-Karim (Maha Pemurah). Hamba hendaklah membayangkan sifat ini semasa meminta.

d. Berasa takut terhadap apa yang menunjukkan amaran dan ancaman seperti Aziz (Maha Agung) Zi intiqam (Empunya balas dendam), Syadid al-iqab (Maha pedih balasanNya), Sari' al-hisab (Maha cepat hitunganNya). Hamba hendaklah membayangkan sifat ini semasa dipanggil nafsu.

3- Naik saksi terhadapnya dan memberi haknya samada dari sudut pengetahuan mahupun penghambaan.

Contohnya hamba yang naik saksi terhadap ketinggian Allah Ta'ala ke atas makhlukNya, berada tinggi di atas singgahsanaNya, terasing dari makhluk di samping sifatnya merangkumi mereka dari sudut ilmu, kuasa dan sebagainya. Dia juga menyembah Allah mengikut tuntutan sifat ini di mana dia merasakan bahawa Allah adalah tempat dia bergantung, tempat dia mengadu sambil merendah diri di hadapan Allah kerana mengetahui dia adalah seorang hamba yang mengadap Tuhannya yang Maha Agung. Dia merasakan bahawa perkataannya dan perbuatannya naik dan akan dibentangkan kepada Allah yang menjadikannya malu untuk melakukan perkara yang mengaibkannya kelak. Dia juga naik saksi bahawa perintah Allah turun kepada setiap pelusuk dunia pada setiap masa dengan pelbagai urusan dan pentadbiran seperti menghidupkan dan mematikan, memuliakan dan menghina, mengangkat dan merendahkan, memberi dan menegah, mengalih musibah dan mendatangkannya, mengubah keadaan-keadaan manusia dan lain-lain urusan dalam kerajaanNya yang hanya diuruskan olehNya sahaja. Tiada yang dapat menghalang urusan-urusanNya ini. Firman Allah Ta'ala (al-Sajdah 32:5):

﴿ يُدَبِّرُ ٱلۡأَمۡرَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ إِلَى ٱلۡأَرۡضِ ثُمَّ يَعۡرُجُ إِلَيۡهِ فِي يَوۡمٖ كَانَ مِقۡدَارُهُۥٓ أَلۡفَ سَنَةٖ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴾

Maksudnya: ***Dia mengatur urusan dari langit ke bumi, kemudian (urusan) itu naik kepadaNya dalam satu hari yang kadarnya (lamanya) adalah seribu tahun menurut perhitunganmu.***

Sesiapa yang dapat melaksanakan kesaksian ini dari sudut pengetahuan mahupun penghambaan, maka sesungguhnya Tuhannya telah memadainya dan dia tidak perlu kepada yang lain. Begitu juga keadaannya dengan orang yang dapar melaksanakan kesaksian bahawa ilmu Allah serta segala sifatNya merangkumi segala sesuatu. Keadaan ini tidak dapat dikecapi kecuali oleh para al-Sabiqun (mendahului) al-Muqarrabun (didekatkan).

72- Apakah lawan kepada Tauhid al-Asma wal-Sifat (pengesaan dalam nama-nama dan sfat-sifat)?
Lawannya ialah penyelewengan dalam nama-nama dan sifat-sifat serta ayat-ayat Allah. Ianya terbahagi tiga iaitu:

1- Penyelewengan golongan musyrikun yang memesongkan pengertian nama-nama Allah yang sebenarnya dan menamakan berhala-berhala mereka dengan nama-nama tersebut dengan sedikit penambahan atau pengurangan. Mereka menamakan al-Laat daripada al-Ilaah, al-Uzza daripada al-Aziiz dan al-Manaah daripada al-Mannaan.

2- Penyelewengan golongan al-Musyabbihah (penyerupa) yang membentukkan sifat-sifat Allah dan menyerupakannya dengan sifat makhluk. Ini berlawanan dengan penyelewengan golongan musyrikun di mana golongan musyrikun menyamakan makhluk dengan Tuhan sekelian alam manakala golongan al-musyabbihah menjadikanNya ibarat jisim-jisim makhluk dan menyamakan Tuhan dengannya.

3- Penyelewengan golongan al-Nufah al-Mu'attilah (penafi dan penolak). Mereka terbahagi dua:

a- Golongan yang menetapkan lafaz-lafaz nama Allah dan menafikan sifat-sifat yang terkandung dalamnya. Mereka mengatakan 'Maha Pemurah tanpa sifat pemurah, Maha Mengetahui tanpa sifat pengetahuan, Maha Mendengar tanpa sifat pendengaran, Maha Melihat tanpa sifat penglihatan, Maha Berkuasa tanpa sifat kuasa dan seterusnya.

b- Golongan yang menafikan secara terang-terangan semua nama dan sifat yang terkandung dalamnya. Mereka menyifatkan Allah dengan sifat ketiadaan secara mutlak iaitu tiada nama dan tiada sifat bagiNya.

Maha suci Allah daripada apa yang diperkatakan oleh orang-orang yang zalim dan menyeleweng serta menafikan nama-namaNya. Firman Allah Ta'ala (Maryam 19:65):

﴿ رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَا فَٱعۡبُدۡهُ وَٱصۡطَبِرۡ لِعِبَٰدَتِهِۦۚ هَلۡ تَعۡلَمُ لَهُۥ سَمِيّٗا ﴾

Maksudnya: ***Tuhan (yang menguasai) langit dan bumi dan apa-apa yang ada di antara keduanya, maka sembahlah dia dan berteguh hatilah dalam beribadat kepadaNya. Apakah kamu mengetahui ada seorang yang sama dengan Dia (yang patut disembah).***

Firman Allah Ta'ala (al-Syura 42:11):

﴿ لَيۡسَ كَمِثۡلِهِۦ شَيۡءٞۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ﴾

Maksudnya: ***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.***

Firman Allah Ta'ala (Taha 20:110):

﴿ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِۦ عِلۡمٗا ﴾

Maksudnya: ***Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmuNya.***

73- Adakah semua jenis tauhid ini saling pelu-memerlukan di mana jika terbatal satu bermaksud terbatal semuanya?
Ya, kesemuanya saling perlu-memerlukan. sesiapa yang syirik dalam salah satu bermaksud dia juga syirik dalam yang lain.
Contohnya, berdoa kepada selain Allah dan meminta perkara yang hanya Allah sahaja dapat memberinya. Doa ini adalah ibadah, jadi memalingkannya kepada selain Allah adalah syirik dalam Uluhiyah.

Meminta hajat samada mendatangkan kebaikan atau menolak keburukan dengan beriktikad bahawa makhluk yang diminta itu mampu melakukannya adalah syirik dalam Rububiyah kerana dia beriktikad bahawa ada yang berkuasa di samping Allah dalam kerajaanNya.

Orang yang berdoa ini juga mempercayai bahawa makhluk yang diminta itu dapat mendengar permintaannya dari jauh atau dari dekat, setiap masa dan setiap tempat. Ini adalah syirik dalam al-Asma' wal-Sifat kerana dia beriktikad bahawa makhluk itu mempunyai pendengaran yang merangkumi semua yang dapat didengar tidak kira dekat atau jauh. Dengan ini jelaslah bahawa syirik dalam Uluhiyah bermaksud syirik dalam Rububiyah dan al-Asma wal-Sifat juga.

74- Apakah dalil berkenaan beriman dengan para malaikat daripada al-Quran dan al-Sunnah?

Dalil tentang perkara ini daripada al-Quran amat banyak sekali, antaranya ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Syura 42:5):

﴿ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِمَن فِى ٱلْأَرْضِ ﴾

Maksudnya: ***Dan malaikat-malaikat bertasbih serta memuji Tuhannya dan memohonkan ampun bagi orang-orang yang ada di bumi.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:206):

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسْجُدُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya malaikat-malaikat yang ada di sisi Tuhanmu tidaklah merasa enggan menyembah Allah dan mereka mentasbihkanNya dan hanya kepadaNyalah mereka bersujud.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:98):

﴿ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّلَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَرُسُلِهِۦ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَىٰلَ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَدُوٌّ لِّلْكَٰفِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa yang menjadi musuh Allah, malaikat-malaikatNya, rasul-rasulNya, Jibril dan Mikail, maka sesungguhnya Allah adalah musuh orang-orang kafir.***

Dalil tentang perkara ini daripada al-Sunnah juga banyak seperti hadith Jibril yang telah dijelaskan terdahulu. Juga sabda Rasulullah ρ :
خُلِقَتْ الْمَلَائِكَةُ مِنْ نُورٍ وَخُلِقَ الْجَانُّ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ وَخُلِقَ آدَمُ مِمَّا وُصِفَ لَكُمْ.[70]
Maksudnya: ***"Malaikat dicipta daripada cahaya, jin dicipta daripada api, dan Adam dicipta daripada apa yang telah dijelaskan kepada kamu."***

75- Apakah maksud beriman dengan para malaikat?
Maksudnya ialah penetapan yang jitu bahawa mereka wujud dan merupakan makhluk-makhluk Allah yang terdidik dan terarah dengan didikan dan arahan Allah.
Firman Allah Ta'ala (al-Anbiya' 21:26-27):

﴿ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ ﴿٢٦﴾ لَا يَسْبِقُونَهُۥ بِٱلْقَوْلِ وَهُم بِأَمْرِهِۦ يَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sebenarnya (malaikat-malaikat itu), adalah hamba-hamba yang dimuliakan. Mereka itu tidak mendahuluiNya dengan perkataan dan mereka mengerjakan perintah-perintahNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Tahrim 66:6):

﴿ لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴾

Maksudnya: ***Mereka tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiya' 21:19-20):

---
[70] مسلم ك الزهد والرقائق ب في أحاديث متفرقة رقم 5314.

﴿ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسۡتَحۡسِرُونَ ۝ يُسَبِّحُونَ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفۡتُرُونَ ﴾

Maksudnya: ***Mereka tidak mempunyai rasa angkuh untuk menyembahNya dan tiada (pula) merasa letih. Mereka selalu bertasbih malam dan siang tiada henti-hentinya.***

76- Apakah jenis para malaikat dari sudut tugas-tugas yang Allah berikan kepada mereka.
Para malaikat mempunyai pelbagai tugas seperti beriut:
Malaikat yang diwakilkan untuk menyampaikan wahyu kepada para rasul. Dia ialah JIbril a.s.
Malaikat yang diwakilkan untuk menurunkan hujan iaitu Mikail a.s.
Malaikat yang diwakilkan untuk meniup sangkakala iaitu Israfil a.s.
Malaikat yang diwakilkan untuk mencabut ruh iaitu Malaikat maut dan pembantu-pembantunya.
Malaikat yang diwakilkan untuk mencatit amalan hamba iaitu al-Kiram al-Katibun (yang mulia dan menulis).
Malaikat yang diwakilkan untuk memelihara hamba dari depan mahupun belakang iaitu al-Mu'aqqibat (pemelihara).
Malaikat yang diwakilkan untuk menjaga syurga dan nikmat-nikmatnya iaitu Ridwan.
Malaikat yang diwakilkan untuk menjaga neraka dan azab-azabnya iaitu Malik dan al-Zabaniyah (menyeksa) yang dikepalai oleh 19 para malaikat.
Malaikat yang diwakilkan untuk persoalan dalam kubur iaitu Munkar dan Nakir.
Malaikat yang diwakilkan untuk menjunjung singgahsana.
Malaikat yang diwakilkan untuk menjaga janin dalam rahim, membentuknya dan menulis ketentuannya.
Malaikat yang diwakilkan untuk memasuki al-Bait al-Ma'mur setiap hari kumpulan baru sebanyak 70 ribu.
Malaikat yang diwakilkan untuk menghadiri majlis-majlis ilmu.
Malaikat yang diwakilkan untuk berdiri beribadah dalam-saf-saf tanpa jemu.
Malaikat yang diwakilkan untuk beribadah dengan ruku' selama-lamanya.
Dan banyak lagi malaikat yang tidak dijelaskan kepada kita. Firman Allah Ta'ala (al-Muddaththir 74:31):

﴿ وَمَا يَعۡلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَۚ وَمَا هِيَ إِلَّا ذِكۡرَىٰ لِلۡبَشَرِ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidak ada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia sendiri. Dan Saqar itu tiada lain hanyalah peringatan bagi manusia.***

77- Apakah dalil beriman dengan kitab-kitab?
Dalilnya antara lain ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Nisa’ 4:136):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ ءَامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ مِن قَبۡلُ ﴾

Maksudnya: ***Wahai orang-orang yang beriman, tetaplah beriman kepada Allah dan rasulNya dan kepada kitab yang Allah turunkan kepada rasulNya, serta kitab yang Allah turunkan sebelumnya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:136):

﴿ قُولُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيۡنَا وَمَآ أُنزِلَ إِلَىٰٓ إِبۡرَٰهِـۧمَ وَإِسۡمَٰعِيلَ وَإِسۡحَٰقَ وَيَعۡقُوبَ وَٱلۡأَسۡبَاطِ وَمَآ أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَآ أُوتِيَ ٱلنَّبِيُّونَ مِن رَّبِّهِمۡ لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ أَحَدٖ مِّنۡهُمۡ وَنَحۡنُ لَهُۥ مُسۡلِمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah (hai orang0orang mu'min) "Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami, dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'qub dan anak cucunya, dan apa yang diberikan kepada nabi-nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seorangpun di antara mereka dan kami hanya tunduk patuh kepadaNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Syura 42:15):

﴿ وَقُلۡ ءَامَنتُ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِن كِتَٰبٖ ﴾

Maksudnya: ***Dan katakanlah "Aku beriman kepada semua ditab yang diturunkan Allah."***

78- Adakah semua kitab-kitab ini telah dijelaskan di dalam al-Quran?
Allah telah menamakan beberapa kitab itu di dalam al-Quran iaitu al-Taurat, al-Injil, al-Zabur dan Suhuf (lembaran-lembaran) Ibrahim dan Musa. Kitab-kitab yang lain telah dijelaskan oleh Allah secara umum.

Firman Allah Ta'ala (Ali Imran 3:2-3):

﴿ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُ ﴿٢﴾ نَزَّلَ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّ مُصَدِّقٗا لِّمَا بَيۡنَ يَدَيۡهِ وَأَنزَلَ ٱلتَّوۡرَىٰةَ وَٱلۡإِنجِيلَ ﴿٣﴾ مِن قَبۡلُ ﴾

Maksudnya: ***Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Yang Hidup kekal lagi terus menerus mengurus makhlukNya.***
Dia menurunkan al-kitab (al-Quran) kepadamu dengan sebenarnya; membenarkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan menurunkan Taurat dan Injil sebelum al-Quran.

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:163):

﴿ وَءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ زَبُورٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami berikan Zabur kepada Daud.***

Firman Allah Ta'ala (al-Najm 53:36-37):

﴿ أَمْ لَمْ يُنَبَّأْ بِمَا فِى صُحُفِ مُوسَىٰ ۝ وَإِبْرَٰهِيمَ ٱلَّذِى وَفَّىٰٓ ﴾

Maksudnya: ***Ataukah belum diberitakan kepadanya apa yang ada dalam lembaran-lembaran Musa? Dan lembaran-lembaran Ibrahim yang selalu menyempurnakan janji?***

Firman Allah Ta'ala (al-Hadid 57:25):

﴿ لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْمِيزَانَ لِيَقُومَ ٱلنَّاسُ بِٱلْقِسْطِ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca supaya manusia dapat melaksanakan keadilan.***

Apa yang Allah jelaskan secara khusus, kita wajib beriman secara khusus dan apa yang Allah jelaskan secara umum pula kita wajib beriman secara umum juga. Kita mengatakan sepertimana Allah perintahkan RasulNya dalam firman Allah Ta'ala (al-Syura 42:15):

﴿ وَقُلْ ءَامَنتُ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِن كِتَٰبٍ ﴾

Maksudnya: ***Dan katakanlah "Aku beriman kepada semua kitab yang diturunkan Allah."***

79- Apakah maksud beriman dengan kitab-kitab Allah?
Beriman dengan kitab-kitab Allah ialah mempercayai dengan teguh bahawa semuanya diturunkan dari sisi Allah dan Allah telah bertutur dengannya sebenar-benarnya. Di antara bentuknya ialah;

a. yang didengar daripadaNya dari belakang hijab (penghadang) tanpa perantaraan Malaikat.
b. Yang disampaikan oleh rasul dari kalangan Malaikat kepada rasul dari kalangan manusia.
c. Yang ditulis oleh Allah dengan tanganNya.

Firman Allah Ta'ala (al-Syura 42:51):

﴿ وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُكَلِّمَهُ ٱللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِن وَرَآيِٕ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولاً فَيُوحِىَ بِإِذْنِهِۦ مَا يَشَآءُ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidak ada bagi seorang manusiapun bahawa Allah berkata-kata dengan dia kecuali dengan perantaraan wahyu atau di belakang tabir atau dengan mengutus seorang utusan (malaikat) lalu diwahyukan kepadanya dengan izinNya apa yang Dia kehendaki.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:144):

﴿ إِنِّى ٱصْطَفَيْتُكَ عَلَى ٱلنَّاسِ بِرِسَٰلَٰتِى وَبِكَلَٰمِى ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Aku memilih (melebihkan) kamu dari manusia yang lain (di maamu) untuk membawa risalahKu dan untuk berbicara langsung denganKu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:164) kepada Nabi Musa:

﴿ وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكۡلِيمًا ﴾

Maksudnya: ***Dan Allah telah berbicara kepada Musa dengan langsung.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:145) berkenaan al-Taurat:

﴿ وَكَتَبۡنَا لَهُۥ فِي ٱلۡأَلۡوَاحِ مِن كُلِّ شَيۡءٖ مَّوۡعِظَةٗ وَتَفۡصِيلٗا لِّكُلِّ شَيۡءٖ ﴾

Maksudnya: ***Dan telah Kami tuliskan untuk Musa pada kepingan-kepingan, segala sesuatu sebagai pelajaran dan penjelasan bagi segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Maidah 5:46) berkenaan Nabi Isa:

﴿ وَءَاتَيۡنَٰهُ ٱلۡإِنجِيلَ ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami telah memberikan kepadanya kitab Injil.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:163):

﴿ وَءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ زَبُورٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami berikan Zabur kepada Daud.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:166) berkenaan al-Quran:

﴿ لَّٰكِنِ ٱللَّهُ يَشۡهَدُ بِمَآ أَنزَلَ إِلَيۡكَۖ أَنزَلَهُۥ بِعِلۡمِهِۦۖ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يَشۡهَدُونَۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًا ﴾

Maksudnya: ***(Mereka tidak mahu mengakui yang diturunkan kepadamu itu), tetapi Allah mengakui al-Quran yang diturunkanNya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmuNya; dan malaikat-malaikat pun menjadi saksi. Dan cukuplah Allah yang mengakuinya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Isra' 17:106):

﴿ وَقُرۡءَانٗا فَرَقۡنَٰهُ لِتَقۡرَأَهُۥ عَلَى ٱلنَّاسِ عَلَىٰ مُكۡثٖ وَنَزَّلۡنَٰهُ تَنزِيلٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan al-Quran itu telah Kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacakannya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya bahagian demi bahagian.***

Firman Allah Ta'ala (al-Syu'ara' 26:192-195):

﴿ وَإِنَّهُۥ لَتَنزِيلُ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٩٢ نَزَلَ بِهِ ٱلرُّوحُ ٱلۡأَمِينُ ١٩٣ عَلَىٰ قَلۡبِكَ لِتَكُونَ مِنَ ٱلۡمُنذِرِينَ ١٩٤ بِلِسَانٍ عَرَبِيّٖ مُّبِينٖ ﴾

Maksudnya: ***Dan sesungguhnya al-Quran ini benar-benar diturunkan oleh Tuhan semesta alam, ia dibawa turun oleh al-Ruh al-Amin (Jibril),***

ke dalam hatimu (Muhammad) agar kamu menjadi salah seorang di antara orang-orang yang memberi peringatan, dengan bahasa Arab yang jelas.

Firman Allah Ta'ala (Fussilat 41:41-42):

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِٱلذِّكْرِ لَمَّا جَآءَهُمْ ۖ وَإِنَّهُۥ لَكِتَٰبٌ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾ لَّا يَأْتِيهِ ٱلْبَٰطِلُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِۦ ۖ تَنزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang yang mengingkari al-Quran ketika al-Quran itu datang kepada mereka, (mereka itu pasti akan celaka), dan sesungguhnya al-Quran itu adalah kitab yang mulia. Yang tidak datang kepadanya kebatilan baik dari depan mahupun dari belakangnya, yang diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji.***

80- Apakah kedudukan al-Quran berbanding dengan kitab-kitab terdahulu?
Firman Allah Ta'ala (al-Maidah 5:48):

﴿ وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ﴾

Maksudnya; ***Dan Kami telah turunkan kepadamu al-Quran dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya, iaitu kitab-kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan batu ujian terhadap kitab-kitab yang lain itu.***

Firman Allah Ta'ala (Yunus 10:37):

﴿ وَمَا كَانَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ أَن يُفْتَرَىٰ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Tidaklah mungkin al-Quran ini dibuat oleh selain Allah; akan tetapi (al-Quran itu) membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya dan menjelaskan hukum-hukum yang telah ditetapkannya, tidak ada keraguan di dalamnya, (diturunkan) dari Tuhan semesta alam.***

Firman Allah Ta'ala (Yusuf 12:111):

﴿ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴾

Maksudnya: ***al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.***

Para pentafsir telah berkata, "al-Quran merupakan penghulu dan saksi terhadap kitab-kitab terdahulu serta pembenar terhadapnya. Al-Quran membenarkan isi kitab-kitab itu yang benar dan menolak penyelewengan yang telah berlaku terhadap kitab-kitab itu. Al-Quran juga menetapkan atau memansuhkan kitab-kitab itu. Oleh sebab itu, orang yang benar-benar

beriman dengan kitab-kitab itu dan tidak berpaling tadah pasti akan beriman dengan al-Quran.

Firman Allah Ta'ala (al-Qasas 28:52-53):

﴿ ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا كُنَّا مِن قَبْلِهِۦ مُسْلِمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Orang-orang yang telah Kami datangkan kepada mereka al-Kitab sebelum al-Quran, mereka beriman dengan al-Quran itu. Dan apabila dibacakan (al-Quran itu) kepada mereka, mereka berkata "Kami beriman kepadanya; sesungguhnya al-Quran itu adalah suatu kebenaran dari Tuhan kami, sesungguhnya kami sebelumnya adalah orang-orang yang membenarkannya.***

81- Apakah kewajipan umat ini terhadap al-Quran?
Mereka berkewajipan mengikutnya secara zahir dan batin serta berpegang teguh dengannya dan juga menyempurnakan haknya.
Firman Allah Ta'ala (al-An'am 6:155):

﴿ وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ فَٱتَّبِعُوهُ وَٱتَّقُوا۟ ﴾

Maksudnya: ***Dan al-Quran itu adalah kitab yang Kami turunkan yang diberkati, maka ikutilah dia dan bertakwalah.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:3):

﴿ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ ﴾

Maksudnya: ***Ikutilah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan janganlah kamu mengikuti pemimpin-pemimpin selainNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:170):

﴿ وَٱلَّذِينَ يُمَسِّكُونَ بِٱلْكِتَٰبِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan orang-orang yang berpegang teguh dengan al-Kitab (taurat) serta mendirikan shalat, (akan diberi pahala) kerana sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang mengadakan kebaikan.***

Ayat-ayat ini umum berkaitan semua kitab. Nabi juga telah mewasiatkan supaya berpegang dengan kitab Allah dalam sabdanya:

فَخُذُوا بِكِتَابِ اللَّهِ وَاسْتَمْسِكُوا بِهِ [71]

Maksudnya***: "Ambillah al-Quran dan berpeganglah dengannya."***

82- Apakah maksud berpegang dengan al-Quran dan menyempurnakan haknya?
Maksudnya ialah menghafalnya, membacanya, bersolat dengannya pada waktu malam dan siang, menghayati ayat-ayatnya, menghalalkan halalnya, mengharamkan haramnya, mengambil pengajaran daripada kisah-kisahnya,

[71] مسلم ك فضائل الصحابة ب فضائل علي بن أبي طالب رضي الله عنه رقم 4425.

beramal dengan muhkamnya (ayat jelas), menerima mutasyabihnya (ayat samara), berhenti di sempadannya, mempertahankannya daripada penyelewengan golongan pelampau dan peneysatan golongan batil, memberi nasihat untuknya dari setiap sudut / pengertiannya serta berdakwah kepada semua ini di atas keterangan.

83- Apakah hukum orang yang mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk?

Al-Quran adalah kalam (kata-kata) Allah yang sebenar-benarnya samada hurufnya mahupun ertinya. Kata-katanya bukan hanya huruf tanpa erti atau erti tanpa huruf. Allah telah berkata-kata dengannya sebenar-benarnya, menurunkannya sebagai wahyu kepada NabiNya dan orang yang beriman telah beriman dengannya sebenar-benarnya. Walaupun al-Quran ditulis dengan jari-jari, dibaca oleh lidah, dihafal oleh hati, didengar oleh telinga dan dilihat oleh mata, semua ini tidak menjadikan al-Quran bukan kata-kata Allah.

Jari-jari, dakwat, pena dan kertas adalah makhluk manakala perkara yang ditulis itu bukanlah makhluk.
Lidah-lidah dan suara adalah makhluk manakala perkara yang dibaca bukanlah makhluk.
Hati-hati adalah makhluk manakala perkara yang dihafal bukanlah makhluk.
Pendengaran adalah makhluk manakala perkara yang didengar bukanlah makhluk.

Firman Allah Ta'ala (al-Waqi'ah 56:77-78):

﴿ إِنَّهُۥ لَقُرْءَانٌ كَرِيمٌ ﴿٧٧﴾ فِى كِتَـٰبٍ مَّكْنُونٍ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya al-Quran itu adalah bacaan yang sangat mulia, pada kitab yang terpelihara (Lauh Mahfuz).***

Firman Allah Ta'ala (al-'Ankabut 29:49):

﴿ بَلْ هُوَ ءَايَـٰتٌۢ بَيِّنَـٰتٌ فِى صُدُورِ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ ۚ وَمَا يَجْحَدُ بِـَٔايَـٰتِنَآ إِلَّا ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sebenarnya, al-Quran itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalam dada orang-orang yang diberi ilmu. Dan tidak ada yang mengingkari ayat-ayat Kami kecuali orang-orang yang zalim.***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:27):

﴿ وَٱتْلُ مَآ أُوحِىَ إِلَيْكَ مِن كِتَابِ رَبِّكَ ۖ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَـٰتِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Dan bacakanlah apa yang diwahyukan kepadamu, iaitu kitab Tuhanmu (al-Quran). Tidak ada seorangpun yang dapat mengubah kaliamt-kalimatNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:6):

﴿ وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ٱسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَـٰمَ ٱللَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Dan jika seorang di antara orang-orang musyrikin itu meminta perlindungan kepadamu, maka lindungi ia supaya ia sempat mendengar kata-kata Allah.***

Abdullah bin Mas'ud berkata:

أدِيمُوا النَّظَر فِي المُصْحَف [72]

Maksudnya: 'Banyakkanlah melihat lembaran al-Quran.'

Sesiapa yang mengatakan bahawa al-Quran atau sebahagian daripada al-Quran adalah makhluk, dia jatuh kafir kufur yang besar yang mengeluarkannya daripada Islam. Ini kerana al-Quran adalah kata-kata Allah, daripadaNya ia keluar dan kepadaNya ia kembali. Kata-kata Allah ialah sifatNya. Justeru sesiapa yang mengatakan bahawa salah satu sifat Allah adalah makhluk maka dia jatuh kafir lagi murtad. Dia diberi peluang untuk kembali kepada Islam. Jika dia tidak kembali kepada Islam dia dihukum bunuh kerana kufur dan dia tidak tertakluk kepada hukum-hukum Islam.[73]

84- Adakah sifat kalam (kata-kata) itu sifat zatiyyah (zat/diri) ataupun sifat fi'liyyah (perbuatan)?

Jika dilihat dari sudut sifat kalam (kata-kata) ini tertakluk kepada zat/diri Allah dan Allah bersifat denganya, sifat kalam (kata-kata) adalah tergolong dalam sifat zatiyyah (zat/diri), seperti ilmuNya, bahkan sifat kalam itu adalah sebahagian daripada ilmuNya, Dia menurunkannya dengan ilmuNya dan Dia Maha Mengetahui tentang apa yang diturunkanNya.

Jika dilihat dari sudut percakapanNya menurut kehendak dan keinginanNya, sifat kalam (kata-kata) adalah sifat fi'liyyah (perbuatan).

Berdasarkan inilah para al-Salaf al-Salih telah mengatakan bahawa sifat kalam ialah sifat zat dan fi'l (perbuatan) sekaligus. Allah Ta'ala dari azali lagi bersifat dengan sifat kalam (kata-kata) dan Dia berterusan bersifat dengan sifat ini selama-lamanya. PercakapanNya dan pertuturanNya pula berkait dengan kehendak dan keinginanNya. Dia berkata-kata sekiranya Dia ingin, di masa Dia ingin dan bagaimana Dia ingin dengan kata-kata yang Dia perdengarkan kepada sesiapa yang Dia ingin. Kata-kata Allah dan sifat-sifatNya tidak mempunyai had dan kesudahan. Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:109):

﴿ قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَـٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَـٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Kalau sekiranya lautan menjadi tinta untuk menulis kalimat-kalimat Tuhanku, sungguh habislah lautan itu sebelum***

---

[72] فبح الباري

[73] Kenyataan ini diriwayatkan daripada al-Imam Ahmad, al-Imam Malik, al-Imam al-Syafe'i, al-Imam Ibnu Khuzaimah dan lain-lain ulamak al-Salaf al-Salih. Rujuklah kitab Ma'arij al-Qabul karangan penulis jil. 1 hlm. 188 sehingga 203.

habis ditulis kalimat-kalimat Tuhanku, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu pula."

Firman Allah Ta'ala (Luqman 31:27):

﴿ وَلَوْ أَنَّمَا فِي ٱلْأَرْضِ مِن شَجَرَةٍ أَقْلَٰمٌ وَٱلْبَحْرُ يَمُدُّهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفِدَتْ كَلِمَٰتُ ٱللَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (menjadi tinta) ditambahkan kepada tujuh laut lagi sesudah keringnya, nescaya tidak akan habis dituliskan kalimat Allah***.

Firman Allah Ta'ala (al-An'am 6:115):

﴿ وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا ۚ لَّا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴾

Maksudnya: ***Telah sempurnalah kalimat Tuhanmu (al-Quran) sebagai kalimat yang benar dan adil. Tidak ada yang dapat mengubah kalimat-kalimatNya dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.***

85- Siapakah golongan al-Waqifah (yang berhenti)?
Al-Waqifah (yang berhenti) ialah mereka yang meperkatakan tentang al-Quran bahawa "Kami tidak mengatakan ia adalah kalam Allah dan kami juga tidak mengatakan ia adalah makhluk." Al-Imam Ahmad telah berkata "Orang yang pandai berbicara di kalangan mereka, dia tergolong dalam golongan Jahmiyyah. Orang yang jahil basit (mudah) di kalangan mereka hendaklah dijelaskan hujah kepadanya dengan dalil dan keterangan, jika dia bertaubat dan beriman bahawa kata-kata Allah adalah bukan makhluk diterima taubatnya dan jika tidak dia adalah lebih keji daripada golongan Jahmiyyah."

86- Apakah hukumnya bagi orang yang mengatakan bahawa lafazku dengan al-Quran adalah makhluk?
Konteks ini tidak wajar disebut samada dari sudut penetapan mahupun penolakan. Ini kerana 'lafaz' adalah satu perkara yang merangkumi perbuatan melafazkan yang dilakukan oleh hamba dan juga perkara yang dilafazkan iaitu al-Quran.

Jadi jika konteks ini disebut, ianya merangkumi erti kedua yang merupakan intipati pendapat golongan Jahmiyyah.
Jika dimaksudkan bukan makhluk, ianya merangkumi erti pertama yang merupakan perbuatan hamba dan ini adalah bid'ah golongan al-Ittihaadiyyah (ahli wahdatul wujud).

Disebabkan inilah para al-Salaf al-Salih telah berkta "Orang yang berkata 'Lafazku dengan al-Quran adalah makhluk' maka dia adalah Jahmi, dan jika dia mengatakan bukan makhluk maka dia adalah pelaku bid'ah."

87- Apakah dalil berkenaan beriman dengan para Rasul?
Dalilnya amat banyak sekali, di antaranya ialah:

Firman Allah Ta'ala (al-Nisa’ 4:150-152):

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكۡفُرُونَ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيُرِيدُونَ أَن يُفَرِّقُواْ بَيۡنَ ٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيَقُولُونَ نُؤۡمِنُ بِبَعۡضٍ وَنَكۡفُرُ بِبَعۡضٍ وَيُرِيدُونَ أَن يَتَّخِذُواْ بَيۡنَ ذَٰلِكَ سَبِيلاً ﴿١٥٠﴾ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡكَٰفِرُونَ حَقًّاۚ وَأَعۡتَدۡنَا لِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَلَمۡ يُفَرِّقُواْ بَيۡنَ أَحَدٍ مِّنۡهُمۡ أُوْلَٰٓئِكَ سَوۡفَ يُؤۡتِيهِمۡ أُجُورَهُمۡ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada Allah dan rasul-rasulNya, dan bermaksud mengasingkan antara (keimanan kepada) Allah dan rasul-rasulNya, dengan mengatakan “Kami beriman kepada yang sebahagian dan kami kafir terhadap sebahagian (yang lain)” serta bermaksud (dengan perkataan itu) mengambil jalan (tengah) di antara yang demikian (iman dan kafir), merekalah orang-orang yang kafir sebenar-benarnya. Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang kafir itu seksaan yang menghinakan.***
Orang-orang yang beriman kepada Allah dan para rasulNya dan tidak mengasingkan seorangpun di antara mereka, kelak Allah akan memberikan kepada mereka pahalanya.

Sabda Rasulullah s.a.w. :

آمَنْتُ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ [74]

Maksudnya: ***“Aku beriman dengan Allah dan para rasulNya.”***

88- Apakah maksud beriman dengan para Rasul?
Beriman dengan para Rasul ialah mempercayai dengan sepenuhnya bahawa Allah Ta'ala telah menghantar kepada setiap kaum itu seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri. Para Rasul tersebut mengajak mereka supaya beribadat kepada Allah sahaja di samping kufur terhadap apa yang disembah selain Allah. Juga percaya bahawa mereka semua benar dan dibenarkan, salih dan waras, mulia dan suci, bertaqwa dan penuh amanah, pemberi hidayat dan diberi hidayat, dibantu dengan tanda-tanda yang jelas dan ayat-ayat yang nyata dari Tuhan mereka. Juga percaya bahawa mereka telah menyampaikan semua perkara yang Allah utuskan mereka menyampaikannya, tanpa disembunyi mahupun ditukar, tanpa penambahan mahupun pengurangan.

Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:35):

﴿ فَهَلۡ عَلَى ٱلرُّسُلِ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ﴾

Maksudnya: ***Maka tidak ada kewajipan atas para rasul, selain dari menyampaikan (amanat Allah) dengan terang.***

Juga percaya bahawa kesemua mereka berada di atas kebenaran yang nyata. Allah telah mengangkat Ibrahim menjadi Khalil (kekasih). Allah telah

---

[74] البخاري ك الفتن ب قول الرجل للرجل اخسأ رقم 5707.

mengangkat Muhammad menjadi Khalil (kekasih). Allah berkata-kata dengan Musa sebenar-benar percakapan. Allah mengangkat Idris ke tempat yang tinggi. Isa adalah hamba dan rasulNya yang merupakan kalimah Allah yang dilontarkan kepada Maryam dan merupakan ruh daripadaNya. Allah telah menjadikan sesetengah mereka lebih mulia daripada yang lain dan mengangkat kedudukan sesetengah mereka.

89- Adakah dakwah para Rasul sama dari sudut apa yang mereka perintah dan larang?
Dakwah kesemua mereka sama dalam dasar dan asas ibadah iaitu dalam Tauhid yang merupakan pengesaan Allah Ta'ala dalam semua bentuk ibadah dari sudut iktiqad, percakapan dan amalan di samping kufur dengan semua yang disembah selain Allah.

Berkenaan dengan amalan-amalan (syariah) yang difardhukan pula, mereka berbeza-beza di mana ada perbuatan seperti solat, puasa dan sebagainya yang difardhukan ke atas sesetengah mereka dan tidak ke atas yang lain. Ada juga perkara yang diharamakan ke atas sesetengah mereka dan tidak ke atas yang lain. Ini semua adalah sebagai ujian daripada Allah berdasarkan firman Allah Ta'ala (al-Mulk 67:2):

﴿ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً ﴾

Maksudnya: ***Supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalannya.***

90- Apakah dalil yang menunjukkan mereka semua sama dalam dasar ibadah tersebut?
Dalil daripada al-Quran dapat dibahagi dua; secara kasar dan secara terperinci:
Dalil secara kasar ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:36):

﴿ وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولاً أَنِ ٱعْبُدُواْ ٱللَّهَ وَٱجْتَنِبُواْ ٱلطَّٰغُوتَ ﴾

Maksudnya: ***Dan sesungguhnya Kami telah mengutus rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyerukan) "Sembahlah Allah saja, dan jauhilah Thagut itu."***

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiya' 21:25):

﴿ وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِيٓ إِلَيْهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami tidak mengutus seorang rasulpun sebelum kamu, melainkan Kami wahyukan kepadanya "Bahawasanya tidak ada Tuhan yang hak melainkan Aku, maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku."***

Firman Allah Ta'ala (al-Zukhruf 43:45):

﴿ وَسْـَٔلْ مَنْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رُّسُلِنَآ أَجَعَلْنَا مِن دُونِ ٱلرَّحْمَٰنِ ءَالِهَةً يُعْبَدُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan tanyalah rasul-rasul Kami yang telah Kami utus sebelum kamu "Adakah Kami menentukan tuhan-tuhan untuk disembah selain Allah yang Maha Pemurah?"***

Dalil secara terperinci ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Mukminun 23:23):

﴿ وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami telah utus Nuh kepada kaumnya lalu baginda berkata "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tiada Tuhan bagimu selain Dia."***

Firman Allah Ta'ala (Hud 11:61):

﴿ وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Dan kepada kaum Thamud Kami utus saudara mereka Salih. Baginda berkata "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tiada Tuhan bagimu selain Dia."***

Firman Allah Ta'ala (Hud 11:50):

﴿ وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ﴾

Maksudnya: ***Dan kepada kaum 'Ad Kami utus saudara mereka Hud. Baginda berkata "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tiada Tuhan bagimu selain Dia."***

Firman Allah Ta'ala (Hud 11:84):

﴿ وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Dan kepada penduduk Madyan Kami utus saudara mereka Syuaib. Baginda berkata "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tiada Tuhan bagimu selain Dia."***

Firman Allah Ta'ala (al-Zukhruf 43:26-27):

﴿ وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦٓ إِنَّنِى بَرَآءٌ مِّمَّا تَعْبُدُونَ ﴿٢٦﴾ إِلَّا ٱلَّذِى فَطَرَنِى ﴾

Maksudnya: ***Dan ingatlah ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya "Sesungguhnya aku tidak bertanggungjawab terhadap apa yang kamu sembah, tetapi (aku menyembah) Tuhan Yang menjadikanku; kerana sesungguhnya Dia akan memberi hidayah kepadaku."***

Firman Allah Ta'ala (Taha 20:98) bahawa Nabi Musa berkata:

﴿ إِنَّمَآ إِلَٰهُكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ وَسِعَ كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Tuhanmu hanyalah Allah, yang tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia. pengetahuanNya meliputi segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Maidah 5:72) bahawa Nabi Isa berkata:

﴿ يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمۡۖ إِنَّهُۥ مَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ ٱلۡجَنَّةَ وَمَأۡوَىٰهُ ٱلنَّارُ ﴾

Maksudnya: ***"Hai Bani Israil, sembahlah Allah Tuhanku dan Tuhanmu" Sesungguhnya orang yang mempersekutukan (sesuatu dengan) Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga dan tempatnya ialah neraka.***

Firman Allah Ta'ala (Sad 38:65):

﴿ قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ مُنذِرٞۖ وَمَا مِنۡ إِلَٰهٍ إِلَّا ٱللَّهُ ٱلۡوَٰحِدُ ٱلۡقَهَّارُ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah (ya Muhammad) "Sesungguhnya aku hanya seorang pemberi peringatan, dan sekali-kali tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Allah Yang Maha Esa dan Maha Mengalahkan.***

91- Apakah dalil yang menunjukkan perbezaan syariat-syariat mereka dalam cabang ibadah dari sudut halal dan haram?
Firman Allah Ta'ala (al-Maidah 5:48):

﴿ لِكُلّٖ جَعَلۡنَا مِنكُمۡ شِرۡعَةٗ وَمِنۡهَاجٗاۚ وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَلَٰكِن لِّيَبۡلُوَكُمۡ فِي مَآ ءَاتَىٰكُمۡۖ فَٱسۡتَبِقُواْ ٱلۡخَيۡرَٰتِ ﴾

Maksudnya: ***Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami berikan aturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu dijadikanNya satu umat saja, tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberianNya kepadamu, maka berlumba-lumbalah berbuat kebajikan.***

Ibnu Abbas berkata "Syir'atan wa minhajan" ialah Sabilan (jalan) wa Sunnah (cara). Tafsiran ini juga dijelaskan oleh Mujahid, Ikrimah, al-Hasan al-Basri, Qatadah, al-Dahhak, al-Suddi dan Abu Ishaq al-Subai'i.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

وَالْأَنْبِيَاءُ إِخْوَةٌ لِعَلَّاتٍ أُمَّهَاتُهُمْ شَتَّى وَدِينُهُمْ وَاحِدٌ [75]

Maksudnya: ***"Para nabi adalah adik beradik satu bapa, ibu-ibu mereka berbeza tetapi agama mereka satu."***

Hadith ini menunjukkan bahawa Allah menjadikan dasar agama dan isi kitab-kitab mereka satu iaitu Tauhid manakala syariat mereka berbeza antara satu sama lain dalam perintah, larangan, halal dan haram. Tujuannya ialah seperti dalam firman Allah Ta'ala (al-Mulk 67:2):

﴿ لِيَبۡلُوَكُمۡ أَيُّكُمۡ أَحۡسَنُ عَمَلٗاۚ ﴾

Maksudnya: ***Supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya.***

92- Adakah Allah telah menceritakan tentang para rasul di dalam al-Quran?

[75] البخاري ك الأنبياء ب واذكر في الكتاب مريم إذ انتبذت من أهلها رقم 3187.

Allah telah menceritakan tentang kisah-kisah para rasul dalam bentuk yang mencukupi untuk dijadikan pengajaran dan petunjuk. Kemudian Allah berfirman (al-Nisa' 164):

﴿ وَرُسُلاً قَدْ قَصَصْنَٰهُمْ عَلَيْكَ مِن قَبْلُ وَرُسُلاً لَّمْ نَقْصُصْهُمْ عَلَيْكَ ﴾

Maksudnya: ***Dan (Kami telah mengutus) rasul-rasul yang sungguh telah Kami kisahkan tentang mereka kepadamu dahulu dan rasul-rasul yang tidak Kami kisahkan tentang mereka kepadamu.***

Justeru, kita beriman secara terperinci dengan para rasul yang dijelaskan secara terperinci oleh Allah sebagaimana kita beriman secara umum dengan para rasul yang dijelaskan secara umum oleh Allah.

93- Berapakah jumlah para rasul yang telah dijelaskan di dalam al-Quran?
Allah telah menjelaskan tentang nabi-nabi berikut:
Adam, Nuh, Idris, Hud, Salih, Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'qub, Yusuf, Lut, Syu'aib, Yunus, Musa, Harun, Ilyas, Zakariya, Yahya, al-Yasa', Zulkifl, Daud, Sulaiman, Ayyub, al-Asbaat secara umum, Isa dan Muhammad s.a.w.

94- Siapakah dia Ulul-'azm (yang mempunyai keazaman) dari kalangan para rasul?
Ulul-'azm (yang mempunyai keazaman) berjumlah lima dan telah dijelaskan oleh Allah dalam dua tempat dalam al-Quran iaitu:
Firman Allah Ta'ala (al-Ahzab 33:7):

﴿ وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ مِيثَٰقَهُمْ وَمِنكَ وَمِن نُّوحٍ وَإِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ﴾

Maksudnya: ***Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil perjanjian dari nabi-nabi dan dari kamu (sendiri), dari Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa putera Maryam.***

Firman Allah Ta'ala (al-Syura 42:13):

﴿ شَرَعَ لَكُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِۦ نُوحًا وَٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِۦٓ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰٓ ۖ أَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا۟ فِيهِ ﴾

Maksudnya: ***Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkanNya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa iaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya.***

a. Siapakah rasul yang pertama?
Rasul yang pertama selepas berlakunya perselisihan (di kalangan manusia) ialah Nuh a.s. Firman Allah Ta'ala (al-Nisa' 4:163):

﴿ إِنَّآ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ كَمَآ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰ نُوحٍ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ مِنۢ بَعْدِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nuh dan nabi-nabi yang kemudiannya.***

Firman Allah Ta'ala (Ghafir/al-Mukmin 40:5):

﴿ كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَٱلْأَحْزَابُ مِنۢ بَعْدِهِمْ ﴾

Maksudnya: ***Sebelum mereka, kaum Nuh dan golongan-golongan yang bersekutu sesudah mereka telah mendustakan (rasul).***

95- Bilakah bermulanya perselisihan (di kalangan manusia)?
Ibnu Abbas r.a. berkata "Di antara Adam dan Nuh ialah sepuluh kurun, kesemuanya berada di atas syariah yang benar kemudian mereka berselisih[76], (Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:213):)

﴿ فَبَعَثَ ٱللَّهُ ٱلنَّبِيِّـۧنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***Maka Allah mengutus para nabi sebagai pemberi khabar gembira dan pemberi peringatan.***

96- Siapakah khaatam al-nabiyyin (penutup segala nabi)?
Khaatam al-nabiyyin (penutup segala nabi) ialah Muhammad s.a.w.

97- Apakah dalil terhadap perkara ini?
Firman Allah Ta'ala (al-Ahzab 33:40):

﴿ مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَـٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ ﴾

Maksudnya: ***Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapa bagi seorang lelaki di antara kamu tetapi dia adalah utusan Allah dan penutup nabi-nabi.***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

وَإِنَّهُ سَيَكُونُ فِي أُمَّتِي ثَلَاثُونَ كَذَّابُونَ كُلُّهُمْ يَزْعُمُ أَنَّهُ نَبِيٌّ وَأَنَا خَاتَمُ النَّبِيِّينَ لَا نَبِيَّ بَعْدِي [77]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya akan wujud di dalam umatku 30 pembohong. Semuanya mendakwa bahawa dia adalah nabi sedangkan aku adalah penutup segala nabi. Tiada nabi selepasku."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

أَلَا تَرْضَى أَنْ تَكُونَ مِنِّي بِمَنْزِلَةِ هَارُونَ مِنْ مُوسَى إِلَّا أَنَّهُ لَيْسَ نَبِيٌّ بَعْدِي.[78]

Maksudnya: ***"Tidakkah engkau redha mendapat kedudukan denganku seperti kedudukan Harun dengan Musa, cuma bezanya ialah tiada nabi selepasku."***

Sabda Rasulullah s.a.w. tentang Dajjaal:

إِنَّهُ يَبْدَأُ فَيَقُولُ أَنَا نَبِيٌّ وَلَا نَبِيَّ بَعْدِي[79]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya dia bermula dengan berkata 'Aku adalah nabi' sedangkan tiada nabi selepasku."***

---

[76] جامع البيان (334/2) والدر المنثور (582/1) وعزاه للبزار والحاكم.

[77] الترمذي ك الفتن ب لا تقوم الساعة حتى يخرج كذابون رقم 2145. وأبو داود ك الفتن والملاحم ب ذكر الفتن ودلائلها رقم 3710.

[78] البخاري ك المغازي ب غزوة تبوك رقم 4064. ومسلم ك فضائل الصحابة ب فضائل علي بن أبي طالب رقم 4419.

[79] ابن ماجه ك الفتن ب فتنة الدجال وخروج عيسى ابن مريم رقم 4067.

98- Apakah keistimewaan Nabi kita Muhammad berbanding dengan nabi-nabi yang lain?

Nabi s.a.w. mempunyai pelbagai keistimewaan dan perkara-perkara ini telahpun dikarang oleh para ulamak. Di antaranya ialah:

- Dia adalah penutup segala nabi.
- Dia adalah penghulu anak-anak Adam seperti mana ditafsirkan firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:253):

﴿ تِلْكَ ٱلرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۘ مِّنْهُم مَّن كَلَّمَ ٱللَّهُ ۖ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَٰتٍ ﴾

Maksudnya: ***Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain. Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata (langsung dengan dia) dan sebahagiannya Allah meninggikan derajatnya.***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَوَّلُ مَنْ يَنْشَقُّ عَنْهُ الْقَبْرُ وَأَوَّلُ شَافِعٍ وَأَوَّلُ مُشَفَّعٍ [80]

Maksudnya: ***"Aku adalah penghulu anak Adam pada hari kiamat dan orang pertama dibuka kuburnya serta orang pertama memberi syafaat dan diterima syafaatnya."***

- Dia diutuskan kepada kesemua manusia dan jin. Firman Allah Ta'ala (al-A'raf 7:158):

﴿ قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Hai manusia, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu semua"***

Firman Allah Ta'ala (al-Furqan 25:56):

﴿ وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Dan tidaklah Kami mengutus kamu melainkan hanya sebagai pembawa khabar gembira dan pemberi peringatan.***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

أُعْطِيتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ مِنْ الْأَنْبِيَاءِ قَبْلِي نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا وَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ وَأُحِلَّتْ لِي الْغَنَائِمُ وَكَانَ النَّبِيُّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً وَبُعِثْتُ إِلَى النَّاسِ كَافَّةً وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ [81]

Maksudnya: ***"Aku telah diberi lima perkara yang tidak diberi kepada seorangpun dari kalangan para nabi sebelumku. Aku dibantu dengan perasaan takut (musuh) selama sebulan (sebelum bertempur). Bumi dijadikan tempat solat dan penyuci bagiku; sesiapa sahaja dari kalangan umatku yang wajib solat hendaklah dia bersolat (di mana***

---

[80] مسلم ك الفضائل ب تفضيل نبينا صلى الله عليه وسلم على جميع الخلائق رقم 4223.

[81] البخاري ك الصلاة ب جعلت لي الأرض مسجدا وطهورا رقم 419.

sahaja). Dihalalkan kepadaku harta rampasan perang. Setiap nabi diutuskan kepada kaumnya sahaja sedangkan aku diutuskan kepada sekelian manusia. Aku juga diberi hak syafaat.”

Sabda Rasulullah s.a.w. :

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَا يَسْمَعُ بِي أَحَدٌ مِنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ يَهُودِيٌّ وَلَا نَصْرَانِيٌّ ثُمَّ يَمُوتُ وَلَمْ يُؤْمِنْ بِالَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ إِلَّا كَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ [82]

Maksudnya: ***“Demi tuhan yang jiwa Muhammad berada di dalam tanganNya, tidak seorangpun dari umat ini samada Yahudi atau Nasrani yang mendengar tentangku kemudian dia mati tanpa beriman dengan apa yang aku diutuskan dengannya kecuali dia menjadi salah seorang dari ahli-ahli neraka.”***

99- Apakah itu mu'jizat para nabi?

Mu'jizat itu ialah suatu perkara yang luar biasa yang bersifat mencabar dan tidak mampu ditentang.

Mu'jizat ini terbahagi dua iaitu:

a. Yang bersifat hissiyyah (pancaindera) iaitu yang dapat dilihat oleh penglihatan dan didengar oleh pendengaran seperti keluarnya unta dari batu, bertukarnya tongkat menjadi ular, berkatanya batu-bata dan lain-lain.

b. Yang bersifat ma'nawiyyah (kefahaman/pengamatan/penghayatan) iaitu dapat dikesan oleh hati seperti mu'jizat al-Quran.

Nabi Muhammad s.a.w. telah diberikan kedua-dua bentuk mu'jizat ini. Mu'jizat Baginda lebih hebat daripada bentuk-bentuk mu'jizat yang diberikan kepada mana-mana nabi sebelum baginda.

Antara mu'jizat Baginda s.a.w. yang bersifat hissiyyah (pancaindera) ialah:

- Terbelahnya bulan; terdapat riwayat daripada Anas r.a. katanya:

  سَأَلَ أَهْلُ مَكَّةَ أَنْ يُرِيَهُمْ آيَةً فَأَرَاهُمْ انْشِقَاقَ الْقَمَرِ [83]

  Maksudnya: ***“Penduduk Mekah telah meminta nabi menunjukkan kepada mereka satu tanda kenabian lalu baginda menunjukkan kepada mereka bulan terbelah.”***

- Tangisan pokok kurma; terdapat riwayat daripada Jabir bin Abdullah τ :

  أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُومُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلَى شَجَرَةٍ أَوْ نَخْلَةٍ فَقَالَتْ امْرَأَةٌ مِنْ الْأَنْصَارِ أَوْ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا نَجْعَلُ لَكَ مِنْبَرًا قَالَ إِنْ شِئْتُمْ فَجَعَلُوا لَهُ مِنْبَرًا فَلَمَّا كَانَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ دُفِعَ إِلَى الْمِنْبَرِ فَصَاحَتْ النَّخْلَةُ صِيَاحَ الصَّبِيِّ ثُمَّ نَزَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَضَمَّهُ إِلَيْهِ تَئِنُّ أَنِينَ الصَّبِيِّ الَّذِي يُسَكَّنُ قَالَ كَانَتْ تَبْكِي عَلَى مَا كَانَتْ تَسْمَعُ مِنْ الذِّكْرِ عِنْدَهَا [84]

---

[82] مسلم ك الإيمان ب وجوب الإيمان برسالة نبينا محمد صلى الله عليه وسلم إلى جميع الناس رقم 218.

[83] البخاري ك التفسير ب وانشق القمر وإن يروا آية يعرضوا رقم 4489.

[84] البخاري ك المناقب ب علامات النبوة في الإسلام رقم 3319.

Maksudnya: ***Bahawa dahulu Nabi s.a.w. sering berdiri (memberi khutbat) di tepi sebatang pokok kurma pada hari Jumaat. Seorang wanita atau lelaki Ansar berkata kepada baginda 'Wahai pesuruh Allah, hendakkah engkau kiranya kami buatkan minbar untukmu?' Jawab baginda "Kalau kamu ingin silakan." Merekapun membuat minbar untuknya. Apabila sampai hari Jumaat, bagindapun naik minbar itu. Pokok kurma itu menjerit seperti jeritan seorang bayi. Baginda pun turun dan memeluknya. Pokok itu terisak-isak seperti seorang bayi yang dipujuk. Jabir berkata 'Pokok itu menangis kerana mendengar peringatan di sisinya.'***

- Terpancutnya air dari celah-celah jari-jari Baginda; terdapat riwayat daripada Jabir bin Abdullah r.a. katanya:

  عَطِشَ النَّاسُ يَوْمَ الْحُدَيْبِيَةِ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ يَدَيْهِ رِكْوَةٌ فَتَوَضَّأَ فَجَهِشَ النَّاسُ نَحْوَهُ فَقَالَ مَا لَكُمْ قَالُوا لَيْسَ عِنْدَنَا مَاءٌ نَتَوَضَّأُ وَلَا نَشْرَبُ إِلَّا مَا بَيْنَ يَدَيْكَ فَوَضَعَ يَدَهُ فِي الرِّكْوَةِ فَجَعَلَ الْمَاءُ يَثُورُ بَيْنَ أَصَابِعِهِ كَأَمْثَالِ الْعُيُونِ فَشَرِبْنَا وَتَوَضَّأْنَا قُلْتُ كَمْ كُنْتُمْ قَالَ لَوْ كُنَّا مِائَةَ أَلْفٍ لَكَفَانَا كُنَّا خَمْسَ عَشْرَةَ مِائَةً [85]

  Maksudnya: ***"Orang ramai telah dahaga pada hari al-Hudaibiyah dan terdapat dihadapan nabi s.a.w. satu bekas air. Baginda berwudhuk menggunakan air itu. Tiba-tiba mereka mendatanginya. Nabi bertanya "Apa halnya kamu semua?" Mereka menjawab 'Kami kehabisan air wudhuk dan air minum. Yang tinggal hanyalah air yang di hadapan tuan ini.' Baginda pun meletakkan tangannya di dalam bekas air itu lalu air keluar dari celah jari-jarinya seperti air mata air. Kami pun minum dan berwudhuk menggunakan air itu." Aku (Salim bin Abi al-Ja'd) berkata 'Berapakah bilangan kamu semua?' Jawab Jabir "Sekiranya kami seratus ribu, air itu pasti cukup. Bilangan kami ialah seribu lima ratus.***

- Berkata-katanya lengan kambing; terdapat riwayat daripada Ibnu Syihab katanya:

  كَانَ جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ يُحَدِّثُ أَنَّ يَهُودِيَّةً مِنْ أَهْلِ خَيْبَرَ سَمَّتْ شَاةً مَصْلِيَّةً ثُمَّ أَهْدَتْهَا لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الذِّرَاعَ فَأَكَلَ مِنْهَا وَأَكَلَ رَهْطٌ مِنْ أَصْحَابِهِ مَعَهُ ثُمَّ قَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ارْفَعُوا أَيْدِيَكُمْ وَأَرْسَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْيَهُودِيَّةِ فَدَعَاهَا فَقَالَ لَهَا أَسَمَمْتِ هَذِهِ الشَّاةَ قَالَتْ الْيَهُودِيَّةُ مَنْ أَخْبَرَكَ قَالَ أَخْبَرَتْنِي هَذِهِ فِي يَدِي لِلذِّرَاعِ قَالَتْ نَعَمْ قَالَ فَمَا أَرَدْتِ إِلَى ذَلِكَ قَالَتْ قُلْتُ إِنْ كَانَ نَبِيًّا فَلَنْ يَضُرَّهُ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ نَبِيًّا اسْتَرَحْنَا مِنْهُ [86]

  Maksudnya: ***Jabir bin Abdullah pernah menceritakan bahawa seorang perempuan Yahudi dari kalangan penduduk Khaibar telah meracun seekor kambing panggang kemudian menghadiahkannya kepada Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w. mengambil bahagian bahu dan makan. Beberapa orang sahabatnya juga turut makan. Kemudian***

---

[85] البخاري ك المناقب ب علامات النبوة في الإسلام رقم 3311.

[86] أبو داود ك الديات ب فيمن سقا رجلا سما أو أطعمه فمات أيقاد منه رقم 3911.

Rasulullah s.a.w. berkata "Angkat tangan kamu semua (dari daging ini)." Baginda memanggil perempuan Yahudi itu dan bertanya "Adakah engkau meracunkan kambing ini?" Perempuan itu berkata "Siapa yang meberitahu engkau?" Baginda berkata "Ini yang berada di dalam tanganku" seraya menunjuk kepada bahu itu. Perempuan itu berkata "Ya." Baginda bertanya "Apa tujuan engkau berbuat demikian?" Jawab perempuan itu "Aku berkata kepada diriku 'Sekiranya dia benar seorang nabi racun itu tidak akan memudharatkannya dan sekiranya dia bukan nabi kami akan tenang selepas dia mati'."

- Bertasbihnya makanan; Abdullah bin Mas'ud berkata:

  فَلَقَدْ رَأَيْتُ الْمَاءَ يَنْبُعُ مِنْ بَيْنِ أَصَابِعِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَقَدْ كُنَّا نَسْمَعُ تَسْبِيحَ الطَّعَامِ وَهُوَ يُؤْكَلُ [87]

  Maksudnya: ***Sesungguhnya aku telah melihat air memancut daripada celah jari-jari Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya kami telah mendengar makanan bertasbih semasa ia dimakan oleh Baginda."***

Di samping itu banyak lagi mu'jizat dalam bahagian ini. Kesemua mu'jizat ini dan mu'jizat para nabi sebelumnya telah berlaku dan berlalu. Yang tinggal hanyalah cerita berkenaannya.

Mu'jizat yang kekal ialah al-Quran yang mana keajaibannya tidak berkesudahan. Firman Allah Ta'ala (Fussilat 41:42):

﴿ لَّا يَأْتِيهِ ٱلْبَٰطِلُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِۦ ۖ تَنزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴾

Maksudnya: ***Yang tidak dating kepadanya (al-Quran) kebatilan baik dari depan mahupun dari belakangnya. Yang diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji.***

100- Apakah dalil bahawa al-Quran itu berupa mu'jizat?

Dalil bahawa al-Quran itu berupa mu'jizat ialah ianya telah diturunkan dalam tempoh lebih 20 tahun dengan mencabar orang Arab yang mempunyai kefasihan dan keupayaan berbahasa yang tinggi supaya mereka mencipta sesuatu yang menyerupainya. Firman Allah Ta'ala (al-Tur 52:34):

﴿ فَلْيَأْتُوا۟ بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِۦٓ إِن كَانُوا۟ صَٰدِقِينَ ﴾

Maksudnya: ***Maka hendaklah mereka mendatangkan kalimat yang semisal al-Quran itu jika mereka orang-orang yang benar.***

Firman Allah Ta'ala (Hud 11:13):

﴿ قُلْ فَأْتُوا۟ بِعَشْرِ سُوَرٍ مِّثْلِهِۦ مُفْتَرَيَٰتٍ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Kalau demikian, maka datangkanlah sepuluh surah-surah yang dibuat-buat yang menyamainya."***

Firman Allah Ta'ala (Yunus 10:38):

---

[87] البخاري ك المناقب ب علامات النبوة في الإسلام رقم 3314.

﴿ قُلْ فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّثْلِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Kalau benar yang kamu katakan itu, maka cubalah datangkan sebuah surah seumpamanya"***

Walaupun begitu, mereka tidak dapat melakukannya walaupun mereka bersungguh-sungguh berusaha untuk menolak kitab ini dengan segala usaha yang mereka mampu, sedangkan kitab ini terdiri daripada huruf-huruf dan perkataan-perkataan yang mereka gunakan dalam percakapan mereka dan mereka saling bermegah dengan kefasihan dalam bahasa ini.

Kemudian Allah telah menetapkan bahawa mereka tidak sekali-kali mampu melakukannya dan nyatalah sifat al-Quran ini sebagai mu'jizat (yang melemahkan). Firman Allah Ta'ala (al-Isra' 17:88):

﴿ قُل لَّئِنِ ٱجْتَمَعَتِ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِمِثْلِ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِۦ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Susungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengan dia, sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain."***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

مَا مِنْ الْأَنْبِيَاءِ نَبِيٌّ إِلَّا أُعْطِيَ مَا مِثْلهُ آمَنَ عَلَيْهِ الْبَشَرُ وَإِنَّمَا كَانَ الَّذِي أُوتِيتُ وَحْيًا أَوْحَاهُ اللَّهُ إِلَيَّ فَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ أَكْثَرَهُمْ تَابِعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ [88]

Maksudnya: ***Tiada seorangpun nabi kecuali diberi sesuatu yang manusia beriman dengannya. Perkara yang diberikan kepadaku pula ialah satu wahyu yang diwahyukan Allah kepadaku. Aku amat berharap menjadi nabi yang mempunyai pengikut yang terbanyak pada hari kiamat.***

Para ulamak telah menulis berkenaan dengan bentuk-bentuk i'jaz (pelemah) al-Quran dari sudut lafaz, erti, berita silam dan berita akan datang yang merupakan ilmu ghaib. Akan tetapi semua itu hanyalah sedikit daripada apa yang sebenarnya dimiliki oleh al-Quran ini.

101- Apakah dalil berkenaan beriman dengan hari akhirat?

Firman Allah Ta'ala (Yunus 10:7-8):

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا وَرَضُوا۟ بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَٱطْمَأَنُّوا۟ بِهَا وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنْ ءَايَٰتِنَا غَٰفِلُونَ ۝٧ أُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami, dan merasa puas dengan kehidupan itu dan orang-orang yang melalaikan ayat-ayat Kami.***

---

[88] البخاري ك فضائل القرآن ب كيف نزول الوحي رقم 4598.

Mereka itu tempatnya ialah neraka disebabkan apa yang selalu mereka kerjakan.

Firman Allah Ta'ala (al-Zaariyaat 51:5-6):

﴿ إِنَّمَا تُوعَدُونَ لَصَادِقٌ ۝٥ وَإِنَّ ٱلدِّينَ لَوَٰقِعٌ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya apa yang dijanjikan kepadamu pasti benar. Dan sesungguhnya (hari) pembalasan pasti terjadi.***

Firman Allah Ta'ala (Ghafir 40:59):

﴿ إِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَأٓتِيَةٌ لَّا رَيۡبَ فِيهَا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya hari kiamat pasti akan dating, tidak ada keraguan tentangnya.***

102- Apakah maksud beriman dengan hari Akhirat dan apakah yang berkaitan dengannya?

Beriman dengan hari akhirat ialah kepercayaan yang teguh bahawa ia akan berlaku tanpa syak serta beramal bersesuaian dengan kepercayaan ini.

Perkara yang berkaitan dengan keimanan ini ialah;

a. Beriman dengan tanda-tanda hari kiamat yang akan berlaku sebelum hari kiamat tanpa syak.
b. Maut dan apa yang selepasnya iaitu azab dan nikmat kubur.
c. Tiupan sangkakala dan keluarnya makhluk-makhluk dari kubur mereka.
d. Keadaan hari kiamat yang penuh dengan perkara yang menakutkan dan mengejutkan.
e. Padang mahsyar (perhimpunan).
f. Pembentangan lembaran amalan.
g. Alat-alat penimbang.
h. Al-Sirat (jambatan), al-Haud (perigi), al-Syafa'ah (pertolongan) dan lain-lain.
i. Syurga dan nikmat-nikmatnya; yang tertinggi ialah melihat wajah Allah.
j. Neraka dan azab-azabnya; yang tertinggi ialah hadangan daripada melihat Allah.

103- Adakah ada orang yang mengetahui bilakah akan berlaku hari kiamat?

Kedatangan hari kiamat tergolong dalam ilmu-ilmu ghaib yang Allah simpan hanya untuk diriNya sahaja.

Firman Allah Ta'ala (Luqman 31:34):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلۡمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلۡغَيۡثَ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلۡأَرۡحَامِۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسٞ مَّاذَا تَكۡسِبُ غَدٗاۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسُۢ بِأَيِّ أَرۡضٖ تَمُوتُۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرُۢ ۝٣٤ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah, hanya pada sisiNya sajalah pengetahuan tentang Hari Kiamat; dan Dialah Yang menurunkan hujan, dan mengetahui apa yang ada dalam rahim. Dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya esok.***

Dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:187-188):

﴿ يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَىٰهَا ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ رَبِّى ۖ لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَآ إِلَّا هُوَ ۚ ثَقُلَتْ فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً ۗ يَسْـَٔلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِىٌّ عَنْهَا ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ ٱللَّهِ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾ قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِى نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَلَوْ كُنتُ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ لَٱسْتَكْثَرْتُ مِنَ ٱلْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِىَ ٱلسُّوٓءُ ۚ إِنْ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴾

Maksudnya: ***Mereka menanyakan kepadamu tentang kiamat "Bilakah terjadinya?" Katakanlah "Sesungguhnya pengetahuan tentang kiamat itu adalah pada sisi Tuhanku; tidak seorangpun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya selain Dia. Kiamat itu amat berat (huru-haranya bagi makhluk) di langit dan di bumi. Kiamat itu tidak akan dating kepadamu melainkan dengan tiba-tiba." Mereka bertanya kepadamu seakan-akan kamu benar-benar mengetahuinya. Katakanlah "Sesungguhnya pengetahuan tentang hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."***
Katakanlah "Aku tidak berkuasa menarik kemanfaatan bagi diriku dan tidak pula menolak kemudharatan kecuali yang dikehendaki Allah. Dan sekiranya aku mengetahui yang ghaib, tentulah aku membuat kebajikan sebanyak-banyaknya dan aku tidak akan ditimpa kemudharatan. Aku tidak lain hanyalah pemberi peringatan, dan pembawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman."

Firman Allah Ta'ala (al-Naazi'aat 79: 42-44):

﴿ يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَىٰهَا ﴿٤٢﴾ فِيمَ أَنتَ مِن ذِكْرَىٰهَآ ﴿٤٣﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ مُنتَهَىٰهَآ ﴾

Maksudnya: ***Orang-orang kafir bertanya kepadamu (Muhammad) tentang hari berbangkit, bilakah terjadinya?***
Siapakah kamu (sehingga) dapat menyebutkan (waktunya)?
Kepada Tuhanmulah dikembalikan kesudahannya (ketentuan waktunya).

Apabila Jibril bertanya kepada Nabi s.a.w. :

مَتَى السَّاعَةُ قَالَ مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنْ السَّائِلِ وَسَأُخْبِرُكَ عَنْ أَشْرَاطِهَا إِذَا وَلَدَتْ الْأَمَةُ رَبَّهَا وَإِذَا تَطَاوَلَ رُعَاةُ الْإِبِلِ الْبُهْمُ فِي الْبُنْيَانِ فِي خَمْسٍ لَا يَعْلَمُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ ثُمَّ تَلَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ الْآيَةَ [89]

Maksudnya: ***'Bila akan berlaku hari kiamat.' Nabi menjawab "Orang yang ditanya tidak lebih mengetahui daripada orang yang menanya. Aku akan beritahu kamu tanda-tandanya; apabila seorang wanita hamba sahaya melahirkan tuannnya, apabila pengembala unta berlumba-lumba***

---

[89] البخاري ك الإيمان ب سؤال جبريل النبي صلى الله عليه وسلم رقم 48.

membina bangunan tinggi, pada lima perkara yang tidak diketahui kecuali oleh Allah" lalu Baginda membaca ayat {Sesungguhnya Allahlah di sisinya ilmu tentang hari kiamat …}

104- Apakah contoh tanda-tanda hari kiamat daripada al-Quran?

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:158):

﴿ هَلۡ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن تَأۡتِيَهُمُ ٱلۡمَلَـٰٓئِكَةُ أَوۡ يَأۡتِيَ رَبُّكَ أَوۡ يَأۡتِيَ بَعۡضُ ءَايَـٰتِ رَبِّكَۗ يَوۡمَ يَأۡتِي بَعۡضُ ءَايَـٰتِ رَبِّكَ لَا يَنفَعُ نَفۡسًا إِيمَـٰنُهَا لَمۡ تَكُنۡ ءَامَنَتۡ مِن قَبۡلُ أَوۡ كَسَبَتۡ فِيٓ إِيمَـٰنِهَا خَيۡرًا ﴾

Maksudnya: ***Yang mereka nanti-nanti tidak lain hanyalah kedatangan malaikat kepada mereka (untuk mencabut nyawa mereka), atau kedatangan Tuhanmu atau kedatangan sebahagian tanda-tanda Tuhanmu. Pada hari datangnya sebahagian tanda-tanda Tuhanmu tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang bagi dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu, atau dia (belum) mengusahakan kebaikan dalam masa imannya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Naml 27:82):

﴿ وَإِذَا وَقَعَ ٱلۡقَوۡلُ عَلَيۡهِمۡ أَخۡرَجۡنَا لَهُمۡ دَآبَّةً مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ تُكَلِّمُهُمۡ أَنَّ ٱلنَّاسَ كَانُواْ بِـَٔايَـٰتِنَا لَا يُوقِنُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan apabila perkataan telah jatuh atas mereka, Kami keluarkan sejenis binatang melata dari bumi yang akan mengatakan kepada mereka, bahawa sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin kepada ayat-ayat Kami.***

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiyaa' 21:96):

﴿ حَتَّىٰٓ إِذَا فُتِحَتۡ يَأۡجُوجُ وَمَأۡجُوجُ وَهُم مِّن كُلِّ حَدَبٍ يَنسِلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Hingga apabila dibukakan (tembok) Ya'juj dan Ma'juj, dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yang tinggi.***

Firman Allah Ta'ala (al-Dukhkhaan 44:10):

﴿ فَٱرۡتَقِبۡ يَوۡمَ تَأۡتِي ٱلسَّمَآءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ ﴾

Maksudnya: ***Maka tunggulah hari ketika langit membawa kabut (asap) yang nyata.***

.

Firman Allah Ta'ala (al-Haj 22:1):

﴿ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمۡۚ إِنَّ زَلۡزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَيۡءٌ عَظِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Hai manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu; sesungguhnya kegoncangan hari kiamat itu adalah suatu kejadian yang sangat besar (dahsyat).***

105- Apakah contoh tanda-tanda hari kiamat daripada al-Sunnah?

Hadith terbitnya matahari daripada barat:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا فَإِذَا طَلَعَتْ فَرَآهَا النَّاسُ آمَنُوا أَجْمَعُونَ فَذَلِكَ حِينَ { لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيمَانُهَا لَمْ تَكُنْ آمَنَتْ مِنْ قَبْلُ أَوْ كَسَبَتْ فِي إِيمَانِهَا خَيْرًا }.[90]

Maksdunya: ***"Tidak akan berlaku hari kiamat sehinggalah terbitnya matahari daripada barat. Apabila ia terbit daripada barat dan dilihat oleh orang ramai, mereka semua akan beriman. Tatkala itu keimanan seseorang itu tidak akan memberi manfaat kepadanya sekiranya dia tidak beriman sebelum itu atau membuat kebaikan dalam keadaan iman."***

Hadith al-Daabbahh (binatang melata):

لَنْ تَكُونَ أَوْ لَنْ تَقُومَ السَّاعَةُ حَتَّى يَكُونَ قَبْلَهَا عَشْرُ آيَاتٍ طُلُوعُ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا وَخُرُوجُ الدَّابَّةِ وَخُرُوجُ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ وَالدَّجَّالُ وَعِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَالدُّخَانُ وَثَلَاثَةُ خُسُوفٍ خَسْفٌ بِالْمَغْرِبِ وَخَسْفٌ بِالْمَشْرِقِ وَخَسْفٌ بِجَزِيرَةِ الْعَرَبِ وَآخِرُ ذَلِكَ تَخْرُجُ نَارٌ مِنْ الْيَمَنِ مِنْ قَعْرِ عَدَنٍ تَسُوقُ النَّاسَ إِلَى الْمَحْشَرِ.[91]

Maksudnya: ***"tidak akan berlaku hari kiamat sehinggalah kamu melihat 10 tanda … al-daabbah (binatang melata)."***

Hadith fitnah al-Dajjaal:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَمْرٍو أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ انْطَلَقْتُ مَعَهُ إِلَى حُذَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانِ فَقَالَ لَهُ عُقْبَةُ حَدِّثْنِي مَا سَمِعْتَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الدَّجَّالِ قَالَ إِنَّ الدَّجَّالَ يَخْرُجُ وَإِنَّ مَعَهُ مَاءً وَنَارًا فَأَمَّا الَّذِي يَرَاهُ النَّاسُ مَاءً فَنَارٌ تُحْرِقُ وَأَمَّا الَّذِي يَرَاهُ النَّاسُ نَارًا فَمَاءٌ بَارِدٌ عَذْبٌ فَمَنْ أَدْرَكَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَلْيَقَعْ فِي الَّذِي يَرَاهُ نَارًا فَإِنَّهُ مَاءٌ عَذْبٌ طَيِّبٌ فَقَالَ عُقْبَةُ وَأَنَا قَدْ سَمِعْتُهُ تَصْدِيقًا لِحُذَيْفَةَ.[92]

Maksudnya: ***Daripada 'Uqbah bin 'Amr al-Ansari katanya 'Aku telah pergi berjumpa Huzaifah dan aku berkata 'Ceritalah kepadaku apa yang kamu dengar daripada Rasulullah berkenaan al-Dajjaal.' Huzaifah berkata 'Sesungguhnya al-Dajjaal akan keluar dan bersamanya ada air dan api. Yang dilihat manusia berupa air itu adalah api yang membakar manakalah yang dilihat yang dilihat mereka berupa api adalah air sejuk enak. Sesiapa di antara kamu yang berjumpa dengannya, hendaklah dia masuk ke dalam apa yang dilihat sebagai api kerana ianaya adalah air yang enak dan baik.' Uqbah berkata 'Aku juga telah mendengar hadith ini' sebagai menyetujui Huzaifah.***

Hadith turunnya Isa:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَيُوشِكَنَّ أَنْ يَنْزِلَ فِيكُمْ ابْنُ مَرْيَمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَكَمًا مُقْسِطًا فَيَكْسِرَ الصَّلِيبَ وَيَقْتُلَ الْخِنْزِيرَ وَيَضَعَ الْجِزْيَةَ وَيَفِيضُ الْمَالُ حَتَّى لَا يَقْبَلَهُ أَحَدٌ.[93]

Maksudnya: ***"Demi Tuhan yang diriku berada dalam tanganNya, amat dekat waktu turunnya anak Maryam ke atas kamu sebagai seorang***

---

[90] البخاري ك الرقاق ب بعثت أنا والساعة كهاتين رقم 6025. مسلم ك الإيمان ب بيان الزمن الذي لا يقبل فيه الإيمان رقم 226.

[91] أبو داود ك الملاحم ب مارات الساعة رقم 3757.

[92] مسلم ك الفتن وأشراطالساعة ب ذكر الدجال وصفته وما معه رقم 5225.

[93] مسلم ك الإيمان ب نزول عيسى ابن مريم حاكما بشريعة نبينا رقم 220.

penghulu yang adil. Baginda akan memecahkan salib dan membunuh khinzir serta memansuhkan jizyah (cukai terhadap orang kafir). Di masa itu harta akan melimpah-ruah sehingga tiada orang yang akan menerimanya."

Hadith Ya'juuj dan Ma'juuj:

عَنْ زَيْنَبَ بِنْتِ جَحْشٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيْهَا يَوْمًا فَزِعًا يَقُولُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَيْلٌ لِلْعَرَبِ مِنْ شَرٍّ قَدْ اقْتَرَبَ فُتِحَ الْيَوْمَ مِنْ رَدْمِ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مِثْلُ هَذِهِ وَحَلَّقَ بِإِصْبَعَيْهِ الْإِبْهَامِ وَالَّتِي تَلِيهَا قَالَتْ زَيْنَبُ بِنْتُ جَحْشٍ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَنَهْلِكُ وَفِينَا الصَّالِحُونَ قَالَ نَعَمْ إِذَا كَثُرَ الْخُبْثُ.[94]

Maksudnya: ***Daripada Zainab bint Jahsy bahawa Rasulullah masuk ke rumahnya pada satu hari dalam keadaan cemas seraya berkata "Tiada Tuhan yang berhak disembah kecuali Allah. Celakalah bagi Arab, disebabkan bencana yang makin dekat. Hari ini teah terbuka daripada tembok Ya'juj dan Ma'juj sebesar ini"(lalu Baginda mencantumkan hujung ibu jarinya dan hujung jari telunjuk). Zainab bint Jahsy bertanya 'Wahai Rasulullah, adakah kami akan binasa walapun orang-orang salih ada di kalangan kami?' Jawab Baginda "Ya jika kemungkaran berleluasa."***

Hadith al-dukhaan (asap):

لَنْ تَكُونَ أَوْ لَنْ تَقُومَ السَّاعَةُ حَتَّى يَكُونَ قَبْلَهَا عَشْرُ آيَاتٍ طُلُوعُ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا وَخُرُوجُ الدَّابَّةِ وَخُرُوجُ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ وَالدَّجَّالُ وَعِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَالدُّخَانُ وَثَلَاثَةُ خُسُوفٍ خَسْفٌ بِالْمَغْرِبِ وَخَسْفٌ بِالْمَشْرِقِ وَخَسْفٌ بِجَزِيرَةِ الْعَرَبِ وَآخِرُ ذَلِكَ تَخْرُجُ نَارٌ مِنْ الْيَمَنِ مِنْ قَعْرِ عَدَنٍ تَسُوقُ النَّاسَ إِلَى الْمَحْشَرِ.[95]

Maksudnya: ***"Tidak akan berlaku hari kiamat sehinggalah kamu melihat 10 tanda … al-dukhaan (asap)."***

Hadith angin yang menyabut nyawa semua jiwa yang beriman.

إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ رِيحًا مِنْ الْيَمَنِ أَلْيَنَ مِنْ الْحَرِيرِ فَلَا تَدَعُ أَحَدًا فِي قَلْبِهِ قَالَ أَبُو عَلْقَمَةَ مِثْقَالُ حَبَّةٍ و قَالَ عَبْدُ الْعَزِيزِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ إِيمَانٍ إِلَّا قَبَضَتْهُ.[96]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah akan menghantar angin daripada Yaman, lebih lembut daripada sutera, tidak akan membiarkan sesiapapun yang di dalam hatinya ada sebesar zarah keimanan kecuali dicabut nyawanya."***

Hadith api yang akan keluar:

---

[94] البخاري ك الفتن ب يأجوج ومأجوج رقم 6602. مسلم ك الفتن وأشراط الساعة ب اقتراب الفتن وفتح ردم سأجوج ومأجوج رقم 5129.

[95] أبو داود ك الملاحم ب مارات الساعة رقم 3757.

[96] مسلم ك الإيمان ب في الريح التي تكون قرب القيامة رقم 168.

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ سَعِيدُ بْنُ الْمُسَيَّبِ أَخْبَرَنِي أَبُو هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَخْرُجَ نَارٌ مِنْ أَرْضِ الْحِجَازِ تُضِيءُ أَعْنَاقَ الْإِبِلِ بِبُصْرَى.[97]

Maksudnya: ***"Tidak akan berlaku hari kiamat sehinggalah keluarnya api daripada Hijaaz (barat Semenanjung Tanah Arab) yang dengannya bercahaya leher-leher unta di Busraa."***

Hadith bumi menelan:

يَعُوذُ عَائِذٌ بِالْبَيْتِ فَيُبْعَثُ إِلَيْهِ بَعْثٌ فَإِذَا كَانُوا بِبَيْدَاءَ مِنْ الْأَرْضِ خُسِفَ بِهِمْ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَكَيْفَ بِمَنْ كَانَ كَارِهًا قَالَ يُخْسَفُ بِهِ مَعَهُمْ وَلَكِنَّهُ يُبْعَثُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى نِيَّتِهِ.[98]

Maksudnya: ***"Akan berlindung seseorang di Ka'bah, dan satu kukmpulan dihantar untuk menangkapnya. Apabila mereka sampai ke satu kawasan licin di atas bumi ini (antara Mekah dan Madinah), mereka ditelan bumi." Aku ('Aisyah) bertanya 'Wahai Rasulullah, bagaimana degan orang yang terpaksa keluar dengan mereka?' Jawab Baginda "Dia akan ditelan bumi bersama mereka tetapi dibangkitkan semula berdasarkan niatnya."***

106- Apakah dalil beriman dengan kematian?

Firman Allah Ta'ala (al-Sajdah 32:11):

﴿ قُلْ يَتَوَفَّىٰكُم مَّلَكُ ٱلْمَوْتِ ٱلَّذِى وُكِّلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah: "Malaikat maut yang diserahi untuk (mencabut nyawa)mu akan mematikan kamu; kemudian hanya kepada Tuhanmulah kamu akan dikembalikan.***

Firman Allah Ta'ala (Aali Imran 3:185):

﴿ كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ﴾

Maksudnya: ***Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Dan sesungguhnya pada hari kiamat sajalah disempurnakan pahalamu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:30):

﴿ إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُم مَّيِّتُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya kamu akan mati dan sesungguhnya mereka akan mati juga.***

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiyaa' 21:34):

﴿ وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِّن قَبْلِكَ ٱلْخُلْدَ ۖ أَفَإِيْن مِّتَّ فَهُمُ ٱلْخَـٰلِدُونَ ﴾

---

[97] البخاري ك الفتن ب خروج النار رقم 6585. مسلم ك الفتن وأشراط الساعة ب لا تقوم الساعة حتى تخرج نار من أرض الحجاز رقم 5164.

[98] مسلم ك الفتن وأشراط الساعة الخسف بالجيش رقم 5131.

Maksudnya: ***Kami tidak menjadikan hidup abadi bagi seorang manusiapun sebelum kamu (Muhammad), maka jikalau kamu mati, apakah mereka akan kekal?***

Firman Allah Ta'ala (a-Rahmaan 55:26):

﴿ كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو ٱلْجَلَٰلِ وَٱلْإِكْرَامِ ﴾

Maksudnya: ***Semua yang ada di bumi itu akan binasa. Dan tetap kekal wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Qasas 28:88):

﴿ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Tiap-tiap sesuatu pasti binasa kecuali wajahNya (Allah).***

Firman Allah Ta'ala (al-Furqaan 25:58):

﴿ وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِى لَا يَمُوتُ ﴾

Maksudnya: ***Dan bertawakkallah kepada Allah Yang Hidup (Kekal) Yang tida mati.***

Terdapat banyak hadith berkenaan perkara ini. Ianya juga dapat disaksikan dan tidak dapat ditolak oleh sesiapapun. Akan tetapi masih ada orang yang degil dan takabbur. Hanya orang yang beriman lagi terselamat sahaja yang akan bertindak mengikut tuntutan keimanan terhadap kematian ini dan apa-apa yang selepasnya. Kita beriman bahawa semua yang mati samada dibunuh atau dengan sebab lain, semuanya adalah ajalnya (masanya) yang telah sampai tanpa dikurangkan.

Firman Allah Ta'ala (al-Ra'd 13:2):

﴿ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ﴾

Maksudnya: ***Masing-masing beredar hingga waktu yang ditentukan.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:34):

﴿ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Maka apabila telah dating waktunya mereka tidak dapat mengundurkannya barang sesaatpun dan tidak (pula) memajukannya.***

107- Apakah dalil berkenaan fitnah kubur dan nikmatnya daripada al-Quran?
Firman Allah Ta'ala (al-Mukminuun 23:100):

﴿ كَلَّآ ۚ إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَآئِلُهَا ۖ وَمِن وَرَآئِهِم بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sekali-kali tidak. Sesungguhnya itu adalh perkataan yang diucapkannya sahaja. Dan di hadapan mereka ada dinding sampai hari mereka dibangkitkan.***

Firman Allah Ta'ala (Ghaafir 40:46):

﴿ وَحَاقَ بِـَٔالِ فِرۡعَوۡنَ سُوٓءُ ٱلۡعَذَابِ ۝٤٥ ٱلنَّارُ يُعۡرَضُونَ عَلَيۡهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّاۖ وَيَوۡمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ أَدۡخِلُوٓاْ ءَالَ فِرۡعَوۡنَ أَشَدَّ ٱلۡعَذَابِ ﴾

Maksdunya: ***Dan Firaun beserta kaumnya dikepung oleh azab yang amat buruk. Kepada mereka dinampakkan nerakan pada pagi dan petang, dan pada hari terjadinya Kiamat (dikatakan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan kaumnya ke dalam azab yang sangat keras."***

Firman Allah Ta'ala (Ibrahiim 14:27):

﴿ يُثَبِّتُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱلۡقَوۡلِ ٱلثَّابِتِ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ ﴾

Maksudnya: ***Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.***

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:93):

﴿ وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِي غَمَرَٰتِ ٱلۡمَوۡتِ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ بَاسِطُوٓاْ أَيۡدِيهِمۡ أَخۡرِجُوٓاْ أَنفُسَكُمُۖ ٱلۡيَوۡمَ تُجۡزَوۡنَ عَذَابَ ٱلۡهُونِ ﴾

Maksudnya: ***Alangkah dahsatnya sekiranya kamu melihat di waktu orang-orang yang zalim (berada) dalam tekanan-tekanan sakratul maut, sedang para malaikat memukul dengan tangan mereka (sambil berkata): "Keluarkanlah nyawamu." Di hari ini kamu dibalas dengan seksaan yang sangat menghinakan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:101):

﴿ سَنُعَذِّبُهُم مَّرَّتَيۡنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴾

Maksudnya: ***Nanti mereka akan Kami seksa dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada azab yang besar.***

108- Apakah dalil berkenaan azab kubur dan nikmatnya daripada al-Sunnah?
Hadith-hadith sahih berkenaan perkara ini telah sampai ke tahap mutawatir.

Di antaranya ialah seperti berikut:
Hadith Anas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

(عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِك رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ حَدَّثَهُمْ أَنَّ رَسُولَ اللَّه صَلَّى اللَّهُ عَلَيْه وَسَلَّمَ قَـــالَ) إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِه وَتَوَلَّى عَنْهُ أَصْحَابُهُ وَإِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نِعَالِهِمْ أَتَاهُ مَلَكَان فَيُقْعِدَانه فَيَقُولَان مَـــا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ لِمُحَمَّد صَلَّى اللَّهُ عَلَيْه وَسَلَّمَ فَأَمَّا الْمُؤْمِنُ فَيَقُولُ أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ اللَّه وَرَسُولُهُ فَيُقَالُ لَهُ انْظُرْ إِلَى مَقْعَدكَ منْ النَّارِ قَدْ أَبْدَلَكَ اللَّهُ به مَقْعَدًا منْ الْجَنَّة فَيَرَاهُمَا جَميعًا قَالَ قَتَادَةُ وَذُكرَ لَنَا أَنَّهُ يُفْسَحُ لَهُ فِي قَبْرِهِ ثُمَّ رَجَعَ إِلَى حَديثِ أَنَسٍ قَالَ وَأَمَّا الْمُنَافِقُ وَالْكَافِرُ فَيُقَالُ لَهُ مَا كُنْتَ تَقُولُ فِـــي

هَذَا الرَّجُلِ فَيَقُولُ لَا أَدْرِي كُنْتُ أَقُولُ مَا يَقُولُ النَّاسُ فَيُقَالُ لَا دَرَيْتَ وَلَا تَلَيْتَ وَيُضْرَبُ بِمَطَارِقَ مِنْ حَدِيدٍ ضَرْبَةً فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ غَيْرَ الثَّقَلَيْنِ.[99]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya apabila seseorang hamba diletak di dalam kuburnya dan ditinggalkan oleh sahabat-sahabatnya sedang dia mendengar bunyi tapak kaki mereka, tatkala itu akan datang kepadanya dua malaikat yang akan mendudukkannya seraya berkata kepadanya 'Apakah sebutan kamu terhadap lelaki ini (iaitu Muhammad s.a.w.)?' Orang yang beriman akan berkata 'Aku naik saksi bahawa baginda adalah hamba Allah dan RasulNya.' Dengan itu dikatakan kepadanya 'Lihatlah tempat dudukmu di dalam neraka, Allah telah menggantikannya dengan tempat duduk di dalam syurga.' Dia akan melihat kedua-dua tempat duduknya tersebut. (Qatadah berkata) Dikatakan kepada kami: Kuburnya akan diluaskan untuknya. (kemudian Qatadah kembali ke hadith Anas dan berkata) Adapun orang munafiq dan kafir, akan dikatakan kepadanya 'Apakah sebutan kamu terhadap lelaki ini?' Jawabnya 'Aku tidak mengetahui, aku hanya menyebut apa yang disebut oleh orang.' Dikatakan pula kepadanya 'Engkau tidak mengetahui dan tidak juga membaca.' Dengan demikian dia akan dipukul tukul besi daripada besi, satu pukulan yang mana dia akan menjerit satu jeritan yang akan didengari oleh semua makhluk kecuali jin dan manusia."***

Hadith Abdullah bin Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا مَاتَ عُرِضَ عَلَيْهِ مَقْعَدُهُ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ إِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَمِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَإِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ فَمِنْ أَهْلِ النَّارِ فَيُقَالُ هَذَا مَقْعَدُكَ حَتَّى يَبْعَثَكَ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.[100]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya apabila seseorang daripada kamu wafat, tempat duduknya akan ditunjukkan kepadanya pada waktu pagi dan petang; sekiranya dia daripada ahli syurga maka daripada ahli syurga, sekiranya dia dariapda ahli neraka maka daripada ahli neraka. Akan dikatakan kepadanya 'Inilah tempat dudukmu apabila kamu dibangkitkan oleh Allah pada hari kiamat."***

Hadith dua kubur di mana Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّهُمَا لَيُعَذَّبَانِ وَمَا يُعَذَّبَانِ مِنْ كَبِيرٍ ثُمَّ قَالَ بَلَى أَمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ يَسْعَى بِالنَّمِيمَةِ وَأَمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَسْتَتِرُ مِنْ بَوْلِهِ قَالَ ثُمَّ أَخَذَ عُودًا رَطْبًا فَكَسَرَهُ بِاثْنَتَيْنِ ثُمَّ غَرَزَ كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا عَلَى قَبْرٍ ثُمَّ قَالَ لَعَلَّهُ يُخَفَّفُ عَنْهُمَا مَا لَمْ يَيْبَسَا.[101]

Maksudnya: ***"Sesungguhnya kedua-duanya diazab."***

Hadith Abu Ayyuub r.a. katanya :

خَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ وَجَبَتْ الشَّمْسُ فَسَمِعَ صَوْتًا فَقَالَ يَهُودُ تُعَذَّبُ فِي قُبُورِهَا.[102]

---

[99] البخاري ك الحنائز ب ما جاء في عذاب القبر رقم 1285. مسلم ك الجنة وصفة نعيمها ب عرض مقعد الميت من الجنة أو النار عليه وإثبات عذاب القبر رقم 5115.

[100] البخاري ك الجنائز ب الميت يعرض عليه لاغداة والعشي رقم 1290. مسلم ك الجنة وصفة نعيمها ب عرض مقعد الميت من الجنة أو النار عليه وإثبات عذاب القبر رقم 5111.

[101] البخاري ك الجنائز ب عذاب القبر من الغيبة والبول رقم 1289. مسلم ك الطهارة ب الجليل على نجاسة البول ووحوب الاستبراء منه رقم 439.

Maksudnya: ***'Nabi s.a.w. telah keluar selepas tenggelamnya matahari lalu dia terdengar satu suara. Baginda berkata "Yahudi yang diazab dalam kubur mereka."***

Hadith Asmaa' katanya:

قَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطِيبًا فَذَكَرَ فِتْنَةَ الْقَبْرِ الَّتِي يَفْتَتِنُ فِيهَا الْمَرْءُ فَلَمَّا ذَكَرَ ذَلِكَ ضَجَّ الْمُسْلِمُونَ ضَجَّةً.[103]

Maksudnya: ***Nabi s.a.w. telah bangun menyampaikan khutbah lalu menjelaskan tentang fitnah kubur yang berlaku terhadap seseorang hamba. Apabila Baginda menjelaskan perkara tersebut, orang ramai menangis teresak-esak.***

'Aisyah berkata:

فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدُ صَلَّى صَلَاةً إِلَّا تَعَوَّذَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ.[104]

Maksudnya: ***'Selepas itu aku dapati Baginda s.a.w. tidak sembahyang sesuatu solatpun kecuali Baginda akan memohon perlindungan daripada azab kubur.***

Hadith gerhana di mana 'Aisyah berkata:

ثُمَّ أَمَرَهُمْ أَنْ يَتَعَوَّذُوا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

Maksudnya: ***Kemudian Baginda memerintahkan mereka supaya memohon perlindungan daripada azab kubur***.

Kesemua hadith ini terdapat dalam kitab-kitab Sahih. Kami telah pun membawa lebih kurang 60 hadith daripada jalan-jalan yang sabit daripada sekumpulan para sahabat yang mengangkatnya kepada Rasulullah s.a.w. dalam kitab syarah al-Sullam.

********** ********** ********

109- Apakah dalil berkenaan kebangkitan daripada kubur?

Firman Allah Ta'ala (al-Haj 22:5-7):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمۡ فِي رَيۡبٖ مِّنَ ٱلۡبَعۡثِ فَإِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ مِنۡ عَلَقَةٖ ثُمَّ مِن مُّضۡغَةٖ مُّخَلَّقَةٖ وَغَيۡرِ مُخَلَّقَةٖ لِّنُبَيِّنَ لَكُمۡۚ وَنُقِرُّ فِي ٱلۡأَرۡحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى ثُمَّ نُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلٗا ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ أَشُدَّكُمۡۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡلَا يَعۡلَمَ مِنۢ بَعۡدِ عِلۡمٖ شَيۡـٔٗاۚ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ هَامِدَةٗ فَإِذَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡ وَأَنۢبَتَتۡ مِن كُلِّ زَوۡجِۭ بَهِيجٖ ۝٥ ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ

[102] البخاري ك الجنائز ب التعوذ من عذاب القبر رقم 1286. مسلم ك صفة الجنة والنار ب عرض مقعده من الجنة أو النار عليه رقم 5114.

[103] البخاري ك الجنائز ب ما جاء في عذاب القبر رقم 1284.

[104] البخاري ك الجنائز ب ما جاء في عذاب القبر رقم 1283.

ٱلْحَقُّ وَأَنَّهُۥ يُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ وَأَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ۝٦ وَأَنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ لَّا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ ٱللَّهَ يَبْعَثُ مَن فِى ٱلْقُبُورِ ﴾

Maksudnya: ***Hai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitis mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebgai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampailah kepada kedewasaan, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan (ada pula) di antara kamu yang dipanjangkan umurnya sampai pikun (sangat tua), supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang dahulunya telah diketahuinya. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai macam tumbuh-tumbuhan yang indah.***
Yang demikian itu, kerana sesungguhnya Allah, Dialah yang hak dan sesungguhnya Dialah yang menghidupkan segala yang mati dan sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.
Dan sesungguhnya hari kiamat itu pastilah datang, tiada keraguan padanya, dan bahawasanya Allah membangkitkan semua orang di dalam kubur.

Firman Allah Ta'ala (al-Ruum 30:27):

﴿ وَهُوَ ٱلَّذِى يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ ﴾

Maksudnya: ***Dan Dialah yang menciptakan (manusia) dari permulaan, kemudian mengembalikan (menghidupkan)nya kembali, dan menghidupkan kembali itu adalah lebih mudah bagiNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiyaa' 21:104):

﴿ كَمَا بَدَأْنَآ أَوَّلَ خَلْقٍ نُّعِيدُهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Sebagaimana Kami telah memulai penciptaan pertama begitulah Kami akan mengulanginya.***

Firman Allah Ta'ala (Maryam 19:66-67):

﴿ وَيَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ أَءِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا ۝٦٦ أَوَلَا يَذْكُرُ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْـًٔا ﴾

Maksudnya: ***Dan berkata manusia, "Betulkah apabila aku telah mati, bahawa aku sungguh-sungguh akan dibangkitkan menjadi hidup kembali?" Dan tidakkah manusia itu memikirkan bahawa sesungguhnya Kami telah menciptakannya dahulu, sedang ia tidak ada sama sekail?***

Firman Allah Ta'ala (Yaasiin 36:77-83):

﴿ أَوَلَمۡ يَرَ ٱلۡإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقۡنَٰهُ مِن نُّطۡفَةٖ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٞ مُّبِينٞ ٧٧ وَضَرَبَ لَنَا مَثَلٗا وَنَسِيَ خَلۡقَهُۥۖ قَالَ مَن يُحۡيِ ٱلۡعِظَٰمَ وَهِيَ رَمِيمٞ ٧٨ قُلۡ يُحۡيِيهَا ٱلَّذِيٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٖۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلۡقٍ عَلِيمٌ ٧٩ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلۡأَخۡضَرِ نَارٗا فَإِذَآ أَنتُم مِّنۡهُ تُوقِدُونَ ٨٠ أَوَلَيۡسَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يَخۡلُقَ مِثۡلَهُمۚ بَلَىٰ وَهُوَ ٱلۡخَلَّٰقُ ٱلۡعَلِيمُ ٨١ إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٨٢ فَسُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan apakah manusia tidak memperhatikan bahawa Kami menciptakannya dari setitik air, maka tiba-tiba ia menjadi penentang yang nyata!***
Dan dia membuat perumpamaan bagi Kami; dan dia lupa kepada kejadiannya; ia berkata, "Siapakah yang dapat menghidupkan tulang belulang yang telah hancur luluh?"
Katakanlah, "Ia akan dihidupkan oleh Tuhan yang menciptakannya kali yang pertama. Dan Dia Maha Mengetahui tentang segala makhluk, iaitu Tuhan yang menjadikan untukmu api dari kayu yang hijau, maka tiba-tiba kamu nyalakan (api) dari kayu itu."
Dan tidakkah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi itu berkuasa menciptakan kembali jasad-jasad mereka yang sudah hancur itu? Benar. Dia berkuasa. Dan Dialah Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui.
Sesungguhnya perintahNya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya, "Jadilah" maka terjadilah ia.
Maha Suci Allah yang di tanganNya kekuasaan atas segala sesuatu dan kepadaNyalah kamu dikembalikan.

Firman Allah Ta'ala (al-Ahqaaf 46:33):

﴿ أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ وَلَمۡ يَعۡيَ بِخَلۡقِهِنَّ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحۡـِۧيَ ٱلۡمَوۡتَىٰۚ بَلَىٰٓ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ﴾

Maksudnya: ***Dan apakah mereka tidak memperhatikan bahawa sesungguhnya Allah yang menciptakan langit dan bumi dan Dia tidak merasa payah kerana menciptakannya, berkuasa menghidupkan orang-orang mati? Ya, (bahkan) sesungguhnya Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (Fussilat 41:39):

﴿ وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلۡأَرۡضَ خَٰشِعَةٗ فَإِذَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡۚ إِنَّ ٱلَّذِيٓ أَحۡيَاهَا لَمُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰٓۚ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ﴾

Maksudnya: ***Dan sebahagian dari tanda-tanda (kekuasan)Nya bahawa kamu melihat bumi itu kering tandus, maka apabila Kami turunkan air di atasnya, nescaya ia bergerak dan subur. Sesungguhnya Tuhan yang menghidupkannya tentu dapat menghidupkan yang mati; sesungguhnya Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.***

Allah Ta'ala sering memberi perumpamaan dengan menjelaskan bagaimana Dia menghidupkan tanah dengan air lalu bumi tersebut menghijau dengan tumbuhan selepas mati disebabkan kekeringan.

Nabi juga telah menggunakan perumpamaan yang serupa di dalam hadith berikut:

فَأَرْسَلَ رَبُّكَ عَزَّ وَجَلَّ السَّمَاءَ بِهَضْبٍ مِنْ عِنْدِ الْعَرْشِ فَلَعَمْرُ إِلَهِكَ مَا تَدَعُ عَلَى ظَهْرِهَا مِنْ مَصْرَعِ قَتِيلٍ وَلَا مَدْفِنِ مَيِّتٍ إِلَّا شَقَّتْ الْقَبْرَ عَنْهُ حَتَّى تَجْعَلَهُ مِنْ عِنْدِ رَأْسِهِ فَيَسْتَوِي جَالِسًا فَيَقُولُ رَبُّكَ مَهْيَمْ لِمَا كَانَ فِيهِ يَقُولُ يَا رَبِّ أَمْسِ الْيَوْمَ وَلِعَهْدِهِ بِالْحَيَاةِ يَحْسَبُهُ حَدِيثًا بِأَهْلِهِ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ يَجْمَعُنَا بَعْدَ مَا تُمَزِّقُنَا الرِّيَاحُ وَالْبِلَى وَالسِّبَاعُ قَالَ أُنَبِّئُكَ بِمِثْلِ ذَلِكَ فِي آلَاءِ اللَّهِ الْأَرْضُ أَشْرَفْتَ عَلَيْهَا وَهِيَ مَدَرَةٌ بَالِيَةٌ فَقُلْتَ لَا تَحْيَا أَبَدًا ثُمَّ أَرْسَلَ رَبُّكَ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْهَا السَّمَاءَ فَلَمْ تَلْبَثْ عَلَيْكَ إِلَّا أَيَّامًا حَتَّى أَشْرَفْتَ عَلَيْهَا وَهِيَ شَرْبَةٌ وَاحِدَةٌ وَلَعَمْرُ إِلَهِكَ لَهُوَ أَقْدَرُ عَلَى أَنْ يَجْمَعَهُمْ مِنْ الْمَاءِ عَلَى أَنْ يَجْمَعَ نَبَاتَ الْأَرْضِ فَيَخْرُجُونَ مِنْ الْأَصْوَاءِ وَمِنْ مَصَارِعِهِمْ.[105]

Maksudnya: ***"Maka Allah akan menghantarkan hujan dari langit dari sisi singgahsana. Demi Tuhanmu, hujan tidak akan membiarkan tempat orang terbunuh mahupun orang yang mati lalu dikebumikan kecuali akan dibuka kuburnya lalu menjadikannya dari arah kepalanya lalu orang itu duduk tegak. Tuhanmu akan bertanya {Apakah hal dan urusan engkau?} orang itu akan menjawab 'Semalam… hari ini…' menyangkakan yang dia baru sahaja mati dan meninggalkan keluarganya. Aku (Laqit) bertanya 'Wahai Rasulullah, bagaimana Allah mengumpul kami selepas badan kami dikoyakkan oleh angin, binatang buas dan menjadi lapuk?' Jawab Baginda "Hendak aku jelaskan bahawa perumpamaannya dalam tanda-tanda nikmat Allah ialah sebidang tanah gersang lagi kering yang kamu nampak lalu kamu mengatakan 'Ini tidak sekali-kali akan hidup'. Lalu Allah mengutuskan langit utnuk hujan ke atasnya. Selang beberapa hari, kamu melewatinya dan kamu dapatinya subur sekali. Demi Allah, Dia lebih berkuasa untuk mengumpul mereka dari air, daripada mengumpul tumbuhan bumi, lalu mereka akan keluar daripada kubur-kubur mereka dan tempat-tempat di mana mereka dibunuh."***

110- Apakah hukumnya orang yang mendustai kebangkitan semula?
Dia dihukum kafir terhadap Allah, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya.
Firman Allah Ta'ala (al-Naml 27:67):

﴿ وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا وَءَابَآؤُنَآ أَئِنَّا لَمُخۡرَجُونَ ﴾

[105] أحمد ك أول مسند المدنيين رضي الله عنهم أجمعين ب حديث أبي رزين العقيلي لقيط بن عامر رقم 15617.

Maksudnya: ***Berkatalah orang-orang yang kafir, "Apakah setelah kita menjadi tanah dan (begitu pula) bapa-bapa kita; apakah sesungguhnya kita akan dikeluarkan (dari kubur)?"***

Firman Allah Ta'ala (al-Ra'd 13:5):

﴿ وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ۗ أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَـٰلُ فِىٓ أَعْنَاقِهِمْ ۖ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ أَصْحَـٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَـٰلِدُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan jika (ada sesuatu) yang kamu hairankan, maka yang patut menghairankan ialah ucapan mereka, "Apabila kami telah menjadi tanah, apakah kami sesungguhnya akan (dikembalikan) menjadi makhluk yang baru?" Orang-orang itulah yang kafir kepada Tuhan mereka, dan orang-orang itulah (yang dilekatkan) belenggu di lehernya; mereka itulah punghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taghaabun 64:7):

﴿ زَعَمَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَن لَّن يُبْعَثُوا۟ ۚ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ ۚ وَذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴾

Maksudnya: ***Orang-orang kafir mengatakan bahawa mereka sekali-kali tidak akan dibangkitkan. Katakanlah, "Tidak demikian, demi Tuhanku, benar-benar kamu akan dibangkitkan, kemudian akan diberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan." Yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.***

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi berkata:

قَالَ اللَّهُ كَذَّبَنِي ابْنُ آدَمَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ وَشَتَمَنِي وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ فَأَمَّا تَكْذِيبُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ لَنْ يُعِيدَنِي كَمَا بَدَأَنِي وَلَيْسَ أَوَّلُ الْخَلْقِ بِأَهْوَنَ عَلَيَّ مِنْ إِعَادَتِهِ وَأَمَّا شَتْمُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا وَأَنَا الْأَحَدُ الصَّمَدُ لَمْ أَلِدْ وَلَمْ أُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لِي كُفُئًا أَحَدٌ.[106]

Maksudnya: ***"Allah telah berfirman: {Anak Adam telah mendustaiKu sedangkan dia tidak sepatutnya berbuat demikian. Dia mencaciKu sedangkan dia tidak sepatutnya berbuat demikian. Adapun pendustaannya terhadapKu ialah kata-katanya bahawa 'Dia tidak akan mengembalikanku sebagaimana Dia memulakanku' sedangkan permulaan ciptaan tidak lebih mudah bagiku daripada mengembalikannya semula. Adapun caciannya terhadapKu ialah kata-katanya bahawa 'Allah mengambil anak' sedangakn Aku adalah Yang Tunggal, Tempat bergantungnya makhluk, Aku tidak pernah beranak dan tidak pula diperanakkan, dan tiada satupun yang setanding denganKu}.***

111- Apakah dalil tiupan sangkakala dan berapakah jumlah tiupan itu?
Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:68):

---

[106] البخاري ك تفسير القرآن ب تفسير سورة قل هو الله أحد رقم 4592.

﴿ وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنظُرُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan ditiuplah sangkakala, maka matilah siapa yang di langit dan di bumi kecuali siapa yang dikehendaki Allah. Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (keputusan masing-masing.)***

Ayat ini menyatakan dua tiupan, pertama untuk kematian dan kedua untuk kebangkitan semula.

Firman Allah Ta'ala (al-Naml 27:87):

﴿ وَيَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَفَزِعَ مَن فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَٰخِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan ingatlah hari ketika ditiup sangkakala, maka terkejutlah segala yang di langit dan segala yang di bumi, kecuali siapa yang dikehendaki Allah. Dan semua mereka datang menghadapNya dengan merendahkan diri.***

Pendapat pertama berkenaan ayat ini ialah mereka yang mengatakan bahawa ketakutan ini ialah kematian (iaitu tiupan pertama) yang terdapat dalam ayat sebelumnya (al-Zumar 39:68). Pendapat ini dikuatkan oleh hadith berikut:

ثُمَّ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَلَا يَسْمَعُهُ أَحَدٌ إِلَّا أَصْغَى لِيتًا وَرَفَعَ لِيتًا قَالَ وَأَوَّلُ مَنْ يَسْمَعُهُ رَجُلٌ يَلُوطُ حَوْضَ إِبِلِهِ قَالَ فَيَصْعَقُ وَيَصْعَقُ النَّاسُ ثُمَّ يُرْسِلُ اللَّهُ أَوْ قَالَ يُنْزِلُ اللَّهُ مَطَرًا كَأَنَّهُ الطَّلُّ أَوْ الظِّلُّ نُعْمَانُ الشَّاكُّ فَتَنْبُتُ مِنْهُ أَجْسَادُ النَّاسِ ثُمَّ يُنْفَخُ فِيهِ أُخْرَى فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ

Maksudnya: ***"Kemudian ditiup sangkakala yang mana tidak seorangpun mendengarnya kecuali akan ketakutan. Orang pertama mendengarnya ialah seorang lelaki yang sedang membaiki telaga untanya, lalu dia dimatikan dan disusuli pula dengan sekalian manusia. Kemudian Allah akan menghantar atau menurunkan hujan yang dengannya akan bercambah kembali badan-badan manusia dan mereka akan bangun seraya melihat."*** [107]

Pendapat kedua berkenaan ayat ini ialah bahawa ketakutan ini adalah satu keadaan berasingan yang berlaku sebelum dua keadaan yang terdapat dalam ayat sebelumnya (al-Zumar 39:69). Pendapat ini dikuatkan dengan sebuah hadith panjang berkenaan sangkakala. Di dalam hadith tersebut dinyatakan tiga tiupan sangkakala iaitu tiupan ketakutan, tiupan kematian dan tiupan kebangkitan berdepan dengan Tuhan semesta alam.[108]

---

[107] مسلم ك الفتتن ب في خروج الدجال ومكثه في الأرض ونزول عيسى وقتله إياه وذهاب أهل الخير والإيمان وبقاء شرار الناس وعبادتهم الأوثان والنفخ في الصور وبعث من في القبور رقم (5233).

[108] Hadith ini (hadith al-Shur) dinyatakan oleh al-Imam Ibnu Kathir di dalam tafsir surah al-An'aam ayat 73. Beliau mengatakan "Hadith ini amat *ghariib* (ganjil). Ismail bin Raafi', tukang kisah penduduk Madinah telah berseorangan dalam meriwayatkannya. Para ulama' telah berselisih

112- Bagaimanakah sifat *al-Hasyr* (penghimpunan) daripada al-Quran?
Terdapat banyak ayat yang menjelaskan sifatnya. Antaranya ialah firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:94):

﴿ وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فُرَٰدَىٰ كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَتَرَكْتُم مَّا خَوَّلْنَٰكُمْ وَرَآءَ ظُهُورِكُمْ ۖ وَمَا نَرَىٰ مَعَكُمْ شُفَعَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُمْ أَنَّهُمْ فِيكُمْ شُرَكَٰٓؤُا۟ ۚ لَقَد تَّقَطَّعَ بَيْنَكُمْ وَضَلَّ عَنكُم مَّا كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan sesungguhnya kamu datang kepada Kami sendiri-sendiri sebagaimana Kami ciptakan kamu pada mulanya, dan kamu tinggalkan di belakangmu (di dunia) apa yang telah Kami kurniakan kepadamu; dan Kami tiada melihat besertamu pemberi syafa'at yang kamu anggap bahawa mereka itu sekutu-sekutu Tuhan di antara kamu. Sungguh telah terputuslah (pertalian) antara kamu dan tela lenyap daripada kamu apa yang dahulu kamu anggap (sebgai sekutu Allah).***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:47):

﴿ وَحَشَرْنَٰهُمْ فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami kumpulkan seluruh manusia, dan tidak Kami tinggalkan seorangpun dari mereka.***

Firman Allah Ta'ala (Maryam 19:85-86):

﴿ يَوْمَ نَحْشُرُ ٱلْمُتَّقِينَ إِلَى ٱلرَّحْمَٰنِ وَفْدًا ۝٨٥ وَنَسُوقُ ٱلْمُجْرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِرْدًا ﴾

Maksudnya: ***(Ingatlah) hari Kami mengumpulkan orang-orang yang takwa kepada Tuhan Yang Maha Pemurah sebagai perutusan yang terhormat, dan Kami akan menghalau orang-orang yang derhaka ke nerka Jahannam dalam keadaan dahaga.***

Firman Allah Ta'ala (al-Waaqi'ah 56:7-10):

﴿ وَكُنتُمْ أَزْوَٰجًا ثَلَٰثَةً ۝٧ فَأَصْحَٰبُ ٱلْمَيْمَنَةِ مَآ أَصْحَٰبُ ٱلْمَيْمَنَةِ ۝٨ وَأَصْحَٰبُ ٱلْمَشْـَٔمَةِ مَآ أَصْحَٰبُ ٱلْمَشْـَٔمَةِ ۝٩ وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan kamu menjadi tiga golongan, iaitu golongan kanan. Alangkah mulianya golongan kanan itu. Dan golongan kiri. Alangkah sengsaranya golongan kiri itu. Dan orang-orang yang paling dahulu beriman, merekalah yang paling dulu (masuk syurga).***

Firman Allah Ta'ala (Taahaa 20:108):

---

pendapat dalam peribadinya, ada yang menguatkannya dan ada yang melemahkannya. Tidak sedikit ulama' yang menghukum hadith ini sebagai hadith *munkar* (lemah menyalahi yang kuat).

﴿ يَوۡمَئِذٍ يَتَّبِعُونَ ٱلدَّاعِيَ لَا عِوَجَ لَهُۥۖ وَخَشَعَتِ ٱلۡأَصۡوَاتُ لِلرَّحۡمَٰنِ فَلَا تَسۡمَعُ إِلَّا هَمۡسًا ﴾

Maksudnya: ***Pada hari itu manusia mengikuti (menuju kepada suara) penyeru dengan tidak berbelok-belok; dan merendahlah semua suara kepada Tuhan Yang Maha Pemurah, maka kamu tidak mendengar kecuali bisikan sahaja.***

Hamsaa dalam ayat ini bermaksud gerakan kaki-kaki ke arah tempat perhimpunan, seperti kaki-kaki unta.

Firman Allah Ta'ala (al-Israa' 17:97):

﴿ وَمَن يَهۡدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلۡمُهۡتَدِۖ وَمَن يُضۡلِلۡ فَلَن تَجِدَ لَهُمۡ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِهِۦۖ وَنَحۡشُرُهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمۡ عُمۡيًا وَبُكۡمًا وَصُمًّاۖ مَّأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ كُلَّمَا خَبَتۡ زِدۡنَٰهُمۡ سَعِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Dan barangsiapa yang ditunjuki Allah, dialah yang mendapat petunjuk an barangsiapa yang Dia sesatkan maka sekali-kali kamu tidak akan mendapat penolong-penolong bagi mereka selain dari Dia. Dan Kami akan mengumpulkan mereka pada hari kiamat (diseret) atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak. Tempat kediaman mereka adalah neraka Jahannam. Tiap-tiap kali nyala api Jahannam itu akan padam, Kami tambah lagi bagi mereka nyalanya.***

113- Bagaimanakah sifat *al-Hasyr* (penghimpunan) daripada al-Sunnah?

Sabda Rasulullah s.a.w. :

يُحْشَرُ النَّاسُ عَلَى ثَلَاثِ طَرَائِقَ رَاغِبِينَ رَاهِبِينَ وَاثْنَانِ عَلَى بَعِيرٍ وَثَلَاثَةٌ عَلَى بَعِيرٍ وَأَرْبَعَةٌ عَلَى بَعِيرٍ وَعَشَرَةٌ عَلَى بَعِيرٍ وَيَحْشُرُ بَقِيَّتَهُمْ النَّارُ تَقِيلُ مَعَهُمْ حَيْثُ قَالُوا وَتَبِيتُ مَعَهُمْ حَيْثُ بَاتُوا وَتُصْبِحُ مَعَهُمْ حَيْثُ أَصْبَحُوا وَتُمْسِي مَعَهُمْ حَيْثُ أَمْسَوْا

Maksudnya: ***"Manusia akan dikumpul dalam tiga kumpulan samada suka mahupun benci. Dua di atas seekor unta, ,tiga di atas seekor unta, empat di atas seekor unta dan sepuluh di atas seekor unta. Selebihnya dikumpul oleh api yang berada bersama mereka semasa mereka tidur, di waktu pagi dan semasa mereka di waktu petang."***[109]

Terdapat riwayat daripada Anas bin Malik r.a. :

أَنَّ رَجُلًا قَالَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ يُحْشَرُ الْكَافِرُ عَلَى وَجْهِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ قَالَ أَلَيْسَ الَّذِي أَمْشَاهُ عَلَى الرِّجْلَيْنِ فِي الدُّنْيَا قَادِرًا عَلَى أَنْ يُمْشِيَهُ عَلَى وَجْهِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ قَالَ قَتَادَةُ بَلَى وَعِزَّةِ رَبِّنَا

Maksudnya: ***Bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. 'Wahai Nabi Allah, bagaimanakah orang kafir dikumpul di atas wajahnya?' Jawab Baginda "Bukankah Tuhan Yang menjalankannya di atas dua kakinya di dunia berkuasa untuk menjalankannya di atas wajahnya pada hari Qiamat?"***[110]

---

[109] متفق عليه: البخاري ك الرقاق ب كيف الحشر رقم (6041) ومسلم ك في الجنة وصفة نعيمها ب فناء الدنيا وبيان الحشر يوم القيامة رقم (5105).

[110] متفق عليه: البخاري ك تفسير سورة الفرقان ب الذين يحشرون على وجوههم إلى جهنم رقم (4388) ومسلم ك صفة القيامة والجنة والنار ب يحشر الكافر على وجهه رقم (5020).

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi:

إِنَّكُمْ مَحْشُورُونَ حُفَاةً عُرَاةً غُرْلًا ثُمَّ قَرَأَ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ وَعْدًا عَلَيْنَا إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ وَأَوَّلُ مَنْ يُكْسَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِبْرَاهِيمُ

Maksudnya: ***"Sesungguhnya kamu semua akan dikumpulkan tanpa kasut, telanjang dan tidak bersunat, {Sebagaimana kami mulakan kejadian pertama, akan kami ulanginya semula}. Sesungguhnya makhluk pertama diberi pakaian ialah Ibrahim."***[111]

'Aisyah r.a. bertanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تُحْشَرُونَ حُفَاةً عُرَاةً غُرْلًا قَالَتْ عَائِشَةُ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ الرِّجَالُ وَالنِّسَاءُ يَنْظُرُ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ فَقَالَ الْأَمْرُ أَشَدُّ مِنْ أَنْ يُهِمَّهُمْ ذَاكِ

Maksudnya: ***'Wahai Rasulullah s.a.w., lelaki dan perempuan melihat antara satu sama lain?' Jawab Baginda "Keadaan ketika itu amat keras sehinggakan mereka tidak terfikir langsung tentang perkara itu."***[112]

###########   ############   ##########

114- Bagaimanakah sifat *mauqif* (tempat perhentian) daripada al-Quran?

Firman Allah Ta'ala (Ibraahiim 14:42-43):

﴿ وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ غَٰفِلًا عَمَّا يَعْمَلُ ٱلظَّٰلِمُونَ ۚ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ ٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٤٢﴾ مُهْطِعِينَ مُقْنِعِى رُءُوسِهِمْ لَا يَرْتَدُّ إِلَيْهِمْ طَرْفُهُمْ ۖ وَأَفْـِٔدَتُهُمْ هَوَآءٌ ﴾

Maksudnya: ***Dan janganlah sekali-kali kamu mengira bahawa Allah lalai dari apa yang diperbuat oleh orang-orang yang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tangguh kepada mereka sampai hari yang pada waktu itu mata mereka terbelalak. Mereka datang bergegas-gegas memenuhi pabnggilan dengan mengangkat kepadanya, sedang mata mereka tidak berkedip-kepip dan hati mereka kosong.***

Firman Allah Ta'ala (al-Naba' 78:38):

﴿ يَوْمَ يَقُومُ ٱلرُّوحُ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ صَفًّا ۖ لَّا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴾

Maksudnya: ***Pada hari ketika ruh dan paramalaikat berdidi bershaf-shaf mereka tidak berkata-kata, kecuali siapa yang telah diberi izin kepadanya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah; dan ia mengucapkan kata yang benar.***

Firman Allah Ta'ala (Ghaafir 40:18):

﴿ وَأَنذِرْهُمْ يَوْمَ ٱلْـَٔازِفَةِ إِذِ ٱلْقُلُوبُ لَدَى ٱلْحَنَاجِرِ كَٰظِمِينَ ۚ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ يُطَاعُ ﴾

---

[111] متفق عليه: البخاري ك الأنبياء ب واتخذ الله إبراهيم خليلا رقم (3100). ومسلم ك الجنة وصفة نعيمها ب فناء الدنيا وبيان الحشر يوم القيامة رقم (5104).

[112] البخاري ك الرقاق ب كيف الحشر رقم (6046). ومسلم ك الجنة وصفة نعيمها ب فناء الدنيا وبيان الحشر يوم القيامة رقم (5104).

Maksudnya: ***Berilah mereka peringatan dengan hari yang dekat (hari kiamat iaitu) ketika hati (menyesak) sampai di kerongkongan dengan menahan kesedihan. Orang-orang yang zalim tidak mempunyi teman setia seorangpun dan tidak pula mempunyai seorang pemberi syafa't yang diterima syafa'atnya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Ma'aarij 70:4):

﴿ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ﴾

Maksudnya: ***Dalam sehari yang kadarnya 50 ribu tahun.***

Firman Allah Ta'ala (al-Rahmaan 55:31):

﴿ سَنَفْرُغُ لَكُمْ أَيُّهَ ٱلثَّقَلَانِ ﴾

Maksudnya: ***Kami akan memperhatikan sepenuhnya kepadamu hai manusia dan jin.***

115- Bagaimanakah sifat *mauqif* (tempat perhentian) daripada al-Sunnah?
Terdapat banyak hadith yang menerangkan perkara ini. Antaranya ialah satu riwayat daripada Ibnu Umar r.a. daripada Nabi s.a.w. berkenaan ayat ini (al-Mutaffifiin 83:6):

﴿ يَوْمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلْعَالَمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Hari ketika manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam.***

Bahawa Baginda telah bersabda:

يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ قَالَ يَقُومُ أَحَدُهُمْ فِي رَشْحِهِ إِلَى أَنْصَافِ أُذُنَيْهِ

Maksudnya: ***"Berdiri salah seorang daripada mereka di dalam peluhnya yang sampai kepada dua telinganya."***[113]

Terdapat sebuah hadith daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَعْرَقُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يَذْهَبَ عَرَقُهُمْ فِي الْأَرْضِ سَبْعِينَ ذِرَاعًا وَيُلْجِمُهُمْ حَتَّى يَبْلُغَ آذَانَهُمْ

Maksudnya: ***"Manusia akan berpeluh pada hari Qiamat sehinggakan peluh mereka akan meresap ke dalam tanah sedalam 70 hasta. Peluh mereka akan menenggelami mereka sehinggakan ke telinga-telinga mereka."***[114]

116- Bagaimanakah sifat *'ardh* (pembentangan) dan *hisab* (penghitungan) daripada al-Quran?
Firman Allah Ta'ala (al-Haaqqah 69:18):

﴿ يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنكُمْ خَافِيَةٌ ﴾

---

[113] متفق عليه: البخاري ك الرقاق ب قول الله تعالى ألا يظن أولئك أنهم مبعوثون رقم (6050). ومسلم ك الجنة وصفة نعيمها ب في صفة يوم القيامة أعاننا الله على أهوالها رقم (5106).

[114] البخاري ك الرقاق ب قول الله تعالى ألا يظن أولئك أنهم مبعوثون ليوم عظيم يوم يقوم الناس لرب العالمين رقم (6051).

Maksudnya: ***Pada hari itu kamu dihadapkan kepada Tuhanmu, tiada sesuatupun dari keadaanmu yang tersembunyi bagi Allah.***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:48):

﴿ وَعُرِضُواْ عَلَىٰ رَبِّكَ صَفّٗا لَّقَدۡ جِئۡتُمُونَا كَمَا خَلَقۡنَٰكُمۡ أَوَّلَ مَرَّةِۭۚ بَلۡ زَعَمۡتُمۡ أَلَّن نَّجۡعَلَ لَكُم مَّوۡعِدٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan mereka akan dibawa ke hadapan Tuhanmu dengan berbaris, sesungguhnyakamu datang kepada Kami, sebagaimana Kami menciptakan kamu pada kali yang pertama; bahkan kamu mengatakan bahawa Kami sekali-kali tidak akan menetapkan bagi kamu waktu (memenuhi) perjanjian.***

Firman Allah Ta'ala (al-Naml 27:83-85):

﴿ وَيَوۡمَ نَحۡشُرُ مِن كُلِّ أُمَّةٖ فَوۡجٗا مِّمَّن يُكَذِّبُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُمۡ يُوزَعُونَ ﴿٨٣﴾ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُو قَالَ أَكَذَّبۡتُم بِـَٔايَٰتِي وَلَمۡ تُحِيطُواْ بِهَا عِلۡمًا أَمَّاذَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٨٤﴾ وَوَقَعَ ٱلۡقَوۡلُ عَلَيۡهِم بِمَا ظَلَمُواْ فَهُمۡ لَا يَنطِقُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan ingatlah hari ketika Kami kumpulkan dari tiap-tiap umat segolongan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu mereka dibagi-bagi (dalam kelompok-kelompok). Hingga apabila mereka datang, Allah berfirman "Apakah kamu telah mendustakan ayat-ayatKu, padahal ilmu kamu tidak meliputinya atau apakah yang telah kamu kerjakan?" Dan jatuhlah perkataan (azab) atas mereka disebabkan kezaliman mereka, maka mereka tidak dapat berkata (apa-apa).***

Firman Allah Ta'ala (al-Zalzalah 99:6-8):

﴿ يَوۡمَئِذٖ يَصۡدُرُ ٱلنَّاسُ أَشۡتَاتٗا لِّيُرَوۡاْ أَعۡمَٰلَهُمۡ ﴿٦﴾ فَمَن يَعۡمَلۡ مِثۡقَالَ ذَرَّةٍ خَيۡرٗا يَرَهُۥ ﴿٧﴾ وَمَن يَعۡمَلۡ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖ شَرّٗا يَرَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Pada hari itu manusia keluar dari kuburnya dalam keadaan yang bermacam-macam, supaya diperlihatkan kepada mereka (balasan) pekerjaan mereka. Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat dzarrahpun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan seberat dzarrahpun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Hijr 15:92-93):

﴿ فَوَرَبِّكَ لَنَسۡـَٔلَنَّهُمۡ أَجۡمَعِينَ ﴿٩٢﴾ عَمَّا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿٩٣﴾ ﴾

Maksudnya: ***Maka demi Tuhanmu, Kami pasti akan menanya mereka semua, tentang apa yang telah mereka kerjakan dahulu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Saaffaat 37:24):

﴿ وَقِفُوهُمْ ۖ إِنَّهُم مَّسْـُٔولُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan tahanlah mereka (di tempat perhentian) kerana sesungguhnya mereka akan ditanya.***

117- Bagaimanakah sifat *'ardh* (pembentangan) dan *hisab* (penghitungan) daripada al-Sunnah?

Terdapat banyak hadith dalam perkara ini. Antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w.

مَنْ نُوقِشَ الْحِسَابَ عُذِّبَ قَالَتْ قُلْتُ أَلَيْسَ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا قَالَ ذَلِكِ الْعَرْضُ

Maksudnya: ***"Siapa yang dipersoalkan dalam penghitungan akan diazab." 'Aisyah bertanya 'Bukankah Allah telah berfirman (al-Insyiqaaq 84:8): Maka dia akan dihitung dengan perhitungan yang mudah. Jawab Baginda: "Itu ialah 'ardh (pembentangan)."***[115]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

يُجَاءُ بِالْكَافِرِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيُقَالُ لَهُ أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ لَكَ مِلْءُ الْأَرْضِ ذَهَبًا أَكُنْتَ تَفْتَدِي بِهِ فَيَقُولُ نَعَمْ فَيُقَالُ لَهُ قَدْ كُنْتَ سُئِلْتَ مَا هُوَ أَيْسَرُ مِنْ ذَلِكَ

Maksudnya: ***Dibawa orang kafir pada hari Qiamat dan ditanyakan kepadanya, "Adakah sekiranya kamu mempunyai emas sebanyak satu bumi, kamu akan menebusnnya?" Dia menjawab, 'Ya.' Dikatakan pula kepadanya, "Sesungguhnya perkara yang diminta daripada kamu dahulu adalah lebih mudah daripada itu" dalam riwayat lain "Sesungguhnya Aku telah minta daripada kamu apa yang lebih mudah daripada itu sejak kamu berada di dalam sulbi Adam lagi iaitu supaya kamu tidak mempersekutukan Aku, tetapi kamu tetap berdegil ingin mempersekutukan."***[116]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

مَا مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا سَيُكَلِّمُهُ رَبُّهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ تُرْجُمَانٌ فَيَنْظُرُ أَيْمَنَ مِنْهُ فَلَا يَرَى إِلَّا مَا قَدَّمَ مِنْ عَمَلِهِ وَيَنْظُرُ أَشْأَمَ مِنْهُ فَلَا يَرَى إِلَّا مَا قَدَّمَ وَيَنْظُرُ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلَا يَرَى إِلَّا النَّارَ تِلْقَاءَ وَجْهِهِ فَاتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ قَالَ الْأَعْمَشُ وَحَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ مُرَّةَ عَنْ خَيْثَمَةَ مِثْلَهُ وَزَادَ فِيهِ وَلَوْ بِكَلِمَةٍ طَيِّبَةٍ

Maksudnya: ***"Tiada seorang daripada kamu kecuali akan Allah akan berkata-kata dengannya tanpa sebarang penterjemah. Dia akan melihat di kanannya dan hanya dapat melihat amalan yang telah dilakukannya. Dia melihat di kirinya dan hanya dapat melihat amalan yang telah dilakukannya. Dia melihat di hadapannya dan hanya dapat melihat Neraka. Maka hendaklah kamu semua bertaqwa walaupun dengan memberi sebahagian buah kurma atau dengan kata-kata yang mulia."***[117]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

---

[115] البخاري ك الرقاق ب من نوقش الحساب عذب رقم (6055).

[116] البخاري ك الرقاق ب من نوقش الحساب عذب رقم (6057).

[117] متفق عليه: البخاري ك التوحيد ب كلام الرب يوم القيامة مع الأنبياء رقم (6958). ومسلم ك الزكاة ب الحث على الصدقة ولو بشق تمرة أو كلمة طيبة وأنها حجاب من النار رقم (1688).

يَدْنُو أَحَدُكُمْ مِنْ رَبِّهِ حَتَّى يَضَعَ كَنَفَهُ عَلَيْهِ فَيَقُولُ أَعَمِلْتَ كَذَا وَكَذَا فَيَقُولُ نَعَمْ وَيَقُولُ عَمِلْتَ كَذَا وَكَذَا فَيَقُولُ نَعَمْ فَيُقَرِّرُهُ ثُمَّ يَقُولُ إِنِّي سَتَرْتُ عَلَيْكَ فِي الدُّنْيَا وَأَنَا أَغْفِرُهَا لَكَ الْيَوْمَ

Maksudnya: ***"Seseorang daripada kamu –iaitu yang beriman- akan mendekati Tuhannya sehinggalah Tuhan meletakkan tepiNya/bayanganNya di atasnya seraya berkata "Kamu telah lakukan begini dan begini?" Dia akan menjawab, 'Ya.' Allah berkata lagi "Kamu telah lakukan begini dan begini?" Dia menjawab, 'Ya.' Allah menjadikannya mengaku, kemudian Allah berkata, "Sesungguhnya aku telah sembunyikannya atas kamu di dunia dan Aku ampunkannya untuk kamu hari ini."***[118]

118- Bagaimanakah bentuk pembentangan lembaran-lembaran amalan daripada al-Quran?

Firman Allah Ta'ala (al-Israa' 17:13-14):

﴿ وَكُلَّ إِنسَٰنٍ أَلْزَمْنَٰهُ طَٰٓئِرَهُۥ فِى عُنُقِهِۦ ۖ وَنُخْرِجُ لَهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ كِتَٰبًا يَلْقَىٰهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾ ٱقْرَأْ كِتَٰبَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ ٱلْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴾

Maksudnya: ***Dan tiap-tiap manusia itu telah Kami tetapkan amal perbuatannya (sebagaimana tetapnya kalung) pada lehernya,. Dan Kami keluarkan baginya pada hari kiamat sebuah kitab yang dijumpainya terbuka. "Bacalah kitabmu, cukuplah dirimua sendiri pada waktu ini sebagai penghisab terhadapmu."***

Firman Allah Ta'ala (al-Takwiir 81:10):

﴿ وَإِذَا ٱلصُّحُفُ نُشِرَتْ ﴾

Maksudnya: ***Dan apabila catatan-catatan (amal perbuatan manusia) dibuka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:49):

﴿ وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ فَتَرَى ٱلْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَٰوَيْلَتَنَا مَالِ هَٰذَا ٱلْكِتَٰبِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّآ أَحْصَىٰهَا ۚ وَوَجَدُوا۟ مَا عَمِلُوا۟ حَاضِرًا ۗ وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴾

Maksudnya: ***Dan diletakkan kitab lalu kamu akan melihat orang-orang yang bersalah ketakutan terhadap apa yang tertulis di dalamnya, dan mereka berkata "Aduhai celakalah kami, kitab apakah ini yang idak meninggalkan yang kecil dan tidak pula yang besar, melainkan ia mencatat semuanya; dan mereka dapati apa yang telah mereka kerjakan ada (tertulis). Dan Tuhanmu tidak menganiaya seorang juapan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Haaqqah 69:19-37):

[118] البخاري ك االتوحيد ب كلام الرب يوم القيامة مع الأنبياء رقم (6960).

﴿ فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ فَيَقُولُ هَآؤُمُ ٱقْرَءُوا۟ كِتَٰبِيَهْ ﴾ إلى قوله ﴿ ٱلْخَٰطِـُٔونَ ﴾

Maksudnya: ***Adapun orang-orang yang diberikan kepadanya kitabny dari sebelah kanannya, maka dia berkata "Ambillah, bacalah kitabku ini." ... orang-orang yang berdosa.***

Firman Allah Ta'ala (al-Insyiqaaq 84:7):

﴿ فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Adapun orang yang diberikan kitabnya dari sebelah kanannya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Insyiqaaq 84:10):

﴿ وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ وَرَآءَ ظَهْرِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Adapun orang yang diberikan kitabnya dari belakang.***

Ini menunjukkan bahawa orang yang menerima kitabnya dari kanannya, dia akan diberikan dari hadapan. Orang yang menerima kiatabnya dari kirinya pula, dia akan diberikan dari belakang. Semoga Allah melindungi kita semua…

119- Apakah dalil bagi bentuk pembentangan lembaran-lembaran amalan daripada al-Sunnah?

Tedapat banyak hadith dalam perkara ini. Di antaranya ialah:

Sabda Rasulullah s.a.w. :

يُدْنَى الْمُؤْمِنُ مِنْ رَبِّهِ وَقَالَ هِشَامٌ يَدْنُو الْمُؤْمِنُ حَتَّى يَضَعَ عَلَيْهِ كَنَفَهُ فَيُقَرِّرُهُ بِذُنُوبِهِ تَعْرِفُ ذَنْبَ كَذَا يَقُولُ أَعْرِفُ يَقُولُ رَبِّ أَعْرِفُ مَرَّتَيْنِ فَيَقُولُ سَتَرْتُهَا فِي الدُّنْيَا وَأَغْفِرُهَا لَكَ الْيَوْمَ ثُمَّ تُطْوَى صَحِيفَةُ حَسَنَاتِهِ وَأَمَّا الْآخَرُونَ أَوْ الْكُفَّارُ فَيُنَادَى عَلَى رُءُوسِ الْأَشْهَادِ هَؤُلَاءِ الَّذِينَ كَذَبُوا عَلَى رَبِّهِمْ أَلَا لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ

Maksudnya: ***"Allah akan mendekatkan hambanya yang beriman kepadaNya sehinggalah Dia meletakkan tepiNya / bayanganNya ke atasnya lalu menjadikannya mengakui segala dosanya dengan berkata "Adakah kamu tahu dosa ini?" Jawabnya 'Saya tahu.' (dua kali). Lalu Allah berkata "Aku telah menyembunyikannya ke atas kamu di dunia dan Aku mengempunkannya untuk kamu hari ini." Kemudian disimpan lembaran amalan kebaikannya. Berkenaan orang kafir pula, akan dilaungkan di hadapan khalayak ramai (Huud 11:18): {Mereka itulah yang mendustai terhadap Tuhan mereka, makaAllah menjadikan laknat ke atas mereka}.***[119]

'Aisyah telah berkata:

هَلْ يَذْكُرُ الْحَبِيبُ حَبِيبَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ قَالَ يَا عَائِشَةُ أَمَّا عِنْدَ ثَلَاثٍ فَلَا أَمَّا عِنْدَ الْمِيزَانِ حَتَّى يَثْقُلَ أَوْ يَخِفَّ فَلَا وَأَمَّا عِنْدَ تَطَايُرِ الْكُتُبِ فَإِمَّا أَنْ يُعْطَى بِيَمِينِهِ أَوْ يُعْطَى بِشِمَالِهِ فَلَا وَحِينَ يَخْرُجُ عُنُقٌ مِنْ النَّارِ فَيَنْطَوِي عَلَيْهِمْ وَيَتَغَيَّظُ عَلَيْهِمْ وَيَقُولُ ذَلِكَ الْعُنُقُ وُكِّلْتُ بِثَلَاثَةٍ وُكِّلْتُ بِثَلَاثَةٍ وُكِّلْتُ بِمَنْ ادَّعَى مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَوُكِّلْتُ بِمَنْ لَا يُؤْمِنُ بِيَوْمِ الْحِسَابِ وَوُكِّلْتُ بِكُلِّ

---

[119] متفق عليه: البخاري ك التفسير ب تفسير سورة هود رقم (4317). ومسلم ك التوبة ب قبول توبة القاتل وإن كثر قتله رقم (4972).

جَبَّارٍ عَنِيدٍ قَالَ فَيَنْطَوِي عَلَيْهِمْ وَيَرْمِي بِهِمْ فِي غَمَرَاتٍ وَلِجَهَنَّمَ جِسْرٌ أَدَقُّ مِنْ الشَّعْرِ وَأَحَدُّ مِنْ السَّيْفِ عَلَيْهِ كَلَالِيبُ وَحَسَكٌ يَأْخُذُونَ مَنْ شَاءَ اللَّهُ وَالنَّاسُ عَلَيْهِ كَالطَّرْفِ وَكَالْبَرْقِ وَكَالرِّيحِ وَكَأَجَاوِيدِ الْخَيْلِ وَالرِّكَابِ وَالْمَلَائِكَةُ يَقُولُونَ رَبِّ سَلِّمْ رَبِّ سَلِّمْ فَنَاجٍ مُسَلَّمٌ وَمَخْدُوشٌ مُسَلَّمٌ وَمُكَوَّرٌ فِي النَّارِ عَلَى وَجْهِهِ

Maksudnya: ***'Wahai Rasulullah, adakah seseorang itu akan teringat kekasihnya di akhirat nanti?' Jawab Baginda ''Wahai 'Aisyah, adapun dalam tiga keadaan maka tidak, iaitu semasa di sisi al-Mizan (alat penimbang) sehinggalah berat atau ringan, semasa berterbangannya lembaran-lembaran amalan samada diberi dari kanan atau kiri, dan semasa keluarnya leher dari Neraka.''***[120]

120- Apakah dalil berkenaan al-Mizan (alat penimbang) daripada al-Quran dan bagaimanakah sifat penimbangan itu?

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiyaa' 21:47):

﴿ وَنَضَعُ ٱلْمَوَٰزِينَ ٱلْقِسْطَ لِيَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْـًٔا ۖ وَإِن كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا ۗ وَكَفَىٰ بِنَا حَـٰسِبِينَ ﴾

Maksudnya: ***Kami akan memasang timbangan yan gtepat pada hari kiamat, maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikitpun. Dan jika amalan itu hanya seberat biji sawipun pasti Kami mendatangkan pahalanya. Dan cukuplah Kami sebgai Pembuat perhitungan.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:8-9):

﴿ وَٱلْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ ٱلْحَقُّ ۚ فَمَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ۝٨ وَمَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُم بِمَا كَانُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا يَظْلِمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Timbangan pada hari itu ialah kebenaran (keadilan), maka barangsiapa berat timbangan kebaikannya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung. Dan siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri, disebabkan mereka selalu mengingkari ayat-ayat Kami.***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:105):

﴿ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ وَزْنًا ﴾

Maksudnya: ***Maka Kami tidak mengdakan suatu penilaian bagi (amalan) mereka pada hari kiamat.***

121- Apakah dalil berkenaan al-Mizan (alat penimbang) daripada al-Sunnah dan bagaimanakah sifat penimbangan itu?

Terdapat banyak hadith dalam perkara ini. Di antaranya ialah:

Hadith al-Bitaqah (kad):

[120] أحمد ك باقي مسند الأنصار ب حديث السيدة عائشة رضي الله عنها رقم (23649). وأبو داود ك السنة ب في ذكر الميزان رقم (4128).

إِنَّ اللَّهَ سَيُخَلِّصُ رَجُلًا مِنْ أُمَّتِي عَلَى رُءُوسِ الْخَلَائِقِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيَنْشُرُ عَلَيْهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ سِجِلًّا كُلُّ سِجِلٍّ مِثْلُ مَدِّ الْبَصَرِ ثُمَّ يَقُولُ أَتُنْكِرُ مِنْ هَذَا شَيْئًا أَظَلَمَكَ كَتَبَتِي الْحَافِظُونَ فَيَقُولُ لَا يَا رَبِّ فَيَقُولُ أَفَلَكَ عُذْرٌ فَيَقُولُ لَا يَا رَبِّ فَيَقُولُ بَلَى إِنَّ لَكَ عِنْدَنَا حَسَنَةً فَإِنَّهُ لَا ظُلْمَ عَلَيْكَ الْيَوْمَ فَتَخْرُجُ بِطَاقَةٌ فِيهَا أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ فَيَقُولُ احْضُرْ وَزْنَكَ فَيَقُولُ يَا رَبِّ مَا هَذِهِ الْبِطَاقَةُ مَعَ هَذِهِ السِّجِلَّاتِ فَقَالَ إِنَّكَ لَا تُظْلَمُ قَالَ فَتُوضَعُ السِّجِلَّاتُ فِي كَفَّةٍ وَالْبِطَاقَةُ فِي كَفَّةٍ فَطَاشَتْ السِّجِلَّاتُ وَثَقُلَتْ الْبِطَاقَةُ فَلَا يَثْقُلُ مَعَ اسْمِ اللَّهِ شَيْءٌ

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah akan meletakkan seorang lelaki dari umatku di hadapan seluruh makhluk lalu dibentangkan kepadanya 99 rekod, setiap rekod sejauh mata memandang. Kemudian Allah bertanya "Adakah kamu menafikan perkara-perkara ini? Adakah penulis-penulisKu telah menzalimi kamu?" Dia menjawab 'Tidak wahai Tuhanku.' Allah bertanya lagi "Adakah kamu mempunyai alasan?" Jawabnya 'Tidak.' Allah berkata "Ya, sebenarnya di sisi Kami kamu mempunyai satu kebaikan. Sesungguhnya tiada kezaliman ke atas kamu hari ini." Maka dikeluarkan satu kad yang mengandungi 'Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah dan aku naik saksi bahawa Muhammad adalah hamba dan pesuruh Allah.' Allah berkata "Bawa penimbang kamu." Dia berkata 'Wahai Tuhanku, apalah kad ini di sisi rekod-rekod itu?' Allah berkata "Sesungguhnya engkau tidak akan dizalimi." Lalu diletakkan rekod-rekod itu dalam satu neraca dan kad itu dalam satu neraca. Rekod-rekod itu berterbangan dan kad itu menjadi berat kerana tiada suatupun yang akan menjadi lebih berat daripada nama Allah."***[121]

Sabda Rasulullah s.a.w. berkenaan Ibnu Mas'ud r.a. :

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِمَّ تَضْحَكُونَ قَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ مِنْ دِقَّةِ سَاقَيْهِ فَقَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَهُمَا أَثْقَلُ فِي الْمِيزَانِ مِنْ أُحُدٍ

Maksudnya: ***"Adakah kamu berasa pelik dengan dua betisnya yang halus? Sesungguhnya kedua-duanya lebih berat daripada bukit Uhud di dalam alat penimbang."***[122]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّهُ لَيَأْتِي الرَّجُلُ الْعَظِيمُ السَّمِينُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يَزِنُ عِنْدَ اللَّهِ جَنَاحَ بَعُوضَةٍ وَقَالَ اقْرَءُوا فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزْنًا

Maksudnya: ***"Sesungguhnya akan dihadapkan seorang lelaki yang besar dan gemuk pada hari Qiamat, akan tetapi dia tidak menyamai berat seekor nyamukpun di sisi Allah. Bacalah firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:105): {Maka Kami tidak akan mengadakan satu nilai bagi mereka pada hari Qiamat.}***[123]

122- Apakah dalil al-Sirat (jambatan) daripada al-Quran?

Firman Allah Ta'ala (Maryam 19:71-72):

---

[121] الترمذي ك الإيمان ب ما جاء فيمن يموت وهو يشهد أن لا إله إلا الله رقم (2563).

[122] أحمد ك مسند المكثرين من الصحابة ب مسند عبد الله بن مسعود رضي الله عنه رقم (3792).

[123] البخاري ك التفسير ب تفسير قوله تعالى أولئك الذبن كفروا بآيات ربهم رقم (4362).

﴿ وَإِن مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا ۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا ﴿٧١﴾ ثُمَّ نُنَجِّي ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوا۟ وَّنَذَرُ ٱلظَّـٰلِمِينَ فِيهَا جِثِيًّا ﴾

Maksudnya: ***Dan tidak ada seorangpun daripadamu, melaikkan mendatangi neraka itu. Hal itu bagi Tuhanmu adalah suatu kemestian yang sudah ditetapkan. Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertakwa dan membiarkan orang-orang yang zalim di dalam neraka dalam keadaan berlutut.***

Firman Allah Ta'ala (al-Hadiid 57:12):

﴿ يَوْمَ تَرَى ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَـٰتِ يَسْعَىٰ نُورُهُم بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَـٰنِهِم ﴾

Maksudnya: ***Pada hari ketika kamu melihat orang mukmin lelaki dan perempuan, sedang cahaya mereka bersinar di hadapan dan disebelah kanan mereka.***

123- Apakah dalil al-Sirat (jambatan) daripada al-Sunnah?
Terdapat banyak hadith dalam perkara ini. Di antaranya ialah:
Sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadith al-Syafa'ah (pertolongan):

ثُمَّ يُؤْتَى بِالْجَسْرِ فَيُجْعَلُ بَيْنَ ظَهْرَيْ جَهَنَّمَ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْجَسْرُ قَالَ مَدْحَضَةٌ مَزِلَّةٌ عَلَيْهِ خَطَاطِيفُ وَكَلَالِيبُ وَحَسَكَةٌ مُفَلْطَحَةٌ لَهَا شَوْكَةٌ عُقَيْفَاءُ تَكُونُ بِنَجْدٍ يُقَالُ لَهَا السَّعْدَانُ الْمُؤْمِنُ عَلَيْهَا كَالطَّرْفِ وَكَالْبَرْقِ وَكَالرِّيحِ وَكَأَجَاوِيدِ الْخَيْلِ وَالرِّكَابِ فَنَاجٍ مُسَلَّمٌ وَنَاجٍ مَخْدُوشٌ وَمَكْدُوسٌ فِي نَارِ جَهَنَّمَ حَتَّى يَمُرَّ آخِرُهُمْ يُسْحَبُ سَحْبًا

Maksudnya: ***"Dihadapkan jambatan lalu diletakkan di atas dua bahagian Jahannam." Kami bertanya 'Wahai Rasulullah, apakah itu jambatan?' Baginda menjawab "Licin, mudah tergelincir orang di atasnya, di atasnya ada cangkuk-cangkuk dan duri yang besar ibarat pokok al-Sa'dan di negeri al-Najd. Orang beriman akan menyeberanginya seperti kelipan mata, kilat, angin, kuda yang laju dan rombongan berkuda. Ada yang berjaya dan selamat. Ada yang berjaya dan cedera. Ada yang tergelincir ke dalam neraka Jahannam. Sehinggalah menyeberang yang terakhir sekali dalam keadaaan diheret."***[124]

124- Apakah dalil berkenaan al-Qisas (pembalasan antara makhluk) dan sifatnya daripada al-Quran?
Firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:40):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ ۖ وَإِن تَكُ حَسَنَةً يُضَـٰعِفْهَا وَيُؤْتِ مِن لَّدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah tidak menganiaya seseorang walaupn sebesar zarrah, dan jika ada kebajikan sebesar zarrah, nescaya Allah akan melipat gandakannya dan memberikan dari sisiNya pahala yang besar.***

Firman Allah Ta'ala (Ghaafir 40:17-20):

---

[124] متفق عليه: البخاري ك التوحيد ب قول الله تعالى وجوه يومئذ ناضرة إلى ربها ناظرة رقم (6886). ومسلم ك الإيمان ب معرفة طريق الرؤيا رقم (269).

﴿ ٱلۡيَوۡمَ تُجۡزَىٰ كُلُّ نَفۡسِۭ بِمَا كَسَبَتۡۚ لَا ظُلۡمَ ٱلۡيَوۡمَۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ۝١٧ وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡأٓزِفَةِ إِذِ ٱلۡقُلُوبُ لَدَى ٱلۡحَنَاجِرِ كَٰظِمِينَۚ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ حَمِيمٖ وَلَا شَفِيعٖ يُطَاعُ ۝١٨ يَعۡلَمُ خَآئِنَةَ ٱلۡأَعۡيُنِ وَمَا تُخۡفِي ٱلصُّدُورُ ۝١٩ وَٱللَّهُ يَقۡضِي بِٱلۡحَقِّۖ وَٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَقۡضُونَ بِشَيۡءٍۗ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ﴾

Maksudnya: ***Pada hari ini tiap-tiap jiwa diberi balasan dengan apa yang diusahakannya. Tidak ada yang dirugikan pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat cepat hisabnya. Berilah mereka peringatan dengan hari yang dekat (hati kiamat iaitu) ketika hati menyesak sampai di kerongkongan dengan menahan kesedihan. Orang-orang yang zalim tidak memunyai teman setia seorangpun dan tidak pula mempunyai seorang pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya. Dia mengetahui (pandangan) mata yang khianat dan apa yang disembunyikan oleh hati. Dan Allah menghukum dengan keadilan. Dan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah tiada dapat menghukum dengan sesuatu apapun. Sesungguhnya Allah Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.***

Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:69):

﴿ وَقُضِيَ بَيۡنَهُم بِٱلۡحَقِّ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan diberi keputusan di antara mereka dengan adil, sedang mereka tidak dirugikan.***

125- Apakah dalil berkenaan al-Qisas (pembalasan antara makhluk) dan sifatnya daripada al-Sunnah?

Terdapat banyak hadith berkenaan perkara ini. Di antaranya ialah:

Sabda Rasulullah s.a.w. :

أَوَّلُ مَا يُقْضَى بَيْنَ النَّاسِ فِي الدِّمَاءِ

Maksudnya: ***"Perkara pertama yang dihukumkan di antara manusia ialah berkenaan darah."***[125]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

مَنْ كَانَتْ عِنْدَهُ مَظْلِمَةٌ لِأَخِيهِ فَلْيَتَحَلَّلْهُ مِنْهَا فَإِنَّهُ لَيْسَ ثَمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُؤْخَذَ لِأَخِيهِ مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَسَنَاتٌ أُخِذَ مِنْ سَيِّئَاتِ أَخِيهِ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ

Maksudnya: ***"Sesiapa yang mempunyai kezaliman terhadap saudaranya, hendaklah dia meminta maaf darinya hari ini. Sesungguhnya pada hari itu nanti tiada dinar mahupun dirham. Sebaliknya pahala kebaikannya akan diberikan kepada saudaranya. Sekiranya dia tidak mempunyai pahala kebaikan, maka akan diambil dosa keburukan saudaranya dan dilemparkan kepadanya."***[126]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

[125] متفق عليه: البخاري ك الديات رقم (6357). ومسلم ك القسامة ب المجازاة بالدماء في الآخرة رقم (3178).

[126] البخاري ك الرقاق ب القصاص يوم القيامة وهي الحاقة رقم (6053).

يَخْلُصُ الْمُؤْمِنُونَ مِنْ النَّارِ فَيُحْبَسُونَ عَلَى قَنْطَرَةٍ بَيْنَ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ فَيُقَصُّ لِبَعْضِهِمْ مِنْ بَعْضٍ مَظَالِمُ كَانَتْ بَيْنَهُمْ فِي الدُّنْيَا حَتَّى إِذَا هُذِّبُوا وَنُقُّوا أُذِنَ لَهُمْ فِي دُخُولِ الْجَنَّةِ فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَأَحَدُهُمْ أَهْدَى بِمَنْزِلِهِ فِي الْجَنَّةِ مِنْهُ بِمَنْزِلِهِ كَانَ فِي الدُّنْيَا

Maksudnya: ***"Orang yang beriman akan menyeberangi Neraka, lalu mereka akan duduk di atas satu tempat di antara Syurga dan Neraka. Di situ sebahagian mereka akan dibalas mengikut kezaliman yang dilakukannya terhadap sebahagian yang lain di dunia. Apabila mereka telah dibersihkan dan disucikan, barulah diizinkan mereka untuk masuk ke dalam Syurga."***[127]

126- Apakah dalil al-Haud (perigi) daripada al-Quran?

Firman Allah Ta'ala (al-Kauthar 108:1):

﴿ إِنَّآ أَعۡطَيۡنَٰكَ ٱلۡكَوۡثَرَ ۝١ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Kami telah kurniakan kepadamu sebuah sungai di syurga.***

127- Apakah dalil al-Haud (perigi) daripada al-Sunnah?

Terdapat banyak hadith berkenaan perkara ini. Di antaranya ialah:

Sabda Rasulullah s.a.w. :

أَنَا فَرَطُكُمْ عَلَى الْحَوْضِ

Maksudnya: ***"Aku mendahului kamu semua ke al-Haud (perigi)."***[128]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنِّي فَرَطُكُمْ وَأَنَا شَهِيدٌ عَلَيْكُمْ وَإِنِّي وَاللَّهِ لَأَنْظُرُ إِلَى حَوْضِي الْآنَ وَإِنِّي قَدْ أُعْطِيتُ مَفَاتِيحَ خَزَائِنِ الْأَرْضِ أَوْ مَفَاتِيحَ الْأَرْضِ وَإِنِّي وَاللَّهِ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ أَنْ تُشْرِكُوا بَعْدِي وَلَكِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنَافَسُوا فِيهَا

Maksudnya: ***"Sesungguhnya aku mendahului kamu semua dan sesungguhnya aku menjadi saksi terhadap kamu semua. Demi Allah, sesungguhnya aku dapat melihat haudku (perigiku) sekarang ini."***[129]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

حَوْضِي مَسِيرَةُ شَهْرٍ مَاؤُهُ أَبْيَضُ مِنْ اللَّبَنِ وَرِيحُهُ أَطْيَبُ مِنْ الْمِسْكِ وَكِيزَانُهُ كَنُجُومِ السَّمَاءِ مَنْ شَرِبَ مِنْهَا فَلَا يَظْمَأُ أَبَدًا

Maksudnya: ***"Haudku (perigiku) seluas sebulan perjalanan. Airnya lebih putih daripada susu. Baunya lebih wangi daripada kasturi. Gelasnya sebanyak bilangan bintang di langit. Sesiapa yang minum dari perigi itu tidak akan dahaga selama-lamanya."***[130]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

أَتَيْتُ عَلَى نَهَرٍ حَافَتَاهُ قِبَابُ اللُّؤْلُؤِ مُجَوَّفًا فَقُلْتُ مَا هَذَا يَا جِبْرِيلُ قَالَ هَذَا الْكَوْثَرُ

---

[127] البخاري ك المظالم ب قصاصا المظالم رقم (6054).

[128] متفق عليه: البخاري ك الرقاق ب في الحوض وقول الله تعالى إنا أعطيناك الكوثر رقم (6089). ومسلم ك الفضائل ب إثبات حوض نبينا وصفاته رقم (4242).

[129] البخاري ك الرقاق ب ما يحذر من زهرة الدنيا والتنافس فيها رقم (5946).

[130] متفق عليه: البخاري ك الرقاق ب في الحوض وقول الله تعالى إنا أعطيناك الكوثر رقم (6093). ومسلم ك الفضائل ب إثبات حوض نبينا وصفاته رقم (4244).

Maksudnya: ***"Aku telah mendatangi sebatang sungai, dua tebingnya permata yang berongga. Aku pun bertanya, "Apakah ini wahai Jibril?" Beliau menjawab 'Ini ialah al-Kauthar.' "***[131]

128- Apakah dalil berkenaan beriman dengan Syurga dan Neraka?
Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:24-25):

﴿ فَٱتَّقُواْ ٱلنَّارَ ٱلَّتِى وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ ۖ أُعِدَّتْ لِلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٤﴾ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ﴾

Maksudnya: ***Peliharalah dirimu dari neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu, yang disediakan bagi orang-orang kafir. Dan sampaikanlah berita gemabira kepada mereka yang beriman dan berbuat baik bahawa bagi mereka disediakan syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya.***

Rasulullah s.a.w. telah berdoa dalam solat malam:
... وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ الْحَقُّ وَوَعْدُكَ الْحَقُّ وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ وَقَوْلُكَ حَقٌّ وَالْجَنَّةُ حَقٌّ وَالنَّارُ حَقٌّ وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ وَالسَّاعَةُ حَقٌّ

Maksudnya: ***"Bagi Engkau segala puji, Engkau benar, janjiMu benar, perjumpaan denganMu benar dan kata-kataMu benar. Syurga itu benar dan neraka itu benar. Para nabi juga benar, Muhamaad s.a.w. benar dan Hari Qiamat benar."***[132]

Sabda Rasulullah s.a.w. :
مَنْ شَهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَأَنَّ عِيسَى عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ وَكَلِمَتُهُ أَلْقَاهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِنْهُ وَالْجَنَّةُ حَقٌّ وَالنَّارُ حَقٌّ أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ عَلَى مَا كَانَ مِنْ الْعَمَلِ قَالَ الْوَلِيدُ حَدَّثَنِي ابْنُ جَابِرٍ عَنْ عُمَيْرٍ عَنْ جُنَادَةَ وَزَادَ مِنْ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةِ أَيَّهَا شَاءَ

Maksudnya: ***"Sesiapa yang naik saksi bahawa Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah sahaja tiada sekutu bagiNya; dan bahawa Muhammad adalah hamba dan pesuruhNya; dan bahawa Isa adalah hamba Allah, pesuruhNya, kalimahNya yang dilemparkan kepada Maryam dan merupakan ruh daripadaNya; dan bahawa Syurga itu benar dan Neraka itu benar; pasti Allah akan memasukkannya ke dalam Syurga (dalam atu riwayat: dari mana-mana lapan pintu yang dia sukai) tidak kira apa amalan silamnya."***[133]

129- Apakah erti beriman dengan Syurga dan Neraka?
Ertinya ialah kepercayaan yang teguh bahawa kedua-duanya wujud, telah dicipta sekarang ini, Allah menjadikannya kekal tidak akan hapus di samping kepercayaan terhadap nikmat Syurga dan azab Neraka.

130- Apakah dalil bahawa kedua-duanya wujud sekarang ini?

---

[131] البخاري ك التفسير ب تفسير سورة الكوثر رقم (4582).

[132] منتفق عليه: البخاري ك الجمعة ب التهجد بالليل رقم (1053). ومسلم ك صلاة المسافرين ب الدعاء في صلاة الليل رقم (1288).

[133] متفق عليه: البخاري ك الأنبياء ب قوله تعالى يا أهل الكتاب لا تغلوا في دينكم رقم (3180). ومسلم ك الإيمان ب من لقي الله بالإيمان وهو غير شاك فيه دخل الجنة رقم (41).

Allah Ta'ala telah jelaskan kepada kita bahawa kedua-duanya telah disediakan; berkenaan dengan Syurga, firman Allah Ta'ala (Aali Imran 3:133):

﴿ أُعِدَّتۡ لِلۡمُتَّقِينَ ﴾

Maksudnya: ***Yang disediakan untuk orang yang bertaqwa.***

Berkenaan dengan Neraka, firman Allah Ta'ala (Aali Imran 3:131):

﴿ أُعِدَّتۡ لِلۡكَٰفِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***Yang disediakan untuk orang kafir.***

Allah juga telah jelaskan kepada kita bahawa Dia telah menetapkan Adam dan isterinya dia dalam Syurga sebelum mereka makan dariapada pokok itu. Allah juga telah jelaskan kepada kita bahawa orang kafir dipamerkan kepada Neraka pada waktu pagi dan petang.

Rasulullah s.a.w. bersabda:
اطَّلَعْتُ فِي الْجَنَّةِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا الْفُقَرَاءَ وَاطَّلَعْتُ فِي النَّارِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا النِّسَاءَ
Maksudnya: ***"Aku telah menjenguk Syurga dan aku telah melihat kebanyakan penghuninya ialah orang fakir. Aku juga telah menjenguk Neraka dan aku telah melihat kebanyakan penghuninya ialah wanita."***[134]

Sabda Rasulullah s.a.w. berkenaan azab kubur:
إِذَا مَاتَ أَحَدُكُمْ فَإِنَّهُ يُعْرَضُ عَلَيْهِ مَقْعَدُهُ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ فَإِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَمِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَإِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ فَمِنْ أَهْلِ النَّارِ
Maksudnya: ***"Apabila seseorang dari kamu mati, akan dipamerkan kepadanya tempatnya…"***[135]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

أَبْرِدُوا بِالصَّلَاةِ فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ
Maksudnya: ***"Sejukkanlah untuk solat Zohor, sesungguhnya kepanasan yang terik itu adalah daripada lonjakan api Neraka."***[136]

Sabda Rasulullah s.a.w. :
اشْتَكَتْ النَّارُ إِلَى رَبِّهَا فَقَالَتْ رَبِّ أَكَلَ بَعْضِي بَعْضًا فَأَذِنَ لَهَا بِنَفَسَيْنِ نَفَسٍ فِي الشِّتَاءِ وَنَفَسٍ فِي الصَّيْفِ فَأَشَدُّ مَا تَجِدُونَ مِنْ الْحَرِّ وَأَشَدُّ مَا تَجِدُونَ مِنْ الزَّمْهَرِيرِ
Maksudnya: ***"Neraka telah mengadu kepada Tuhannya dengan berkata 'Wahai Tuhanku, sesetengah dariku telah memakan sesetengah dariku.' Lalu Allah mengizinkan baginya mempunyai dua nafas iaitu pada musim***

---

[134] متفق عليه: البخاري ك الرقاق ب صفة الجنة والنار رقم (6064). ومسلم ك الرقاق ب أكثر أهل الجنة الفقراء وأكثر أهل النار النساء رقم (4920).

[135] متفق عليه: البخاري ك بدء الخلق ب ما جاء في صفة الجنة وأنها مخلوقة رقم (3001). ومسلم ك الجنة وصفة نعيمها وأهلها ب عرض مقعد الميت من الجنة أو النار عليه رقم (5110).

[136] متفق عليه: البخاري ك المواقيت ب الإبراد بالظهر في شدة الحر رقم (3019). ومسلم ك المساجد ومواضع الصلاة ب استحباب الإبراد بالظهر في شدة الحر لمن يمضي إلى جماعة ويناله الحر في طريقه رقم (973).

sejuk dan pada musim panas. Itulah kepanasan yang amat terik dan kesejukan yang amat dingin yang dapat kamu rasakan."[137]

Sabda Rasulullah s.a.w.:

الْحُمَّى مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ فَابْرُدُوهَا بِالْمَاءِ

Maksudnya: ***"Demam panas itu adalah daripada lonjakan Neraka Jahannam. Oleh itu sejukkanlah ia dengan air."***[138]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

لَمَّا خَلَقَ اللَّهُ الْجَنَّةَ وَالنَّارَ أَرْسَلَ جِبْرِيلَ إِلَى الْجَنَّةِ فَقَالَ انْظُرْ إِلَيْهَا وَإِلَى مَا أَعْدَدْتُ لِأَهْلِهَا فِيهَا

Maksudnya: ***"Apabila Allah mencipta Syurga dan Neraka, Dia telah menghantar Jibril dengan berkata {Pergilah dan perhatikanlah ia.}***[139]

Kedua-duanya juga telah dipamerkan kepada Rasulullah s.a.w. pada hari berlakunya gerhana matahari dan pada malam al-Isra' wal-Mi'raj. Hadith-hadith berkenaan ini amat banyak sekali.

131- Apakah dalil bahawa kedua-duanya kekal dan tidak hapus?
Berkenaan dengan Syurga, firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:100):

﴿ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًاۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴾

Maksudnya: *Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kejayaan yang besar.*

Firman Allah Ta'ala (al-Hijr 15:48):

﴿ وَمَا هُم مِّنۡهَا بِمُخۡرَجِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidak sekali-kali mereka akan dikeluarkan daripadanya.***

Firman Allah Ta'ala (Huud 11:108):

﴿ عَطَآءً غَيۡرَ مَجۡذُوذٍ ﴾

Maksudnya: ***Pemberian yang tidak putus-putus.***

Firman Allah Ta'ala (al-Waaqi'ah 56:33):

﴿ لَّا مَقۡطُوعَةٍ وَلَا مَمۡنُوعَةٍ ﴾

Maksudnya: ***Yang tidak terhenti buahnya dan tidak terlarang mengambilnya.***

Firman Allah Ta'ala (Saad 38:54):

---

[137] متفق عليه: البخاري ك المواقيت ب الإبراد بالظهر في شدة الحر رقم (3020). ومسلم ك المساجد ومواضع الصلاة ب استحباب الإبراد بالظهر في شدة الحر لمن يمضي إلى جماعة ويناله الحر في طريقه رقم (977).

[138] متفق عليه: البخاري ك الطب ب الحمى من فيح جهنم رقم (5284). ومسلم ك السلام ب لكل داء دواء واستحباب التداوي رقم (4097).

[139] الترمذي ك صفة الجنة ب ما جاء حفت الجنة بالمكاره وحفت النار بالشهوات رقم (2483).

﴿ إِنَّ هَـٰذَا لَرِزْقُنَا مَا لَهُۥ مِن نَّفَادٍ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya ini adalah benar-benar rezeki dari Kami yang tiada habis-habisnya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Dukhkhaan 44:51-56):

﴿ إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى مَقَامٍ أَمِينٍ ﴾ إلى قوله تعالى ﴿ لَا يَذُوقُونَ فِيهَا ٱلْمَوْتَ إِلَّا ٱلْمَوْتَةَ ٱلْأُولَىٰ ۖ وَوَقَىٰهُمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ﴿٥٦﴾ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa berada di tempat yang aman. . . mereka tidak akan merasakan mati di dalamnya kecuali mati di dunia. Dan Allah memelihara mereka dari azab neraka.***

Di dalam ayat-ayat ini, Allah telah jelaskan bahawa Syurga kekal bersama orang-orang di dalamnya. Syurga tidak akan hapus dan mereka pula tidak akan dikeluarkan darinya.

Berkenaan dengan Neraka, firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:169):

﴿ إِلَّا طَرِيقَ جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ﴾

Maksudnya: ***kecuali jalan ke neraka Jahannam; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Ahzaab 33:64-65):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ لَعَنَ ٱلْكَـٰفِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا ﴿٦٤﴾ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ لَّا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah melaknati orang-orang kafir dan menyediakan bagi mereka neraka yang menyala-nyala. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Mereka tidak mendapati pelindung mahupun penolong.***

Firman Allah Ta'ala (al-Jin 72:23):

﴿ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ لَهُۥ نَارَ جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ﴾

Maksudnya: ***Dan sesiapa yang mengingkari Allah dan rasulNya maka sesungguhnya baginya neraka Jahannam. Dia kekal di dalamnya selama-lamanya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:167):

﴿ وَمَا هُم بِخَـٰرِجِينَ مِنَ ٱلنَّارِ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidaklah mereka dapat keluar daripada neraka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Zukhruf 43:75):

﴿ لَا يُفَتَّرُ عَنْهُمْ وَهُمْ فِيهِ مُبْلِسُونَ ﴾

Maksudnya: ***Tidak diringankan azab itu dari mereka dan mereka di dalamnya berputus asa.***

Firman Allah Ta'ala (Faatir 35:36):

﴿ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ فَيَمُوتُوا۟ وَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُم مِّنْ عَذَابِهَا ﴾

Maksudnya: ***Mereka tidak dibinasakan sehingga mereka mati dan tidak pula diringankan dari mereka azabnya.***

Firman Allah Ta'ala (Taahaa 20:74):

﴿ إِنَّهُۥ مَن يَأْتِ رَبَّهُۥ مُجْرِمًا فَإِنَّ لَهُۥ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya barangsiapa datang kepada Tuhannya dalam keadaan berdosa, maka sesungguhnya baginya neraka Jahannam, Ia tidak mati di dalamnya dan tidak pula hidup.***

Di dalam ayat-ayat ini Allah telah jelaskan bahawa penghuni kekal Neraka kekal di dalamnya, Neraka dicipta untuk mereka dan mereka dicipta untuk Neraka. Allah menafikan bahawa mereka akan keluar dengan firmanNya:

﴿ وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidaklah mereka akan keluar.***

Allah menafikan bahawa Neraka akan hapus dengan firmanNya:

﴿ لَا يُفَتَّرُ عَنْهُمْ ﴾

Maksudnya: ***Tidak diringankan azabnya dari mereka.***

Allah menafikan bahawa mereka akan mati dalamnya dengan firmanNya:

﴿ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Mereka tidak akan mati di dalamnya mahupun hidup.***

Rasulullah s.a.w. :

أَمَّا أَهْلُ النَّارِ الَّذِينَ هُمْ أَهْلُهَا فَإِنَّهُمْ لَا يَمُوتُونَ فِيهَا وَلَا يَحْيَوْنَ

Maksudnya: ***"Adapun penghuni Neraka yang mana mereka penghuni kekalnya, sesungguhnya mereka tidak akan mati di dalamnya dan tidak pula akan hidup."***[140]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِذَا صَارَ أَهْلُ الْجَنَّةِ إِلَى الْجَنَّةِ وَأَهْلُ النَّارِ إِلَى النَّارِ جِيءَ بِالْمَوْتِ حَتَّى يُجْعَلَ بَيْنَ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ ثُمَّ يُذْبَحُ ثُمَّ يُنَادِي مُنَادٍ يَا أَهْلَ الْجَنَّةِ لَا مَوْتَ وَيَا أَهْلَ النَّارِ لَا مَوْتَ فَيَزْدَادُ أَهْلُ الْجَنَّةِ فَرَحًا إِلَى فَرَحِهِمْ وَيَزْدَادُ أَهْلُ النَّارِ حُزْنًا إِلَى حُزْنِهِمْ

[140] مسلم ك الإيمان ب إثبات الشفاعة وإخراج الموحدين من النار رقم (271).

Maksudnya: ***"Apabila penghuni Syurga masuk ke dalam Syurga dan penghuni Neraka masuk ke dalam Neraka, maut akan dihadapkan sehinggalah diletak di antara Syurga dan Neraka di mana maut akan disembelih. Kemudian seseorang akan melaungkan 'Wahai penghuni Syurga, tiada maut lagi. Wahai penghuni Neraka, tiada maut lagi.' Penghuni Syurga akan bertambah-tambah kegembiraan mereka manakala penghuni Neraka akan bertambah-tambah kesedihan mereka."***[141]

132- Apakah dalil bahawa orang-orang yang beriman akan dapat melihat Tuhan mereka pada Hari Akhirat?

Firman Allah Ta'ala (al-Qiyaamah 75:22-23):

﴿ وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴾

Maksudnya: ***Wajah-wajah pada hari itu berseri-seri. Kepada Tuhan mereka mereka melihat.***

Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:26):

﴿ لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ ٱلْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ ﴾

Maksudnya: ***Bagi orang-orang yang berbuat baik ada pahala yang terbaik (syurga) dan tambahannya.***

Berkenaan orang kafir pula, firman Allah Ta'ala (al-Mutaffifiin 83:15):

﴿ كَلَّآ إِنَّهُمْ عَن رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّمَحْجُوبُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sekali-kali tidak, sesungguhnya mereka pada hari itu benar-benar terhalang dari melihat Tuhan mereka.***

Maka sekiranya Dia menghalang musuh-musuhnya bererti Dia tidak akan menghalang pembantu-pembantuNya.

Terdapat riwayat daripada Jarir bin Abdullah r.a. katanya:

إِنَّكُمْ سَتَرَوْنَ رَبَّكُمْ كَمَا تَرَوْنَ هَذَا الْقَمَرَ لَا تُضَامُونَ فِي رُؤْيَتِهِ فَإِنْ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ لَا تُغْلَبُوا عَلَى صَلَاةٍ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَصَلَاةٍ قَبْلَ غُرُوبِ الشَّمْسِ فَافْعَلُوا

Maksudnya: ***Kami duduk bersama Rasulullah s.a.w. lalu Baginda melihat kea rah bulan pada malam ke 14. Baginda bersabda "Sesungguhnya kamu semua akan melihat Tuhan kamu dengan pandangan mata seperti mana kamu dapat melihat bulan ini tanpa perlu bersesak-sesak untuk melihatnya. Sekiranya kamu mampu untuk tidak meninggalkan solat sebelum terbitnya matahari dan solat sebelum terbenamnya matahari, maka lakukanlah."***[142]

---

[141] البخاري ك الرقاق ب صفة الجنة والنار رقم (6066). ومسلم ك الجنة صفتها ونعيمها ب النار يدخلها الجبارون والجنة يدخلها الضعفاء رقم (5089).

[142] البخاري ك التوحيد ب قول الله تعالى وجوه يومئذ ناضرة إلى ربها ناظرة رقم (6882). ومسلم ك المساجد ب فضل صلاة الفجر والعصر رقم (1002).

Yang dimaksudkan dengan " seperti mana kamu dapat melihat bulan ini" ialah persamaan dari sudut penglihatan dan bukannya dari sudut perkara yang dilihat.

Hal yang sama juga dengan hadith Allah berkata-kata dengan wahyu:
ضَرَبَتْ الْمَلَائِكَةُ بِأَجْنِحَتِهَا خُضْعَانًا لِقَوْلِهِ كَأَنَّهُ سِلْسِلَةٌ عَلَى صَفْوَانٍ
Maksudnya: ***"Para malaikat meletakkan sayap-sayap mereka kerana tunduk terhadap kata-kataNya, seolah-olah kata-kataNya itu rantai terkena batu."***[143]

Yang dimaksudkan dengan "seolah-olah kata-kataNya itu rantai terkena batu" ialah persamaan dari sudut pendengaran dan bukannya dari sudut perkara yang didengar. Maha suci Allah daripada menyerupai makhlukNya samada dari sudut dzat mahupun sifat. Nabi s.a.w. juga disucikan daripada dijadikan kata-katanya mengandungi erti persamaan antara Allah dan makhlukNya, sedangkan bagindalah yang lebih mengetahui tentang Tuhannya.

Sabda Rasulullah s.a.w. :
إِذَا دَخَلَ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ قَالَ يَقُولُ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى تُرِيدُونَ شَيْئًا أَزِيدُكُمْ فَيَقُولُونَ أَلَمْ تُبَيِّضْ وُجُوهَنَا أَلَمْ تُدْخِلْنَا الْجَنَّةَ وَتُنَجِّنَا مِنْ النَّارِ قَالَ فَيَكْشِفُ الْحِجَابَ فَمَا أُعْطُوا شَيْئًا أَحَبَّ إِلَيْهِمْ مِنْ النَّظَرِ إِلَى رَبِّهِمْ عَزَّ وَجَلَّ حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ عَنْ حَمَّادِ بْنِ سَلَمَةَ بِهَذَا الْإِسْنَادِ وَزَادَ ثُمَّ تَلَا هَذِهِ الْآيَةَ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْحُسْنَى وَزِيَادَةٌ
Maksudnya: ***"Maka akan diselak tabir di mana tiada suatu pun yang lebih mereka cintai daripada dapat melihat Tuhan mereka." Kemudian Baginda membaca firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:26): {Bagi orang yang beriman itu kebaikan dan tambahan.}*** [144]

Di dalam tajuk ini, terdapat begitu banyak hadith yang jelas. Kami telah mengumpulkan lebih kurang 45 hadith yang diriwayatkan daripada lebih 30 sahabat. Sesiapa yang mengingkarinya bererti dia telah mendustai al-Quran dan perkara yang Allah utuskan para rasulNya serta dia terdiri daripada golongan yang Allah telah jelaskan sebagai (al-Mutaffifiin 83:15):

﴿ كَلَّآ إِنَّهُمْ عَن رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّمَحْجُوبُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sekali-kali tidak, sesungguhnya mereka pada hari itu benar-benar terhalang dari melihat Tuhan mereka.***

Kita memohon agar Allah memberi kita keampunanNya dan kesejahteraan serta mengurniakan kepada kita kelazatan melihat wajahNya, amin.

133- Apakah dalil beriman dengan al-Syafa'ah (pertolongan), dari siapa dan untuk siapa dan bila?
Sesungguhnya Allah telah menetapkan al-Syafa'ah (pertolongan) di dalam banyak tempat di dalam kitabNya dengan syarat-syarat yang ketat. Allah

---
[143] البخاري ك التفسير ب تفسير سورة الحجر رقم (4426).
[144] مسلم ك الإيمان ب إثبات رؤية المؤممنين في الأخرة ربهم رقم (266).

menjelaskan bahawa al-Syafa'ah (pertolongan) ini adalah hak Dia sahaja. Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:44):

﴿ قُل لِّلَّهِ ٱلشَّفَٰعَةُ جَمِيعًا ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Hanya kepunyaan Allah syafa'at itu semua."***

Berkenaan waktunya pula, Allah telah menjelaskan kepada kita bahawa ianya tidak akan berlaku kecuali dengan izinNya. Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:255):

﴿ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Tiada yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izinNya.***

Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:3):

﴿ مَا مِن شَفِيعٍ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ إِذْنِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Tiada seorangpun yang akan memberi syafa'at kecuali sudah ada izinNya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Najm 53:26):

﴿ وَكَم مِّن مَّلَكٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ لَا تُغْنِى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا إِلَّا مِنۢ بَعْدِ أَن يَأْذَنَ ٱللَّهُ لِمَن يَشَآءُ وَيَرْضَىٰٓ ﴾

Maksudnya: ***Dan berapa banyaknya malaikat di langit, syafa'at mereka sedikitpun tidak berguna kecuali sesudah Allah mengizinkan bagi orang yang dikehendaki dan diredhaiNya.***

Firman Allah Ta'ala (Saba' 34:23):

﴿ وَلَا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ عِندَهُۥٓ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Dan tiadalah berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkanNya memperoleh syafa'at itu.***

Berkenaan dengan dari siapa al-Syafa'ah (pertolongan) ini, Allah telah jelaskan bahawa ianya tidak berlaku kecuali dengan izinNya dan Allah tidak akan mengizinkan kecuali kepada wali-wali (pembantu-pembantu) Nya yang diredhai lagi salih sepertimana firman Allah Ta'ala (al-Naba' 78:38):

﴿ لَّا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴾

Maksudnya: ***Mereka tidak berkata-kata, kecuali siapa yang telah diberi izin kepadanya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, dan ia mengucapkan kata yang benar.***

Firman Allah Ta'ala (Maryam 19:87):

﴿ لَّا يَمْلِكُونَ ٱلشَّفَٰعَةَ إِلَّا مَنِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحْمَٰنِ عَهْدًا ﴾

Maksudnya: ***Mereka tidak berhak mendapat syafa'at kecuali orang yang telah mengadakan perjanjian di sisi Tuhan Yang Maha Pemurah.***

Berkenaan dengan untuk siapa al-Syafa'ah (pertolongan), Allah telah menjelaskan bahawa Dia tidak akan mengizinkannya kecuali untuk orang yang diredhai sepertimana firman Allah Ta'ala (al-Anbiyaa' 21:28):

﴿ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ٱرْتَضَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Mereka tidak memberi syafa'at melainkan kepada orang yang diredhai Allah.***

Firman Allah Ta'ala (Taahaa 20:109):

﴿ يَوْمَئِذٍ لَّا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ وَرَضِىَ لَهُۥ قَوْلًا ﴾

Maksudnya: ***Pada hari itu tidak berguna syafa'at kecuali (syafa'at) orang yang Allah Maha Pemurah telah memberi izin kepadanya dan Dia telah meredhai perkataannya.***

Allah tidak meredhai al-Syafa'ah (pertolongan) kecuali untuk orang yang mempnyai al-Tauhid (pengesaan) dan al-Ikhlas (penyucian). Adapun selain mereka, Allah telah menjelaskan dengan berfirman (Ghaafir 40:18):

﴿ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ يُطَاعُ ﴾

Maksudnya: ***Orang-orang yang zalim tidak mempunyai teman setia seorangpun dan tidak pula mempunyai seorang pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Syu'araa' 26:100-101):

﴿ فَمَا لَنَا مِن شَٰفِعِينَ ۝ وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ ﴾

Maksudnya: ***Maka kami tidak mempunyai pemberi syafa'at seorangpun, dan tidak pula mempunyai teman yang akrab.***

Firman Allah Ta'ala (al-Muddaththir 74:48):

﴿ فَمَا تَنفَعُهُمْ شَفَٰعَةُ ٱلشَّٰفِعِينَ ﴾

Maksudnya: ***Maka tidak berguna lagi bagi mereka syafa'at dari orang-orang yang memberikan syafa'at.***

Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan bahawa baginda telah diberi al-Syafa'ah. Kemudian baginda telah memberi tahu bahawa baginda akan menghadap Allah di kaki al-'Arsyh dan memuji Tuhannya dengan pujian yang akan diajarkan Allah kepadanya dan tidak terus meminta al-Syafa'ah (pertolongan). Sehinggalah dikatakan kepadanya "Angkatlah kepalamu, sebutlah kerana kamu akan didengari, mintalah kerana kamu akan diberi dan mintalah al-Syafa'ah kerana syafa'ah kamu akan dilayani."[145]

[145] متفق عليه: البخاري ك الرقاق ب صفة الجنة والنار رقم (6080). ومسلم ك الإيمان ب أدنى أهل الجنة منزلة رقم (284).

Kemudian Baginda jelaskan bahawa Baginda tidak meminta al-Syafa'ah (pertolongan) untuk semua pembuat maksiat dari kalangan Ahli al-Tauhid sekaligus. Sebaliknya baginda berkata:

فَيَحُدُّ لِي حَدًّا ثُمَّ أُخْرِجُهُمْ مِنْ النَّارِ وَأُدْخِلُهُمْ الْجَنَّةَ ثُمَّ أَعُودُ فَأَقَعُ سَاجِدًا مِثْلَهُ فِي الثَّالِثَةِ أَوْ الرَّابِعَةِ حَتَّى مَا بَقِيَ فِي النَّارِ إِلَّا مَنْ حَبَسَهُ الْقُرْآنُ وَكَانَ قَتَادَةُ يَقُولُ عِنْدَ هَذَا أَيْ وَجَبَ عَلَيْهِ الْخُلُودُ

Maksudnya: ***"Maka dihadkan untukku jumlah tertentu lalu aku memasukkan mereka ke dalam Syurga." Kemudian Baginda kembali untuk sujud sekali lagi lalu dihadkan jumlah tertentu…***[146]

Abu Hurairah pernah bertanya kepada Baginda s.a.w. :

يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ أَسْعَدُ النَّاسِ بِشَفَاعَتِكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَقَالَ لَقَدْ ظَنَنْتُ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ أَنْ لَا يَسْأَلُنِي عَنْ هَذَا الْحَدِيثِ أَحَدٌ أَوَّلُ مِنْكَ لِمَا رَأَيْتُ مِنْ حِرْصِكَ عَلَى الْحَدِيثِ أَسْعَدُ النَّاسِ بِشَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ خَالِصًا مِنْ قِبَلِ نَفْسِهِ

Maksudnya: ***'Siapakah orang yang paling bahagia sekali dengan syafa'ahmu wahai Rasulullah?' Jawab Baginda "Orang yang menyebut 'Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah' secara ikhlas dari hatinya.'"***[147]

134- Berapakah jenis al-Syafa'ah (pertolongan) dan apakah yang terbesar?

Pertama: al-Syafa'ah yang terbesar ialah al-Syafa'ah al-'Uzma (pertolongan terbesar) iaitu di tempat perhentian Hari Qiamat bahawa Rasulullah s.a.w. pergi bertemu Allah untuk meminta dariNya memulakan pembalasan di antara hamba-hambaNya. Syafa'ah ini adalah khas bagi Rasulullah s.a.w. Inilah yang dinamakan sebagai al-Maqam al-Mahmud (kedudukan yang terpuji) yang Allah janjikan untuk baginda s.a.w. sepertimana firman Allah Ta'ala (al-Israa' 17:79):

﴿ وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَتَهَجَّدۡ بِهِۦ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰٓ أَن يَبۡعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحۡمُودًا ﴾

Maksudnya: ***Dan pada sebahagian malam hari bersembahyang tahajjudlah kamu sebgai suatu ibadah tambahan bagimu; mudah-mudahan tuhanmu mengangkat kamu ke tempat yang terpuji.***

Keterangannya ialah apabila orang ramai berasa kesempitan di tempat perhentian Hari Qiamat di mana penantian menjadi lama dan peluh telah menenggelami mereka, mereka mencari orang yang dapat mengemukan al-Syafa'ah (pertolongan) agar Allah memberikan hukumNya kepada mereka. Lalu mereka pun pergi berjumpa Adam, kemudian Nuh, kemudian Ibrahim, kemudian Musa, kemudian Isa bin Maryam dan kesemua mereka mengatakan "Diriku, diriku..." Sehinggalah mereka sampai kepada /nabi Muhammad s.a.w. lalu Baginda bersabda "Aku bersedia untuknya, aku bersedia untuknya." Sepertimna terdapat dalam Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan lain-lain.[148]

---

[146] متفق عليه: البخاري ك الرقاق ب صفة الجنة والنار رقم (6080). ومسلم ك الإيمان ب أدنى أهل الجنة منزلة رقم (284).

[147] البخاري ك الرقاق ب صفة الجنة والنار رقم (6085).

[148] متفق عليه: البخاري ك الرقاق ب صفة الجنة والنار رقم (). ومسلم ك الإيمان ب أدنى أهل الجنة منزلة رقم ().

Kedua: Syafa'ah untuk meminta agar pintu Syurga dibuka. Orang pertama yang membuka pintu Syurga ialah Nabi kita s.a.w. dan umat pertama yang memasuki Syurga ialah umat Nabi kita s.a.w.

Ketiga: Syafa'ah untuk beberapa orang-orang yang diperintahkan masuk Neraka agar mereka dimaafkan daripada memasukinya.

Keempat: Syafa'ah untuk orang-orang yang telah masuk Neraka dari kalangan Ahli al-Tauhid agar mereka dikeluarkan. Tatkala keluar mereka telah terbakar dan menjadi arang. Mereka dilemparkan ke dalam Nahr al-Hayah (Sungai Kehidupan) lalu mereka bercambah sebagaimana bercambahnya biji benih yang disirami air."

Kelima: Syafa'ah untuk mengangkat derajat orang-orang dari kalangan penghuni Syurga.

Perhatian: tiga jenis Syafa'ah ini (ketiga, keempat dan kelima) tidak khas bagi Nabi Muhammad s.a.w. Dia akan diberi keutamaan kemudian diikuti dengan para nabi, para malaikat, para wali dan al-afraat ????. Kemudian Allah akan mengeluarkan daripada Neraka sejumlah orang dengan rahmatNya tanpa sebarang Syafa'ah, tiada yang mengetahui bilangan mereka kecuali Allah dan Allah akan memasukkan mereka ke dalam Syurga.

Keenam: Syafa'ah untuk meringankan azab orang di dalam Neraka. Ini khas bagi Nabi Muhammad s.a.w. berkenaan pakciknya Abu Talib sepertimana yang terdapat dalam Sahih Muslim dan lain-lain.[149]

Orang-orang akan dilemparkan ke dalam Neraka dan Neraka akan brterusan berkata 'Ada tambahan?' sehinggalah Allah meletakkan kakiNya di dalam Neraka lalu ia akan menjadi penuh dan ia akan berkata 'Cukup, cukup, demi keagunganMu.' Syurga pula masih ada kekosongan, maka Allah akan mencipta orang-orang yang akan dimasukkan ke dalam Syurga.[150]

Terdapat banyak dalil yang menjelaskan perkara ini. Sesiapa yang mencarinya pasti akan mendapatinya samada di dalam al-Quran atau al-Sunnah.

135- Adakah amalan itu memasukkan orang ke dalam Syurga atau menyelamatkan orang daripada Neraka?

Nabi s.a.w. bersabda:

سَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا فَإِنَّهُ لَا يُدْخِلُ أَحَدًا الْجَنَّةَ عَمَلُهُ قَالُوا وَلَا أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ وَلَا أَنَا إِلَّا أَنْ يَتَغَمَّدَنِي اللَّهُ بِمَغْفِرَةٍ وَرَحْمَةٍ

Maksudnya: ***"Usahalah untuk menepati dan bersederhanalah serta bergembiralah. Ketahuilah bahawa sesungguhnya seseorang daripada kamu tidak akan selamat dengan amalannya sahaja." Mereka bertanya 'Termasuk kamu wahai Rasulullah?' Jawab baginda "Termasuklah saya***

---

149 متفق عليه: البخاري ك صفة الجنة والنار رقم (). ومسلم ك الإيمان ب شفاعة النبي صلى الله عليه وسلم لأبي طالب والتخفيف عنه بسببه رقم ().

150 متفق عليه الأيمان والنذور ب الحلف بعزة الله رقم (). ومسلم ك الجنة ب النار يدخلها الجبارون رقم ().

kecuali jika Allah melindungi saya dengan rahmatNya dan kelebihanNya." [151]

Dalam satu riwayat:
سَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَاعْلَمُوا أَنْ لَنْ يُدْخِلَ أَحَدَكُمْ عَمَلُهُ الْجَنَّةَ وَأَنَّ أَحَبَّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ

Maksudnya: ***"Usahalah untuk menepati dan bersederhanalah. Ketahuilah sesungguhnya amalan kamu tidak akan memasukkan kamu ke dalam Syurga. Ketahuilah juga bahawa amalan yang paling disukai Allah ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit."[152]***

136- Bagaimanakah caranya untuk mengumpulkan antara hadith ini dengan firman firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:43):

﴿ وَنُودُوٓاْ أَن تِلۡكُمُ ٱلۡجَنَّةُ أُورِثۡتُمُوهَا بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan diserukan kepada mereka 'Itulah syurga yang diwariskan kepadamu, disebabkan apa yang dahulu kamu kerjakan.' ?***

Tiada percanggahan di antara kedua-duanya, alhamdulillah. Ini kerana huruf ba' yang terdapat dalam ayat ini ialah ba' yang membawa erti sebab/ punca. Jadi amalan-amalan salih merupakan sebab/ punca untuk masuk Syurga di mana tidak boleh masuk Syurga kecuali dengannya. Ini kerana *musabbab* (akibat/ natijah) hanya akan wujud sekiranya sebab/ puncanya wujud.

Berkenaan dengan hadith ini pula, huruf ba' di dalamnya ialah ba' yang membawa maksud nilai/ harga. Sesungguhnya seseorang hamba itu walaupun umurnya seperti umur dunia dan dia berpuasa siang hari, solat di malam hari serta meninggalkan semua maksiat, pun begitu semua amalannya masih tidak dapat menandingi secebis satu nikmat yang terkecil yang Allah berikan kepadanya baik yang zahir mahupun batin. Jika begitu, manakan boleh ia menjadi nilai/ harga untuk memasuki Syurga.

Firman Allah Ta'ala (al-Mukminuun 23:118):

﴿ رَّبِّ ٱغۡفِرۡ وَٱرۡحَمۡ وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴾

Maksudnya: ***"Ya Tuhanku berilah ampun dan berilah rahmat, dan Engkau adalah Pemberi rahmat Yang Paling baik."***

137- Apakah dalil berkenaan keimanan terhadap al-Qadar (ketentuan) secara umum?
Firman Allah Ta'ala (al-Ahzaab 33:38):

﴿ وَكَانَ أَمۡرُ ٱللَّهِ قَدَرًا مَّقۡدُورًا ﴾

Maksudnya: ***Dan adalah ketetapan Allah itu suatu ketetapan yang pasti berlaku.***

[151] البخاري ك الرقاق ب القصد والمداومة على العمل رقم (5986)
[152] البخاري ك الرقاق ب القصد والمداومة على العمل رقم (5983). ومسلم ك صفة القيامة والجنة والنار ب لن يدخل أحد الجنة بعمله بل برحمة الله رقم (5041).

Firman Allah Ta'ala (al-Anfaal 8:42):

﴿ لِّيَقۡضِيَ ٱللَّهُ أَمۡرٗا كَانَ مَفۡعُولٗا ﴾

Maksudnya: ***agar Allah melaksanakan suatu urusan yang mesti dilaksanakan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Ahzaab 33:37):

﴿ وَكَانَ أَمۡرُ ٱللَّهِ مَفۡعُولٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan adalah ketetapan Allah itu pasti terjadi.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taghaabun 64:11):

﴿ مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذۡنِ ٱللَّهِۗ وَمَن يُؤۡمِنۢ بِٱللَّهِ يَهۡدِ قَلۡبَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Tidak ada sesuatu musibahpun yang mnimpa seseorang kecuali dengan izin Allah. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah, nescaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya.***

Firman Allah Ta'ala (Aali Imraan 3:166):

﴿ وَمَآ أَصَٰبَكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِ فَبِإِذۡنِ ٱللَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Dan apa yang menimpa kamu pada hari bertemunya dua pasukan, maka (kekalahan) itu adalah dengan izin (takdir) Allah, dan agar Allah mengetahui siapa orang-orang yang beriman.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:156-157):

﴿ ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتۡهُم مُّصِيبَةٞ قَالُوٓاْ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيۡهِ رَٰجِعُونَ ١٥٦ أُوْلَٰٓئِكَ عَلَيۡهِمۡ صَلَوَٰتٞ مِّن رَّبِّهِمۡ وَرَحۡمَةٞۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُهۡتَدُونَ ﴾

Maksudnya: ***iaitu orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan "Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepadaNya lah kami kembali." Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk.***

Di dalam hadith Jibril sabda Rasulullah s.a.w. :

وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

Maksudnya: ***"Dan kamu beriman dengan al-Qadar (ketentuan) samada yang baik mahupun yang buruk ."***[153]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَفِي كُلٍّ خَيْرٌ احْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجَزْ وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

[153] ومسلم ك الإيمان ب بيان الإسلام والإيمان والإحسان رقم (9).

Maksudnya: ***"Jika sesuatu menimpa kamu, jangan kamu sebut 'Jika aku buat yang lain, pasti akan jadi begini dan begini,' sebaliknya hendaklah kamu sebut 'Ini ketentuan Allah dan apa yang Allah inginkan Dia akan lakukan.' "***[154]

Sabda Rasulullah s.a.w. "

كُلُّ شَيْءٍ بِقَدَرٍ حَتَّى العَجْزِ وَالكَيْس

Maksudnya: ***"Semua perkara adalah dalam ketentuan Allah termasuklah kelemahan dan kecerdasan."***[155]

138- Berapakah peringkat beriman dengan al-Qadar (ketentuan)?

Beriman dengan al-Qadar mempunyai 4 peringkat:

Peringkat pertama: beriman dengan ilmu Allah yang merangkumi segala sesuatu. Tidak ada sesuatu pun dapat lari daripadaNya walaupun sebesar dzarrah samada di langit mahupun di bumi. Allah juga telah mengetahui tentang semua makhluknya sebelum dicipta, rezeki mereka, ajal mereka, kata-kata mereka, amalan mereka, semua pergerakan mereka, diam mereka, rahsia mereka, zahir mereka, penghuni Syurga dan juga penghuni Neraka di antara mereka.

Peringkat kedua: beriman dengan penulisan semua perkara-perkara di atas bahawa Allah telah menulis semua perkara yang diketahui ilmuNya. Ini merangkumi keimanan terhadap al-Lauh al-Mahfuz dan al-Qalam (pena).

Peringkat ketiga: beriman dengan kehendak Allah yang pasti terlaksana dan kuasa Allah yang merangkumi. Dua perkara ini saling perlu memerlukan dari sudut perkara yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku. Akan tetapi tiada kaitan antara kedua-duanya dari sudut perkara yang tidak berlaku dan apa yang tidak akan berlaku. Jadi apa yang Allah kehendaki maka ianya akan berlaku dengan kuasaNya tanpa syak. Apa yang Allah tidak kehendaki pula tidak akan berlaku kerana Allah tidak menghendakinya berlaku dan bukannya kerana Allah tidak berkuasa melakukannya, Maha Suci Allah daripada kelemahan ini. Firman Allah Ta'ala (Faatir 35:44):

﴿ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعْجِزَهُۥ مِن شَىْءٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴾

Maksudnya: ***Dan tiada sesuatupun yang dapat melemahan Allah baik di langit mahupun di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.***

Peringkat keempat: beriman bahawa Allah adalah pencipta segala sesuatu. Semua perkara samada sekecil zarrah mahupun yang lebih besar di langit dan di bumi serta di antara kedua-duanya adalah ciptaan Allah. Allah jualah yang mencipta pergerakan dan diamnya. Maha Suci Allah, tiada pencipta selainNya dan tiada tuhan selainNya.

---

[154] مسلم ك القدر ب في الأمر بالقوة وترك العجز رقم (4816).
[155] مسلم ك القدر ب كل شيء بقدر رقم (4799).

139- Apakah dalil bagi peringkat pertama iaitu beriman dengan ilmu?
Firman Allah Ta'ala (al-Hasyr 59:22):

﴿ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ﴾

Maksudnya: ***Dialah Allah Yang tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, Yang mengetahui perkara ghaib dan perkara nyata.***

Firman Allah Ta'ala (al-Talaaq 65:12):

﴿ وَأَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَىْءٍ عِلْمًۢا ﴾

Maksudnya: ***Dan sesungguhnya Allah, ilmuNya benar-benar meliputi segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (Saba' 34:3):

﴿ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ ﴾

Maksudnya: ***Tuhan Yang mengetahui perkara ghaib. Tidak tersembunyi daripadaNya seberat zarrahpun yang ada di langit dan yang ada di bumi dan tidak ada pula yang lebih kecil dari itu dan yang lebih besar.***

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:59):

﴿ وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ﴾

Maksudnya: ***Dan di sisi Allah lah kunci-kunci semua yang ghaib; tak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri.***

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:124):

﴿ ٱللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Allah lebih mengetahui di mana Dia menempatkan tugas kerasulan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Qalam 68:7):

﴿ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Tuhan kamu, Dialah Yang paling mengetahui siapa yang sesat dari jalanNya dan Dialah Yang paling mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.***

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:53):

﴿ أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ بِٱلشَّٰكِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***Tidakkah Allah lebih megetahui tentang orang-orang yang bersyukur kepadaNya?***

Firman Allah Ta'ala (al-'Ankabuut 29:10):

﴿ أَوَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِأَعۡلَمَ بِمَا فِي صُدُورِ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Bukankah Allah lebih mengetahui apa yang ada dalam dada semua manusia?***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:30):

﴿ وَإِذۡ قَالَ رَبُّكَ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ خَلِيفَةٗۖ قَالُوٓاْ أَتَجۡعَلُ فِيهَا مَن يُفۡسِدُ فِيهَا وَيَسۡفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحۡنُ نُسَبِّحُ بِحَمۡدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَۖ قَالَ إِنِّيٓ أَعۡلَمُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka berkata 'Mengapa Engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?' Tuhan berfirman "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:216):

﴿ وَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ شَرّٞ لَّكُمۡۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.***

Terdapat satu riwayat di mana:
عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ قَالَ قَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُعْرَفُ أَهْلُ الْجَنَّةِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَلِمَ يَعْمَلُ الْعَامِلُونَ قَالَ كُلٌّ يَعْمَلُ لِمَا خُلِقَ لَهُ أَوْ لِمَا يُسِّرَ لَهُ
Maksudnya: ***Seorang lelaki bertanya 'Wahai Rasulullah, adakah telah diketahui penghuni Syurga dengan penghuni Neraka?' Jawab Baginda "Ya." Dia bertanya lagi 'Jadi untuk apa orang beramal?' Baginda menjawab "Setiap seorang beramal untuk apa yang telah Allah ciptakan untuknya atau apa yang Allah mudahkan untuknya."***[156]

Apabila Rasulullah s.a.w. ditanya tentang anak orang-orang musyrikin, Baginda menjawab:

اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كَانُوا عَامِلِينَ

Maksudnya: ***"Allah lebih mengetahui akan apa yang akan mereka lakukan."***[157]

Sabda Rasulullah s.a.w. :
إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ لِلْجَنَّةِ أَهْلًا خَلَقَهُمْ لَهَا وَهُمْ فِي أَصْلَابِ آبَائِهِمْ وَخَلَقَ لِلنَّارِ أَهْلًا خَلَقَهُمْ لَهَا وَهُمْ فِي أَصْلَابِ آبَائِهِمْ

[156] البخاري ك القدر ب جف القلم على علم الله رقم (6107).

[157] البخاري ك القدر ب الله أعلم بما كانوا عاملين رقم (6108).

Maksudnya: ***"Allah telah mencipta penghuni Syurga. Dia telah mencipta mereka untuknya semasa mereka masih lagi di dalam tulang belakang bapa-bapa mereka. Allah telah mencipta penghuni Neraka. Dia telah mencipta mereka untuknya semasa mereka masih lagi di dalam tulang belakang bapa-bapa mereka."***[158]

Sabda Rasulullah s.a.w. :
إِنَّ الْعَبْدَ لَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ النَّارِ وَإِنَّهُ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَإِنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ وَإِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْخَوَاتِيمِ
Maksudnya: ***"Sesungguhnya seseorang lelaki itu akan beramal amalan penghuni Syurga menurut apa yang dilihat oleh manusia sedangkan dia adalah penghuni Neraka. Sesungguhnya seseorang lelaki itu akan beramal amalan penghuni Neraka menurut apa yang dilihat oleh manusia sedangkan dia adalah penghuni Syurga."***[159]

Sabda Rasulullah s.a.w. :
مَا مِنْكُمْ مِنْ نَفْسٍ إِلَّا وَقَدْ عُلِمَ مَنْزِلُهَا مِنْ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَلِمَ نَعْمَلُ أَفَلَا نَتَّكِلُ قَالَ لَا اعْمَلُوا فَكُلٌّ مُيَسَّرٌ لِمَا خُلِقَ لَهُ ثُمَّ قَرَأَ فَأَمَّا مَنْ أَعْطَى وَاتَّقَى وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَى إِلَى قَوْلِهِ فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْعُسْرَى
Maksudnya: ***"Tiada satu jiwa daripada kamu kecuali Allah mengetahui tempatnya di dalam Syurga atau Neraka." Mereka berkata 'Wahai Rasulullah, jadi kenapa kami perlu beramal? Bukankah lebih baik kami berserah sahaja?' Jawab Baginda "Tidak, sebaliknya beramallah kerana setiap satu dimudahkan untuk apa yang dia dicipta untuknya." Kemudian Baginda membaca firman Allah Ta'ala (al-Lail 92:5-10): {Adapun orang yang memberi dan bertaqwa serta mempercayai Syurga maka kami akan mudahkan untuknya Syurga. Adapun orang yang mendustai dan berpaling serta tidak mempercayai Syurga maka Kami akan mudahkan untuknya keburukan.}*** [160]

140- Apakah dalil bagi peringkat kedua iaitu peringkat beriman dengan penulisan ketentuan-ketentuan?
Firman Allah Ta'ala (Yaasiin 36:12):

﴿ وَكُلَّ شَىۡءٍ أَحۡصَيۡنَـٰهُ فِىٓ إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴾

Maksudnya: ***Dan segala sesuatu Kami kumpulkan dalam Kitab Induk yang nyata (Lauh Mahfuz).***

Firman Allah Ta'ala (al-Hajj 22:70):

﴿ إِنَّ ذَٰلِكَ فِى كِتَـٰبٍ ﴾

Maksudnya: ***Bahawasanya yang demikian itu terdapat dalam sebuah kitab (Lauh Mahfuz).***

Firman Allah Ta'ala (Taahaa 20:51-52):

[158] مسلم ك القدر ب كل مولود يولد على الفطرة رقم (4813).
[159] البخاري ك القدر ب العمل بالخواتيم رقم (6117). ومسلم ك القدر ب كيفية خلق الآدمي في بطن أمه رقم (4792).
[160] البخاري تفسير سورة والليل إذا يغشى رقم (4787).

﴿ قَالَ فَمَا بَالُ ٱلۡقُرُونِ ٱلۡأُولَىٰ ﴿٥١﴾ قَالَ عِلۡمُهَا عِندَ رَبِّي فِي كِتَٰبٖۖ لَّا يَضِلُّ رَبِّي وَلَا يَنسَى ﴾

Maksudnya: ***Berkata Fir'aun 'Maka bagaimanakah keadaan umat-umat yang dahulu?' Musa menjawab 'Pengetahuan tentang itu ada di sisi Tuhanku, di dalam sebuah kitab. Tuhan kami tidak akan salah da tidak pulan lupa.'***

Firman Allah Ta'ala (Faatir 35:11):

﴿ وَمَا تَحۡمِلُ مِنۡ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلۡمِهِۦۚ وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٖ وَلَا يُنقَصُ مِنۡ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِي كِتَٰبٍۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٞ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidak ada seorang perempuan pun mengandung dan tidak pula melahirkan melainkan dengan pengetahuanNya. Dan sekali-kali tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak pula dikurangi umurnya melainkan sudah ditetapkan dalam Kitab (Lauh Mahfuz). Sesungguhnya yang demikian itu bagi Allah adalah mudah.***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ وَمَا مِنْ نَفْسٍ مَنْفُوسَةٍ إِلَّا كُتِبَ مَكَانُهَا مِنْ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ وَإِلَّا قَدْ كُتِبَتْ شَقِيَّةً أَوْ سَعِيدَةً

Maksudnya: ***"Tiada satu jiwa yang diberi kehidupan kecuali Allah telah tuliskan tempatnya di dalam Syurga atau Neraka dan telah tuliskan samada celaka atau sejahtera."***[161]

Suraqah bin Malik bin Ju'syum r.a. telah bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ بَيِّنْ لَنَا دِينَنَا كَأَنَّا خُلِقْنَا الْآنَ فِيمَا الْعَمَلُ الْيَوْمَ أَفِيمَا جَفَّتْ بِهِ الْأَقْلَامُ وَجَرَتْ بِهِ الْمَقَادِيرُ أَمْ فِيمَا نَسْتَقْبِلُ قَالَ لَا بَلْ فِيمَا جَفَّتْ بِهِ الْأَقْلَامُ وَجَرَتْ بِهِ الْمَقَادِيرُ قَالَ فَفِيمَ الْعَمَلُ قَالَ زُهَيْرٌ ثُمَّ تَكَلَّمَ أَبُو الزُّبَيْرِ بِشَيْءٍ لَمْ أَفْهَمْهُ فَسَأَلْتُ مَا قَالَ فَقَالَ اعْمَلُوا فَكُلٌّ مُيَسَّرٌ حَدَّثَنِي أَبُو الطَّاهِرِ أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنِي عَمْرُو بْنُ الْحَارِثِ عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهَذَا الْمَعْنَى وَفِيهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ عَامِلٍ مُيَسَّرٌ لِعَمَلِهِ

Maksudnya: ***'Wahai Rasulullah, jelaskan agama kami kepada kami seolah-olah kami baru dicipta sekarang. Berdasarkan apakah amalan sekarang ini? Adakah berdasarkan apa yang telah ditulis oleh pena-pena dan berada di bawah ketentuan-ketentuan ataupun berdasarkan apa yang akan kami hadapi?' Jawab Baginda "Tidak, bahkan berdasarkan apa yang telah ditulis oleh pena-pena dan berada di bawah ketentuan-ketentuan." Dia menanya lagi 'Jadi untuk apa kita beramal?' Jawab Baginda "Beramallah kerana setiap seorang dimudahkan untuk amalannya."***[162]

141- Berapakah ketentuan-ketentuan yang terkandung dalam peringkat kedua ini?

Peringkat kedua ini merangkumi lima ketentuan iaitu:

---

[161] متفق عليه: البخاري ك التفسير ب تفسير سورة والليل إذا يغشى رقم (4567). ومسلم ك القدر ب حيفية خبق الآدمي رقم (4786).

[162] مسلم ك القدر ب حيفية خبق الآدمي رقم (4788).

Ketentuan pertama: penulisan perkara itu sebelum dicipta langit-langit dan bumi sebanyak 50 ribu tahun, iaitu apabila Allah mencipta al-Qalam (pena). Ini ialah Ketentuan Azali.

Ketentuan kedua: ketentuan seumur hidup iaitu apabila Allah mengambil akujanji daripada manusia pada hari {Bukankah Aku tuhan kamu?...}

Ketentuan ketiga: ketentuan seumur hidup juga iaitu apabila Allah mencipta janin pada peringkat air mani di dalam rahim.

Ketentuan keempat: ketentuan tahunan iaitu pada malam al-Qadar (keagungan).

Ketentuan kelima: ketentuan harian iaitu perlaksanaan semua itu di tempat-tempatnya.

142- Apakah dalil bagi Ketentuan Azali?

Firman Allah Ta'ala (al-Hadiid 57:22):

﴿ مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ إِلَّا فِى كِتَـٰبٍ مِّن قَبْلِ أَن نَّبْرَأَهَآ ﴾

Maksudnya: ***Tiada suatu bencanapun yang menompa di bumi dan tidak pula pada dirimu sendiri melainkan telah tertulis dalam Kitab (Lauh Mahfuz) sebelum Kami menciptakannya.***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

كَتَبَ اللَّهُ مَقَادِيرَ الْخَلَائِقِ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِخَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ قَالَ وَعَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ

Maksudnya: ***"Allah telah menulis ketentuan makhluk-makhlukNya sebelum diciptaNya langit-langit dan bumi selama 50 ribu tahun. Dan singgahsanaNya berada di atas air."***[163]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّ أَوَّلَ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْقَلَمَ فَقَالَ اكْتُبْ فَقَالَ مَا أَكْتُبُ قَالَ اكْتُبْ الْقَدَرَ مَا كَانَ وَمَا هُوَ كَائِنٌ إِلَى الْأَبَدِ

Maksudnya: ***"Sesungguhnya perkara pertama yang dicipta oleh Allah ialah al-Qalam (pena) lalu Allah berkata kepadanya "Tulislah." Pena itu berkata 'Wahai Tuhanku, apakah yang hendak ku tulis?' Allah menjawab "Tulis ketentuan setiap sesuatu sehinggalah bangkitnya Hari Qiamat."***[164]

Sabda Rasulullah s.a.w. :

يَا أَبَا هُرَيْرَةَ جَفَّ الْقَلَمُ بِمَا أَنْتَ لَاقٍ فَاخْتَصِ عَلَى ذَلِكَ أَوْ دَعْ

Maksudnya: ***"Wahai Abu Hurairah, pena telah kering setelah menulis apa yang akan berlaku."***[165]

143- Apakah dalil bagi ketentuan seumur hidup pada hari pengambilan akujanji?

---

163 مسلم ك القدر ب حجاج آدم وموسى عليهما السلام رقم (4797).

164 الترمذي ك القدر ب رقم (). وأبو داود ك السنة ب رقم (3241).

165 البخاري ك القدر ب جف القلم على علم الله. والنسائي ك النكاح ب النهي عن التبتل رقم (3163).

Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:172):

﴿ وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ﴾

Maksudnya: ***Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman) "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" mereka menjawab 'Betul (Engkau Tuahn kami), kami mnjadi saksi.' (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan 'Sesungguhnya kami (anak-anak Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan).***

Ishaq bin Rahawiyah meriwayatkan bahawa (maksudnya): ***Seorang lelaki telah bertanya'Wahai Rasulullah, adakah amalan-amalan kita baru bermula atau adakah ianya telah ditentukan?' Jawab Baginda s.a.w. "Sesungguhnya Allah Ta'ala, apabila Dia mengeluarkan zuriat Adam daripada tulang belakangnya dan membuatkan mereka naik saksi ke atas diri mereka, kemudian Dia mengasingkan mereka dengan dua tapak tanganNya lalu berkata "Ini untuk syurga dan ini untuk Neraka." Dengan ini penghuni Syurga akan dimudahkan untuk melakukan amalan penghuni Syurga dan penghuni Neraka akan dimudahkan untuk melakukan amalan penghuni Neraka."***[166]

Terdapat riwayat bahawa Umar bin al-Khattab telah ditanya tentang ayat ini, firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:172):

﴿ وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَـٰذَا غَـٰفِلِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman) "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" mereka menjawab 'Betul (Engkau Tuahn kami), kami mnjadi saksi.' (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan 'Sesungguhnya kami (anak-anak Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan).***

Lalu Umar berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسْأَلُ عَنْهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ آدَمَ ثُمَّ مَسَحَ ظَهْرَهُ بِيَمِينِهِ فَأَخْرَجَ مِنْهُ ذُرِّيَّةً فَقَالَ خَلَقْتُ هَؤُلَاءِ لِلْجَنَّةِ وَبِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ يَعْمَلُونَ ثُمَّ مَسَحَ ظَهْرَهُ فَاسْتَخْرَجَ مِنْهُ ذُرِّيَّةً فَقَالَ خَلَقْتُ هَؤُلَاءِ لِلنَّارِ وَبِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ يَعْمَلُونَ

Maksudnya: ***"Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. ditanya tentangnya lalu Baginda bersabda (maksudnya) "Sesungguhnya Allah Ta'ala telah mencipta Adam kemudian Dia telah menyapu belakang Adam lalu***

[166] ابن أبي عاصم بتحقيق الألباني (1:73) وصححه الألباني. وانظر الدر المنثور في التفسير بالمأثور (3:843) وابن كثير (2:229).

dikeluarkan dari belakangnya zuriatnya seraya berkata "Ini adalah untuk Neraka dan mereka beramal dengan amalan penghuni Neraka…."[167]

Abdullah bin Amr r.a. telah berkata:
خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفِي يَدِهِ كِتَابَانِ فَقَالَ أَتَدْرُونَ مَا هَذَانِ الْكِتَابَانِ فَقُلْنَا لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِلَّا أَنْ تُخْبِرَنَا فَقَالَ لِلَّذِي فِي يَدِهِ الْيُمْنَى هَذَا كِتَابٌ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ فِيهِ أَسْمَاءُ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَأَسْمَاءُ آبَائِهِمْ وَقَبَائِلِهِمْ ثُمَّ أُجْمِلَ عَلَى آخِرِهِمْ فَلَا يُزَادُ فِيهِمْ وَلَا يُنْقَصُ مِنْهُمْ أَبَدًا ثُمَّ قَالَ لِلَّذِي فِي شِمَالِهِ هَذَا كِتَابٌ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ فِيهِ أَسْمَاءُ أَهْلِ النَّارِ وَأَسْمَاءُ آبَائِهِمْ وَقَبَائِلِهِمْ ثُمَّ أُجْمِلَ عَلَى آخِرِهِمْ فَلَا يُزَادُ فِيهِمْ وَلَا يُنْقَصُ مِنْهُمْ أَبَدًا فَقَالَ أَصْحَابُهُ فَفِيمَ الْعَمَلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنْ كَانَ أَمْرٌ قَدْ فُرِغَ مِنْهُ فَقَالَ سَدِّدُوا وَقَارِبُوا فَإِنَّ صَاحِبَ الْجَنَّةِ يُخْتَمُ لَهُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَإِنْ عَمِلَ أَيَّ عَمَلٍ وَإِنَّ صَاحِبَ النَّارِ يُخْتَمُ لَهُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ وَإِنْ عَمِلَ أَيَّ عَمَلٍ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدَيْهِ فَنَبَذَهُمَا ثُمَّ قَالَ فَرَغَ رَبُّكُمْ مِنْ الْعِبَادِ فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ
Maksudnya: ***Rasulullah s.a.w. telah keluar berjumpa kami dan di dalam tangannya terdapat dua kitab lalu Baginda bersabda "Adakah kamu tahu apa dia dua kitab ini?" Jawab mereka 'Tidak wahai Rasulullah kecuali jika kamu beritahu kami tentangnya." Baginda bersabda "Ini adalah kitab daripada Tuhan sekelian alam, di dalamnya terdapat nama-nama penghuni Syurga, nama bapa-bapa mereka dan kabilah mereka. Telah ditetapkan, tidak akan ditambah dan tidak pula akan dikurangkan." Kemudain Baginda berkata berkenaan kitab di tangan kirinya " Ini adalah kitab daripada Tuhan sekelian alam, di dalamnya terdapat nama-nama penghuni Neraka, nama bapa-bapa mereka dan kabilah mereka. Telah ditetapkan, tidak akan ditambah dan tidak pula akan dikurangkan." Para sahabat bertanya 'Jadi untuk apa kami beramal wahai Rasulullah jika perkara ini telah selesai?' Baginda bersabda "Usahalah untuk menepati dan bersederhanalah. Sesungguhnya penghuni Syurga akan diakhiri amalannya dengan amalan penghuni Syurga tidak kira amalan sebelumnya. Sesungguhnya penghuni Neraka pula akan diakhiri amalannya dengan amalan penghuni Neraka tidak kira amalan sebelumnya." Kemudian Rasulullah s.a.w. menggerakkan kedua tangannya dan melontarnya lalu bersabda "Tuhan kamu telah selesai dalam urusan hamba-hambaNya, satu kumpulan ke Syurga dan satu kumpulan ke Neraka."***[168]

144- Apakah dalil ketentuan seumur hidup pada permulaan ciptaan janin iaitu pada peringkat air mani di dalam rahim?
Firman Allah Ta'ala (al-Najm 53:32):

﴿ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَإِذْ أَنتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ ۖ فَلَا تُزَكُّوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ ٱتَّقَىٰٓ ﴾

Maksudnya: ***Dan Dia lebih mengetahui (tentang keadaan)mu ketika dia menjadikan kamu dari tanah dan ketika kamu masih janin dalam perut ibumu; maka janganlah kamu mengatakan dirimu suci. Dialah yang paling mengetahui tentang orang yang bertakwa.***

[167] مالك في الموطأ ب النهي عن القول بالقدر رقم (1618). والترمذي ك التفسير ب رقم (3001).
[168] الترمذي ك القدر ب ما جاء أن الله كتب كتابا لأهل الجنة وكتابا لأهل النار رقم (2067).

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ وَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ بِكَتْبِ رِزْقِهِ وَأَجَلِهِ وَعَمَلِهِ وَشَقِيٌّ أَوْ سَعِيدٌ فَوَالَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ فَيَدْخُلُهَا وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا

Maksudnya: ***"Sesungguhnya salah seorang daripada kamu akan dikumpulkan kejadiannya di dalam perut ibunya dalam tempoh 40 hari sebagai air mani, kemudian menjadi ketulan darah dalam tempoh itu, kemudian menjadi ketulan daging ibarat dikunyah dalam tempoh itu. Kemudian akan dihantarkan kepadanya satu malaikat yang akan meniupkan ruhnya dan diperintahkan agar menulis 4 perkara: menulis rezekinya, ajalnya, amalannya dan samada celaka atau sejahtera. Demi Tuhan Yang tiada tuhan yang berhak disembah selain Dia, sesungguhnya seseorang daripada kamu akan beramal amalan penghuni Syurga hinggalah hanya tinggal sejengkal antaranya dengan Syurga, lalu ketentuan yang dituliskan akan terlaksana ke atasnya, lalu dia beramal dengan amalan penghuni Neraka dan dia akan memasukinya. Sesungguhnya seseorang daripada kamu akan beramal amalan penghuni Neraka hinggalah hanya tinggal sejengkal antaranya dengan Neraka, lalu ketentuan yang dituliskan akan terlaksana ke atasnya, lalu dia beramal dengan amalan penghuni Syurga dan dia akan memasukinya."***[169]

145- Apakah dalil ketentuan tahunan pada malam al-Qadar?

Firman Allah Ta'ala (al-Dukhkhaan 44:4-5):

﴿ فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ﴿٤﴾ أَمْرًا مِّنْ عِندِنَآ ۚ إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ﴾

Maksudnya: ***Pada malam itu dijelaskan urusan yang penuh hikmah. (iaitu) urusan yang besar dari sisi Kami. Sesungguhnya Kami adalah yang mengutuskan rasul-rasul.***

Ibnu Abbas r.a. berkata (maksudnya) *'Ditulis daripada Lauh Mahfuz pada malam al-Qadar perkara-perkara yang akan berlaku pada tahun itu samada kematian, kehidupan, rezeki, hujan dan juga haji. Akan dijelaskan 'Si fulan akan naik haji, sifulan akan naik haji…'*[170]

Begitu juga terdapat riwayat daripada al-Hasan, Sa'id bin Juabair, Muqatil, Abu 'Abdul-Rahman al-Sulami dan lain-lain.

146- Apakah dalil ketentuan harian?

Firman Allah Ta'ala (al-Rahmaan 55:29):

---

[169] متفق عليه: البخاري ك القدر ب رقم (2969). ومسلم ك القدر ب كيفية خلق الآدمي في بطن أمه وكتابة رزقه وأجله وعمله وشقاوته وسعادته رقم (4781).

[170] الدر المنثور (6:25).

Maksudnya. ***Setiap waktu Dia dalam kesibukan.***

Ibnu Abbas r.a. telah berkata:

إن مما خلق الله تعالى لوحا محفوظا من درة بيضاء دفتاه من ياقوتة حمراء قلمه نور وكتابه نور ينظر فيه كل يوم ثلاثمائة وستين نظرة أو مرة ففي كل نظرة منها يخلق ويرزق ويحيي ويميت ويعز ويذل، ويفعل ما يشاء فذلك قوله تعالى ﴿ كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ ﴾

Maksudnya: *'Sesungguhnya antara yang dicipta Allah ialah Lauh Mahfuz daripada mutiara putih, dua kulitnya daripada permata merah, penanya daripada cahaya, kitabnya daripada cahaya. Saban hari, Allah melihatnya sebanyak 360 kali. Pada setiap pandangan Dia akan mencipta, memberi rezeki, menghidupkan, mematikan, memuliakan, menghina dan melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki. Inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah Ta'ala (al-Rahmaan 55:29): {Setiap hari Dia berada dalam urusan}.*[171]

Empat ketentuan ini ialah perincian kepada ketentuan pertama iaitu ketentuan Azali yang mana Allah telah memerintahkan pena supaya menulisnya di dalam Lauh Mahfuz. Ibnu Umar dan Ibnu Abbas telah mentafsirkan begitu terhadap firman Allah Ta'ala (al-Jaathiyyah 45:29):

﴿ إِنَّا كُنَّا نَسْتَنسِخُ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Kami telah menyuruh mencatat apa yang telah kamu kerjakan.***

Semua ini berkaitan dengan ilmu Allah yang merupakan sifat Allah Ta'ala.

147- Apakah susulan bagi perlaksanaan ketentuan yang dituliskan ke atas hamba samada celaka atau sejahtera?

Semua kitab-kitab samawiyyah (dari langit) dan sunnah-sunnah para Nabi sepakat dalam mengatakan bahawa perlaksanaan ketentuan tidak menafikan amalan dan tidak pula menngarahkan supaya bergantung kepadanya. Sebaliknya ianya menuntut kesungguhan, usaha dan komitmen terhadap amalan salih.

Sabda Rasulullah s.a.w. :

مَا مِنْكُمْ مِنْ نَفْسٍ إِلَّا وَقَدْ عُلِمَ مَنْزِلُهَا مِنْ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَلِمَ نَعْمَلُ أَفَلَا نَتَّكِلُ قَالَ لَا اعْمَلُوا فَكُلٌّ مُيَسَّرٌ لِمَا خُلِقَ لَهُ ثُمَّ قَرَأَ فَأَمَّا مَنْ أَعْطَى وَاتَّقَى وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَى إِلَى قَوْلِهِ فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْعُسْرَى

Maksudnya: ***"Tiada satu jiwa daripada kamu kecuali Allah mengetahui tempatnya di dalam Syurga atau Neraka." Mereka berkata 'Wahai Rasulullah, jadi kenapa kami perlu beramal? Bukankah lebih baik kami berserah sahaja?' Jawab Baginda "Tidak, sebaliknya beramallah kerana***

---

[171] الحاكم في المستدرك ك التفسير.

setiap satu dimudahkan untuk apa yang dia dicipta untuknya." Kemudian Baginda membaca firman Allah Ta'ala (al-Lail 92:5-10): {Adapun orang yang memberi dan bertaqwa serta mempercayai Syurga maka kami akan mudahkan untuknya Syurga. Adapun orang yang mendustai dan berpaling serta tidak mempercayai Syurga maka Kami akan mudahkan untuknya keburukan.} [172]

Allah Ta'ala telah tentukan ketentuan-ketentuan dan menjadikan punca-puncanya. Allah Ta'ala Maha Bijaksana dalam pemilihan punca-punca itu dalam kehidupan dan kebangkitan. Allah Ta'ala telah memudahkan setiap hambaNya untuk melakukan perkara yang dicipta untuknya di dunia dan di akhirat. Perkara itu dimudahkan dan disediakan untuknya.

Jadi, apabila seseorang hamba mengetahui bahawa manfaat akhiratnya bergantung kepada punca-punca tertentu, maka sepatutnya ini menjadikannya amat bersemangat untuk melaksanakannya dan melakukannya lebih daripada manfaat kehidupan dunianya.

Perkara ini telah difahami oleh para sahabat yang mendengar hadith al-Qadar lalu mengatakan (maksudnya) 'Dahulu usahaku tidak sekuat sekarang ini.'

Rasulullah s.a.w. bersabda:

احْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجَزْ

Maksudnya: ***"Berilah perhatian terhadap apa yang memanfaatkan kamu. Mohonlah bantuan Allah dan janganlah merasa lemah."*** [173]

Terdapat riwayat seperti berikut:

عَنْ أَبِي خُزَامَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ رُقًى نَسْتَرْقِيهَا وَدَوَاءً نَتَدَاوَى بِهِ وَتُقَاةً نَتَّقِيهَا هَلْ تَرُدُّ مِنْ قَدَرِ اللَّهِ شَيْئًا قَالَ هِيَ مِنْ قَدَرِ اللَّهِ

Maksudnya: ***Orang bertanya kepada Rasulullah s.a.w. 'Apakah pandangan kamu terhadap ubat yang kami gunakan untuk sembuhkan sakit dan jampi yang kami bacakan, adakah ini akan menolak ketentuan Allah?' Baginda menjawab "Itu semua adalah dalam ketentuan Allah."*** [174]

148- Apakah dalil peringkat ketiga iaitu beriman dengan kehendak Allah?

Firman Allah Ta'ala (al-Insaan 76:30):

﴿ وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Dan kamu tidak mampu (menempuh jalan itu), kecuali bila dikehendaki Allah.***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:23):

---

172 البخاري تفسير سورة والليل إذا يغشى رقم (4787).

173 مسلم ك القدر ب الأمر بالقوة وترك العجز رقم (4816).

174 الترمذي ك الطب ب ما جاء في الرقى والأدوية رقم (1991). وابن ماجه ك الطب ب ما أنزل الله داء إلا أنزل له شفاء رقم (3428).

﴿ وَلَا تَقُولَنَّ لِشَاْىۡءٍ إِنِّى فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ۝٢٣ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Dan jangan sekali-kali kamu mengatakan terhadap sesuatu: " Sesungguhnya aku akan mengerjakan itu besok pagi, kecuali (dengan menyebut): " InsyaAllah".***

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:39):

﴿ مَن يَشَإِ ٱللَّهُ يُضۡلِلۡهُ وَمَن يَشَأۡ يَجۡعَلۡهُ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسۡتَقِيمٍ ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah (kesesatannya), niscaya disesatkanNya. Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah (untuk diberiNya petunjuk), niscaya Dia menjadikannya berada di atas jalan yang lurus.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:93):

﴿ وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمۡ أُمَّةً وَٰحِدَةً ﴾

Maksudnya: ***Dan kalau Allah menghendaki, niscaya Dia menjadikan kamu satu umat (saja).***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:253):

﴿ وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ مَا ٱقۡتَتَلُواْ ﴾

Maksudnya: ***Seandainya Allah menghendaki, tidaklah mereka berbunuh-bunuhan.***

Firman Allah Ta'ala (Muhammad 47:4):

﴿ وَلَوۡ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَٱنتَصَرَ مِنۡهُمۡ ﴾

Maksudnya: ***Apabila Allah menghendaki niscaya Allah akan membinasakan mereka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Buruuj 85:16):

﴿ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴾

Maksudnya: ***Maha kuasa berbuat apa yang dikehendakiNya.***

Firman Allah Ta'ala (Yaasiin 36:82):

﴿ إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya perintahNya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya "Jadilah" maka terjadilah ia.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:40):

﴿ إِنَّمَا قَوۡلُنَا لِشَيۡءٍ إِذَآ أَرَدۡنَٰهُ أَن نَّقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya perkataan Kami terhadap sesuatu apabila Kami menghendakinya, Kami hanya mengatakan kepadanya "Jadilah" maka jadilah ia.***

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:125):

﴿ فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهۡدِيَهُۥ يَشۡرَحۡ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَـٰمِ ۖ وَمَن يُرِدۡ أَن يُضِلَّهُۥ يَجۡعَلۡ صَدۡرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa yang Allah menghendaki akan memberikan kepadanya petunjuk, nescaya Dia melapangkan dadanya untuk (memeluk agama) Islam. Dan barangsiapa yang dikehendaki allah kesesatannya nescaya Allah menjadikan dadanya sesak lagi sempit.***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّ قُلُوبَ بَنِي آدَمَ كُلَّهَا بَيْنَ إِصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الرَّحْمَنِ كَقَلْبٍ وَاحِدٍ يُصَرِّفُهُ حَيْثُ يَشَاءُ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُمَّ مُصَرِّفَ الْقُلُوبِ صَرِّفْ قُلُوبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ

Maksudnya: ***"Hati-hati anak Adam berada di antara dua jari daripada jari-jari Tuhan Yang Maha Penyayang, ibarat satu hati. Allah membolak-balikkannya sepertimana yang dikehendakiNya..."[175]***

Sabda Rasulullah s.a.w. berkenaan tidur mereka di satu lembah:

إِنَّ اللَّهَ قَبَضَ أَرْوَاحَكُمْ حِينَ شَاءَ وَرَدَّهَا حِينَ شَاءَ فَقَضَوْا حَوَائِجَهُمْ وَتَوَضَّئُوا إِلَى أَنْ طَلَعَتْ الشَّمْسُ وَابْيَضَّتْ فَقَامَ فَصَلَّى

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah Ta'ala menahan ruh-ruh kamu pada masa Dia hendak dan mengembalikannya pada masa Dia hendak…"[176]***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

اشْفَعُوا فَلْتُؤْجَرُوا وَيَقْضِي اللَّهُ عَلَى لِسَانِ رَسُولِهِ مَا شَاءَ

Maksudnya: ***"Berilah sokongan / pertolongan, kamu akan diberi pahala dan Allah akan menghukumkan sesuatu melalui lisan RasulNya apa yang Dia hendak."[177]***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

لَا تَقُولُوا مَا شَاءَ اللَّهُ وَشَاءَ فُلَانٌ وَلَكِنْ قُولُوا مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ شَاءَ فُلَانٌ

Maksudnya: ***"Jangan sebut 'Apa yang Allah hendak dan apa yang si fulan hendak' tetapi sebutlah 'Apa yang Allah hendak kemudian si fulan.' "[178]***

Sabda Rasulullah s.a.w. :

مَنْ يُرِدْ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: ***"Sesiapa yang Allah hendakkan untuknya kebaikan, Dia akan memberinya kefahaman dalam agama."[179]***

---

175 مسلم ك القدر ب تصريف الله تعالى القلوب كيف شاء رقم (4798).

176 البخاري ك التوحيد ب في المشيئة والإرادة رقم (6917).

177 الترمذي ك التوحيد ب في المشيئة والإرادة رقم (6922).

178 أبو داود ك الأدب بلا ثقال خبثت نفسي رقم (4328).

179 البخاري ك العلم ب من يرد الله به خيرا يفقهه في الدين رقم (69).

Sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِذَا أَرَادَ رَحْمَةَ أُمَّةٍ مِنْ عِبَادِهِ قَبَضَ نَبِيَّهَا قَبْلَهَا فَجَعَلَهُ لَهَا فَرَطًا وَسَلَفًا بَيْنَ يَدَيْهَا وَإِذَا أَرَادَ هَلَكَةَ أُمَّةٍ عَذَّبَهَا وَنَبِيُّهَا حَيٌّ فَأَهْلَكَهَا وَهُوَ يَنْظُرُ فَأَقَرَّ عَيْنَهُ بِهَلَكَتِهَا حِينَ كَذَّبُوهُ وَعَصَوْا أَمْرَهُ.

Maksudnya: ***"Sekiranya Allah hendak rahmat bagi sesuatu umat, Dia akan mewafatkan NabiNya sebelum mereka. Sekiranya Allah hendak kebinasaan sesuatu umat, Dia akan mengazab mereka semasa Nabi mereka hidup."***[180]

Dan banyak lagi hadith yang menunjukkan kehendak Allah Ta'ala.

149- Allah Ta'ala telah menjelaskan kepada kita di dalam kitabNya dan melalui lisan rasulNya serta melalui sifat-sifat Allah yang kita ketahui bahawa Allah Ta'ala cinta kepada orang-orang yang berbuat baik (muhsin), orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang bersabar, redha terhadap orang-orang yang beriman dan beramal salih, tidak cinta kepada orang-orang kafir dan zalim, tidak meredhai kekufuran bagi hamba-hambaNya dan tidak cinta kepada kefasadan; sedangkan semua perkara ini berlaku dengan keinginan Allah Ta'ala dan kehendakNya. Sekiranya Dia inginkan supaya perkara itu tidak berlaku ianya tidak akan berlaku kerana sesungguhnya tidak berlaku di dalam kerajaanNya perkara yang tidak diinginiNya. Bagaimanakah jawapan kita kepada orang yang mengatakan "Bagaimana mungkin Allah mengingini dan menghendaki perkara yang tidak diredhaiNya dan tidak dicintaiNya?

Ketahuilah bahawa lafaz kehendak dalam nas-nas membawa 2 erti iaitu:
1- Kehendak kauniyyah (dari sudut ciptaan) serta qadariyyah (ketentuan). Kehendak ini bererti keinginan yan gtidak berkait dengan cinta dan redha. Sebaliknya kehendak ini merangkumi kekufuran dan keimanan, taat dan maksiat, perkara yang diredhai dan yang dibenci. Tiada seorangpun yang dapat keluar dan lari dari kehendak ini.
Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:125):

﴿ فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهْدِيَهُۥ يَشْرَحْ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ ۖ وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُۥ يَجْعَلْ صَدْرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa yang Allah menghendaki akan memberi kepadanya petunjuk, nescaya Dia melapangkan dadanya untuk (memeluk agama) Islam. Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah kesesatanNya, nescaya Allah menjadikan dadanya sesak lagi sempit.***

Firman Allah Ta'ala (al-Maa'idah 5:41):

﴿ وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتْنَتَهُۥ فَلَن تَمْلِكَ لَهُۥ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ ﴾

---

[180] مسلم ك الفضائل ب إذا أراد الله تعالى رحمة أمة قبض نبيها قبلها رقم (4241).

Maksudnya: ***Barangsiapa yang Allah menghendaki kesesatannya maka sekali-kali kamu tidak akan mampu menolak sesuatupun yang datang daripada Allah. Mereka itu adalah orang yang Allah tidak hendak mensucikan hati mereka.***

2- Kehendak diniyyah (dari sudut agama) serta syar'iyyah (dari sudut Syara'). Kehendak ini khas bagi apa yang Allah redha dan cinta. Berdasarkan kehendak inilah Allah memerintah dan melarang hambaNya.

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2-185):

﴿ يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلۡيُسۡرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلۡعُسۡرَ ﴾

Maksudnya: ***Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:26):

﴿ يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمۡ وَيَهۡدِيَكُمۡ سُنَنَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ وَيَتُوبَ عَلَيۡكُمۡۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Allah hendak menerangkan hukum sayriatNya kepadamu, dan menunjukimu kepada jalan-jalan orang yang sebelum kamu (para nabi dan shalihin) dan hendak menerima taubatmu. Dan Alllah Maha mengetahui lagi Maha bijaksana.***

Kehendak ini tidak berlaku kecuali selepas kehendak kauniyyah (ciptaan). Orang mukmin yang taat termasuk dalam kehendak kauniyyah dan diniyyah manakala orang fasiq yang mengingkari termasuk dalam kehendak kauniyyah sahaja.

Allah Ta'ala telah mengajak hamba-hambaNya kepada keredhaanNya dan memberi hidayahNya kepada orang yang Dia inginkan sahaja sebagaimana dalam firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:25):

﴿ وَٱللَّهُ يَدۡعُوٓاْ إِلَىٰ دَارِ ٱلسَّلَٰمِ وَيَهۡدِي مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴾

Maksudnya: ***Allah menyeru manusia ke tempat syurga (yang sejahtera) dan menunjuki orang yang dikehendakiNya kepada jalan yang lurus (Islam).***

Di dalam ayat ini Allah Ta'ala menyatakan dakwahNya secara umum dan menyatakan hidayahNya secara khusus bagi orang yang Dia ingin. Firman Allah Ta'ala (al-Najm 53:30):

﴿ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِمَنِ ٱهۡتَدَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang paling mengetahui siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dia pulalah yang paling mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.***

150- Apakah dalil bagi peringkat keempat berkenaan keimanan dengan al-qadar iaitu peringkat penciptaan?

Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:62):

﴿ ٱللَّهُ خَـٰلِقُ كُلِّ شَىۡءٍۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىۡءٍ وَكِيلٌ ﴾

Maksudnya: ***Allah menciptakan segala sesuatu dan Dia memelihara segala sesuatu.***

Firman Allah Ta'ala (Faatir 35:3):

﴿ هَلۡ مِنۡ خَـٰلِقٍ غَيۡرُ ٱللَّهِ يَرۡزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ ﴾

Maksudnya: ***Adakah pencipta selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi?***

Firman Allah Ta'ala (Luqman 31:11):

﴿ هَـٰذَا خَلۡقُ ٱللَّهِ فَأَرُونِى مَاذَا خَلَقَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Inilah ciptaan Allah, maka perlihatkanlah olehmu kepadaku apa yang telah diciptakan oleh sembahan-sembahanmu selain Allah.***

Firman Allah Ta'ala (al-Ruum 30:40):

﴿ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمۡ ثُمَّ رَزَقَكُمۡ ثُمَّ يُمِيتُكُمۡ ثُمَّ يُحۡيِيكُمۡۖ هَلۡ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَفۡعَلُ مِن ذَٲلِكُم مِّن شَىۡءٍ ﴾

Maksudnya: ***Allah lah yang mencitakan kamu, kemudian memberimu rezeki, kemudian mematikanmu, kemudian menghidupkanmu kembali. Adakah di antara yang kamu sekutukan dengan Allah itu yang dapat berbuat sesuatu dari yang demikian itu?***

Firman Allah Ta'ala (al-Saaffaat 37:96):

﴿ وَٱللَّهُ خَلَقَكُمۡ وَمَا تَعۡمَلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Padahal Allah lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuatkan itu.***

Firman Allah Ta'ala (al-Syams 91:7-8):

﴿ وَنَفۡسٍ وَمَا سَوَّٮٰهَا ۝٧ فَأَلۡهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقۡوَٮٰهَا ﴾

Maksudnya: ***Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:178):

﴿ مَن يَہۡدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلۡمُهۡتَدِىۖ وَمَن يُضۡلِلۡ فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡخَـٰسِرُونَ ﴾

Maksudnya: ***Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dialah yang mendapat petunjuk. Dan barangsiapa yang disesatkan Allah, maka merekalah orang-orang yang merugi.***

Firman Allah Ta'ala (al-Hujuraat 49:7):

﴿ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ حَبَّبَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡإِيمَٰنَ وَزَيَّنَهُۥ فِي قُلُوبِكُمۡ وَكَرَّهَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡكُفۡرَ وَٱلۡفُسُوقَ وَٱلۡعِصۡيَانَ ﴾

Maksudnya: ***Tetapi Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hatimu serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan dan kedurhakaan.***

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن الله يصنع كل صانع وصنعته.

Maksudnya: ***"Sesungguhnya Allah membuat setiap pembuat dan perbuatannya."***[181]

Rasulullah s.a.w. bersabda:

اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا

Maksudnya: ***"Ya Allah, berilah jiwaku ketaqwaannya dan sucikanlah ia, Engkaulah sebaik-baik yang menyucikannya. Sesungguhnya Engkaulah pembantunya dan pemiliknya."***[182]

151- Apakah maksud sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud ***"Dan semua kebaikan berada di dalam dua tanganMu manakala semua keburukan bukan kepada Engkau"***[183], sedangkan Allah adalah pencipta segala sesuatu?

Maksudnya ialah perbuatan-perbuatan Allah Ta'ala kesemuanya baik semata-mata di mana tiada sebarang keburukan dari sudut Dia bersifat dengannya dan dari sudut keluarnya perbuatan-perbuatan itu dariNya. Sesungguhnya Allah Ta'ala Maha Bijaksana lagi Adil dan semua perbuatanNya penuh dengan hikmat dan keadilan di mana Dia meletakkan setiap sesuatu di tempat-tempat yang layak mengikut ilmuNya.

Berkenaan keburukan yang terdapat dalam sesuatu perkara yang ditaqdirkan pula maka ianya dikira buruk dari sudut kesudahannya iaitu kebinasaan yang akan menimpa seseorang hamba dan ini adalah balasan setimpal terhadap apa yang dilakukan oleh kedua-dua tangannya, sebagaimana firman Allah Ta'ala (al-Syuuraa 42:30):

﴿ وَمَآ أَصَٰبَكُم مِّن مُّصِيبَةٖ فَبِمَا كَسَبَتۡ أَيۡدِيكُمۡ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖ ﴾

Maksudnya: ***Dan apa saja musibah yang menimpa kamu maka adalah disebabkan oleh perbuatan tanganmu sendiri, dan Allah memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan-kesalahanmu).***

---

[181] البخاري في خلق أفعال العباد ص73. والبيهقي في الأسماء والصفات ص 26. والحاكم في الإيمان (32:1) وقال صحيح على شرط مسلم ووافقه الذهبي.

[182] مسلم ك الذكر والدعاء والتوبة والاستغفار ب التعوذ من شر ما عمل ومن شر ما لم يعمل رقم (4899).

[183] مسلم ك صلاة المسافرين وقصرها ب الدعاء في صلاة الليل وقيامه رقم (1290).

Firman Allah Ta'ala (al-Zukhruf 43:76):

﴿ وَمَا ظَلَمْنَٰهُمْ وَلَٰكِن كَانُواْ هُمُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan tidaklah kami menganiaya mereka tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri.***

Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:44):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظْلِمُ ٱلنَّاسَ شَيْـًٔا وَلَٰكِنَّ ٱلنَّاسَ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah tidak berbuat zalim kepada manusia sedikitpun, akan tetapi manusia itulah yang berbuat zalim kepada diri mereka sendiri.***

152- Adakah hamba mempunyai kuasa dan keinginan ke atas perbuatan yang disandarkan kepada mereka?

Ya, hamba mempunyai kuasa ke atas amalan mereka. Mereka juga mempunyai keinginan dan kehendak. Amalan mereka disandarkan kepada mereka secara haqiqah (sebenar-benarnya). Berdasarkan amalan inilah mereka dipertanggungjawabkan dan diberi pahala atau azab. Allah Ta'ala tidak mempertanggungjawabkan mereka kecuali mengikut kemampuan mereka.

Allah Ta'ala telah menetapkan perkara ini (kuasa dan keinginan) bagi mereka dan menyifatkan mereka dengan perkara ini (kuasa dan keinginan) di dalam kitabNya dan di dalam sunnah RasulNya. Akan tetapi mereka tidak berkuasa kecuali sekiranya Allah menjadikan mereka berkuasa dan mereka tidak berkeinginan kecuali sekiranya Allah inginkan dan tidak melakukan sesuatu amalan kecuali sekiranya Allah menjadikan mereka melakukannya. Ini semua terdapat dalam nas-nas berkenaan keinginan, kehendak dan penciptaan.

Sebagaimana makhluk tidak mencipta diri mereka, begitu juga mereka tidak mencipta amalan mereka. Kuasa mereka, keinginan mereka, kehendak mereka dan perbuatan mereka adalah mengikut kuasa Allah, keinginanNya dan perbuatanNya kerana Dialah yang mencipta mereka, kuasa mereka, kehendak mereka, keinginan mereka dan perbuatan mereka.

Ini tidak bermakna bahawa keinginan, kehendak, kuasa dan perbuatan mereka adalah keinginan, kehendak, kuasa dan perbuatan Allah Ta'ala. Mereka bukan Allah dan Allah bukan mereka. Sebaliknya perbuatan mereka yang merupakan makhluk Allah Ta'ala berpaksi pada mereka, sesuai dengan mereka, disandarkan kepada mereka secara haqiqah (sebenar-benarnya) dan ianya adalah kesan daripada perbuatan Allah Ta'ala yang berpaksi padaNya, sesuai denganNya dan disandarkan kepadaNya secara haqiqah (sebenar-benarnya).

Allah Ta'ala adalah pembuat secara haqiqah (sebenar-benarnya) dan hamba juga melaksanakan perbuatan secara haqiqah (sebenar-benarnya). Allah Ta'ala pemberi hidayah secara haqiqah dan hamba mendapat dan

melaksanakan hidayat secara haqiqah. Disebabkan inilah Allah Ta'ala telah menyandarkan setiap satu dari dua perkara ini kepada pembuatnya dalam firman Allah Ta'ala (al-Israa' 17:97):

﴿ وَمَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِ ﴾

Maksudnya: ***Dan barangsiapa yang ditunjuki Allah, dialah yang mendapat petunjuk.***

Hidayah disandarkan kepada Allah Ta'ala secara haqiqah (sebenar-benarnya). Al-ihtida' (menerima dan melaksanakan hidayah) juga disandarkan kepada hamba secara haqiqah (sebenar-benarnya). Pemberi hidayah bukanlah yang menerima dan melaksanakan hidayah. Hidayah juga bukanlah penerimaan dan perlaksanaan hidayah.

Allah Ta'ala juga menyesatkan sesiapa yang diingininya secara haqiqah (sebenar-benarnya) dan hamba itu menjadi sesat secara haqiqah (sebenar-benarnya). Begitulah halnya dengan semua urusan Allah Ta'ala terhadap hamba-hambaNya.

Sesiapa yang menyandarkan perbuatan dan perlaksanaan perbuatan kepada hamba, hukumnya ialah kafir. Sesiapa yang menyandarkan kedua-duanya kepada Allah Ta'ala, hukumnya kafir juga. Akan tetapi orang yang beriman ialah yang menyandarkan perbuatan kepada Allah Ta'ala secara haqiqah (sebenar-benarnya) dan menyandarkan perlaksanaan perbuatan kepada makhluk secara haqiqah (sebenar-benarnya).

153- Apakah jawapannya kepada orang yang mengatakan "Tidakkah mungkin –mengikut kuasa Allah- bahawa Allah Ta'ala menjadikan semua hamba-hambaNya beriman dan mendapat hidayah serta taat di samping Dia mencintai perkara itu, dari sudut Syara' "?

Sudah tentu mungkin. Sesungguhnya Allah Ta'ala berkuasa melakukan perkara tersebut sepertimana dalam firman Allah Ta'ala (al-Maaidah 5:48):

﴿ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً ﴾

Maksudnya: ***Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu dijadikanNya satu umat sahaja., tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberianNya kepadamu.***

Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:99):

﴿ وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ لَأٓمَنَ مَن فِى ٱلْأَرْضِ كُلُّهُمْ جَمِيعًا ﴾

Maksudnya: ***Dan jikalau Tuhanmu menghendaki, tentulah beriman semua orang yang di muka bumi seluruhnya.***

Akan tetapi, apa yang dilakukanNya terhadap mereka adalah berdasarkan hikmatNya dan tuntutan Rububiyah, Uluhiyah dan Asma' dan SifatNya. Justeru, persoalan orang yang berkata "Kenapa ada di antara hambaNya orang yang taat dan orang yang membuat maksiat?" samalah dengan

persoalan orang yang berkata "Kenapa ada di antara nama-nama Allah Ta'ala: al-Dar, al-Nafi', al-Mu'ti, al-Mani', al-Khafidh, al-Rafi', al-Mun'im, al-Muntaqim dan sebagainya?" Ini kerana perbuatan-perbuatan Alah adalah berdasarkan nama-namaNya dan perupakan kesan sifat-sifatNya. Jadi mempertikaikan perbuatan-perbuatanNya samalah dengan mempertikaikan nama-nama dan sifat-sifatNya, bahkan mempertikaikan Uluhiyah dan RububiyahNya juga.

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiyaa' 21:22-23):

﴿ فَسُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ۝٢٢ لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Maka Maha suci Allah yang mempunyai 'arsy daripada apa yang mereka sifatkan. Dia tidak ditanya tentang apa yang diperbuatNya, dan merekalah yang akan ditanya.***

154- Apakah kedudukan beriman dengan al-Qadar dalam agama?

Beriman dengan al-Qadar ialah penyempurna Tauhid. Begitu juga halnya dengan keimanan terhadap punca-punca yang membawa kepada qadar yang baik dan melarang daripada qadar yang buruk adalah penyempurna Syari'ah. Urusan agama ini tidak akan sempurna dan tidak akan kukuh kecuali bagi orang yang beriman dengan al-Qadar dan melaksanakan Syari'ah.

Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan tentang al-Qadar ini dan apabila Baginda ditanya oleh sahabatnya "Bukankah elok sekiranya kami berserah kepada ketentuan kami dan meninggalkan amalan?", baginda s.a.w. menjawab "Beramallah kerana setiap seorang akan dipermudahkan untuk apa yang dia dicipta untuknya."

Orang yang menolak al-Qadar kerana mengatakan ianya berlawanan dengan Syari'ah, sesungguhnya dia telah menafikan ilmu dan kuasa Allah Ta'ala. Dia juga telah menjadikan hamba berkuasa sepenuhnya dan mencipta perbuatannya. Dengan ini dia telah menetapkan bahawa di samping Allah Ta'ala terdapat satu tuhan/pencipta lain. Bahkan dia telah menetapkan bahawa semua makhluk adalah tuhan-tuhan/pencipta selain Allah Ta'ala.

Orang yang menetapkan dan menerima al-Qadar dalam bentuk menjadikannya hujah untuk menyalahi dan lari dari amalan Syari'ah, menafikan kuasa dan pilihan yang telah diberikan Allah Ta'ala kepada hamba dan menjadikannya dasar kepada pertanggungjawapan, menyangkakan bahawa Allah Ta'ala telah mempertanggungjawabkan hamba-hambaNya dengan perkara yang mereka tidak mampu ibarat menyuruh seorang buta meletakkan tanda pada mushaf; orang jenis ini sebenarnya telah menetapkan bahawa Allah Ta'ala telah belaku zalim. Ikutan dan teladanya dalam pegangannya ini ialah Iblis yang telah berkata (dalam) firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:16):

﴿ فَبِمَآ أَغْوَيْتَنِى لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَٰطَكَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴾

Maksudnya: ***Iblis menjawab "Kerana Engkau telah menghukum saya sesat, saya benar-benar akan menghalang mereka dari jalan Engkau yang lurus."***

Adapun orang yang benar-benar beriman, mereka beriman terhadap al-Qadar yang baik dan yang buruk serta Allah Ta'ala adalah pencipta semua perkara ini. Mereka patuh kepada perintah dan larangan Syari'ah ini. Mereka menghukum dengannya dalam diri mereka secara sembunyi dan nyata.

Hidayah dan penyesatan adalah di dalam tangan Allah Ta'ala. Allah Ta'ala memberi hidayah kepada orang yang dikehendakiNya dengan kelebihanNya dan memberi kesesatan kepada orang yang dikehendakiNya dengan keadilanNya. Allah Ta'ala lebih mengetahui tentang tempat-tempat kelebihan dan keadilanNya. Firman Allah Ta'ala (al-Najm 53:30):

﴿ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ ٱهْتَدَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Dialah yang paling mengetahui siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dia pulalah yang paling mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.***

Allah Ta'ala mempunyai hikmat yang tinggi dan hujah yang kuat dalam hal hidayah dan kesesatan. Mereka juga percaya bahawa pahala dan azab bergantung kepada Syari'ah dari sudut perlaksanaan dan peninggalan dan tidak bergantung kepada al-Qadar. Mereka hanya menggunakan al-Qadar apabila musibah melanda mereka.

Apabila mereka mendapat kebaikan, mereka berterima kasih kepada yang mengurniakannya kepada mereka dengan berkata seperti dalam firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:43):

﴿ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى هَدَىٰنَا لِهَٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِىَ لَوْلَآ أَنْ هَدَىٰنَا ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Segala puji bagi Allah yang telah menunjuki kami kepada syurga ini. Dan kami sekali-kali tidak akan mendapat petunjuk kalau Allah tidak memberi kami petunjuk.***

Dan mereka tidak sekali-kali akan berkata seperti mana yang dikatakan oleh orang yang fasiq (dalam) firman Allah Ta'ala (al-Qasas 28:78):

﴿ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍ عِندِىٓ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya aku hanya diberi harta itu kerana ilmu yang ada padaku.***

Apabila mereka melakukan kesalahan, mereka akan berkata seperti mana kedua ibu bapa mereka telah berkata dalam firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:23):

﴿ رَبَّنَا ظَلَمْنَآ أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***Ya Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya pastilah kami termasuk orang-orang yang merugi.***

Dan mereka tidak sekali-kali akan berkata seperti mana yang dikatakan oleh syaitan dalam firman Allah Ta'ala (al-Hijr 15:39):

﴿ رَبِّ بِمَآ أَغۡوَيۡتَنِى ﴾

Maksudnya: ***Ya Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat.***

Apabila mereka ditimpa musibah mereka akan berkata seperti dalam firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:156):

﴿ قَالُوٓاْ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيۡهِ رَٰجِعُونَ ﴾

Maksudnya: ***Mereka mengucapkan "Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepadaNyalah kami kembali."***

Dan mereka tidak akan berkata seperti mana berkatanya orang-orang kafir dalam firman Allah Ta'ala (Aali Imran 3:156):

﴿ وَقَالُواْ لِإِخۡوَٰنِهِمۡ إِذَا ضَرَبُواْ فِى ٱلۡأَرۡضِ أَوۡ كَانُواْ غُزًّى لَّوۡ كَانُواْ عِندَنَا مَا مَاتُواْ وَمَا قُتِلُواْ لِيَجۡعَلَ ٱللَّهُ ذَٰلِكَ حَسۡرَةً فِى قُلُوبِهِمۡۗ وَٱللَّهُ يُحۡىِۦ وَيُمِيتُۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٌ ﴾

Maksudnya: ***Dan mereka mengatakan kepada saudara-saudara mereka apabila mereka mengadakan perjalanan di muka bumi atau mereka berperang "Kalau mereka tetap bersama-sama kita tentulah mereka tidak mati dan tidak dibunuh." Akibat (dari perkataan dan keyakinan mereka) yang demikian itu, Allah menimbulkan rasa penyesalan yang sangat di dalam hati mereka. Allah menghidupkan dan mematikan. Dan Allah melihat apa yang kamu kerjakan.***

155- Berapakah cabang-cabang Iman?

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:177):

﴿ لَّيۡسَ ٱلۡبِرَّ أَن تُوَلُّواْ وُجُوهَكُمۡ قِبَلَ ٱلۡمَشۡرِقِ وَٱلۡمَغۡرِبِ وَلَٰكِنَّ ٱلۡبِرَّ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلۡكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّـۧنَ وَءَاتَى ٱلۡمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينَ وَٱبۡنَ ٱلسَّبِيلِ وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلۡمُوفُونَ بِعَهۡدِهِمۡ إِذَا عَٰهَدُواْۖ وَٱلصَّٰبِرِينَ فِى ٱلۡبَأۡسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَحِينَ ٱلۡبَأۡسِۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُواْۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُتَّقُونَ ﴾

Maksudnya: ***Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab,***

nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta, dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan shalat, dan memnunaikan zakat, dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya) dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Iman itu enam puluh lebih cabang.***

Dalam riwayat lain: ***Tujuh puluh lebih cabang. Cabang yang tertinggi ialah menyebut 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah' dan cabang yang terendah ialah mengalihkan perkara yang menyakitkan dari jalan. Rasa malu itu ialah satu cabang dari Iman.***

156- Apakah huraian para ulamak terhadap cabang-cabang ini?

Sebahagian daripada mereka telah menghitungnya semasa mensyarahkan hadith ini dan ada juga yang telah mengarang kitab berkenaan cabang-cabang ini. Akan tetapi perlulah diketahui bahawa mengetahui cabang-cabang ini bukanlah syarat dalam iman. Sebaliknya cukuplah dengan beriman secara umum terhadap semua cabang-cabang itu. Ianya tidak keluar dari al-Quran dan al-Sunnah. Jadi hendaklah seseorang hamba itu mematuhi perintah-perintah al-Quran dan al-Sunnah, menjauhi larangan-larangannya dan membenarkan berita-beritanya. Dengan itu dia telah menyempurnakan cabang-cabang iman. Perkara yang dihitung oleh sebahagian para ulamak itu adalah termasuk dalam cabang-cabang iman akan tetapi agak sukar untuk memastikan bahawa itulah yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadith lalu kerana penentuan itu memerlukan dalil.

157- Nyatakan secara ringkas apa yang telah mereka hitungkan:

Al-Imam al-Hafiz Ibnu Hajar telah menyatakan dalam bukunya Fathul Bari ringkasan kenyataan al-Imam Ibnu Hibban bahawa:
Sesungguhnya cabang-cabang Iman ini terbahagi kepada tiga iaitu amalan hati, amalan lisan dan amalan anggota badan.
Adapun amalan anggota hati maka ianya ialah kepercayaan-kepercayaan dan niat-niat. Ianya terbahagi kepada 24 cabang:

1- Beriman dengan Allah yang merangkumi beriman dengan zatNya, sifat-sifatNya dan pengesaanNya bahawa Allah itu (al-Syuuraa 42:11):

﴿ لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴾

Maksudnya: ***Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dialah yang Maha mendengar lagi Maha melihat.***

Juga kepercayaan bahawa selainNya adalah baru.

2- Beriman dengan para malaikat.
3- Beriman dengan kitab-kitab.

4- Beriman dengan para rasul.
5- Beriman dengan al-qadar yang baik dan buruk.
6- Beriman dengan Hari Akhirat yang merangkumi: persoalan dalam kubur, kebangkitan, hisab, mzan, sirat, syurga dan neraka.
7- Cinta kepada Allah Ta'ala dan cinta dan musuh kerana Allah.
8- Cinta kepada Rasulullah s.a.w. dan mempercayai keagungannya yang merangkumi selawat ke atas Baginda dan mengikut sunnahnya.
9- Ikhlas (penyucian) yang merangkumi peninggalan riya' dan nifaq.
10- Taubat.
11- Takut.
12- Harap.
13- Syukur.
14- Sempurna janji.
15- Sabar.
16- Redha dengan al-qada'.
17- Tawakal.
18- Rahmat.
19- Tawadhu' (rendah diri) yang merangkumi: menghormati orang yang lebih tua dan menyayangi orang yang lebih muda.
20- Meninggalkan rasa besar diri.
21- Meninggalakn rasa takjub.
22- Meninggalkan hasad.
23- Meninggalkan dengki.
24- Meninggalkan rasa marah.

Adapun amalan lisan maka ianya merangkumi 7 cabang:
1- Melafazkan tauhid.
2- Membaca al-Quran.
3- Mempelajari ilmu dan mengajarnya.
4- Berdoa.
5- Berzikir.
6- Beristighfar.
7- Menjauhi kata-kata kosong.

Adapun amalan anggota badan maka ianya merangkumi 38 cabang:
a. Yang berkaitan dengan setiap individu (15 cabang):
1- Bersuci secara zahir dan batin.
2- Memberi makan.
3- Menghormati tetamu.
4- Puasa fardhu.
5- Puasa sunat.
6- Iktikaf.
7- Mencari malam al-Qadar.
8- Haji.
9- Umrah.
10- Tawaf.
11- Lari menjaga agama.
12- Hijrah meninggalkan negeri syirik.
13- Menyempurnakan nazar.
14- Berjaga-jaga dalam Iman.

15- Menunaikan kaffarat (penghapus dosa).

b. Yang berkaitan dengan orang yang rapat (6 cabang):

1- Nikah.
2- Menjaga keluarga.
3- Berbakti kepada 2 ibu bapa dan tidak derhaka kepada 2 ibu bapa serta mendidik anak.
4- Merapatkan hubungan kekeluargaan.
5- Taat kepada tuan.
6- Berlembut dengan hamba.

c. Yang berkaitan dengan orang awam (17 cabang):

1- Mendirikan pemerintahan dengan adil.
2- Mengikuti jamaah.
3- Taat pemerintah.
4- Mendamaikan antara manusia dan memerangi khawarij dan pemberontak.
5- Membantu dalam kebaikan dan memerintah kepada kebaikan dan melarang dari kemungkaran
6- Mendirikan hudud.
7- Jihad dan menjaga sempadan.
8- Menunaikan amanah dan menunaikan seperlima harta rampasan perang
9- Meminjam dan memulangkan.
10- Menghormati jiran.
11- Berurusan dengan baik dan mengumpulkan harta yang halal.
12- Menginfaqkan harta di jalan yang benar dan tidak membazir.
13- Menjawab salam.
14- Mendoakan orang bersin.
15- Tidak memudharatkan orang.
16- Menjauhkan diri dari perkara sia-sia.
17- Membuang perkara yang menyakitkan dari jalan.

Ini semua berjumlah 69 cabang dan boleh dijadikan 77 sekiranya diasingkan perkara-perkara yang telah dikumpulkan. Allah sahaja yang lebih mengetahui.

158- Apakah dalil bagi Ihsan daripada al-Quran dan al-Sunnah?

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:195):

﴿ وَأَحۡسِنُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:128):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَواْ وَّٱلَّذِينَ هُم مُّحۡسِنُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan.***

Firman Allah Ta'ala (Luqmaan 31:22):

﴿ وَمَن يُسْلِمْ وَجْهَهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ ﴾

Maksudnya: ***Dan barangsiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang dia orang yang berbuat kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang kukuh.***

Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:26):

﴿ لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ ٱلْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ ﴾

Maksudnya: ***Bagi orang-orang yang berbuat baik, ada pahala yang terbaik (syurga) dan tambahannya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Rahmaan 55:60):

﴿ هَلْ جَزَآءُ ٱلْإِحْسَٰنِ إِلَّا ٱلْإِحْسَٰنُ ﴾

Maksudnya: ***Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya Allah telah mewajibkan Ihsan ke atas segala sesuatu.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Amat beruntunglah seorang hamba yang wafat dalam keadaan dia berihsan (berbuat baik) dalam beribadah terhadap Allah dan berihsan (berbuat baik) dalam berurusan dengan tuannya, beruntunglah dia.***

159- Apakah itu Ihsan dalam ibadah?

Rasulullah s.a.w. telah menghuraikan Ihsan itu dalam hadith Jibril apabila Jibril bertanya: Maka beritahulah aku tentang Ihsan. Jawab Baginda s.a.w.: ***Bahawa kamu beribadat seolah-olah kamu melihatnya. Sekiranya kamu tidak dapat melihatnya, sesungguhnya Dia melihatmu.***

Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan bahawa Ihsan mempunyai 2 peringkat yang berlainan iaitu:

1- Peringkat yang tinggi: beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatNya. Ini dinamakan peringkat al-musyahadah (penyaksian) di mana seseorang hamba itu beramal mengikut penyaksiannya terhadap Allah Ta'ala dengan hatinya, iaitulah hatinya dipenuhi cahaya Iman, memancar basirah (kejelasan) ilmu pengetahuannya sehinggakan perkara yang ghaib menjadi seperti perkara yang dilihat. Inilah hakikat peringkat Ihsan.

2- Peringkat kedua: al-Muraqabah (pemantauan) iaitu seseorang hamba itu beramal dengan merasakan bahawa Allah Ta'ala memerhatikannya, melihatnya dan dekat dengannya. Sekiranya hamba itu merasakan perkara ini dalam amalannya dan melaksanakan amalannya di atas perasaan ini, dia adalah mukhlis (mensucikan ibadah) kepada Allah. Ini kerana perasaan ini menegahnya daripada berpaling kepada selain Allah

Ta'ala dan menegahnya dari menuju kepada selain Allah Ta'ala dalam amalannya.

Ahli kedua-dua peringkat ini berbeza berdasarkan kepada tahap pancaran basirah (kejelasan) ilmunya.

160- Apakah lawan bagi Iman?

Lawan bagi Iman ialah kufur. Kufur ini mempunyai cabang-cabang seperti juga Iman. Anda telahpun mengetahui bahawa Iman itu ialah pembenaran yang berunsur kepatuhan yang membuahkan penyerahan dalam ketaatan. Kufur pula ialah penolakan dan kedegilan yang mengundang perasaan megah dan engkar. Jadi semua jenis ketaatan adalah cabang-cabang Iman yang diberi nama Iman dalam nas-nas. Manakala semua jenis maksiat adalah cabang-cabang kufur yang diberi nama kufur dalam nas-nas.

Selepas mengetahui kenyataan ini, dapat kita ketahui bahawa kufur itu ada 2 jenis iaitu:

1- Kufur besar yang mengeluarkan daripada Iman secara menyeluruh. Kufur jenis ini ialah kufur dalam i'tiqad (kepercayaan) yang menolak kata-kata hati dan amalannya atau salah satu daripada keduanya.
2- Kufur kecil yang menolak kesempurnaan Iman tetapi tidak menolak Iman secara menyeluruh. Kufur jenis ini ialah kufur dalam amalan yang tidak menolak kata-kata hati dan amalannya.

161- Jelaskan kepada saya bagaimana kufur dalam i'tiqad menolak Iman secara menyeluruh dan perincikan apa yang telah anda nyatakan secara umum berkenaan penolakan kufur ini terhadap Iman?

Kami telahpun menjelaskan dahulu bahawa Iman itu adalah kata-kata dan perbuatan; kata-kata hati dan lidah; amalan hati, lidah dan anggota badan. Kata-kata hati ialah pembenarannya. Kata-kata lidah ialah menyebut kalimah Islam (2 Kalimah Syahadah). Perbuatan hati ialah niat, ikhlas dan sebagainya. Perbuatan anggota badan ialah patuh dengan semua ketaatan.

Sekiranya hilang 4 perkara ini kata-kata hati, perbuatan hati, kata-kata lidah dan perbuatan anggota badan (termasuk lidah), hilanglah Iman secara menyeluruh.

Sekiranya hilang kata-kata hati (pembenaran), yang lain tidak berguna. Sesungguhnya kata-kata hati (pembenaran) adalah syarat menjadikan semua yang lain sah dan berguna. Contoh bagi kehilangan kata-kata hati (pembenaran) ialah seperti mereka yang mendustai nama-nama dan sifat-sifat Allah atau apa sahaja yang diutuskan Allah kepada para rasulNya atau yang diturunkan dalam kitab-kitabNya.

Sekiranya hilang amalan hati (niat, ikhlas dan sebagainya) di samping mempercayai bahawa urusan agama ini benar, Ahli al-Sunnah bersepakat bahawa Iman hilang keseluruhannya. Mereka juga mengatakan bahawa pembenaran tidak berguna jika tiada amalan hati iaitu cinta dan patuh.

Contohnya seperti apa yang dilakukan oleh Iblis, Fir'aun dan kaumnya, Yahudi dan Musyrikun yang mempercayai kebenaran Rasul s.a.w. dan mempercayainya secara sembunyi mahupun terang. Mereka mengatakan bahawa "Dia bukanlah pembohong akan tetapi kami tidak akan mengikutinya dan tidak akan beriman dengannya."

162- Berapakah bahagian kufur besar yang mengeluarkan seseorang dari agama?

Kufur besar terbahgai 4 bahagian iaitu: Kufur (jahl wa takzib) jahil dan pembohongan, Kufur (juhud) penolakan, Kufur ('inad wa istikbar) degil dan megah diri, serta Kufur nifaq.

163- Apakah itu Kufur jahl wa takzib (jahil dan pembohongan)?

Kufur jahil dan pembohongan ialah kufur dari sudut zahir dan batin seperti kebanyakan orang kafir Quraisy dan umat-umat sebelum ini yang Allah Ta'al telah jelaskan tentang mereka dalam firmanNya (Ghaafir @ al-Mukmin 40:70):

﴿ ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِٱلْكِتَٰبِ وَبِمَآ أَرْسَلْنَا بِهِۦ رُسُلَنَا ۖ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***(Iaitu) orang-orang yang mendustakan al-Quran dan wahyu yang dibawa oleh rasul-rasul Kami yang telah kami utuskan. Kelak mereka akan mengetahui.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:199):

﴿ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴾

Maksudnya: ***Serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil (bodoh).***

Firman Allah Ta'ala (al-Naml 27:83-84):

﴿ وَيَوْمَ نَحْشُرُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ فَوْجًا مِّمَّن يُكَذِّبُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُمْ يُوزَعُونَ ۝٨٣ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُو قَالَ أَكَذَّبْتُم بِـَٔايَٰتِى وَلَمْ تُحِيطُواْ بِهَا عِلْمًا أَمَّاذَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan ingatlah hari ketika Kami kumpulkan dari tiap-tiap umat segolongan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu mereka dibagi-bagi (dalam kelompok-kelompok). Hingga apabila mereka datang, Allah berfirman "Apakah kamu telah mendustakan ayat-ayatKu, padahal ilmu kamu tidak meliputinya, atau apakah yang telah kamu kerjakan?"***

Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:39):

﴿ بَلْ كَذَّبُواْ بِمَا لَمْ يُحِيطُواْ بِعِلْمِهِۦ وَلَمَّا يَأْتِهِمْ تَأْوِيلُهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Bahkan yang sebenarnya mereka mendustakan apa yang mereka belum mengetahuinya dengan sempurna padahal belum datang kepada mereka penjelasannya.***

164- Apakah itu Kufur juhud (penolakan)?

Kufur juhud (penolakan) ialah kufur dengan menyembunyikan kebenaran dan tidak patuh kepada kebenaran secara zahir sedangkan mempunyai ilmu tentangnya dan mengetahuinya secara batin. Seperti kufur Fir'aun dan kaumnya dengan Musa, kufur Yahudi dengan Muhammad s.a.w. Allah Ta'ala telah berfirman tentang Fir'aun (alNaml 27:14):

﴿ وَجَحَدُواْ بِهَا وَٱسۡتَيۡقَنَتۡهَآ أَنفُسُهُمۡ ظُلۡمٗا وَعُلُوّٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan mereka mengingkarinya kerana kezaliman dan kesombongan mereka padahal hati mereka meyakini kebenarannya.***

Allah Ta'ala telah berfirman tentang Yahudi (al-Baqarah 2:89):

﴿ فَلَمَّا جَآءَهُم مَّا عَرَفُواْ كَفَرُواْ بِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Maka setelah datang kepada mereka apa yang telah mereka ketahui mereka lalu ingkar kepadanya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:146):

﴿ وَإِنَّ فَرِيقٗا مِّنۡهُمۡ لَيَكۡتُمُونَ ٱلۡحَقَّ وَهُمۡ يَعۡلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan sesungguhnya sebahagian dariapda mereka menyembunyikan kebenaran padahal mereka mengetahui.***

165- Apakah itu Kufur 'inad wa istikbar (degil dan megah diri)?

Kufur 'inad wa istikbar (degil dan megah diri) ialah tidak patuh kepada kebenaran walaupun mengakuinya seperti kufur Iblis seperti yang dijelaskan Allah Ta'ala tentangnya (al-Baqarah 2:34):

﴿ إِلَّآ إِبۡلِيسَ أَبَىٰ وَٱسۡتَكۡبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴾

Maksudnya: ***kecuali Iblis ia enggan dan takabur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir.***

Iblis bukan sahaja menolak dan mengingkari perintah Allah Ta'ala supaya dia sujud, bahkan dia membantah dan mempertikai hikmat dan keadilan Allah Ta'ala seperti dalam firman Allah Ta'ala (al-Israa' 17:61):

﴿ ءَأَسۡجُدُ لِمَنۡ خَلَقۡتَ طِينٗا ﴾

Maksudnya: ***"Apakah aku akan sujud kepada orang yang Engkau ciptakan dari tanah?"***

Dan dalam firman Allah Ta'ala (al-Hijr 15:33):

﴿ لَمۡ أَكُن لِّأَسۡجُدَ لِبَشَرٍ خَلَقۡتَهُۥ مِن صَلۡصَٰلٖ مِّنۡ حَمَإٖ مَّسۡنُونٖ ﴾

Maksudnya: ***"Aku sekali-kali tidak akan sujud kepada manusia yang Engkau telah menciptakannya dari tanah liat kering (yang berasal) dari Lumpur hitam yang diberi bentuk."***

Dan dalam firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:12):

﴿ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ﴾

Maksudnya: ***"Saya lebih baik daripadanya. Engkau ciptakan saya dari api sedang dia Engkau ciptakan dari tanah."***

166- Apakah itu Kufur nifaq?

Kufur nifaq ialah tidak membenarkan dengan hati dan tidak pula beramal dengan hati walaupun patuh dari sudut zahir kerana riyak sahaja. Contohnya kufur Ibnu Salul dan pengikut-pengikutnya seperti dalam firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:8-20):

﴿ وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلْيَوْمِ ٱلْأَخِرِ وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ ۝٨ يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ۝٩ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًاۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُواْ يَكْذِبُونَ ﴾ ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴾

Maksudnya: ***Di antara manusia ada yang mengatakn "Kami beriman kepada Allah dan Hari kemudian" padahal mereka itu sesungguhnya bukan orang-orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, ,padahal mereka hanya menipu dirinya sendiri sedang mereka tidak sedar. Dalam hati mereka ada penyakit lalu ditambah Allah penyakitnya; dan bagi mereka seksa yang pedih disebabkan mereka berdusta .. .. Sesungguhnya Allah berkuasa atas segala sesuatu.***

167- Apakah itu Kufur 'amali (dari sudut perbuatan) yang tidak mengeluarkan seseorang dari agama?

Kufur 'amali (dari sudut perbuatan) ialah semua maksiat yang Allah Ta'ala namakan sebagai kufur di samping kekalnya nama Iman bagi pelaku maksiat itu. Contohnya ialah sabda Rasulullah s.a.w. :

Maksudnya: ***Janganlah kamu kembali kufur selepasku dengan sesetengah kamu memenggal kepala sesetengah kamu yang lain.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Mencaci orang mukmin adalah fusuq (fasiq) dan memeranginya adalah kufur.***

Nabi s.a.w. telah menyatakan secara umum bahawa peperangan orang Islam sesama sendiri adalah kufur dan menamakan orang yang berbuat demikian sebagai orang-orang kafir. Sedangkan Allah Ta'ala telah berfirman (al-Hujuraat 49:9-10):

﴿ وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱقۡتَتَلُواْ فَأَصۡلِحُواْ بَيۡنَهُمَاۖ فَإِنۢ بَغَتۡ إِحۡدَىٰهُمَا عَلَى ٱلۡأُخۡرَىٰ فَقَٰتِلُواْ ٱلَّتِي تَبۡغِي حَتَّىٰ تَفِيٓءَ إِلَىٰٓ أَمۡرِ ٱللَّهِۚ فَإِن فَآءَتۡ فَأَصۡلِحُواْ بَيۡنَهُمَا بِٱلۡعَدۡلِ وَأَقۡسِطُوٓاْۖ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُقۡسِطِينَ ۝٩ إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ إِخۡوَةٞ فَأَصۡلِحُواْ بَيۡنَ أَخَوَيۡكُمۡ ﴾

Maksudnya: ***Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin berperang maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah; jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah) , maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.***

Di mana Allah Ta'ala telah menetapkan Iman bagi mereka dan persaudaraan Iman. Allah Ta'al tidak menafikan salah satu dari dua perkara ini.

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:178) berkenaan qisas:

﴿ فَمَنۡ عُفِيَ لَهُۥ مِنۡ أَخِيهِ شَيۡءٞ فَٱتِّبَاعُۢ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَأَدَآءٌ إِلَيۡهِ بِإِحۡسَٰنٖ ﴾

Maksudnya: ***Maka barangsiapa yang mendapat suatu pemaafan dari saudaranya, hendaklah (yang memaafkan) mengikut dengan cara yang baik, dan hendaklah (yang diberi maaf) membayar (diat) kepada yang memberi maaf dengan cara yang baik (pula).***

Dalam ayat ini Allah Ta'ala menetapkan bagi pembunuh itu sifat saudara dalam Islam dan tidak menafikan sifat ini darinya.

Demikian jugalah sabda Rasulullah s.a.w.: ***Seorang penzina semasa dia berzina, dia tidak berzina dalam keadaan beriman. Seorang pencuri semasa dia mencuri, dia tidak mencuri dalam keadaan beriman. Seorang peminum arak semasa dia meminum arak, dia tidak meminumnya dalam keadaan beriman. Taubat dibentangkan selepas itu.***[184]

Dalam satu riwayat: ***Seorang pembunuh tidak membunuh dalam keadaan dia beriman. Dan semasa seseorang menyamun perkara yang mempunyai nilai sedang diperhati orang ramai.. ..***[185]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Tiada seorang hambapun yang menyebut 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah' kemudian dia mati dalam keadaan itu kecuali dia akan masuk syurga.*** **Aku (Abu Zar) berkata: Walaupun dia telah berzina dan mencuri? Baginda berkata:** ***Walaupun dia telah berzina dan mencuri.*** **3 kali. Kemudian pada kali keempat Baginda berkata:** ***Walaupun Abu Zar sukar menerimanya.***

[184] الشيخان البخاري ك الأشربة رقم (). مسلم ك الإيمان ب إنه لا يدخل الجنة إلا المؤمنون رقم ().

[185] الشيخان البخاري ك الأشربة رقم (). مسلم ك الإيمان ب إنه لا يدخل الجنة إلا المؤمنون رقم ().

Ini semua menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak menafikan sifat Iman secara menyeluruh daripada penzina, pencuri, peminum arak dan pembunuh yang masih mempunyai tauhid. Sekiranya Rasulullah s.a.w. ingin menjelaskan bahawa mereka tidak boleh disifatkan dengan Iman secara menyeluruh pasti Baginda s.a.w. tidak menjelaskan bahawa orang yang menyebut 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah' di samping melakukan maksiat-maksiat itu akan tetap masuk syurga. Ini kerana syurga hanya boleh dimasuki oleh orang yang beriman. Sebaliknya Rasulullah s.a.w. hendak menjelaskan dengan kenyataannya itu bahawa Imannya kurang dan tidak sempurna. Seseorang hamba akan menjadi kafir sekiranya dia menghalalkan perbuatan-perbuatan itu yang menunjukkan bahawa dia telah membohongi al-Quran dan al-Sunnah yang telah mengharamkan perbuatan-perbuatan itu. Hamba akan menjadi kafir jika dia menghalalkannya walaupun dia tidak membuatnya.

168- Sekiranya ditanya kepada kita 'Sujud kepada patung, menghina al-Quran, mencaci Rasulullah s.a.w., mempersendakan agama dan seumpamanya adalah merupakan kufur 'amali (dari sudut perbuatan) mengikut zahirnya, jadi kenapakah semua ini mengeluarkan seseorang itu daripada agama? Sedangkan kamu telah mengatakan bahawa kufur kecil (yang tidak mengeluarkan dari agama) itu adalah kufur 'amali (dari sudut perbuatan)?

Ketahuilah bahawa 4 perkara ini dan yang seumpama dengannya bukanlah merupakan kufur 'amali (dari sudut perbuatan) kecuali dari sudut pandangan manusia bahawa ianya adalah perbuatan anggota badan. Ini kerana ianya tidak dilakukan oleh seseorang kecuali selepas hilangnya amalan hati iaitu niat, ikhlas, cinta dan patuh. Semua perkara ini, walaupun merupakan perbuatan dari sudut zahir, sebenarnya semuanya berkait rapat dan tidak dapat dipisahkan dengan Kufur i'tiqadi (dari sudut kepercayaan). Perkara-perkara ini tidak akan dilakukan kecuali oleh seorang munafik yang cela atau orang yang degil dan durhaka. Inilah punca kepada kata-kata orang-orang munafik dalam peperangan Tabuk seperti mana dalam firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:74):

﴿ قَالُواْ كَلِمَةَ ٱلۡكُفۡرِ وَكَفَرُواْ بَعۡدَ إِسۡلَٰمِهِمۡ وَهَمُّواْ بِمَا لَمۡ يَنَالُواْ ﴾

Maksudnya: ***Mereka telah mengucapkan perkataan kekafiran, dan telah menjadi kafir sesudah Islam, dan mengingini apa yang mereka tidak dapat mencapainya (iaitu membunuh Nabi).***

Apabila mereka ditanya, mereka menjawab seperti mana dalam firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:65):

﴿ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلۡعَبُ ﴾

Maksudnya: ***"Sesungguhnya kami hanyalah bersenda gurau dan bermain-main saja."***

Sehinggalah firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:65-66):

﴿ قُلْ أَبِٱللَّهِ وَءَايَـٰتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ۝٦٥ لَا تَعْتَذِرُوا۟ قَدْ كَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَـٰنِكُمْ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Apakah dengan Allah, ayat-ayatNya dan RasulNya kamu selalu berolok-olok?" Tidak usah kamu minta maaf, kerana kamu kafir sesudah beriman.***

Kami tidak pernah mengertikan Kufur kecil dengan Kufur 'amali secara umum. Akan tetapi kami mengertikan Kufur kecil dengan Kufur 'amali yang bersendirian iaitu yang tidak diiringi dengan i'tiqad (kepercayaan) dan tidak pula membatalkan kata-kata hati dan amalan hati.

169- Berapakah bahagian kezaliman, kefasikan dan nifaq?

Setiap satu darinya terbahagi 2 iaitu besar yang merupakan kufur dan kecil yang tidak sampai ke tahap itu.

170- Apakah contoh bagi kezaliman besar dan kecil?

Contoh kezaliman besar ialah:
Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:106):

﴿ وَلَا تَدْعُ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ ۖ فَإِن فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذًا مِّنَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan janganlah kamu menyembah apa-apa yang tidak memberi manfaat dan tidak pula memberi mudharat kepadamu selain Allah, sebab jika kamu berbuat demikian itu maka sesungguhnya kamu kalau begitu termasuk orang-orang yang zalim.***

Firman Allah Ta'ala (Luqmaan 31:13):

﴿ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya mempersekutukan Allah adalah benar-benar kezaliman yang besar.***

Firman Allah Ta'ala (al-Maaidah 5:72):

﴿ إِنَّهُۥ مَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ ٱلْجَنَّةَ وَمَأْوَىٰهُ ٱلنَّارُ ۖ وَمَا لِلظَّـٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang yang mempersekutukan sesuatu dengan Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga, dan tempatnya ialah neraka, tidaklah ada bagi orang-orang zalim itu seorang penolongpun.***

Contoh kezaliman kecil yang tidak sampai ke tahap kufur ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Talaaq 65:1):

﴿ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ رَبَّكُمۡۖ لَا تُخۡرِجُوهُنَّ مِنۢ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخۡرُجۡنَ إِلَّآ أَن يَأۡتِينَ بِفَٰحِشَةٖ مُّبَيِّنَةٖۚ وَتِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَقَدۡ ظَلَمَ نَفۡسَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Serta bertakwalah kepada Allah Tuhanmu. Janganlah kamu keluarkan mereka dari rumah mereka dan janganlah mereka (diizinkan) keluar kecuali kalau mereka mengerjakan perbuatan keji yang terang. Itulah hukum-hukum Allah, dan barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah, maka sesungguhna dia telah berbuat zalim terhadap dirinya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:231):

﴿ وَلَا تُمۡسِكُوهُنَّ ضِرَارٗا لِّتَعۡتَدُواْۚ وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ فَقَدۡ ظَلَمَ نَفۡسَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Janganlah kamu rujuki mereka untuk memberi kemudharatan kerana dengan demikian kamu menganiayai mereka. Barangsiapa berbuat demikian maka sungguh ia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri.***

171- Apakah contoh kefasikan besar dan kecil?

Contoh kefasikan besar ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:67):

﴿ إِنَّ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang munafik itulah orang-orang yang fasik.***

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:50):

﴿ إِلَّآ إِبۡلِيسَ كَانَ مِنَ ٱلۡجِنِّ فَفَسَقَ عَنۡ أَمۡرِ رَبِّهِۦٓ ﴾

Maksudnya: ***Kecuali Iblis dia adalah dari golongan jin maka ia menderhakai perintah Tuhannya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiyaa' 21:74):

﴿ وَنَجَّيۡنَٰهُ مِنَ ٱلۡقَرۡيَةِ ٱلَّتِي كَانَت تَّعۡمَلُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَۚ إِنَّهُمۡ كَانُواْ قَوۡمَ سَوۡءٖ فَٰسِقِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan Kami telah selamatkan dia (Lut) dari (azab yang telah menimpa penduduk) kota yang mengerjakan perbuatan keji. Sesungguhnya mereka adalah kaum yang jahat lagi fasik.***

Contoh kefasikan kecil ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Nuur 24:4) berkenaan penuduh-penuduh zina:

﴿ وَلَا تَقۡبَلُواْ لَهُمۡ شَهَٰدَةً أَبَدٗاۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik.***

Firman Allah Ta'ala (al-Hujuraat 49:6):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن جَآءَكُمْ فَاسِقٌۢ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوٓا۟ أَن تُصِيبُوا۟ قَوْمًۢا بِجَهَٰلَةٍ فَتُصْبِحُوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَٰدِمِينَ ﴾

Maksudnya: ***Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.***

Diriwayatkan bahawa ayat ini turun berkenaan al-Walid bin 'Uqbah.

172- Apakah contoh bagi nifaq besar dan kecil?

Contoh bagi nifaq besar ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:142):

﴿ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَهُوَ خَٰدِعُهُمْ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang munafik itu menipu-helah Allah, dan Allah akan membalas tipu-helah mereka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:145):

﴿ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِى ٱلدَّرْكِ ٱلْأَسْفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang paling bawah dari neraka.***

Firman Allah Ta'ala (al-Munafiquun 63:1):

﴿ إِذَا جَآءَكَ ٱلْمُنَٰفِقُونَ قَالُوا۟ نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُۥ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَكَٰذِبُونَ ﴾

Maksudnya: ***Apabila orang-orang munafik datang kepadamu, mereka berkata "Kami mengakui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Rasul Allah." Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar RasulNya; dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya orang-orang munafik itu benar-benar orang pendusta.***

Contoh bagi nifaq kecil ialah:
Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Tanda orang munafiq tiga, jika bercakap dia menipu, jika berjanji dia munkir dan jika diberi amanah dia khianat.***[186]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***4 sifat, jika ada dalam seseorang dia adalah munafiq.***[187]

173- Apakah hukum sihir dan tukang sihir?

---

186 البخاري ك الإيمان ب علامات المتافق رقم (). مسلم ك الإيمان ب خصال المنافق رقم ().
187 البخاري ك الإيمان ب علامات المتافق رقم (). مسلم ك الإيمان ب خصال المنافق رقم ().

Tidak syak bahawa sihir itu wujud. Kesannya berada di bawah ketentuan dari sudut ciptaan seperti dalam firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:102):

﴿ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِۦ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَزَوْجِهِۦ ۚ وَمَا هُم بِضَآرِّينَ بِهِۦ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang suami dengan isterinya. Dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudharat dengan sihirnya kepada seorangpun kecuali denga izin Allah.***

Kesannya juga dijelaskan dalam hadith-hadith yang sahih.

Berkenaan tukang sihir pula, sekiranya sihirnya dipelajari daripada syaitan-syaitan maka dia kafir seperti dalam firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:102):

﴿ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَآ إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ﴾ إلى قوله ﴿ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلِمُوا۟ لَمَنِ ٱشْتَرَىٰهُ مَا لَهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنْ خَلَٰقٍ ۚ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا۟ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorangpun sebelum mengatakan "Sesungguhnya kami hanya cobaan (bagimu),oleh itu janganlah kamu kafir" .. .. Dan mereka mempelajari sesuatu yang memberi mudharat kepada mereka dan tidak memberi manfaat. Demi sesungguhnya mereka telah meyakini bahawa barangsiapa yang menukarnya (kitab Allah) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat, dan amat jahatlah perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, kalau mereka mengetahui.***

174- Apakah hukuman tukang sihir?

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Hukuman tukang sihir ialah dipenggal dengan pedang.***

Al-Imam al-Tirmizi berkata: Hadith ini menjadi amalan sesetengah ulamak dari kalangan para sahabat dan selain mereka. Ianya juga adalah pendapat al-Imam Malik bin Anas.

Al-Imam al-Syafi'i berkata: Tukang sihir dibunuh sekiranya amalan sihirnya mencapai tahap kufur. Adapun yang tidak sampai ke tahap kufur maka tidak dihukum bunuh.

Hukuman membunuh tukang sihir telah dilaksanakan oleh Umar, Ibnu Umar, Hafsah, Uthman bin Affan, Jundub bin Abdullah, Jundub bin Ka'b bin Qais bin Sa'd, Umar bin Abdul Aziz, Ahmad, Abu Hanifah dan lain-lain rahimahumullah.

175- Apakah itu al-nusyrah dan apakah hukumnya?

Al-Nusyrah ialah usaha membuang sihir dari orang yang disihir. Sekiranya dengan menggunakan sihir juga maka ianya adalah dari amalan syaitan. Sekiranya dengan jampi dan bacaan perlindungan yang disyariatkan maka tidak mengapa.

176- Apakah jampi yang disyariatkan?

Ianya ialah yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah, di dalam Bahasa Arab, dan pembacanya dan orang yang dibubati mestilah berkepecayaan bahawa ianya hanya memberi kesan sekiranya Allah mengizinkan. Sesungguhnya Jibril telah menjampikan Nabi s.a.w. . Nabi s.a.w. juga telah menjampikan sejumlah para sahabatnya. Baginda s.a.w. juga telah memperakui mereka yang menjampi dan mengarah mereka supaya melakukannya dan membenarkan mereka mengambil upahnya. Semua ini terdapat dalam sahihain dan lain-lain.

177- Apakah jampi yang dilarang?

Ianya ialah yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah, bukan dalam Bahasa Arab. Yang berpunca dari amalan syaitan, melalui khidmatnya dan melalui pendekatan diri kepadanya dengan perkara yang dia ingin. Ini seperti amalan kebanyakan para dajjal, tukang karut dan pembuat khurafat. Juga seperti mereka yang sering merujuk kitab-kitab yang berisi hayakil (rangka-rangka) dan talasim (bacaan-bacaan / spells) seperti Syams al-ma'arif, Syumus al-anwar dan sebagainya yang dimasukkan ke dalam Islam oleh musuh-musuh Islam dan bukan sekali-kali berunsur Islam dan tidak pula merupakan ilmu-ilmu Islam. Kami telah jelaskan perkara ini dalam kitab Syarah al-Sullam.

178- Apakah hukum gantungan-gantungan pelbagai jenis tangkal (tamaim, awtar, hilaq, khuyut, wada' dan lain-lain)?

Rasulullah s.a.w. telah menghantar seorang utusan dalam satu pengembaraannya agar tidak dijumpai di leher unta rantai dari watar kecuali dipotong.[188]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya jampi-jampi, tangkal-tangkal dan sihir cinta adalah syirik.[189]***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang menggantung tangkal dia telah melakukan syirik.[190]***

Rasulullah s.a.w. melihat seorang lelaki yang di tangannya terdapat tangkal lalu Baginda bertanya: ***Apakah ini?*** **Jawabnya: Untuk sakit. Sabda baginda** ***Tanggalkan ia. Ianya tidak akan menambahmu kecuali***

---

[188] البخاري ك الطب ب ما قيل في الجرس ونحوه في أعناق الإبل رقم (). مسلم ك اللباس ب كراهية قلادة الوتر في رقبة البعير رقم ().

[189] أبو داود ك الطب ب في تعليق التمائم رقم ().

[190] أحمد رقم () . السلسلة الصحيحة رقم (492)

kesakitan. Sekiranya kamu mati dalam keadaan memakainya, kamu tidak akan berjaya selama-lamanya.[191]

Huzaifah telah memotong benang pada tangan seorang lelaki kemudian beliau membaca firman Allah Ta'ala (Yuusuf 12:106):

﴿ وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُم بِٱللَّهِ إِلَّا وَهُم مُّشْرِكُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan sebahagian mereka tidak beriman kepada Allah melainkan dalam keadaan mempersekutukan Allah (dengan sembahan-sembahan lain).***

Sa'id bin Jubair telah berkata: Sesiapa yang memotong tangkal pada seseorang manusia, ganjarannya seperti membebaskan seorang hamba.
Riwayat ini hukumnya marfu'.

179- Apakah hukum gantungan itu jika ianya daripada al-Quran?

Terdapat riwayat daripada sesetengah para salaf yang membenarkannya. Akan tetapi, kebanyakan para salaf mereka tidak membenarkannya, seperti Abdullah bin 'Ukaim, Abdullah bin 'Amr, Abdullah bin Mas'ud dan pengikutnya. Pendapat kedua ini lebih kuat berdasarkan keumuman dalil yang melarang menggunakan gantungan itu dan tiada wujudnya dalil yang mengkhususkan larangan itu. Juga demi menjaga al-Quran daripada sebarang penghinaan kerana kemungkinan ianya dibawa ke tempat yang tidak suci. Juga supaya ini tidak membuka ruang untuk gantungan selain al-Quran. Juga supaya ditutup jalan yang membawa kepercayaan terhadap perkara yang dilarang dan supaya hati-hati tidak terpaling hati kepada selain Allah Ta'ala, khususnya pada zaman ini.

180- Apakah hukum al-kuhhan (bomoh)?

Bomoh adalah terdiri dari kalangan taghut. Mereka adalah wali-wali syaitan yang mewahyukan kepada mereka. Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:121):

﴿ وَإِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰٓ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجَٰدِلُوكُمْ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya syaitan itu membisikkan kepada pembantu-pembantunya agar mereka membantah kamu.***

Syaitan-syaitan turun kepada bomoh-bomoh dan memberitahu tentang berita yang mereka curi dari langit. Syaitan-syaitan ini akan menambah 100 pembohongan kepada berita itu. Firman Allah Ta'ala (al-Syu'araa' 26:221-223):

﴿ هَلْ أُنَبِّئُكُمْ عَلَىٰ مَن تَنَزَّلُ ٱلشَّيَٰطِينُ ﴿٢٢١﴾ تَنَزَّلُ عَلَىٰ كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ ﴿٢٢٢﴾ يُلْقُونَ ٱلسَّمْعَ وَأَكْثَرُهُمْ كَٰذِبُونَ ﴾

Maksudnya: ***Apakah akan Aku beritakan kepadamu kepada siapa syaitan-syaitan itu turun? Mereka turun kepada tiap-tiap pendusta lagi yang***

---

[191] الحاكم وقال صحيح الإسناد ووافقه الذهبي. أحمد بتحقنق أحمد شاكر ج17 ص435 وصححه.

banyak dosa. Mereka menghadapkan pendengaran (kepada syaitan) itu dan kebanyakan mereka adalah orang-orang pendusta.

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Lalu pencuri pendengaran akan mencurinya lalu disampaikan kepada yang di bawahnya dan disampaikan kepada yang di bawahnya sehinggalah sampai kepada lidah tukang sihir atau bomoh. Ada di antara mereka yang dipanah tahi bintang sebelum sempat menyampaikannya. Ada di antara mereka yang menyampaikannya sebelum sempat memahaminya lalu ditambah kepadanya 100 pembohongan.***[192]

Termasuk di dalam perkara ini juga amalan menggaris bumi, menggunakan batu dan lain-lain.

181- Apakah hukum orang yang mempercayai bomoh?

Firman Allah Ta'ala (al-Naml 27:65):

﴿ قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Tidak ada seorangpun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib kecuali Allah."***

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:59):

﴿ وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ﴾

Maksudnya: ***Dan pada sisi Allahlah kunci-kunci semua yang ghaib; tak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri.***

Firman Allah Ta'ala (al-Qalam 68:47):

﴿ أَمْ عِندَهُمُ ٱلْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ﴾

Maksudnya: ***Atau adakah pada mereka ilmu tentang yang ghaib lalu mereka menulis (padanya apa yang mereka tetapkan)?***

Firman Allah Ta'ala (al-Najm 53:35):

﴿ أَعِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْغَيْبِ فَهُوَ يَرَىٰٓ ﴾

Maksudnya: ***Apakah dia mempunyai pengetahuan tentang yang ghaib sehinggga dia mengetahui (apa yang dikatakan)?***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:216):

﴿ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.***

192 البخاري ك التفسير ب تفسير سورة الحجر رقم ().

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang datang kepada tukang tilik atau bomoh lalu mempercayai apa yang disebutnya, maka dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang datang kepada tukang tilik lalu bertanya sesuatu kepadanya lalu mempercayai apa yang disebutnya, maka tidak akan diterima solatnya selama 40 hari.***

182- Apakah hukum ilmu nujum (bintang)?

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:97):

﴿ وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلنُّجُومَ لِتَهۡتَدُواْ بِهَا فِى ظُلُمَٰتِ ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِ ﴾

Maksudnya: ***Dan Dialah yang menjadikan bintang-bintang bagimu agar kamu menjadikannya petunjuk dalam kegelapan di darat dan di laut.***

Firman Allah Ta'ala (al-Mulk 67:5):

﴿ وَلَقَدۡ زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِمَصَٰبِيحَ وَجَعَلۡنَٰهَا رُجُومًا لِّلشَّيَٰطِينِ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang dekat dengan bintang-bintang dan Kami jadikan bintang-bintang itu alat-alat pelempar syaitan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:12):

﴿ وَٱلنُّجُومُ مُسَخَّرَٰتُۢ بِأَمۡرِهِۦٓ ﴾

Maksudnya: ***Dan bintang-bintang itu ditundukkan (untukmu) dengan perintahNya.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang mengambil secebis daripada ilmu bintang-bintang maka sesungguhnya dia telah mengambil secebis daripada sihir. Ianya bertambah mengikut apa yang dia tambah.***[193]

Ibnu Abbas berkata: Aku dapati mereka yang melakukan perkara ini (menulis Aba Jad)[194] tidak mempunyai kebaikan di sisi Allah.

Qatadah berkata: Allah mencipta bintang-bintang ini untuk 3 tujuan. Hiasan bago langit, rejaman bagi syaitan dan tanda untuk pengembara. Sesiapa yang menggunakannya untuk tujuan lain maka dia telah salah, mensia-siakan dan mengusahakan sesuatu yang dia tidak mempunyai ilmu tentangnya.

183- Apakah hukum meminta hujan dengan bintang-bintang?

---

[193] أبو داود ك الطب ب في النجوم رقم (). ابن ماجه ك الأداب ب تعلم النجوم رقم (). السلسلة الصحيحة رقم (793): إسناده جيد ورجاله كلهم ثقات.

[194] Aba Jad: Huruf-huruf yang ditulis dalam kotak-kotak sebagai tanda-tanda bagi nom-nombor tertentu yang mana dengannya dipercayai akan dapat diketahui sesetengah ketentuan (qadar) yang disembunyikan di falak-falak itu dan dipercayai juga bahawa falak-falak itu mempunyai kesan terhadap peristiwa di bumi. Begitu juga hukumnya dengan baca tapak tangan, baca cawan, garis bumi dan lain-lain.

Firman Allah Ta'ala (al-Waaqi'ah 56:82):

﴿ وَتَجۡعَلُونَ رِزۡقَكُمۡ أَنَّكُمۡ تُكَذِّبُونَ ﴾

Maksudnya: ***Kamu (mengganti) rezeki (yang Allah berikan) dengan mendustakan (Allah).***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***4 perkara dalam umatku yang terdiri dari urusan Jahiliyyah, tidak mereka tinggalkannya; bermegah-megah dengan keturunan, menuduh keturunan, meminta hujan dengan bintang-bintang dan meratap.***[195]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Telah berpagi-pagi dalam hamba-hambaKu orang yang beriman denganKu dan orang yang kafir. Adapun orang yang beriaman denganku, dia ialah orang yang mengatakan 'Kami dihujani dengan kelebihan Allah dan rahmatNya.' Inilah yang beriman denganKu dan kufur terhadap bintang-bintang. Adapun orang yang mengatakan 'Kami dihujani dengan bintang ini dan itu, dialah yang kufur terhadapKu dan beriman dengan bintang-bintang.'***[196]

184- Apakah hukum 'sial' dan apakah yang menghilangkannya?

Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:131):

﴿ أَلَآ إِنَّمَا طَـٰٓئِرُهُمۡ عِندَ ٱللَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Ketahuilah sesungguhnya kesialan mereka itu adalah ketetapan dari Allah.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Tiada jangkitan, sial, haammah dan safar.***[197]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sial adalah syirik, sial adalah syirik.***[198]

Ibnu Mas'ud berkata: Setiap daripada kita pasti akan merasainya, akan tetapi Allah akan menghilangkannya dengan bertawakkal.[199]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang dihalang daripada melakukan urusannya oleh rasa sial, dia telah syirik.*** **Mereka berkata: Apakah penghapusnya? Jawab Baginda Dengan berkata:** ***Ya Allah tiada kebaikan kecuali kebaikanMu, tiada sial kecuali sialMu dan tiada tuhan berhak disembah selainMu.***[200]

185- Apakah hukum 'Ain (pandangan/sampuk/tegur)?

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Ain itu benar.***[201]

---

[195] مسلم ك الجنائز ب التشديد في النياحة رقم ().

[196] البخاري ك الاستسقاء ب رقم (). مسلم كالإيمان ب بيان كفر من قال مطرنا بالنوء رقم ().

[197] البخاري ك الطب ب المجذوم رقم (). مسلم ك السلام ب لا عدوى ولا طيرة ولا هامة ولا صفر رقم ().

[198] الترمذي ك السير ب ما جاء في الطيرة رقم (). السلسلة الصحيحة رقم (426).

[199] الترمذي ك السير ب ما جاء في الطيرة رقم (). السلسلة الصحيحة رقم (426).

[200] أحمد رقم (). صححه أحمد شاكر والألباني : السلسلة الصحيحة رقم (1065).

[201] البخاري ك الطب ب العين حق رقم (). مسلم ك السلام ب الطب والمرض والرقى رقم ().

Rasulullah s.a.w. telah melihat seorang budak perempuan yang lebam mukanya lalu bersabda: ***Jampikan dia kerana dia telah 'dipandang'.***[202]

'Aisyah telah berkata: ***Nabi s.a.w. telah mengarahkan supaya dijampikan sakit kerana pandangan.***[203]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Tiada jampi kecuali kerana pandangan atau demam panas.***[204]

Tiada kesan bagi pandangan ini kecuali dengan izin Allah seperti dalam firman Allah Ta'ala (al-Qalam 68:51):

﴿ وَإِن يَكَادُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَيُزۡلِقُونَكَ بِأَبۡصَٰرِهِمۡ لَمَّا سَمِعُوا۟ ٱلذِّكۡرَ ﴾

Maksudnya: ***Dan sesungguhnya orang-orang kafir itu benar-benar hampir menggelincirkan kamu dengan pandangan mereka tatkala mereka mendengar al-Quran.***

186- Berapakah bahagian maksiat / dosa?

Maksiat / dosa terbahagi 2 iaitu kecil iaitu al-sayyiaat (yang buruk) dan besar iaitu al-muubiqaat (yang menghancurkan).

187- Apakah yang menghapuskan dosa kecil / sayyiaat?

Firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:31):

﴿ إِن تَجۡتَنِبُوا۟ كَبَآئِرَ مَا تُنۡهَوۡنَ عَنۡهُ نُكَفِّرۡ عَنكُمۡ سَيِّـَٔاتِكُمۡ وَنُدۡخِلۡكُم مُّدۡخَلࣰا كَرِيمࣰا ﴾

Maksudnya: ***Jika kamu menjauhi dosa-dosa besar di antara dosa-dosa yang dilarang kamu mengerjakannya, nescaya Kami hapuskan kesalaha-kesalahanmu (dosa kecil) dan Kami masukkan kamu ke tempat yang mulia.***

Firman Allah Ta'ala (Huud 11:114):

﴿ إِنَّ ٱلۡحَسَنَٰتِ يُذۡهِبۡنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan yang buruk.***

Allah Ta'ala telah menjelaskan bahawa al-sayyiaat dihapuskan dengan melakukan kebaikan dan menjauhkan diri dari dosa besar. Inilah juga yang

---

202 البخاري ك الطب ب رقية العين رقم (). مسلم ك السلام ب استحباب الرقية من العين والنحلة والحمى والنظرة رقم ().
203 البخاري ك الطب ب رقية العين رقم (). مسلم ك السلام ب استحباب القية من العين والنحلة والحمى والنظرة رقم ().
204 أبو داود ك الطب ب تعليق التمائم رقم (). الترمذي ك الطب ب ما جاء في الرخصة في ذلك رقم ().

terdapat dalam hadith: ***Dan susulkanlah keburukan itu dengan kebaikan, ia akan menghapuskannya.***[205]

Terdapat juga dalam hadith-hadith penjelasan tentang penghapus dosa kecil seperti: menyempurnakan wudhuk di waktu yang dibenci, berjalan ke masjid, solat 5 waktu, solat Jumaat, puasa Ramadhan, qiyam Ramadhan, qiyam lailah al-qadr, puasa 'Asyura' dan lain-lain. Kebanyakan hadith-hadith ini mengaitkannya dengan peninggalan dosa besar. Jadi wajarlah dikaitkan hadith-hadith lain dengan kaitan ini di mana peninggalan dosa besar menjadi syarat untuk dihapuskan dosa kecil dengan amalan-amalan baik.

188- Apakah itu dosa besar?

Terdapat beberapa pendapat dalam menghuraikannya, antaranya ialah:

1- Dosa yang ada hudud.
2- Dosa yang disusuli laknat, kemurkaan, neraka atau azab.
3- Dosa yang menunjukkan pembuatnya tidak menghormati agama, kurang takutnya kepada Allah.

Terdapat hadith-hadith sahih yang menjelaskan sejumlah dosa sebagai dosa besar dan ianya berbeza dari sudut peringkatnya seperti berikut:

1- Kufur besar seperti syirik dan sihir.
2- Dosa besar seperti membunuh, berpaling dalam peperangan, makan riba, makan harta anak yatim, menipu, menuduh zina, minum arak, derhaka kepada ibu bapa dan lain-lain.

Ibnu Abbas berkata: Jumlah 70 lebih tepat daripada 7.

Selepas kajian kita akan dapati dosa besar itu lebih daripada 70. Sekiranya dihitung juga dosa yang disusuli laknat, kemurkaan, azab dan peperangan atau lafaz-lafaz ancaman ianya banyak sekali.

189- Apakah perkara yang menghapuskan semua dosa kecil dan besar?

Semua dosa ini dihapuskan oleh taubat yang suci. Firman Allah Ta'ala (al-Tahriim 66:8):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ تُوبُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ تَوۡبَةٗ نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمۡ أَن يُكَفِّرَ عَنكُمۡ سَيِّـَٔاتِكُمۡ وَيُدۡخِلَكُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ ﴾

Maksudnya: ***Hai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubat yang semurni-murninya, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapus kesalahan-kesalahanmu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai.***

Firman Allah Ta'ala (al-Furqaan 25:70):

﴿ إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلٗا صَٰلِحٗا فَأُوْلَٰٓئِكَ يُبَدِّلُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِهِمۡ حَسَنَٰتٖ ﴾

[205] الترمذي ك البر ب ما جاء في معاشرة الناس رقم ().

Maksudnya: ***Kecuali orang-orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal salih, maka kejahatan mereka diganti Allah dengan kebajikan.***

Firman Allah Ta'ala (Aali Imraan 3:135-136):

﴿ وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا۟ فَـٰحِشَةً أَوْ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا۟ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾ أُو۟لَـٰٓئِكَ جَزَآؤُهُم مَّغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّـٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ خَـٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَنِعْمَ أَجْرُ ٱلْعَـٰمِلِينَ ﴾

Maksudnya: ***Dan orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri mereka ingai akan Allah lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa selain daripada Allah? Dan mereka tidak meneruskan perbuatan kejinya itu, sedang mereka mengetahui. Mereka itu balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan syurga yang di dalamnya mengalir sungai-sungai sedang mereka kekal di dalamnya. Itulah sebaik-baik pahala orang-orang yang beramal.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Taubat itu menghapuskan dosa sebelumnya.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Allah amat gembira terhadap taubat hambaNya melebihi kegembiraan seorang lelaki yang singgah di tempat yang bahaya bersama untanya yang mengandungi makanan dan minumannya lalu dia tidur sejenak. Apabila dia bangun, untanya telah hilang dan dia ditimpa kepanasan dan dahaga. Selepas mencari, dia berkata 'Baik aku pulang ke tempat itu.' Diapun pulang dan tidur. Apabila dia bangun dia dapati untanya ada di sisinya.***

190- Apakah itu taubat yang suci?

Taubat yang suci ialah taubat yang benar yang merangkumi 3 ciri-ciri ini:
1- Meninggalkan dosa.
2- Menyesal terhadap dosa itu.
3- Berazam agar tidak kembali melakukan dosa itu.

Sekiranya dosa itu mengandungi kezaliman terhadap muslim, hendaklah dia minta maaf setakat kemampuannya. Ini kerana orang yang dizalimi itu akan menuntut pembalasannya pada hari kiamat kelak jika dia tidak meminta maaf darinya. Ini merupakan kezaliman yang tidak akan dibiarkan oleh Allah Ta'ala.

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang mempunyai kezaliman terhadap saudaranya, hendaklah dia meminta maaf darinya hari ini sebelum datangnya hari yang tiada dinar mahupun dirham. Sekiranya dia mempunyai kebaikan, akan diambil dari kebaikannya. Sekiranya tidak, akan diambil keburukan saudaranya dan dilemparkan kepadanya.***

191- Bilakah taubat berakhir pada hak setiap manusia?

Firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:17):

﴿ إِنَّمَا ٱلتَّوۡبَةُ عَلَى ٱللَّهِ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسُّوٓءَ بِجَهَٰلَةٖ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِن قَرِيبٖ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَتُوبُ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya taubat di sisi Allah hanyalah taubat bagi orang-orang yang mengerjakan kejahatan lantaran kejahilan (tidak tahu, sengaja atau tidak sengaja, marah atau ikut hawa nafsu) yang kemudian mereka bertaubat dengan segera. Maka mereka itulah yang diterima Allah taubatnya; dan Allah Maha mengetahui lagi Maha bijaksana.***

Para sahabat telah bersepakat bahawa semua maksiat terhadap Allah adalah merupakan kejahilan sama ada sengaja atau tidak sengaja. Dan semua perkara sebelum maut adalah dekat.

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya Allah menerima taubat hamba selagi mana tidak nazak.***

Adapun apabila dia telah melihat malaikat maut dan jiwanya telah sampai ke halkumnya serta sampai keadaan nazak, maka di waktu itu tiada taubat yang diterima. Firman Allah Ta'ala (Saad 38:3):

﴿ وَّلَاتَ حِينَ مَنَاصٖ ٣ ﴾

Maksudnya: ***Padahal waktu itu bukanlah saat untuk lari melepaskan diri.***

Perkara ini terdapat dalam firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:18):

﴿ وَلَيۡسَتِ ٱلتَّوۡبَةُ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ حَتَّىٰٓ إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ ٱلۡمَوۡتُ قَالَ إِنِّي تُبۡتُ ٱلۡـَٰٔنَ وَلَا ٱلَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمۡ كُفَّارٌۚ أُوْلَٰٓئِكَ أَعۡتَدۡنَا لَهُمۡ عَذَابًا أَلِيمٗا ﴾

Maksudnya: ***Dan tidaklah taubat itu diterima Allah dari orang-orang yang mengerjakan kejahatan hingga apabila datang ajal kepada salah seorang dari mereka, barulah ia mengatakan "Sesungguhnya saya bertaubat sekarang." Dan tidak pula mereka yang mati sedang mereka di dalam kekafiran. Bagi orang-orang itu telah Kami sediakan seksa yang pedih.***

192- Bilakah taubat berakhir mengikut umur dunia ini?

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:158):

﴿ يَوۡمَ يَأۡتِي بَعۡضُ ءَايَٰتِ رَبِّكَ لَا يَنفَعُ نَفۡسًا إِيمَٰنُهَا لَمۡ تَكُنۡ ءَامَنَتۡ مِن قَبۡلُ أَوۡ كَسَبَتۡ فِيٓ إِيمَٰنِهَا خَيۡرٗا ﴾

Maksudnya: ***Pada hari datangnya sebahagian tanda-tanda Tuhanmu tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang bagi dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu atau dia belum mengusahakan kebaikan dalam masa imannya.***

Sabda Rasulullah s.a.w. : ***Qiamat tidak akan bangkit kecuali sekiranya matahati terbit dari arah barat. Apabila ia terbit dari arah barat dan diperhatikan oleh orang ramai mereka semua akan beriman. Akan tetapi di waktu itu iman tidak memberi manfaat kepada sesiapapun.*** **Kemudian Baginda membaca ayat tadi.**

Terdapat banyak riwayat yang menjelaskan perkara ini.

Safwan bin ‘Assal berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: ***Sesungguhnya Allah membuka pintu taubat dari arah barat luasnya sebanyak 70 tahun yang tidak akan ditutup sehinggalah terbitnya matahati dari arah itu.***

193- Apakah hukum orang yang mati dari kalangan ahli tauhid dalam keadaan terus-menerus melakukan dosa besar?

Firman Allah Ta'ala (al-Anbiyaa' 21:47):

﴿ وَنَضَعُ ٱلْمَوَٰزِينَ ٱلْقِسْطَ لِيَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْـًٔا ۖ وَإِن كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا ۗ وَكَفَىٰ بِنَا حَـٰسِبِينَ ﴾

Maksudnya: ***Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikitpun. Dan jika amalan itu hanya seberat biji sawipun pasti Kami mendatangkan pahalanya. Dan cukuplah Kami sebagai Pembuat perhitungan.***

Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:8-9):

﴿ وَٱلْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ ٱلْحَقُّ ۚ فَمَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٨﴾ وَمَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُم بِمَا كَانُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا يَظْلِمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Timbangan pada hari itu ialah kebenaran (keadilan), maka barangsiapa berat timbangan kebaikannya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung. Dan siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri, disebabkan mereka selalu mengingkari ayat-ayat Kami.***

Firman Allah Ta'ala (Aali Imran 3:30):

﴿ يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحْضَرًا وَمَا عَمِلَتْ مِن سُوٓءٍ ﴾

Maksudnya: ***Pada hari ketika tiap-tiap diri mendapati segala kebajikan dihadapkan di mukanya begitu juga kejahatan yang telah dikerjakannya.***

Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:111):

﴿ يَوْمَ تَأْتِي كُلُّ نَفْسٍ تُجَادِلُ عَن نَّفْسِهَا وَتُوَفَّىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***(Ingatlah) suatu hari (ketika) tiap-tiap diri datang untuk membela dirinya sendiri dan bagi tiap-tiap diri disempurnakan (balasan) apa yang telah dikerjakannya sedang mereka tidak dianiaya (dirugikan).***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:281):

﴿ وَٱتَّقُواْ يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى ٱللَّهِ ۖ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan peliharalah dirimu dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah. Kemudian setiap jiwa diberi balasan yang sempurna terhadap apa yang telah dikerjakannya sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan).***

Firman Allah Ta'ala (al-Zalzalah 99:6-8):

﴿ يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ ٱلنَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْاْ أَعْمَٰلَهُمْ ﴿٦﴾ فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ ﴿٧﴾ وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُۥ ﴾

Maksudnya: ***Pada hari itu manusia keluar dari kuburnya dalam keadaan yang bermacam-macam, supaya diperlihatkan kepada mereka (balasan) pekerjaan mereka. Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat dzarrahpun nescaya dia akan melihatnya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan seberat dzarrahpun nescaya dia akan melihatnya.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang dibincangkan hisabnya akan diazab.*** **'Aisyah bertanya: Bukankah Allah telah berkata (al-Insyiqaaq 84:8):** ***Maka dia akan diperiksa dengan pemeriksaan yang mudah.*** **Jawab Baginda:** ***Ya, itu ialah pembentangan. Akan tetapi sesiapa yang dibincangkan hisabnya akan diazab.***

Kami telahpun jelaskan dahulu nas-nas tentang perhimpunan, keadaan-keadaan tempat berhenti, mizan, pembentangan lembaran amalan, hisab, sirat, syafaat dan lain-lain yang semuanya menunjukkan perbezaan martabat manusia dan perbezaan keadaan mereka pada hari akhirat berdasarkan perbezaan ketaatan dan maksiat mereka terhadap tuhan mereka di dunia, samada sabiq, muqtasid atau zalim.

Sekiranya anda telah mengetahui perkara ini, hendaklah diketahui juga bahawa perkara yang ditetapkan oleh ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi serta dipegangi oleh generasi terawal umat ini iaitu para sahabat dan pengikut-pengikut mereka yang terdiri daripada para pentafsir, ahli hadith dan sunnah bahawa pembuat dosa besar dari kalangan ahli tauhid terbahagi kepada 3 peringkat iaitu:

1- Kumpulan yang kebaikan mereka mengatasi keburukan mereka. Mereka masuk syurga tanpa dibakar oleh neraka.

2- Kumpulan yang kebaikan mereka dan keburukan mereka seimbang. Keburukan mereka tidak menghalang mereka dari masuk ke dalam syurga dan kebaikan mereka menghalang mereka daripada masuk ke dalam neraka. Mereka ialah ahli al-A’raf (tempat tinggi antara neraka dan syurga). Mereka akan berada di sana dalam tempoh yang Allah Ta’ala kehendaki, kemudian diizinkan untuk mereka masuk ke dalam syurga. Firman Allah Ta'ala (al-A'raaf 7:46,47-49):

﴿ وبينهما حجاب ۚ وعلى الأعراف رجال يعرفون كلا بسيماهم ۚ ونادوا أصحاب الجنة أن سلام عليكم ۚ لم يدخلوها وهم يطمعون ﴿٤٦﴾ ۞ وإذا صرفت أبصارهم تلقاء أصحاب النار قالوا ربنا لا تجعلنا مع القوم الظالمين ﴾ ﴿ ادخلوا الجنة لا خوف عليكم ولا أنتم تحزنون ﴾

Maksudnya: ***Dan di antara keduanya (penghuni syurga dan neraka) ada batas; dan di atas tempat tinggi di antara syurga dan neraka itu ada orang-orang yang mengenal masing-masing dari dua golongan itu dengan tanda-tanda mereka. Dan mereka menyeru penduduk syurga "Sejahtera ke atas kamu." Mereka belum lagi memasukinya sedang mereka ingin segera (memasukinya). Dan apabila pandangan mereka dialihkan kea rah penghuni neraka, mereka berkata "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau tempatkan kami bersama-sama orang-orang yang zalim itu." .. .. "Masuklah ke dalam syurga, tidak ada kekhuatiran terhadapmu dan tidak pula kamu bersedih hati."***

3- Kumpulan yang berjumpa dengan Allah dalam keadaan terus-menerus melakukan dosa-dosa besar dan mempunyai tauhid dan iman, dan keburukan mereka mengatasi kebaikan mereka. Mereka akan masuk ke dalam neraka berdasarkan dosa mereka. Ada yang di dalam neraka ke tahap buku lali, pertengahan betis, lutut dan ada yang Allah hanya haramkan neraka membakar angota-anggota sujudnya sahaja.
Kumpulan inilah yang dibenarkan Allah supaya diberi syafaat kepada mereka daripada Nabi s.a.w. dan orang lain dari kalangan nabi, wali malaikat dan lain-lain yang Allah berikan kehormatan ini kepada mereka. Mereka akan dikeluarkan sedikit demi sedikit sehinggalah akhir sekali akan dikeluarkan orang yang mempunyai seberat dinar kebaikan dalam hatinya, kemudian seberat setengah dinar kebaikan, kemudian seberat sebiji gandum, kemudian seberat atom dan kemudian lebih ringan dari itu. Sehinggalah pemberi syafaat mengatakan wahai Tuhan kami, kami tidak tinggalkan seorangpun yang mempunyai kebaikan di dalam neraka. Tidak akan kekal di dalam neraka ahli tauhid tidak kira apa pun jenis amalannya.

Akan tetapi orang yang imannya lebih dan dosanya kurang, azabnya lebih ringan dan tempoh tinggalnya dalam neraka lebih singkat dan dia

lebih cepat dikeluarkan darinya. Berbeza dengan orang yang imannya kurang dan dosanya lebih.

Perkara ini telah dijelaskan dalam pelbagai hadith, antaranya sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang menyebut 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah', ianya akan memberi manfaat kepadanya walaupun sebelum itu dia akan ditimpa pelbagai azab.***

Kenyataan ini adalah satu perkara yang tidak dapat difahami oleh kebanyakan manusia, menyebabkan ramai orang sesat dan berpecah-belah; (al-Baqarah 2:213):

﴿ فَهَدَى ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَا ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ مِنَ ٱلْحَقِّ بِإِذْنِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ يَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴾

Maksudnya: ***Maka Allah memberi petunjuk orang-orang yang beriman kepada kebenaran tentang hal yang mereka perselisihkan itu dengan kehendakNya. Dan Allah selalu memberi petunjuk orang yang dikehendakiNya kepada jalan yang lurus.***

194- Adakah hudud merupakan penghapus dosa bagi pembuat dosa?

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Berilah bai'ah kepadaku atas dasar kamu semua tidak menyengutukan Allah dengan sesuatupun, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak kamu, tidak membuat pembohongan yang kamu cipta dan tidak mengingkari dalam kebaikan. Sesiapa yang menyempurnakan bai'ah / perjanjian ini di antara kamu, ganjarannya di pada Allah. Sesiapa yang melakukan sebahagian darinya lalu dia diazab kerananya di dunia ini, azab itu merupakan penghapus dosanya. Sesiapa yang melakukan sebahagian darinya kemudian Allah menutup aibnya, urusannya terpulang kepada Allah; jika Dia ingin Dia maafkan dan jika Dia ingin Dia azab.***

195- Bagaimanakah caranya untuk mengumpulkan antara sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadith ini: ***urusannya terpulang kepada Allah; jika Dia ingin Dia maafkan dan jika Dia ingin Dia azab***, dengan kenyataan sebelum ini bahawa orang yang keburukannya mengatasi kebaikannya akan masuk neraka?

Tiada percanggahan di antara dua dalil ini. Orang yang Allah hendak ampunkannya, Dia akan menghitungnya dengan hisab yang mudah yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai pembentangan. Sifatnya seperti yang Baginda nyatakan : ***Seseorang dari kamu akan didekatkan kepada Tuhannya sehinggalah Dia meletakkan tepiNya / bayanganNya ke atasnya lalu Dia berkata "Kamu telah lakukan begini dan begini?" Jawabnya 'Ya.' Dia berkata lagi "Kamu telah lakukn begini dan begini?" Jawabnya 'Ya.' Allah menjadikannya menerima kemudian Dia berkata "Sesungguhnya aku telah sembunyikannya untukmu di dunia dan aku ampunkan untukmu hari ini."***

Adapun orang yang masuk neraka kerana dosa-dosa mereka, mereka adalah termasuk dalam golongan yang diperbincangkan hisab mereka, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang diperbincangkan hisabnya akan diazab.***

196- Apakah dia jalan yang lurus yang Allah perintahkan kita supaya mengikutinya dan melarang kita daripada mengikuti jalan yang lain?

Jalan yang lurus ialah agama Islam yang diutuskan oleh Allah kepada para rasulNya, diturunkan kitab-kitabnya, tidak akan diterima selain darinya dan tidak akan selamat orang yang mengikuti selainnya. Orang yang mengikuti jalan lain akan sesat dan terpesong.

Firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:153):

﴿ وَأَنَّ هَـٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُواْ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Dan ini adalah jalanku yang lurus, maka ikutilah ia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalanNya.***

Terdapat sebuah hadith: Nabi s.a.w. telah menggariskan satu garisan, kemudian bersabda: *Ini ialah jalan Allah yang lurus.* Kemudian Baginda menggariskan garis-garis di kanan dan kirinya lalu berkata: *Ini ialah jalan-jalan yang mana setiap jalan itu mempunyai syaitan yang memanggil orang kepadanya.* Kemudian Baginda s.a.w. membaca ayat ini (al-An'aam 6:153):

﴿ وَأَنَّ هَـٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُواْ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ﴾

Maksudnya: ***Dan ini adalah jalanku yang lurus, maka ikutilah ia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalanNya.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Allah telah membuat satu perumpamaan iaitu sebuah jalan yang lurus, di sebelah kanan dan kiri jalan itu terdapat pagar. Pada setiap pagar itu terdapat pintu-pintu yang terbuka. Pada setiap pintu itu terdapat langsir yang menutupnya. Di atas pintu jalan yang lurus itu ada seorang yang melaungkan "Wahai sekelian manusia, masuklah jalan yang lurus ini, kesemua kamu dan janganlah berpecah belah." Terdapat seorang lagi di atas jalan yang lurus ini. Apabila ada orang yang hendak membuka salah satu dari pintu-pintu itu, dia akan melaungkan "Tidak guna engkau, jangan buka pintu itu kerana kalau kamu buka kamu akan masuk." Jalan yang lurus itu ialah Islam, pagar itu ialah hudud (undang-undang) Allah, pintu-pintu yang terbuka itu ialah larangan-larangan Allah, orang yang melaungkan di pintu jalan itu ialah al-Quran dan orang yang melaungkan di atas jalan itu ialah pemberi peringatan dari Allah di dalam setiap jiwa orang yang beriman.***[206]

[206] أحمد رقم (). وقال الشيخ البنا في الفتح الرباني: سنده جيد.

197- Bagaimanakah caranya untuk berjalan di atas jalan ini dan untuk selamat daripada terpesong di atasnya?

Caranya ialah dengan berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah, berjalan berpandukan kedua-duanya dan berhenti pada had-hadnya. Dengan inilah dapat dihasilkan penyucian tauhid terhadap Allah dan penyucian ikutan terhadap Rasulullah s.a.w. Firman Allah Ta'ala (al-Nisaa' 4:69):

﴿ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَٱلصَّٰلِحِينَ ۚ وَحَسُنَ أُوْلَٰٓئِكَ رَفِيقًا ﴾

Maksudnya: ***Dan barangsiapa yang mentaati Allah dan RasulNya, mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, iaitu nabi-nabi, para shiddiq, para syahid dan para salih. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya.***

Orang-orang yang diberi nikmat ini secara terperincinya mereka ialah golongan yang Allah sandarkan jalan yang lurus itu kepada mereka dalam firmanNya (al-Faatihah 1:6-7):

﴿ ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ۝٦ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴾

Maksudnya: ***Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka, bukan jalan mereka yang dimurkai (Yahudi) dan bukan pula jalan mereka yang sesat (Nasrani).***

Tiada nikmat yang lebih besar terhadap seorang hamba daripada diberi hidayah memasuki jalan ini dan dipelihara daripada jalan-jalan yang sesat.

Rasulullah s.a.w. telah meninggalkan umatnya di atas jalan ini seperti mana sabdanya: ***Aku telah meninggalkan kamu di atas jalan yang putih, malamnya seperti siangnya, tiada yang keluar darinya kecuali akan binasa.***[207]

198- Apakah lawan kepada al-Sunnah?

Lawan kepada al-Sunnah ialah al-bid'ah (perkara baru) al-muhdathah (yang direka) iaitu syariat yang tidak diizinkan oleh Allah Ta'ala. Inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya: ***Sesiapa yang mereka di dalam urusan kami ini yang bukan daripadanya, maka ianya adalah tertolak.***[208]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Berpeganglah dengan sunnahku dan sunnah pemerintah yang memberi petunjuk dan mendapat hidayah selepasku.***

---

[207] أحمد رقم (). ابن ماجه المقدمة رقم (). السلسلة الصحيحة رقم (937).

[208] البخاري ك الصلح ب إذا اصطلحوا على صلح جور فالصلح مردود رقم (). مسلم ك الأقضية ب تقض الأحكام الباطلة ورد محدثات الأمور رقم ().

Berpeganglah dengannya dan gigitlah dengan gigi gerahammu. Jauhkanlah diri kamu dari rekaan dalam agama kerana setiap rekaan dalam agama itu adalah sesat.[209]

Rasulullah s.a.w. telah meramalkan akan berlakunya bid'ah seperti dalam sabdanya: ***Dan umatku akan berpecah kepada 73 kumpulan. Semuanya dalam neraka kecuali satu.***[210]

Baginda s.a.w. telah menjelaskan kumpulan ini dalam sabdanya: ***Mereka ialah orang yang berada di atas apa yang aku dan sahabatku berada di atasnya.***[211]

Allah Ta'ala telah menjauhkan rasulNya daripada golongan bid'ah dalam firmanNya (al-An'aam 6:159):

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ فَرَّقُواْ دِينَهُمۡ وَكَانُواْ شِيَعٗا لَّسۡتَ مِنۡهُمۡ فِي شَيۡءٍۚ إِنَّمَآ أَمۡرُهُمۡ إِلَى ٱللَّهِ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang yang memecah belahkan agamanya dan mereka terpecah menjadi beberapa golongan, tidak ada sedikitpun tanggungjawabmu terhadap mereka. Sesungguhnya urusan mereka hanyalah terserah kepada Allah.***

199- Berapakah bahagian bid'ah dari sudut kerosakannya terhadap agama?

Ianya terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bid'ah yang mengkafirkan dan bid'ah yang tidak mengkafirkan.

200- Apakah bid'ah yang tidak mengkafirkan?

Ianya banyak, akan tetapi garis panduannya ialah apabila seseorang itu mengingkari satu perkara yang disepakati (secara ijmak), yang sabit secara mutawatir, yang diketahui dalam agama secara dharurah (pasti). Perkara ini merupakan pembohongan terhadap al-Quran dan risalah yang Allah hantarkan para rasul membawanya.

Contohnya ialah bid'ah al-Jahmiyyah dalam mengingkari sifat-sifat Allah dan mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk atau mana-mana sifat Allah adalah makhluk, mengingkari kenyataan bahawa Allah telah mengambil Ibrahim sebagai kekasih dan Allah telah berkata-kata kepada Musa dan lain-lain.
Contoh lain ialah bid'ah al-Qadariyyah dalam mengingkari ilmu Allah, perbuatan-perbuatanNya, qada' dan qadarNya.
Contoh lain ialah bid'ah al-Mujassimah yang menyerupakan Allah dengan makhlukNya.

Akan tetapi, ada di antara mereka yang diketahui bahawa tujuan asalnya ialah menghancurkan binaan agama dan menimbulkan keraguan orang-

---

[209] أبو داود ك السنة ب في لزوم السنة رقم (). الترمذي ك العلم ب ما جاء في الأخذ بالسنة واجتناب البدع رقم ().
[210] الترمذي ك الإيمان ب ما جاء في افتراق هذه الأمة رقم ().
[211] الترمذي ك الإيمان ب ما جاء في افتراق هذه الأمة رقم ().

orang Islam. Mereka ini tidak disyaki lagi tentang kekufuran mereka, mereka asing daripada agama ini dan merupakan musuh ketat Islam. Ada pula di antara mereka yang terpedaya dan terpengaruh. Mereka ini hanya dihukum kafir selepas dijelaskan hujjah kepada mereka dan diarah supaya mereka menerimanya.

201- Apakah bid'ah yang tidak mengkafirkan?

Ianya ialah bid'ah yang tidak seperti bid'ah sebelum ini, iaitulah bid'ah yang tidak membawa erti pembohongan al-Quran dan risalah yang Allah hantarkan para rasulNya membawanya.

Contohnya ialah bid'ah al-Marwaniyyah yang disanggah dan tidak diterima oleh para sahabat. Akan tetapi para sahabat tidak mengkafirkan mereka dan tidak pula menarik ketaatan mereka daripada bai'ah terhadap mereka (al-Marwaniyyah). Di antara bid'ah-bid'ah al-Marwaniyyah ialah melewatkan seetengah solat sehingga ke akhir waktunya, mendahulukan khutbah sebelum soalt al-Eid (hari raya), duduk semasa menyampaikan khutbah al-Eid (hari raya), khutbah Jumaat dan lain-lain khutbah, mencaci sesetengah pembesar para sahabat di atas minbar dan macam-macam jenis bid'ah yang tida berunsur aqidah, akan tetapi disebabkan ta'wil (huraian tersendiri), hawa nafsu dan lain-lain tujuan keduniaan.

202- Berapakah bahagian bid'ah dari sudut tempatnya?

Dari sudut tempatnya, bid'ah terbahagi kepada 2 iaitu bid'ah dalam ibadah dan bid'ah dalam muamalat.

203- Berapakah bahagian bid'ah dalam ibadah?

Bid'ah dalam ibadah terbahagi 2 iaitu:

1- beribadat dengan perkara yang tidak diizinkan Allah seperti bid'ah golongan al-Mutasawwifah yang beribadat dengan alat-alat muzik, tarian, tepuk tangan, nyanyian dan pelbagai alat muzik yang mana dengan perbuatan ini mereka telah menyerupai perbuatan golongan yang Allah nyatakan sebagai (al-Anfaal 8:35):

﴿ وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمْ عِندَ ٱلْبَيْتِ إِلَّا مُكَآءً وَتَصْدِيَةً ﴾

Maksudnya: ***Sembahyang mereka di sekitar Baitullah itu tidak lain hanyalah siulan dan tepukan tangan.***

2- Beribadat dengan perbuatan yang asalnya adalah disyariatkan tetapi diletak pada tempat lain. Contohnya ialah tidak menutup kepala yang merupakan ibadat dalam ihram. Sekiranya orang yang tidak berihram melakukan perbuatan ini dalam solat atau lain-lain dengan niat beribadat, ianya menjadi bid'ah yang haram. Begiitu juga dengan semua iabadah yang disyariatkan apabila dilakukan bukan pada tempatnya. Contohnya seperti solat suant pada waktu larangan, puasa pada hari syak, puasa pada hari raya dan lain-lain.

204- Berapakah keadaan bid'ah dalam ibadah?

Ianya mempunyai 2 keadaan:

1- Bid'ah itu membatalkan keseluruhan ibadahitu. Contohnya orang yang menambah rakaat ketiga untuk Solat Fajr, rakaat keempat untuk Solat Maghrib, rakaat kelima untuk Solat Isyak secara segaja. Begitulah juga jika dia mengurangkannya
2- Bid'ah itu membatalkan dirinya sendiri sahaja tanpa membatalkan ibadat itu. Contohnya ialah orang yang membasuh lebih daripada 3 basuhan dalam wudhuk kerana Nabi tidak membatalkan wudhuk itu. Baginda s.a.w. hanya menyebut: ***Sesiapa yang menambah lebih daripada ini maka dia telah melakukan keburukan, melampau dan menzalimi.***[212]

205- Apakah itu bid'ah dalam muamalat?

Ianya ialah mensyaratkan perkara yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Contohnya ialah mensyaratkan al-wala' menjadi hak orang yang tidak memerdekakan hamba sepertimana dalam kisah Barirah di mana tuannya mensyaratkanal-qala' menjadi haknya lalu Baginda bangun, memuji Allah dan bersabda: ***Seterusnya, apakah halnya dengan lelaki-lelaki yang mensyaratkan syarat-syarat yang tiada dalam al-Quran. Mana-mana syarat yang tidak terdapat dalam al-Quran maka ianya adalah batil walaupun sebanyak 100 syarat. Hukum Allah adalah lebih berhak dan ayat Allah adalah lebih kuat. Pakah halnya dengan lelaki-lelaki di kalangan kamu, seorang berkata 'Bebaskanlah wahai fulan, akan tetapi al-wala' manjadi hak aku.' Sesungguhnya al-wala' itu ialah hak orang yang membebaskan hamba.***[213]

Begitu juga halnya dengan syarat yang menghalalkan perkara haram dan syarat yang mengharamkan perkara halal.

206- Apakah pegangan yang wajib terhadap sahabat-sahabat Rasulullah dan keluarga Baginda?

Pegangan yang wajib terhadap mereka ialah:

1- Kita mesti mempunyai hati dan lidah yang suci terhadap mereka, menyebarkan kelebihan mereka, menahan daripada membincangkan keburukan dan pertelagahan mereka, menjelaskan kehebatan mereka sebagaimana yang Allah jelaskan tentang mereka dalam al-Taurat dan al-Injil dan al-Quran, serta sebagaimana yang ditetapkan oaleh hadith-hadith yang sahih berkenaan kelebihan mereka di dalam kitab-kitab hadith.
Firman Allah Ta'ala (al-Fath 48:29):
﴿ مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ ۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ تَرَىٰهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا ۖ سِيمَاهُمْ فِى وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ ٱلسُّجُودِ ۚ

[212] أبو داود ك الطهارة رقم (). النسائي ك الطهارة ب الاعتداء في الوضوء رقم (). صحيح الجامع رقم (7892).
[213] البخاري ك العتق ب إثم من قذف مملوكه رقم (). مسلم ك العتق ب إنما الولاء لمن أعتق رقم ().

ذَٰلِكَ مَثَلُهُمۡ فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِۚ وَمَثَلُهُمۡ فِي ٱلۡإِنجِيلِ كَزَرۡعٍ أَخۡرَجَ شَطۡـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ فَٱسۡتَغۡلَظَ فَٱسۡتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ يُعۡجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلۡكُفَّارَۗ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنۡهُم مَّغۡفِرَةٗ وَأَجۡرًا عَظِيمَۢا ﴾

Maksudnya: ***Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir tetapi berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka ruku' dan sujud mencari kurniaan Allah dan keredhaanNya. Tanda-tanda mereka tampak pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil. Iaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya; tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menjengkelkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mukmin). Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang salih di antara mereka keampunan dan pahala yang besar.***

Firman Allah Ta'ala (al-Anfaal 8:74):

﴿ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَواْ وَّنَصَرُوٓاْ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ حَقّٗاۚ لَّهُم مَّغۡفِرَةٞ وَرِزۡقٞ كَرِيمٞ ﴾

Maksudnya: ***Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah, dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan memberi pertolongan (kepada orang-orang muhajirin), mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman. Mereka memperoleh keampunan dan rezeki yang mulia.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:100):

﴿ وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلۡأَوَّلُونَ مِنَ ٱلۡمُهَٰجِرِينَ وَٱلۡأَنصَارِ وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحۡسَٰنٖ رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُ وَأَعَدَّ لَهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي تَحۡتَهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدٗاۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴾

Maksudnya: ***Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) di antara orang-orang Muhajirin dan Anshar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha kepada Allah dan Allah menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar.***

Firman Allah Ta'ala (al-Taubah 9:117):

﴿ لَّقَد تَّابَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلنَّبِيِّ وَٱلۡمُهَٰجِرِينَ وَٱلۡأَنصَارِ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ ٱلۡعُسۡرَةِ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah telah menerima taubat Nabi, orang-orang Muhajirin dan orang-orang Anshar yang mengikuti Nabi dalam masa kesulitan.***

Firman Allah Ta'ala (al-Hasyr 59:8-9):

﴿ لِلۡفُقَرَآءِ ٱلۡمُهَٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخۡرِجُواْ مِن دِيَٰرِهِمۡ وَأَمۡوَٰلِهِمۡ يَبۡتَغُونَ فَضۡلٗا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضۡوَٰنٗا وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ۝٨ وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلۡإِيمَٰنَ مِن قَبۡلِهِمۡ يُحِبُّونَ مَنۡ هَاجَرَ إِلَيۡهِمۡ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمۡ حَاجَةٗ مِّمَّآ أُوتُواْ وَيُؤۡثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ وَلَوۡ كَانَ بِهِمۡ خَصَاصَةٞ ﴾

Maksudnya: ***Bagi para fakir yang berhijrah yang diusir dari kampong halaman dan dari harta benda mereka kerana mencari kurniaan Allah dan keredhaanNya dan mereka menolong Allah dan RasulNya. Mereka itulah orang-orang yang benar. Dan orang-orang yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman (Ansar) sebelum kedatangan mereka (Muhajirin), mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (Muhajirin), dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin) atas diri mereka sendiri. Sekalipun mereka memerlukan (apa yang mereka berikan itu).***

2- Kita juga mengetahui dan berkepercayaan bahawa Allah telah melihat ahli peperangan Badr seraya berkata: ***Buatlah apa sahaja yang kamu kehendaki kerana sesungguhnya Aku telah mengampunkan kamu.*** Jumlah ahli peperangan Badr ialah tiga ratus beberapa belas orang. Firman Allah Ta'ala (al-Fath 48:18):

﴿ لَّقَدۡ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ إِذۡ يُبَايِعُونَكَ تَحۡتَ ٱلشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمۡ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orag mukmin ketika mereka berjanji setia kepadamu di bawah pohon, maka Allah mengetahui apa yang ada dalam hati mereka.***

3- Kita juga mengetahui dan berkepercayaan bahawa tiada seorangpun yang memberi bai'ah di bawah pokok, akan masuk neraka kerana Allah meredhai mereka dan mereka meredhai Allah. Jumlah mereka ialah 1400 atau 1500.

4- Kita juga menjadi saksi bahawa mereka adalah sebaik-baik manusia dalam umat ini yang merupakan sebaik-baik umat.

5- Kita juga mengetahui dan berkepercayaan bahawa orang selepas mereka yang berinfaq emas sebesar Uhud tidak sama dengan infaq satu atau setengah tapak tangan mereka.

6- Kita juga berkepercayaan bahawa mereka tidak terpelihara daripada kesalahan. Akan tetapi mereka berijtihad di mana orang yang menepati kebenaran akan mendapat 2 pahala dan orang yang salah akan mendapat 1 pahal kerana berijtihad dan kesalahannya diampunkan. Mereka mempunyai pelbagai kelebihan, amalan salih dan merupakan pendahulu dalam kebaikan yang mana semua ini menghapuskan keburukan yang berlaku daripada mereka, ibarat sedikit najis yang tidak akan mengubah kesucian air laut. Mereka meredhai Allah dan Allah meredhai mereka.

7- Begitu juga pegangan kita terhadap isteri-isteri Nabi s.a.w. yang merupakan ahli keluarganya yang mana Allah telah menjauhkan kekejian daripada mereka dan telah menyucikan mereka sebenar-benarnya.

8- Kita juga menjauhkan diri daripada setiap orang yang hatinya atau lidahnya memperkatakan sesuatu yang buruk terhadap sahabat Rasulullah s.a.w., ahli keluarganya atau salah satu daripada mereka.

9- Kita mempersaksikan Allah ke atas cinta kita terhadap para sahabat, bantuan kita terhadap mereka dan pembelaan kita terhadap mereka setinggi mana yang kita mampu. Ini semua demi menjaga wasiat Rasulullah s.a.w. : ***Jangan kamu cela sahabat-sahabatku, takutlah Allah, takutlah Allah berkenaan sahabat-sahabatku.*** [214]

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi: ***Aku akan tinggalkan kepada kamu 2 perkara penting, pertama ialah kitab Allah, ambillah kitab Allah dan berpegang teguhlah dengannya.*** **Kemudian baginda bersabda:** ***Dan ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu berkenaan ahli keluargaku.*** [215]

207- Secara umum, siapakah yang utama di kalangan para sahabat?

Secara umum, sahabat yang utama ialah orang yang terdahulu dan terawal dari kalangan Muhajirin, kemudian dari kalangan al-Ansar, kemudian Ahli Badr, kemudian Ahli Uhud, kemudian Ahli bai'ah al-Ridwan dan seterusnya, kemudian (al-Hadiid 57:10):

﴿ مَّنْ أَنفَقَ مِن قَبْلِ ٱلْفَتْحِ وَقَٰتَلَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ أَعْظَمُ دَرَجَةً مِّنَ ٱلَّذِينَ أَنفَقُوا۟ مِنۢ بَعْدُ وَقَٰتَلُوا۟ ۚ وَكُلًّا وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْحُسْنَىٰ ﴾

---

214 البخاري ك فضائل أصحاب النبي ب قول النبي لو كنت متخذا خليلا ... رقم (). مسلم ك فضائل الصحابة ب تحريم سب الصحابة رقم ().

215 مسلم ك فضائل الصحابة ب فضائل علي بن أبي طالب رقم ().

Maksudnya: ***Orang yang menafkahkan hartanya dan berperang sebelum pembukaan Mekah. Mereka lebih tinggi derajatnya daripada orang-orang yang menfkahkan hartanya dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka balasan yang lebih baik.***

208- Secara teliti, siapakah yang utama di kalangan para sahabat?

Abdullah bin Umar telah berkata: Dahulu semasa di zaman Nabi, kami tidak menyamakan sesiapapun dengan Abu Bakr, kemudian Umar, kemudian Uthman. Kemudian kami membiarkan para sahabat yang lain tanpa mengutamakan satu ke atas yang lain.

Berkenaan Abu Bakr, Nabi bersabda kepada Abu Bakr semasa di dalam gua: ***Apakah sangkaan kamu terhadap dua orang yang mana Allah adalah yang ketiga bersama mereka.***[216]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sekiranya aku mengambil khalil (kekasih) pasti aku akan mengambil Abu Bakr sebagai kahlil (kekasih). Akan tetapi beliau adalah saudaraku dan sahabatku.***[217]

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya Allah telah mengutusku kepada kamu lalu kamu berkata 'Engkau menipu,' dan Abu Bakr berkata 'Engkau benar.' Beliau telah menyokongku dengan jiwanya dan hartanya. Jangan ganggu sahabatku ini.***

Sabda Rasulullah s.a.w. berkenaan Umar: ***Begitulah wahai anak al-Khattab, demi Tuhan yang jiwaku berada dalam tanganNya, syaitan tidak nampak engkau melalui satu lorong kecuali dia akan melalui lorong yang lain.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya telah wujud muhaddathun (orang yang diberi ilham) dalam umat terdahulu. Sekiranya wujud orang bergitu dalam umatku maka dia adalah Umar.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya aku beriman dengan perkara ini (serigala dan lembu bercakap) dan Abu Bakr serta Umar.*** Sedang mereka berdua tiada di situ.

Berkenaan Uthman, dalam peristiwa Bai'ah al-Ridwan Rasulullah s.a.w. mengangkat tangan kanannya lalu berkata: ***Ini tangan Uthman.*** Lalu Baginda meletakkan tangan kanannya itu dalam tangan kirinya lalu berkata ***Ini bagi pihak Uthman***.

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Siapa yang menggali perigi al-Ruumah, dia akan masuk syurga.*** Lalu Uthman menggalinya.

---

[216] البخاري ك الفضائل ب مناقب المهاجرين وفضلهم رقم (). مسلم ك الفضائل ب من فضائل أبي بكر رقم ().

[217] البخاري ك فضائل أصحاب النبي ب قول النبي لو كنت متخذا خليلا رقم (191). مسلم ك الفضائل ب من فضائل أبي بكر رقم ().

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Siapa yang menyediakan askar al-'Usrah dia akan masuk syurga.*** Lalu Uthman menyediakannya.

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Bukankah wajar aku berasa malu dengan orang yang para malaikat berasa malu dengannya.***

Sabda Rasulullah s.a.w. tentang Ali: ***Engkau daripadaku dan Aku daripadamu.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Aku akan berikan bendera ini kepada seorang lelaki yang Allah akan memberi kemenangan dengan kepimpinannya. Beliau cinta Allah dan rasulNya.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang aku adalah maulanya (pembantunya) maka Ali juga adalah maulanya (pembantunya).***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Tidakkah engkau redha mempunyai talian denganku seperti Harun dengan Musa, cuma tiada Nabi selepasku.***

Berkenaan 10 lelaki di dalam syurga, sabda Rasulullah s.a.w.: ***10 orang di dalam syurga; Nabi di dalam syurga, Abu Bakr di dalam syurga, Umar di dalam syurga, Uthman di dalam syurga, Ali di dalam syurga, Talhah di dalam syurga, al-Zubair bin al-'Awwam di dalam syurga, Sa'd bin Malik di dalam syurga, 'Abdul Rahman bin 'Auf di dalam syurga.*** **Sa'id bin Zaid berkata 'Kalau aku ingin pasti aku akan sebutkan yang ke 10.'** Iaitu dirinya sendiri.

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Orang yang paling merahmati umatku dari kalangan umatku ialah Abu Bakr, orang yang paling tegas dalam agama Allah ialah Umar, orang yang paling pemalu dalam erti kata sebenarnya ialah Uthman, orang yang paling mengetahui tentang halal dan haram ialah Muaz bin Jabal, orang yang paling pandai membaca al-Quran ialah Ubai, orang yang paling mengetahui tentang faraidh ialah Zaid bin Thabit, dan bagi setiap uamt itu seorang pemegang amanah. Pemegangn amanah umat ini ialah Abu Ubaidah bin al-Jarrah.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***al-Hasan dan al-Husain ialah dua penghulu pemuda ahli syurga.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya al-Hasan dan al-Husain ialah dua wangianku daripada dunia ini.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Ya Allah, aku menyayangi mereka berdua, maka sayanglah mereka berdua.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya anakku ini (Hasan) adalah pemimpin. Allah akan mendamaikan dengannya dua kumpulan besar daripada orang-orang Islam.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya beliau (Fatimah adalah penghulu wanita ahli syurga.***

Terdapat begitu banyak kelebihan-kelebihan kebanyakan para sahabat baik secara umum atau khusus. Tidaklah bermakna salah seorang daripada mereka itu lebih utama daripada yang lain dalam semua aspek kecuali Abu Bakr, Umar dan Uthman seperti yang telah dijelaskan terdahulu. Berkenaan Ali, Ahli al-sunnah telah berijmak bahawa beliaulah yang utama selepas mereka bertiga di atas muka bumi ini.

209- Berapakah tempoh khilafah selepas Rasulullah s.a.w.?

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Pemerintahan berkhalifah yang menyusuli kenabian ialah selama 30 tahun. Kemudian Allah beriakan kerajaan beraja kepada sesiapa yang Dia kehendaki.***

30 tahun ini merangkumi tempoh pemerintahan Abu Bakr (2 tahun 3 bulan), Umar (10 tahun 6 bulan), Uthman (12 tahun) dan Ali (4 tahun 9 bulan) dan dismpurnakan (6 bulan) oleh al-Hasan bin Ali.

Raja pertama dalam Islam ialah Mu'awiyah yang merupakan sebaik-baik raja Islam. Kemudian datang selepasnya raja-raja yang keras sehinggalah datangnya Umar bin Abdul Aziz yang dianggap oleh Ahli al-sunnah sebagai khalifah kelima kerana beliau mengikut jejak langkah 4 para khulafa' yang diberi petunjuk.

210- Apakah dalil tentang khilafah mereka berempat?

Dalilnya amat banyak, di antaranya ialah:

a. Had tempoh khilafah kepada 30 tahun yang merupakan tempoh pemerintahan mereka.
b. Kelebihan mereka dan keutamaan mereka terhadap para sahaabt yang lain bersesuaian dengan susunan pemerintahan mereka.
c. Dalil yang uat sekali ialah Ijmak ulamak yang muktabar perihal khilafah mereka berempat dan perihal tidak memperlekehkan mereka kecuali orang yang sesat lagi mubtadi' (ahli bid'ah).

211- Apakah dalil tentang khilafah mereka bertiga?

Dalilnya amat banyak. Ada di antaranya yang telah dijelakan terdahulu. Di antaranya juga ialah: ***Bahawa Nabi bertanya pada suatu hari "Siapa di antara kemu yang telah bermimpi?" seorang lelaki menjawab 'Saya telahbermimpi melihat seakan-akan dacing turun dari langit lalu tuan dan Abu Bakr ditimbang di mana tuan lebih berat berbanding Abu Bakr. Kemudian Abu Bakr dan Umar ditimbang di mana Abu Bakr lebih berat. Kemudian Umar dan Uthman ditimbang di mana Umar lebih berat. Kemudian dacing itu diangkat.'***

212- Apakah dalil tentang khilafah Abu Bakr dan Umar secara umum?

Dalilnya banyak, di antaranya ialah: ***Semasa aku tidur, aku bermimpi melihat diriku di sisi perigi yang mempunyai timba lalu aku menceduk telaga itu sebanyak yang Allah kehendaki. Kemudian Ibnu Abi Quhafah (Abu Bakr) mengambilnya lalu menceduk satu atau dua timba. Usahanya itu agak lemah, semoga Allah mengampun kelemahannya. Kemudian timba itu bertukar menjadi bekas air kulit yang besar lalu diambil oleh Ibnu al-Khattab (Umar) di mana aku tidak pernah melihat orang perkasa seperti Umar yang mencedok air telaga, sehinggalah semua orang kekenyangan.***

213- Apakah dalil tentang khilafah Abu Bakr dan keutamaannya dalam khilafah?

Dalilnya amat banyak, ada yang telah dinyatakan. Di antaranya juga ialah : Bahawa seorang wanita telah datang berjumpa Nabi lalu Baginda menyuruhnya datang semula. Beliau berkata: Apakah saranan tuan sekiranya saya datang dan tidak bertemu dengan tuan –seolah-olah beliau ertikan kewafatan Baginda-? Jawab Baginda: ***Sekiranya engkau tidak jumpa Aku, pergilah kepada Abu Bakr.***

Terdapat riwayat daripada 'Aisyah bahawa beliau berkata 'Rasulullah telah berkata kepadaku: ***Panggilkan bapamu dan saudaramu supaya Aku tuliskan satu kenyataan. Sesungguhnya aku takut nanti ada orang yang mengharap dan berkata 'Aku lebih utama' sedangkan Allah dan orang-orang beriman menolak kecuali Abu Bakr.***

Begitulah juga kata-kata Baginda semasa melantik Abu Bakr menjadi iman solat semasa Baginda sakit sebelum wafat.

Seluruh para sahabat baik Muhajirin mahupun Ansar dan lain-lain telah berijmak memberi bai'ah mereka kepada Abu Bakr.

214- Apakah dalil tentang keutamaan Umar sebagai khalifah selepas Abu Bakr?

Dalilnya banyak, ada yang telah dinyatakan terdahulu . Di antaranya juga ialah : ***Aku tidak tahu berapakah tempoh hidupku bersama kamu. Ikutilah dua lelaki ini selepasku. Lalu Baginda menunjuk kepada Abu Bakr dan Umar.***

Di dalam hadith fitnah yang bergolak ibarat ombak di lautan, Huzaifah berkata kepada Umar 'Di antara engkau dan fitnah-fitnah itu terdapat pintu yang tertutup.' Umar bertanya "Adakah pintu itu akan dibuka atau dipecah?" Huzaifah menjawab 'Bahkan dipecah.' Umar berkata 'Jika bergitu pasti ianya tidak dapat ditutup.' Pintu itu ialah Umar dan pintu dipecah ertinya Umar dibunuh. Maka selepasnya perang di kalangan umat ini tidak dapat dihentikan.

Umat Islam telah berijmak bahawa Umar adalah yang utama menjadi khalifah selepas Abu Bakr.

215- Apakah dalil tentang keutamaan Uthman sebagai khalifah selepas Abu Bakr dan Umar?

Dalilnya banyak, ada yang telah dijelaskan. Di antaranya juga ialah hadith Ka'b bin Ujrah katanya 'Rasulullah menceritakan tentang satu fitnah. Tatkala itu lalu seorang lelaki yang menundukkan kepalanya, Bagindapun bersabda: ***Dia ini berada di atas kebenaran pada hari itu.*** Akupun meloncat dan memegang dua bahu Uthman dan aku berpaling kepada Rasulullah dan bertanya: Dia ini? Baginda menjawab: ***Dia ini.***

Terdapat riwayat daripada 'Aisyah katanya 'Rasulullah s.a.w. bersabda ***Wahai Uthman, jika Allah melantik kamu menerajui urusan ini satu hari nanti, lalu ada orang munafiq yang menyuruhmu menanggalakn bajumu yang dipakaikan oleh Allah, maka jangan engkau tanggalkan.*** 3 kali.

Ahli al-syura juga telah berijmak memberi bai'ah kepadanya diikuti sekelian para sahabat. Orang pertama berbai'ah kepadanya ialah Abdul Rahman bin Auf kemudian Ali kemudian orang ramai.

216- Apakah dalil tentang keutamaan Ali sebagai khalifah selepas mereka bertiga?

Dalilnya banyak, ada yang telah dijelaskan. Di antaranya juga ialah sabda Nabi: ***Kasihan Ammar, kumpulan pemberontak akan membunuhnya. Dia mengajak mereka kepada syurga dan mereka mengajaknya kepada neraka.***
Ammar bersama kumpulan Ali dan Ammar dibunuh oleh kumpulan al-Syam. Beliau mengajak mereka kepada al-Sunnah dan al-Jamaah (perpaduan) serta ketaatan kepada pemimpin yang sebenarnya iaitu Ali bi Abi Talib.

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Akan keluar satu kumpulan semasa perpecahan manusia kepada 2 kumpulan. Kumpulan yang keluar itu akan diperangi oleh satu kumpulan yang lebih menepati kebenaran dari kalangan dua kumpulan yang berpecah.***
Lalu al-Khawarij keluar dan mereka dibunuh oleh Ali dalam peperangan al-Nahrawan. Ali lebih menepati kebenaran menurut ijmak Ahli al-Sunnah.

217- Apakah kewajipan rakyat terhadap pemerintah?

Kewajipan mereka ialah memberi nasihat iaitu dalam bentuk membantu dan menyokong mereka di atas kebenaran, mentaati mereka dalam kebenaran, menyuruh mereka menepati kebenaran, memberi peringatan kepada mereka dengan lembut, bersolat di belakan mereka, berjihad bersama mereka, menunaikan zakat kepada mereka, bersabar ke atas kezaliman mereka, tidak memberontak terhadap mereka dengan senjata selagi mana mereka tidak melakukan secara terang satu kekufuran yang nyata, tidak menipu mereka dengan pujian yang tipu terhadap mereka dan mendoakan supaya mereka menjadi salih dan mendapat petunjuk.

218- Apakah dalil berkenaan perkara ini?

Dalilnya banyak, di antaranya ialah:
Firman Allah Ta'ala (al-Nisaa 4:59):

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡ ﴾

Maksudnya: ***hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan para pemimpin di antara kamu.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Dengarlah dan taatlah walaupun yang memerintah kamu ialah seorang hamba.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang melihat pada pemimpinnya sesuatu yang dibenci, hendaklah dia bersabar. Sesungguhnya sesiapa yang meninggalkan al-Jamaah sebanyak satu jengkal lalu mati, maka dia mati dalam keadaan Jahiliyyah.***

Ubaidah bin al-Samit telah berkata 'Nabi telah menyeru kami lalu kami berbai'ah kepadanya. Di antara perkara yang diambil janjinya daripada kami ialah kami berbai'ah kepadanya di atas dasar mendengar dan taat baik dalam keadaan segar mahupun benci. Juga agar kami tidak merebut pemerintahan daripada ahlinya ***kecuali jika kamu nampak kekufuran yang nyata yang mana kamu mempunyaii dalil nyata berkenaannya daripada Allah.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sekiranya dilantik ke atas kamu seorang hamba yang terpotong anggota badannya lagi hitam di mana dia memimpin kamu dengan al-Quran maka dengarlah dan taatlah kepadanya.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Orang muslim wajib dengar dan taat dalam perkara yang dia suka dan benci kecualilah jika dia diperintah melakukan maksiat. Sekiranya dia diperintah melakukan maksiat maka tiada dengar dan tiada taat.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Ketaatan itu hanyalah dalam perkara makruf.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Walupun dia memukul belakangmu dan mengambil hartamu, hendaklah kamu dengar dan taat.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang menarik tangannya daripada taat terhadap Allah, pada hari Qiamat tiada hujjah baginya. Dan sesiapa yang mati dan tiada di lehernya sebarang bai'ah, dia mati dalam keadaan jahiliyyah.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang ingin memecah belahkan urusan umat ini dalam keadaan urusan mereka bersatu, pukullah dia dengan pedang tidak kira siapa dia.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Akan wujud pemerintah-pemerintah yang kamu ketahui kebaikan mereka dan ingkari keburukan mereka. Sesiapa yang***

benci, dia telah menjauhkan diri (lepas tanggungjawab), sesiapa yang mengingkari dia telah selamat. Akan tetapi binasalah orang yang redha dan ikut.* Mereka berkata: Wajarkah kami memerangi mereka? Jawab Baginda: *Tidak selagi mereka solat.

219- Siapakah yang wajib memerintah kepada kebajikan dan melarang daripada keburukan dan apakah peringkat amalan ini?

Firman Allah Ta'ala (Aali Imran 3:104):

﴿ وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٌ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ﴾

Maksudnya: ***Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar. Merekalah orang-orang yang beruntung.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesiapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia ubah dengan tangannya, sekiranya tidak mampu maka dengan lidahnya, sekiranya tidak mampu maka dengan hatinya dan ini adalah selemah-lemah Iman.***

Terdapat begitu banyak ayat-ayat dan hadith-hadith yang menjelaskan kewajipan memerintah kepada kebajikan dan melarang daripada kemungkaran bagi orang yang melihatnya. Kewajipan ini mesti dilaksanakan berdasarkan kemampuan seseorang itu. Sekiranya ada orang lain yang telah melaksanakannya, barulah kewajipan itu selesai. Selagi mana seseorang itu lebih berkuasa dan lebih mengetahui selagi itulah ianya lebih wajib dan lebih pasti ke atasnya. Sekiranya turun azab ke atas orang yang melakukan maksiat, tidak akan selamat kecuali orang yang sering menegah daripada maksiat itu. Kami telahpun menjelaskan perkara ini sejelas-jelasnya dalam satu buku lain. Segala puji bagi Allah jua.

220- Apakah hukum keramat (kehormatan) para wali?

Keramat-keramat para wali adalah benar. Ianya ialah kemunculan sesuatu perkara yang luar biasa di atas tangan mereka yang bukan dari usaha mereka. Ianya juga bukanlah bertujuan mencabar, sebaliknya Allah yang melakukannya melalui mereka walaupun mereka tidak mengetahui. Contohnya ialah kisah Ashabul Kahf, Ashab al-Sakhrah dan Juraij al-Rahib. Kesemua keramat ini adalah rentetan mukjizat nabi-nabi mereka. Berdasarkan inilah kita dapati keramat umat ini lebih banyak dan lebih hebat kerana mukjizat Nabi Muhammad dan kehormatannya lebih banyak dan lebih hebat. Contohnya ialah peristiwa Abu Bakr dalam peperangan al-Riddah, laungan Umar di atas minbar Masjid Nabawi yang sampai kepada Sariah yang berada di al-Syam, tulisan Umar kepada Sungai Nil di Mesir lalu sungai itu mengalir, tentera berkuda al-'Ala bin al-Hadhrami yang menyeberangi lautan dalam peperangan dengan al-Rum, solat Abu Muslim al-Khaulani di dalam api yang dinyalakan oleh al-Aswad al-'Ansi dan lain-lain lagi yang berlau di zaman Nabi s.a.w. dan selepas Baginda s.a.w. di

zaman sahabat, tabi'in dan selepas mereka sehinggalah ke hari ini sehinggalah ke hari kiamat nanti. Sebenarnya, kesemua keramat ini adalah merupakan mukjizat Nabi kita s.a.w. kerana mereka mendapatnya dengan mengikut Baginda s.a.w.

Adapun jika ada perkara luar biasa yang berlaku pada orang yang tidak mengikuti Rasulullah s.a.w., semuanya itu ialah fitnah, sihir dan bukannya keramat (kehormatan). Kumpulan ini adalah wali-wali syaitan dan bukan wali-wali al-Rahman. Semoga Allah melindungi kita.

221- Siapakah wali-wali (pembantu) Allah?

Mereka ialah semua orang yang beriman dengan Allah dan bertaqwa kepadaNya dan mengikut RasulNya.
Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:62):

﴿ أَلَآ إِنَّ أَوۡلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ﴾

Maksudnya: ***Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati.***

Firman Allah Ta'ala (Yuunus 10:63):

﴿ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَكَانُواْ يَتَّقُونَ ﴾

Maksudnya: ***(Iaitu) orang-orang yang beriman dan mereka selalu bertakwa.***

Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah 2:257):

﴿ ٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ يُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَوۡلِيَآؤُهُمُ ٱلطَّٰغُوتُ يُخۡرِجُونَهُم مِّنَ ٱلنُّورِ إِلَى ٱلظُّلُمَٰتِ﴾

Maksudnya: ***Allah pelindung orang-orang yang beriman. Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kekafiran) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, pelindung-pelindung mereka ialah syaitan yang mengeluarkan mereka dari cahaya kepada kegelapan (kekafiran).***

Firman Allah Ta'ala (al-Maaidah 5:55-56):

﴿ إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمۡ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾ وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَإِنَّ حِزۡبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ﴾

Maksudnya: ***Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan shalat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk kepada Allah. Dan barangsiapa mengambil Allah, rasulNya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti menang.***

Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sesungguhnya keluarga Abu Fulan bukan merupakan wali-waliku. Wali-waliku ialah orang yang bertaqwa.***

Al-Hasan berkata: Satu kaum telah mendakwa bahawa mereka cinta Allah, lalu Allah menguji mereka dengan ayat ini (Aali Imraan 3:31):

﴿ قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴾

Maksudnya: ***Katakanlah "Jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutlah aku, nescaya Allah mengasihimu dan mengampuni dosa-dosamu. Allah Maha pengampun lagi Maha penyayang.***

Al-Syafi'i berkata: Sekiranya kamu lihat seorang lelaki berjalan atas air atau terbang atas langit, jangan percaya kepadanya dan jangan terpengaruh dengannya sehinggalah kamu pasti bahawa dia mengikut Rasul.

222- Siapakah golongan yang dimaksudkan oleh Nabi dalam sabdanya (maksudnya) ***"Akan berterusan wujud satu golongan daripada umatku yang jelas di atas kebenaran dan tidak terkesan dengan orang-orang yang menyalahi mereka sehinggalah datang perintah Allah."***?

Golongan ini ialah golongan yang berjaya daripada 73 golongan seperti yang telah dikecualikan oleh Nabi dalam sabdanya: ***Kesemuanya berada di dalam neraka kecuali satu iaitu al-Jamaah (satu kumpulan tertentu).***

Dalam riwayat lain: ***Mereka ialah orang yang menepati peganganku hari ini dan juga sahabatku.***

والحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات.